Bil. 77

Rabu
5 Disember 2007

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 18)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2008 (Halaman 18)
Jawatankuasa:-
Jadual:-
Maksud B.45 (Halaman 18)
Maksud B.46 (Halaman 77)
Maksud B.47 (Halaman 111)

USUL-USUL:
Usul Anggaran Pembangunan 2008 (Halaman 18)
Jawatankuasa:-
Maksud P.45 (Halaman 18)
Maksud P.46 (Halaman 77)
Maksud P.47 (Halaman 111)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 44)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2007

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI-MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) UMNO

19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S.,S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.

20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator

21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO

22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO

23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO

25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO

26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO

27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO

28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS

30. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA

31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) - UMNO

32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN

2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB

3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC

5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP

11. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA

12. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO

13. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA

14. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP

15. " Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

16. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

17. " Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

18. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA

19. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO

20. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

21. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC

22. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC

23. " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA

24. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

25. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

26. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA

27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO

34. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO

35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO

36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO

37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS

38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO

39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO

2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO

3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC

4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP

5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA

6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **Dato'** Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO

9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayaratnam - Senator

16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO

17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO

18. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO

19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS

2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO

3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS

4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO

5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS

6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO

7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO

8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO

9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB

10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) – UMNO

11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB

12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB

13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO

14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO

15. " Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO

16. " Datuk Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS

17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS

18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO

19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO

21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP

22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP

23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS

24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA

25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP

26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA

27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC

28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO

29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS

30. " Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB

32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) – UMNO

33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP

34. Yang Berhormat Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Dato' Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) – UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Dato Sri Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Dato' Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO

75. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
79. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) – PAS
80. " Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad (Jempol) - UMNO
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) – UMNO
84. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
85. " Dato' Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
86. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
87. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
88. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
89. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
90. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. " Dato' Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. " Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
106. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. " Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. " Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO

114. Yang Berhormat Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO

115. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP

116. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA

117. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP

118. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) – SUPP

119. " Yang Berhormat Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB

120. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO

121. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN

122. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO

123. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO

124. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB

125. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA

126. " Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO

127. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA

128. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA

129. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Muhd. Sujairi bin Abdullah

UNIT PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri
Nur Hidayah Janudin
Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 5 Disember 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak kementerian telah menyediakan kurikulum dan sukatan pelajaran baru berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang telah diumumkan baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan lagi sistem pendidikan negara, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengkaji, menyemak dan menilai sistem tersebut dari semasa ke semasa agar sistem pendidikan negara sesuai dengan keperluan dan perubahan yang berlaku di peringkat tempatan dan global. Selari dengan perubahan yang sedang berlaku, Kementerian Pelajaran juga memberi keutamaan kepada teras pendidikan dan komited untuk memastikan wujud keseimbangan pendidikan antara bandar dan luar bandar, memperkasakan sekolah kebangsaan, memartabatkan profesion keguruan serta memperkukuhkan kualiti kurikulum.

Bagi memperkukuhkan kualiti kurikulum ini Kementerian Pelajaran telah pun selesai menjalankan semakan kepada semua kurikulum sekolah rendah (KBSR) dan sekolah menengah (KBSM) mulai tahun 2002.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sejajar dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dari tahun 2006 hingga 2010, Kementerian Pelajaran akan memberi fokus untuk mewujudkan sistem pendidikan yang meliputi penyesuaian kurikulum dan sukatan pelajaran lebih bersifat holistik dan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan.

Sistem penilaian dan pentafsiran sedia ada wajar dinilai dan diteliti semula dengan mengkaji kesesuaian untuk:

(i) mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dan hanya menguji mata pelajaran tertentu di peringkat sekolah;

(ii) melihat semula sistem penggal dan menggantikannya dengan sistem semester;

(iii) mengubah cara kita menilai pencapaian anak-anak kita di dalam pembelajaran sesuai dengan perkembangan dan kehendak dunia dengan mengubah penekanan dalam peperiksaan awam daripada terlalu berasaskan kandungan (*content based*) dengan izin, kepada yang lebih berasaskan kemahiran (*skill based*) dengan izin, atau daripada yang bersifat ujian pencapaian (*achievement test*) kepada yang bersifat ujian kebolehan am (*general ability test*);

(iv) mencari kaedah pentafsiran yang mampu menggalakkan pembinaan karakter dalam mata pelajaran seperti pendidikan seni dan pendidikan jasmani; dan

(v) mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran misalnya dengan memperbanyakkan pendekatan pengurusan projek.

Kementerian Pelajaran akan melaksanakan reformasi sistem pendidikan tersebut dengan membuat dengan membuat penyesuaian mengikut keperluan masa kini dengan mengukuhkan penilaian berasaskan sekolah (*school based assessment*) yang mula dirintis di sekolah-sekolah terpilih mulai tahun 2008. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih. Jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi saya rasa sudah mencukupi. Memang saya tetap menyokong langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia terutama sekali menterinya yang bekerja keras untuk melihat serta memperkasa sekolah-sekolah kita.

Soalan saya ialah mengenai dengan kurikulum dan sukatan pelajaran. Saya lebih hendak melihat tumpuan kementerian ini, fokusnya, supaya pembelajaran dan pengajaran kita di sekolah tidak lagi dilihat sebagai seolah-olah memenjarakan pemikiran kita ataupun seseorang anak itu dilihat sebagai dipaksa ke sekolah. Kita harus melihat bahawa abad ini abad ke-21 supaya sekolah itu sebagai dengan izin, *playing field* di mana anak-anak itu merasa bebas untuk belajar dan menyesuaikan diri dengan keadaan sekolah.

Jadi, soalan saya ialah apakah sekarang ini langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkat serta memperbaharui kurikulum yang dipanggil institusi perguruan ataupun maktab-maktab perguruan tadi dari penyediaan guru-guru dan juga sukatan yang lebih sesuai dengan umur dan abad ke-21. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kami di Kementerian Pelajaran menganjurkan satu persidangan ataupun Seminar Kurikulum Kebangsaan yang akan bermula pada hari ini, 5 hingga 7 Disember yang bertujuan untuk menentukan hala tuju kurikulum kebangsaan. Tema persidangan kali ini adalah "Merintis Pembaharuan Kurikulum Kebangsaan Dalam Membangunkan Modal Insan". Ini adalah berkaitan terus dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa tempat sekolah itu mestilah satu tempat yang seronok, yang mengamalkan prinsip dengan izin, *learning is fun* supaya pelajar-pelajar kita suka untuk datang ke sekolah dan ingin belajar. Ke arah itu kami juga sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memartabatkan juga profesion keguruan dan ke arah ini juga maktab-maktab perguruan Kementerian Pelajaran telah di naik taraf menjadi institut pengajian guru.

Dengan naik taraf ini, kami di Kementerian Pelajaran berhasrat melahirkan guru-guru yang berkualiti sebab pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkualiti ataupun pendidikan pelajaran berkualiti bermula dengan guru-guru berkualiti. Jadi, Kementerian Pelajaran peka dengan hal-hal ini dan kami sentiasa akan menjalankan semakan dari semasa ke semasa supaya kurikulum kita adalah selaras dengan kehendak semasa, global dan juga tempatan. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seminggu yang lalu saya berbual-bual dengan seorang Naib Canselor Kanan di sebuah universiti mengenai soal para pelajar kita yang hari ini agak cetek ilmu jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar masa lalu dan jawapan yang diberikan ialah sistem hari ini, sistem semester. Sistem kita dahulu sistem penggal. Sistem penggal memberi ruang masa yang lama untuk seseorang itu mengkaji secara luas dan mendalam. Sistem semester hari ini dan kini hendak diperkenalkan pula ke sekolah-sekolah. Minta maaf. Amat malang sekali.

Di universiti pun sekarang ini pelajar kita menggunakan kaedah gunting dan tampal, *cut and paste* menjawab esei, soalan dan sebagainya yang dilihat kembali hendak memperkenalkan sistem semester ini kerana dua kali peperiksaan. Tadi hendak dikatakan tidak mahu *exam-oriented,* sekarang ini hendak ditambah lagi peperiksaan melalui sistem semester.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa lihat kembali kurikulum supaya kita tidak menjadikan pelajar-pelajar ini dipenjarakan mindanya, tetapi ruang untuk mengasah bakat, menajamkan minda dan fikiran. Buku Sejarah seperti yang dikatakan

oleh Profesor Emeritus Khoo Kay Kim memang benar. Itu merupakan buku yang *exam-oriented* juga. Bukannya memberi ilmu kepada para pelajar dan banyak fakta yang salah. Salah satunya, Tuan Yang di-Pertua, *Force 136*, wataniah itu katanya wujud di Pahang padahal di hulu Perak, Geriklah markas yang pertama yang melahirkan gerakan-gerakan di tempat yang lain. Fakta salah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Semester.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan di situ. Saya ambil maklum tentang pandangan Ahli Yang Berhormat tentang sistem semester dan juga sistem penggal. Ada dua *schools of thought*, dengan izin. Pada masa sekarang kita mengamalkan sistem penggal dan kementerian dapati bahawa sistem penggal ini kemungkinan pelajar-pelajar akan, dengan izin, *relax* sampai peperiksaan akhir tahun berbanding dengan sistem semester di mana mengikut kajian pelajar-pelajar, dengan izin, *are kept on the toes throughout the year*. Jadi ini adalah tertakluk kepada kajian-kajian dan kami dapati bahawa sistem semester ini akan menggalakkan pelajar-pelajar kita untuk sentiasa dengan pembelajaran di sekolah.

Dari segi penjara minda, memang ini adalah satu konsep yang sangat-sangat penting dan *philosophy* Kementerian Pelajaran adalah supaya pendidikan itu adalah untuk melahirkan pelajar. Bukan sahaja berilmu dan bersikap positif, berdaya fikir secara kreatif dan juga kritis dan ke arah ini, beberapa perubahan kurikulum telah pun dijalankan. Di antaranya kami telah memperkenalkan mata pelajaran-mata pelajaran vokasional di sekolah menengah akademik.

Untuk membolehkan mereka ini hidup dalam dunia global, kita telah memperkenalkan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan, juga program pendidikan kesihatan, reproduktif dan sosial dan juga program-program ICT dalam pendidikan dan tidak lupakan juga pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris dan juga ke arah untuk menambahkan penguasaan lebih bahasa, kami akan memperkenalkan bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ambil perhatian mengenai apa yang dikatakan tadi, fakta yang salah tadi mengenai *Force 136*.

Puan Komala Devi: Saya akan ambil maklum. Terima kasih.

2. **Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah dan jaminan kementerian untuk memastikan kaedah sedia ada untuk memberi kontrak pelupusan sisa pepejal di semua pihak berkuasa tempatan terus dimonopoli kontraktor kelas F dapat diteruskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah membuat keputusan menswastakan perkhidmatan mengutip dan mengangkut sisa pepejal daripada isi rumah kepada tiga buah konsortium iaitu Alam Flora Sdn. Bhd., Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd. dan Southern Waste Management Sdn. Bhd. Pada ketika ini Alam Flora dan Southern Waste masing-masing sedang menjalankan penswastaan secara interim bagi wilayah tengah dan selatan.

Dalam hal ini, semua kontraktor termasuk kontrak Kelas F bersama-sama dengan kedua-dua konsortium tersebut menjalankan tugas mengutip dan mengangkut sisa pepejal untuk dilupuskan. Apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dikuatkuasakan sepenuhnya kelak, penswastaan sepenuhnya akan dijalankan oleh kedua-dua syarikat konsortium ini, manakala Syarikat e-Idaman akan menjalankan penswastaan bagi wilayah utara secara interim selama satu tahun.

Akta Pengurusan Sisa Pepejal tidak melarang atau menamatkan penglibatan kontraktor Kelas F dalam memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan juga pembersihan awam. Akta berkenaan turut memastikan bahawa hanya kontraktor yang memberikan perkhidmatan yang bermutu sahaja layak diberikan lesen oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang di bawah naungan kementerian. Kontraktor berwibawa yang sedang menjalankan kerja di bawah pihak berkuasa tempatan akan meneruskan kerja-kerja mereka di bawah syarikat konsesi, di bawah projek penswastaan yang akan berlaku. Terima kasih.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dengan berkuat kuasanya akta yang baru ini, kelihatannya semua kuasa untuk melantik telah diambil alih oleh sama ada perbadanan atau tiga pemegang konsesi *giant* dan akhirnya pihak berkuasa tempatan bertugas sebagai *watch-dog*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingin mendapat kepastian adakah perkara ini boleh memastikan bahawa kontraktor-kontraktor Kelas F yang kita *grow* mereka, yang kita bangunkan mereka terus mendapat peluang untuk mendapat pekerjaan di peringkat bawahan yang saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tidak memerlukan kepakaran yang tinggi – kutip sampah, kumpul sampah, hantar sampah. Apa kepakaran yang tinggi daripada proses itu?

Jadi saya minta kementerian menjawab soalan saya, bagaimana kita boleh memastikan bahawa kontraktor-kontraktor ini terus mendapat perkongsian kek yang sedia ada di tangan mereka sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di bawah penswastaan, tanggungjawab utama untuk menentukan pengurusan sisa pepejal di negara kita dengan sepenuhnya akan berada di bawah tanggungjawab pihak-pihak *concessionaire* yang saya telah sebut tadi. Pihak kementerian mempunyai tugas untuk melesenkan siapa-siapa yang akan terlibat dalam industri pengurusan sisa pepejal. Ada pelbagai jenis perkhidmatan yang akan diberi.

Semua pihak yang terlibat di dalam industri pengurusan sisa pepejal akan dilesenkan oleh pihak kementerian. Sesiapa yang sudah mendapat lesen daripada pihak kementerian, memberi peluang untuk bekerja di bawah mana-mana projek yang telah ditawarkan oleh pihak *concessionaire* untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Kementerian telah bincang tentang keadaan kontraktor-kontraktor yang pada masa sekarang sedang memberi perkhidmatan di bawah PBT dan kedudukan mereka semasa penswastaan. Kita telah memberi penekanan bahawa kerja mereka diteruskan di bawah pihak *concessionaire* selepas mereka mengambil alih tugas pengurusan ini. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kerja memungut sisa pepejal dan mengurus sisa pepejal, bukannya satu usaha yang memberi keuntungan yang tinggi, yang pertama. Saya ingin menjelaskan daripada pengalaman saya di Kuching.

Yang keduanya, sekiranya kontraktor-kontraktor kecil mencebur diri dalam bidang ini, maka kita boleh lihat kerja mereka tidak begitu sempurna sebab trak-trak dan kenderaan yang digunakan mungkin tidak sesuai dan sudah uzur, kerana untuk memungut sampah dan untuk menyimpan dan merawat *leachate* ataupun air kumbahan di dalam sampah memerlukan satu *equipment* di belakang trak. Ini amat mahal.

Oleh yang demikian, adakah kementerian jika memberi tugas kepada kontraktor kelas F yang kecil untuk juga membenarkan mereka menggunakan trak-trak yang lama ataupun trak yang baru. Tujuan kita adalah untuk membersihkan bandar raya kita. Jikalau tidak, bandar raya kita tidak akan dibersihkan. Sekian.

Dato' Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menetapkan beberapa kaedah dan beberapa syarat dengan satu tujuan bahawa pengurusan sisa pepejal di negara kita akan mencapai satu mutu yang tinggi dan apa-apa masalah yang dihadapi oleh kita pada masa sekarang di dalam pengurusan ini akan diatasi melalui ketetapan-ketetapan baru. Di dalam itu, tugas kementerian sebagai pihak yang akan melesenkan pihak-pihak yang akan mengambil bahagian di dalam perkhidmatan ini, kita telah mensyaratkan supaya cuma pihak yang berwibawa dan boleh menjalankan tugas ini akan dilesenkan.

Salah satu daripada sebab mengapa penswastaan telah dilakukan ialah kerana sebab-sebab yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa pada masa sekarang, di dalam industri ini diperlukan teknologi yang baru yang memerlukan pelaburan yang tinggi dan kita berpendapat bahawa cuma kalau ada syarikat-syarikat yang besar boleh melaburkan wang yang cukup untuk memastikan proses ini dijalankan dengan sempurnanya.

Di dalam hal ini, memang ada kerja-kerja kecil yang mungkin tidak memerlukan pelaburan yang tinggi dan mungkin tidak memerlukan jentera-jentera yang sangat moden yang boleh diberi kepada kontraktor-kontraktor kecil. Itulah isu yang saya telah jawab tadi di mana bahawa kerajaan sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab telah memberi penekanan bahawa peluang-peluang yang tersedia ada untuk pihak-pihak ini akan diteruskan di dalam masa akan datang. Terima kasih.

3. **Datuk Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian sedar penggunaan WiFi Technology diibaratkan sebagai "*asbestos of the 21st century*" yang akan memudaratkan kesihatan manusia, khususnya kanak-kanak disebabkan pendedahan *electromagnetic radiation* atau *electrosmog*, apa tindakan kementerian tentang impak teknologi ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wireless Fidelity* atau lebih dikenali sebagai WiFi merupakan sejenis *wireless local area network* atau WLAN yang berasaskan kepada spesifikasi IEEE 802.11 dan ia berada di bawah pengawasan *Institute of Electrical Engineers* atau IEEE.

IEEE merupakan institusi antarabangsa yang menetapkan standard protokol teknologi dengan penggunaan sistem nombor. Laporan *Health Protection Agency* ataupun HPA pada tahun ini menyatakan bahawa pada masa sekarang masih belum terdapat sebarang bukti saintifik yang kukuh bahawa pendedahan signal radio frekuensi atau RF dari WiFi atau WLAN akan menyebabkan kesan terhadap kesihatan yang boleh memudaratkan manusia. *Signal* RF sama ada dari komputer ataupun *router* yang dipancarkan oleh sistem WiFi adalah sangat rendah iaitu 0.1 watt atau 100 milliwatt dan pendedahan ini adalah di bawah paras had pendedahan yang dicadangkan oleh *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection*.

Ini selaras dengan cadangan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang menyatakan bahawa setakat ini masih belum terdapat sebarang bukti saintifik yang kukuh untuk menunjukkan bahawa sebarang sinaran daripada sinaran tak mengion ataupun *non-ionizing radiation protection* boleh menyebabkan kesan terhadap kesihatan manusia. Oleh itu tiada alasan yang munasabah untuk menghalang perkembangan dan penggunaan teknologi WiFi di kalangan masyarakat di negara ini. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan sentiasa memantau perkembangan hasil kajian dan penyelidikan terkini daripada institusi-institusi antarabangsa terutamanya daripada WHO dan *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection*.

Untuk makluman, Malaysia merupakan ahli dalam *International Advisory Committee, WHO* dan sekiranya terdapat sebarang penemuan penting khususnya berkaitan isu-isu *non-ionizing radiation*, Kementerian Kesihatan akan memaklumkannya kepada orang awam. Sekian.

Datuk Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan, memang benar kerajaan sekarang, untuk meletakkan Malaysia sebagai WiFi ataupun *computer savvy*, ini adalah satu perancangan kerajaan. Kalau kita lihat dari segi kajian-kajian yang telah dibuat di beberapa institusi oleh ahli-ahli saintis dan pakar-pakar dari segi *electromagnetic* ini, memberi kesan. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: *"If you look into literature, we have a large number of various effects like chromosome damage. We have impacts on concentration capacity, and decrease in short terms memory. Increases in a number of cancer incidences, said Professor Olie Johnsons* ***OB crawlen seeker*** *Institute of Sweden".* Satu lagi, *another scientists Dr. Gerard Oberfield from Swissberg is now calling WiFi to be removed from schoo*l. Melalui kajian-kajian yang saya lihat, beberapa kajian yang dibuat, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sekolah juga memberi ataupun membawa *WiFi company* ini ke mahkamah untuk mengeluarkan ataupun *to remove the WiFi from school* dengan izin.

Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen, daripada kajian-kajian oleh pakar-pakar kesihatan, sejauh manakah Malaysia hari ini telah membentuk ataupun

meletakkan strategi-strategi tertentu jangan sampai nanti macam asbestos, selepas sedemikian lama, baru kita sedar bahawa asbestos itu ada punca penyakit kanser yang berleluasa. Apa pendapat Setiausaha Parlimen? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju bahawa kadang-kadang, peralatan yang kita guna ini, dia mengambil masa yang panjang untuk menunjukkan kesan kesihatan. Ini adalah seperti beberapa peralatan yang kita gunakanlah. Kalau kita mengatakan berkaitan dengan frekuensi ini, memang kita mempunyai peralatan yang banyak yang kita sentiasa gunakan setiap hari yang mengeluarkan radio frekuensi ini seperti televisyen, *microwave,* komputer dan sebagainya. Untuk dunia ini pun, bumi ini pun selalunya kita menerima radio frekuensi dari angkasa lepas juga. Ini adalah satu dedahan yang kita mengambil berat dan kita sentiasa memantau dan apabila seperti yang saya katakan, apabila kita menerima sebarang penyelidikan yang terkini, kita akan membuat perubahan kepada polisi kita supaya kita dapat menjaga dan memastikan kesihatan rakyat kita tidak akan terjejas kerana penggunaan peralatan yang moden ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kekuatan *radiation electromagnetic* yang dikeluarkan daripada WiFi ini tadi adalah 0.1 watt, bagaimana kalau dibandingkan dengan x-ray biasa?

Dato' Lee Kah Choon: Saya tidak berapa tahu berkenaan dengan x-ray, tetapi bagi satu perbandingan, telefon bimbit mempunyai *radio frequency* yang dikeluarkan 1 watt sehingga 2 watt. Kalau dibandingkan dengan angka yang saya berikan itu tadi, bermakna telefon bimbit ini mengeluarkan 10 sampai 20 kali *radio frequency* yang kita dapati melalui WiFi ini. Sekian.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Setiausaha Parlimen saya ingin bertanya soalan tambahan. Adakah kita ataupun kementerian mempunyai satu pandangan bahawasanya apabila sesuatu peralatan itu mempunyai *electromagnetic wave* misalnya - kerana saya pernah bekerja di Unit Radioterapi dan kita ada satu *gadget* untuk mengukur tahap *radiation* yang masuk ke badan kita jadi setahun sekali kita ukur berapa banyak yang masuk pada badan kita. Disebut tadi tentang *hand phone* dan juga peralatan-peralatan *gadget* lain. Adakah kementerian berhasrat untuk mengadakan satu peralatan untuk mengukur perkara-perkara ini apabila manusia terdedah kepadanya? Setahun sekali kita boleh gunakan khusus untuk mengukur tahap *electromagnetic wave* yang masuk ke dalam badan mereka. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan *radiofrequency* ini, kalau tidak salah saya apabila kita terdedah kepada frekuensi yang rendah ini, ia tidak mempunyai kesan pada badan kita melainkan dia memberi satu kesan yang negatif atau positif dalam masa yang panjang. Kalau kita ambil radio aktiviti dalam badan kita, barangkali kita boleh uji ia dengan peralatan tetapi kalau radio aktiviti itu tidak ada dalam badan dan kita cuma terdedah kepadanya saya rasa barangkali kita tidak ada peralatan untuk menguji radio aktiviti itu dalam badan kita. Sekian.

4. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta Perdana Menteri menyatakan adakah rancangan Petronas untuk menambahkan lagi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan yang berkelayakan dan berlesen di Sabah untuk melalui Program Pembangunan Vendor (VDP) supaya syarikat-syarikat ini akan dapat melaksanakan kerja-kerja dalam industri minyak da gas secara kompetitif di peringkat negara dan antarabangsa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, penyertaan di dalam Program Pembangunan Vendor (VDP) Petronas adalah terbuka kepada syarikat-syarikat bumiputera termasuk di Sabah yang berminat dan memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Selain dari latihan dalaman, Petronas, juga dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan negeri terus mengambil tindakan mempertingkatkan kemahiran melalui pelbagai program latihan dan kemahiran khususnya dalam bidang kimpalan, pemasangan paip dan penyelenggaraan industri. Beberapa institusi latihan tempatan seperti Latihan Institut Kemahiran MARA dan Institut Latihan Perindustrian telah dipilih untuk melaksanakan program ini. Semuanya ini bagi membantu bakal-bakal peserta pada masa hadapan sekiranya mereka memenuhi kriteria-kriteria yang

ditetapkan. Adalah menjadi harapan Petronas supaya program ini dapat melahirkan syarikat-syarikat bumiputera yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam membekalkan produk dan menyediakan perkhidmatan bagi pelbagai aktiviti di sektor huluan dan hiliran petroleum di dalam dan di luar negara.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, kita di maklumkan di dalam Dewan ini bahawa sejak 1993 ada 68 syarikat yang menyertai *Vendor Development Program* ini ataupun Program Pembangunan Vendor ini, lebih dikenali dalam industri minyak dan gas sebagai VDP.

68, apabila saya bertanya dalam satu soalan berapakah syarikat tempatan di Sabah yang menyertai, saya mendapat jawapan hanya satu, tetapi apabila saya membuat selidikan sendiri, syarikat yang menyertai Program Pembangunan Vendor di Sabah itu adalah satu syarikat dari Pahang dan satu di Labuan syarikat dari Kuala Lumpur. Jadi saya berharaplah syarikat-syarikat ini ada *joint venture* dengan syarikat tempatan.

Di Sarawak pula hanya tiga syarikat yang menyertai *Vendor Development Program* ini. Ini bermakna 63 syarikat dari Semenanjung menyertai VDP ini. Persoalan di sini atau soalan tambahan saya ialah satu, apakah proses pemilihan ini, apakah kriteria-kriterianya dan kenapakah Petronas amat berat hati memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan terutama sekali syarikat bumiputera yang mempunyai kemampuan dan kelayakan di negeri Sabah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat yang menimbulkan soalan ini. Pertamanya saya ingin menjelaskan tentang kriteria yang diperlukan untuk VDP ini pertama sekali ialah peraturan pegagan ekuiti bumiputera mestilah minimumnya 70% dan pengurusan dikendalikan oleh majoriti bumiputera dan mendaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dan mestilah mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM100,000 serta menyediakan modal sendiri sekurang-kurangnya 20% daripada kos pelaburan awal projek. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat memang benar satu syarikat yang terlibat dalam VDP yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sabah dan sebenarnya 68 itu pun ada 20 syarikat yang telah *graduate* tetapi yang Sabah ini belum *graduate* lagi kiranya belum lepas lagi sekatan-sekatan kriteria-kriteria yang kita kehendaki.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masih terdapat 20 buah syarikat yang ditawarkan kontrak oleh Petronas. Ini di luar dari VDP. Maknanya bukan VDP ada kriteria yang agak ketat kerana ia melibatkan bukan sahaja untuk syarikat ini berkembang dalam negara dan akhirnya juga akan pergi ke peringkat antarabangsa dan mempunyai standard-standard yang tertentu. Sebab itulah saya sebutkan selain daripada VDP ini di Sabah dan Labuan terdapat 20 syarikat yang ditawarkan oleh Petronas melibatkan bidang-bidang kerja kejuruteraan mekanikal dan *electrical*, perkhidmatan penyelenggaraan, pembinaan *instrumentation* serta perkhidmatan sektor huluan seperti cari gali dan pengeluaran petroleum. Terapat lagi 20 syarikat Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Perdana Menteri. Perkataan VDP, *Vendor Development Program* kita lihat program ini sebagai satu program untuk membina bumiputera. Jadi soal *graduation* soal kriteria tadi kerana tidak diberi peluang macam mana mahu *graduate*, beri peluang dahulu dan yang menghairankan tadi, Timbalan Menteri pun tidak sebut yang satu itu sebelum Yang Berhormat Penampang. Persoalan di sini ialah apabila ada VDP ini kenapa pihak Petronas tidak menentukan berapa sebenarnya yang kita mahu bina. VDP ini syarikat daripada Sabah dan Sarawak. Kita pengeluar minyak. *This is an insult,* mengatakan ini hendak pergi antarabangsa, apa semua. Bagi peluang dahulu, pernah kah dibagi?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya hendak penjelasan sama ada Petronas ini betul-betul serius, untuk meletakkan syarikat-syarikat dari Sabah dan Sarawak dalam VDP ataupun ini *just a lip-service*, penjelasan.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan bahawa VDP adalah *lip-service* sahaja seperti yang disebutkan Yang Berhormat. Sebab Petronas...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Untuk Sabahlah, *lip-service* untuk Sabah dan Sarawak.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: *No, no, no*. Sebab Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi kita mempunyai kriteria-kriteria itu, itu dari segi VDP. Tetapi dari segi kontraktor, kontrak-kontrak lain Petronas memang bagi sebab ia merupakan, satu kita katakan mempunyai piawaian-piawaian tertentu.

Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kata *lip-service,* Petronas tidak bekalkan dalam *website,* ada 1,200 lebih aktiviti dan boleh masuk melalui *website* ini - lihat apakah yang kita panggil *standardized work and equipment categories* melalui *swap* sama ada produk ataupun *services*. Jadi boleh masuk tidak ada masalah, jika ia menepati kriteria yang dikehendaki oleh pihak Petronas seperti mana yang saya sebutkan tadi. Jadi kita tidak mahulah apa yang kita katakan VDP ini, tapi bila masuk dia kecewa di tengah jalan, ini termasuklah hak kontraktor yang lain, yang telah dibekalkan oleh Petronas.

5. Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar dakwaan bahawa pelajar-pelajar asing digunakan sebagai sumber buruh murah di negara kita. Jika benar nyatakan bilangan yang telah dikenal pasti dan ditangkap.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mambong. Kempen untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini telah menarik sejumlah warga asing masuk ke negara ini menggunakan pas pelajar.

Sehingga 31 Oktober 2007, rekod Jabatan Imigresen telah menunjukkan sejumlah 43,127 pas pelajar telah dikeluarkan kepada warga asing untuk melanjutkan pelajaran di negara ini. Pemegang pas pelajar sebenarnya tidak dibenarkan bekerja, oleh itu tidak timbul isu pelajar asing digunakan sebagai sumber buruh murah di negara ini. Walau bagaimanapun pelajar-pelajar asing dibenarkan bekerja di waktu cuti semester sekiranya mereka memohon kebenaran Jabatan Imigresen dan diperakukan oleh institusi tempat mereka belajar, dan tempoh yang dibenarkan untuk mereka bekerja masa cuti semester hanyalah 20 jam di lokasi-lokasi seperti hotel, kedai minyak, kedai makan, dan lain-lain.

Dalam pada itu kerajaan menyedari terdapat pemegang pas pelajar ini telah menyalahgunakan pas pelajar dengan bekerja di negara ini. Kesalahan-kesalahan pelanggaran masuk pas pelajar dikelompokkan di bawah Peraturan Imigresen 1963, iaitu seksyen 39(b), di mana dalam 5,107 operasi yang dijalankan sehingga 31 Oktober 2007 seramai 3,483 warga asing yang menyalahgunakan pas telah ditangkap termasuk kesalahan penyalahgunaan pas pelajar. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang tidak dinafikan bahawa pelajar-pelajar asing menyalahgunakan pas pelajar. Lebih-lebih lagi pelajar-pelajar perempuan. Minggu lepas ada laporan di Kuching, Sarawak bahawa beberapa orang pelajar daripada negara China telah pun menyalahgunakan pas pelajar mereka dan mereka ini bekerja sebagai GRO dan juga sebagai tukang urut, *[Disampuk]* ya, Sibu memang banyak. Jadi bagaimanakah kerajaan dapat mengetatkan bagi mengawal mereka masuk di dalam negara kita untuk memeriksa kesahihan mereka ini, bahawa mereka ini benar-benar mahu masuk belajar ataupun tidak. Adakah mereka ini dikenakan fi dulu, mereka dibayar fi dulu kepada kerajaan ataupun kepada kolej di mana mereka ingin belajar, supaya mereka ini lebih serius lagi dan masuk negara kita sebagai pelajar. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar yang masuk ke negara ini menggunakan pas hanya dikehendaki membayar bayaran pengajian mereka dan bayaran-bayaran yang telah ditentukan oleh imigresen. Namun begitu dalam usaha mengekang kemasukan mereka supaya tidak melakukan kesalahan-kesalahan imigresen ini, pihak imigresen telah menjalankan seperti mana yang saya sebutkan tadi pelbagai jenis operasi untuk menentukan pelajar-pelajar yang menyalahgunakan pas ditangkap dan untuk kesalahan pertama mereka akan didenda, kompaun, kalau sekiranya kesalahan-kesalahan kecil.

Sekiranya pelanggaran di bawah seksyen 39(b) ini yang menyalahgunakan pas, mereka akan dikenakan penjara tidak lebih enam bulan atau didenda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya sekali.

Bagi pelajar-pelajar yang menyalahgunakan pas seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mambong tadi seperti menjadi GRO dan sebagainya, kita akan menangkap mereka dan akan menghantar pulang dan mereka disenaraihitamkan dan tidak lagi dibenarkan masuk ke negara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita punya undang-undang memang jelas, memang baik. Kita semua ada, tetapi masalah perlaksanaan pegawai-pegawai siapa yang menjalankan tugas, di mana, kita pun tidak tahu.

Masalah satu lagi bila rakyat bagi tahu ada pelajar-pelajar asing menjadi GRO semua pegawai dia cukup seronok, ketawa lagi. Cakap, bagus juga kadang-kadang kalau ada GRO daripada luar negeri. Saya tidak tahulah, mungkin itu pegawai pun ada syer juga, dia pun ketawa, dia seronok. Tapi bila kita tekan dia mesti menjalankan tugas, membuat siasatan, buat operasi kita bagi tahu itu tempat, tetapi belum sampai semua sudah bersih tidak ada, semua sudah hilang. Macam mana boleh jadi macam ini? Lepas pegawai keluar tidak sampai satu jam itu orang datang balik semula. Jadi saya mahu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Kita menyedari bahawa di dalam melaksanakan penguatkuasaan ini kita berhadapan dengan pelbagai masalah termasuk sikap pelbagai pihak.

Dari segi *strength* atau kekuatan pasukan penguat kuasa di Jabatan Imigresen, kerajaan memang menyedari bahawa jumlah pegawai-pegawai kita sejumlah 2,000 yang ada sekarang sememangnya tidak mencukupi, kerana itulah baru-baru ini di bawah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mengumumkan kelulusan penambahan jumlah 5,000 lagi jawatan untuk penguat kuasa.

Kita berharap dengan pertambahan bilangan ini kita akan dapat mempertingkatkan gerakan penguatkuasaan dan operasi, atas dakwaan Yang Berhormat itu bahawa setiap kali penguat kuasa menyerbu ke tempat-tempat itu, kita tidak dapat menangkap kerana ada maklumat itu lebih dulu bocor, kita menyedari ini mungkin ada pelbagai pihak yang bersubahat. Sekiranya pegawai-pegawai imigresen yang dapat dibuktikan terlibat atau bersubahat dalam kes ini tindakan yang keras dan tegas akan di ambil terhadap mereka. Terima kasih.

6. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah-langkah untuk mengawalkan harga barangan peralatan komputer khasnya Kad SD yang tiada kawalan harga pasaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak bercadang untuk menjadikan peralatan komputer khasnya Kad SD sebagai barang kawalan. Maka pihak kementerian tidak diperuntukkan kuasa khususnya untuk mengawal harga peralatan komputer di pasaran. Namun penguatkuasaan di bawah perintah iaitu Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit 1993, Akta Kawalan Harga 1946 iaitu mewajibkan setiap barangan peralatan komputer termasuk Kad SD yang dijual secara runcit dilabelkan ataupun diletakkan tanda harga yang jelas. Ianya bertujuan memudahkan pengguna membuat perbandingan harga serta sedar atas harga barangan yang ditawarkan sebelum membuat sebarang pembelian.

Di samping itu, kementerian juga menguatkuasakan undang-undang di bawah Perintah Kawalan Harga iaitu Pelabelan Oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar dan Penjual Borong Tahun 1980, yang membawa maksud pengilang, pengimport, pengeluar dan penjual borong menjual barangan yang tersedia, dibungkus perlu diletakkan pada barangan atau pembalut, beg ataupun bekas dengan satu label yang mengandungi sebutan nama sebenar barangan, nama, alamat lengkap pengilang, pengimport, pengeluar ataupun penjual borong.

Sekiranya barangan berkenaan diimport, nama negara di mana barangan tersebut dikilangkan perlu juga dinyatakan. Ini bertujuan membantu pengguna mengetahui maklumat tentang barang berkenaan, kualiti dan kuantiti sebelum pembelian dibuat. Sekiranya berlaku ketidakpastian ataupun tidak puas hati atau berlaku kerosakan di luar jangkaan bukan disebabkan kecuaian, maklumat yang sedia ada boleh digunakan sebagai rujukan untuk tujuan aduan dan tuntutan ganti rugi.

Kementerian juga menjaga kepentingan pihak pengeluar dan pengguna dengan mengambil tanggungjawab, membanteras pengedaran dan penjualan khususnya di peringkat pengilang, pengedar dan penjual barangan peralatan komputer tiruan melalui Akta Perihal Dagangan 1972. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pengkalan Chepa.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, Gelang Patah.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan yang diberikan. Kita mendapati komputer atau alat komputer yang berbagai jenis atau *brand* di pasar raya tempatan dengan harga yang berbeza. Misalnya 1GB SD kad dijual pada harga RM500 manakala setelah *bargain* dijual pada harga RM200 sahaja. Pengguna biasa tidak mengetahui apakah harga tertentu, sama ada berpatutan atau tidak. Memandangkan pengguna komputer telah bertambah begitu pesat, soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang mengadakan satu jawatankuasa khas untuk memantau harga-harga komputer supaya pengguna tidak tertipu oleh penjual komputer. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Gelang Patah. Seperti yang saya sebutkan tadi, memang kita tidak dapat mengawal semua harga barangan termasuk peralatan komputer. Namun begitu, kementerian berpegang teguh ataupun bertegas tentang semua barangan yang dijual di pasaran harus diletakkan tanda harga. Ini bertujuan untuk para pengguna memilih sebelum sesuatu pembelian.

Jika mereka melanggar syarat tentang meletak tanda harga ini, misalnya kalau dia letak tanda harga RM500, tetapi harga yang dijual sebenarnya ataupun harga sebenarnya ialah RM200 dijual pada harga RM500 ataupun dia tanda harga yang berbeza dengan harga yang sebenar, maka kementerian boleh mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Itu pun agak berat juga kalau mengelirukan pengguna. Denda boleh sampai RM100,000.

Kalau seseorang peniaga tidak meletakkan tanda harga, ini boleh juga dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Ia adalah *penalty* berat juga iaitu RM15,000 ataupun dua tahun penjara. *So,* saya fikir apa yang penting ialah pengguna sendiri harus lihat dari segi harga pasaran yang sebenarnya sebelum membuat sesuatu pembelian. Kalau ada yang mengelirukan ataupun tertipu dalam perkara ini, kementerian masih boleh mengambil tindakan di bawah akta yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita beli komputer atau beli *hand phone*, lebih kurang sama Tuan Yang di-Pertua. Dia akan tanya kepada kita sama ada ori ataupun AP. Kemudian kita tanya pada dia, *"Harga berapa?"* Ori lebih mahal, ori itu *original*lah. AP yang tidak *original* dan AP lebih murah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, jaminannya pula dari segi *life guaranty*, tempoh jaminan yang *original* ini, yang ori ini 12 bulan tetapi yang AP 15 bulan.

Maknanya ada tempoh-tempoh yang berlainan, di mana ori lebih kurang daripada yang tidak ori. Jadi ini senario yang berlaku Tuan Yang di-Pertua. Maknanya saya lihat ada sesuatu yang tidak kena berlaku di pasaran bukan sahaja dari segi kualiti barangan yang dijual, malahan juga dari segi lambakan barang yang tidak *original* ataupun yang tidak ori seperti yang saya sebutkan tadi. Apa pandangan Setiausaha Parlimen? Sekian, terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Tuan Yang di-Pertua, kalau tanya kementerian ini, kementerian memang tidak benarkan sebarang barangan tiruan yang ada di pasaran. Walaupun kita akui masih ada barang-barang tiruan yang harus kita ambil tindakan. Misalnya kalau ada laporan, katakan sesebuah kedai itu ada menawarkan dua jenis barangan, satu original, satu yang tiruan. Kalau

ada laporan kementerian tetap akan ambil tindakan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Saya akui memang ada berlaku di pasaran ini. Maka kita masih berharap ada laporan daripada pihak pengguna ataupun Yang Berhormat sendiri supaya dapat kita ambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjual barangan tiruan ini. Sekian, terima kasih.

7. **Dato' Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah dan tindakan Bank Negara dan Bank Rakyat untuk memenuhi keperluan pelabur-pelabur yang sedang menanti untuk melabur telah melebihi satu juta orang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Tuan Yang di-Pertua, modal saham Bank Rakyat sebanyak RM2 bilion yang dibenarkan di bawah Undang-undang Kecil Bank Rakyat yang telah pun hampir habis dilanggan Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, mereka-mereka yang berminat hendak menjadi Ahli Bank Rakyat, hendak beli saham, mereka terpaksa tunggu sehingga ada Ahli yang ada hendak jual saham dia, oleh kerana modal yang dibenarkan telah habis dijual.

Walau bagaimanapun, Bank Rakyat membuat keputusan hendak menambahkan lagi modal berbayarnya, sekarang ini RM2 bilion kalau hendak tambah lagi boleh bila-bila masa tetapi perlu ada persetujuan daripada Mesyuarat Agong Bank dan mendapat kebenaran daripada Kementerian Pembangunan Usahawan, daripada Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara. Maka barulah mereka boleh menambahkan lagi modal mereka dan banyak lagi boleh melanggan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Bank Rakyat ialah sebuah Bank Koperasi yang sangat berjaya dan telah memberi peluang kepada golongan-golongan sederhana. Sepatutnyalah, sewajarnyalah Bank Negara dan Bank Rakyat menambahkan lagi bukan sahaja RM2 bilion, tapi mungkin RM4 bilion lagi. Terutama sekali untuk memberi peluang kepada bumiputera yang melabur tidak lebih RM100,000.

Yang keduanya kepada koperasi-koperasi sama ada di sekolah, di kampung supaya diagihkan saham-saham ini untuk membangunkan koperasi supaya lebih berjaya. Jadi saya hendak tanya, apakah langkah yang perlu diambil bagi menghidupkan atau memajukan koperasi-koperasi ini? Adakah satu langkah dibuat, satu rancangan dibuat oleh Bank Rakyat untuk mengagihkan saham-saham ini kepada koperasi-koperasi terutama di sekolah-sekolah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dividen yang dikeluarkan kepada ahli oleh Bank Rakyat adalah dalam lingkungan 15% berturut-turut selama 8 tahun yang lepas dan sehingga sekarang, dan *base*nya ialah RM2 bilion saham.

Tetapi kalau Bank Persatuan nak meningkatkan, nak tambahkan lagi modalnya pada RM4 bilion lagi ke, boleh tapi dia kena lihat juga bila *base* semakin besar, maka dividen mungkin tak boleh kekal pada 15%, mungkin kurang tetapi biarlah boleh memberi saham kepada ramai lagilah yang ingin masuk. Sekarang pun dah ada 795,323 ahli dan antaranya koperasi jadi ahli juga, ada 1,400 koperasi yang jadi ahli. Individu 793,923 orang jadi ahli tetapi kalau yang berminat juga tak jadi ahli boleh juga.

Masuk deposit, masuk deposit dan dividen daripada masuk deposit Bank Rakyat adalah tinggi 3.65% berbanding dengan bank komersial yang lain 3.1%. Ini pun satu peluang yang baiklah bagi mereka yang ada duit, tak jadi ahli boleh masuk deposit ke dalam Bank Rakyat dan kalau lihat angkanya memang tinggi Tuan Yang di-Pertua, deposit yang telah pun diterima setakat ini Tuan Yang di-Pertua oleh Bank Rakyat RM25.2 bilion tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi bank yang serupa dengan Bank Rakyat iaitu Bank Persatuan yang berpusat di Pulau Pinang. Bank ini sekarang ini masih lagi terbuka untuk jadi ahli dia dan dividen yang dikeluarkan tinggi juga Tuan Yang di-Pertua, 12.5% dan masih terbuka untuk jadi ahli tapi hadnya ialah tiap-tiap ahli maksimum RM15,000 berbanding dengan Bank Rakyat, dia tiada had maksimum. Bank Persatuan ini dia punya maksimum RM15,000 pelaburan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Shaari Bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Semua orang tahulah Bank Rakyat ini satu bank yang banyak memberi kemudahan kepada rakyat seperti juga

Pembangkang bersetuju dengan Bank Rakyat ini dan di sini saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa hari ini rakyat menggunakan Bank Rakyat untuk meminjam terutamanya *personal loan* dengan izin tetapi kenapakah ada rungutan yang mengatakan bahawa Bank Rakyat ini mengenakan caj ataupun *interest* dengan izin, yang tinggi. Apakah kerajaan ataupun kementerian boleh mengkaji *interest* ini supaya diberi kepada peminjam ini dengan kadar yang lebih berpatutan ataupun lebih rendah daripada bank saudagar yang lain. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa jenis pinjaman Tuan Yang di-Pertua. Kalau pinjaman biasa komersial dalam lingkungan BLR campur lagi beberapa *percent,* satu *percent,* satu setengah *percent,* dua *percent* tapi bagi mikro kredit Tuan Yang di-Pertua, memang tinggilah. Agak tinggi sikit, lebih daripada 10%, kadang 10%, 12%. Ini adalah sebenarnya tiap-tiap bank yang lain yang juga mengeluarkan mikro kredit juga tinggi Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana *management* lah, salah *management* dia. Kalau nak bagi pinjaman RM100 juta pada seorang kemudian nak bagi seorang RM5,000 kepada 20,000 orang lagi, pentadbirannya agak tinggi Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu dikenakan *interest*lah senang cakap, lebih tinggi sikit. Ini kerana *nature* atau dengan izin, *nature* pinjaman Tuan Yang di-Pertua.

8. **Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pekerja kontrak sektor awam mengikut jabatan dan kementerian pada tahun 2005, 2006, dan tujuh bulan pertama 2007.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kebenaran daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Lipis yang bertanya berkehendakkan bahawa angka mengikut jabatan dan kementerian. Kalau saya menjawab mengikut itu, ia akan mengambil masa yang panjang kerana terlalu banyak agensi ataupun kementerian yang terlibat tetapi saya akan menjawab mengikut gred. Boleh Yang Berhormat ya?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Mengangguk]*

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua jenis pelantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam iaitu kontrak perkhidmatan, kontrak *off service* dan kontrak untuk perkhidmatan, kontrak *for service* dengan izin. Bagi tahun 2005, jumlah pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan adalah seramai 20,215 orang manakala bagi tahun 2006 pula, jumlah pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan adalah seramai 19,828 orang. Pecahan pegawai lantikan kontrak mengikut gred jawatan adalah seperti berikut:

Gred	**Bilangan Pekerja**	
	2005	**2006**
Gred 41	4,284	4,380
Gred 31	1	-
Gred 29	5,766	4,491
Gred 27	1,348	1,611
Gred 19	5,218	-
Gred 17	3,598	8,971
Gred 1	375	-
Jumlah	**20,215**	**19,828**

Jumlah pegawai lantikan kontrak bagi tujuh bulan pertama tahun 2007 pula adalah seramai 20,110. Pecahan pegawai lantikan kontrak ini mengikut gred adalah seperti berikut;

Kontrak perkhidmatan kontrak *off service* dengan izin bagi JUSA, Gred Utama dan Gred Khas – 152 orang. Bagi kontrak untuk perkhidmatan kontrak *for service* – 12

orang. Pengurusan dan Profesional – 1,407. Gred 54 – 54 orang. Gred 52 – 43 orang. Gred 51 – 3 orang, Gred 48 – 130 orang, Gred 47 – 1 orang, Gred 44 – 32 orang. Gred 43 – 4 orang, Gred 41 – 1,119. Sokongan I – 5,353 orang, Sokongan II – 13,186 orang. Jumlah 20,098. Bagi Gred Sokongan untuk makluman, ia kebanyakannya ialah daripada Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan dan Pegawai Kemas iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan bilangan yang diberi tadi memang ramai pegawai kontrak dan kalau kita lihat jenis kontrak pula ada dua jenis dalam bahasa saya yang mudah ialah kontrak selepas persaraan wajib iaitu yang lepas umur 56, mereka menyambung secara kontrak dan yang keduanya kontrak pra-perkhidmatan atau masuk ke dalam perkhidmatan. Ini bagi Kumpulan Gred 41, Gred 29, tadi yang Gred 19, Gred 17 dan sebagainya. Jadi kalau kita lihat, oleh kerana mereka ramai dan terutama yang bawah. Yang atas itu bagi saya yang selepas bersara wajib itu bagi saya dah tak ada masalah. Yang di bawah ini, yang masuk ini biasanya mereka bujang, selepas itu mereka berkeluarga dan mereka bekerja tapi dalam mereka bekerja itu mereka merasakan bahawa mereka tak ada masa depan. Di samping itu juga mereka yang bekerja sebagai pegawai kontrak ini juga tidak mendapat kemudahan-kemudahan seperti membuat pinjaman perumahan dan sebagainya. Jadi, apakah jaminan kerajaan untuk menyerap pegawai-pegawai kontrak ke jawatan tetap ini seperti yang telah diumumkan dalam ucapan Bajet 2008 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ini adalah ..

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, cukup.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: ...kerana ini adalah untuk masa depan dan kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Kadang-kadang mereka dah berkeluarga tapi tiba-tiba terpaksa ditamatkan kontrak dia.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali ialah tentang kontrak perkhidmatan, kontrak *of services* ini. Ia adalah merangkumi pelantikan yang dibuat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan (2) 2003.

Keduanya, pelantikan dengan menggunakan peruntukan Objek sebagai OS11000 bagi mengisi jawatan sedia ada atau Objek sebagai 29000 bagi memenuhi keperluan tenaga kerja tambahan yang tiada dalam senarai perjawatan.

Ketiganya, pelantikan dibuat oleh pihak berkuasa melantik bersandarkan skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa. Jadi, itu satu perkara. Untuk makluman kita semua, di mana kita katakan tambahan dan mereka tidak ada sebenarnya dalam senarai perjawatan. Jadi jawatan itu memang terpaksa diisi secara kontrak dan tuan badan itu sebenarnya *body* yang kita lantik itu adalah juga adalah secara kontrak, ertinya pelantikan dia berdasarkan kontrak dua tahun sekali dan sebagainya.

Namun mereka tidaklah kata tidak ada kemudahan, terdapat juga kemudahan-kemudahan lain seperti gratuiti iaitu ganjaran 17% dan sebagainya. Mereka ini juga berpeluang untuk memohon jawatan-jawatan lain selain daripada jawatan lain mereka. Jawatan mereka sendiri kontrak, kita tidak boleh buat apa sebab jawatan itu kontrak, tetapi mereka berpeluang memohon jawatan-jawatan lain. Jika prestasi sewaktu temu duga mereka akan diberi keutamaan oleh pihak berkuasa yang melantik.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya nak bertanya soalan tambahan ini. Kontrak ini ada dua, pertama ialah pekerja-pekerja kontrak pekerja dalaman, maknanya dalam negara kita sendiri. Yang kedua ialah pekerja luar. Saya yakin bahawa ada beberapa jabatan seperti jabatan profesional seperti perubatan, kesihatan dan sebagainya terdiri daripada pekerja kontrak daripada luar.

Saya faham sebab saya pernah juga terlibat dengan perjawatan ini. Biasanya jawatan kontrak ini diwujudkan adalah bertujuan sementara untuk pengisian apabila tidak ada pegawai untuk mengambil alih tempat itu, tujuan kontrak biasanya. Namun kalau kita lihat, contoh yang disebutkan oleh Timbalan Menteri, KEMAS umpamanya. Jawatan KEMAS ini boleh dikatakan lama dah berpuluh-puluh tahun dan keperluan jawatan itu ada di situ. Kenapa kerajaan tidak boleh mengambil tindakan supaya jawatan ini ditetapkan demi kepentingan masa depan pekerja seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lipis tadi.

Saya nak tahu juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa ramaikah lagi pekerja-pekerja kontrak asing ini mahupun dari segi perubatan dan sebagainya yang kita diisi di negara kita yang sepatutnya diisi oleh pekerja tempatan kita? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang pegawai-pegawai KEMAS dan juga JASA. Ini juga sebenarnya sudah ada perubahan-perubahan, telah dibuat peringkat demi peringkat. Umpamanya masa yang lalu mereka ini dilantik kontrak begitu sahaja, tetapi sekarang ini mereka dilantik dengan menggunakan terma-terma yang khusus di dalam syarat-syarat pelantikan mereka, dan dilantik oleh pihak JPA. Jawatan-jawatan mereka sudah mula ada sebahagiannya masuk sebagai *establish post* kita panggil atau jawatan yang ada di dalam perjawatan. Bermakna banyak perubahan telah berlaku dari semasa ke semasa.

Kedua, mengenai jawatan-jawatan daripada luar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya tidak ramai mereka daripada luar yang berjawatan kontrak di dalam negara kita, tetapi jawatan-jawatan yang kritikal. Umpamanya dalam bidang perubatan dan sebagainya. Ini memang kalau tidak ada calon-calon di dalam negara, maka kita menawarkan kepada mereka daripada luar negeri ataupun ada pertukaran maklumat dan sebagainya, maka kerajaan akan mengambil mereka secara kontrak tetapi tidaklah ramai.

9. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai garis panduan kenderaan berat yang menggunakan jalan raya awam dan kerajaan. Adakah had dikenakan ke atas berat muatan seperti kayu balak. Adakah syarikat pembalakan menyumbang kepada penyenggaraan jalan raya tersebut dan adakah garis panduan mengenai had laju kerana lori yang membawa muatan sarat dengan kayu balak yang dipandu dengan laju telah menyebabkan kemalangan maut sebelum ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan kenderaan berat yang menggunakan jalan raya awam dan kerajaan adalah terkandung dalam Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan)(Pindaan) 2003 PU(A275) yang telah pun dikuatkuasakan pada 24 Julai 2003. Perintah ini menyatakan had muatan yang dibenarkan bagi setiap jenis kenderaan perdagangan termasuk muatan kayu balak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi muatan kayu balak had muatan yang ditetapkan adalah bergantung kepada kelas jalan, jenis kenderaan, sama ada satu, dua atau tiga kandar. Julat had muatan yang dibenarkan adalah dari 14 tan sehingga 40 tan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat pembalakan tidak menyumbang secara langsung kepada penyenggaraan jalan raya, tetapi menyumbang melalui pungutan cukai dan permit pengeluaran balak yang dikenakan oleh kerajaan.

Had laju jalan di Jalan Persekutuan diwartakan melalui Perintah Had Laju Tempatan (Jalan Persekutuan). Had laju bagi sesuatu lokasi jalan ditetapkan berdasarkan faktor-faktor geometri jalan, pembangunan tempatan, persimpangan dan lain-lain. Semua kenderaan perlu patuh kepada had laju tersebut. Walau bagaimanapun, had laju sesuatu kenderaan seperti lori balak adalah di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 di bawah bidang kuasa Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang ada lagi?

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Jelas dari jawapan adalah *guideline* tertentu untuk menentukan semua ini dikendalikan dengan baik. Namun di kawasan seperti di kawasan Hulu Rajang

khasnya Jalan Bintulu ke Bakun, kiranya ada banyak *company* kayu balak. Walaupun itu *high way,* tetapi tidak begitu luas dan kelasnya saya tidak pasti. Namun apa yang pasti bagi orang yang di Sungai Asap ialah jalan itu selalu rosak, oleh kerana kenderaan berat yang menggunakannya. Ini bagi saya jelas berat kenderaan menggunakan jalan itu memang tidak sesuai untuk jalan tersebut.

Kedua, sama ada mesin tertentu untuk menentukan berat ini sesuai untuk jalan tertentu. Adakah kerajaan ingin meletakkan *weight machine* kalau ada di kawasan tertentu, khasnya Jalan Bakun. Sebab ini banyak kenderaan berat membawa kayu balak ke Bintulu, *this is the main area for this one for* kayu balak.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Seperti yang saya jelaskan tadi bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, selain daripada soal pokok dan soalan tambahan ini mengenai apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menentukan bahawa setiap pengguna terutama mereka yang melakukan pembalakan di kawasan ini supaya mematuhi ketetapan yang telah pun ditetapkan.

Untuk makluman, agensi penguatkuasaan kepada perkara ini ialah terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

10**.** **Tuan Raimi Bin Unggi [Tenom]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sejauh mana tindakan boleh diambil ke atas penulisan blog yang menyebarkan fitnah dan memutar belitkan fakta.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua. Polis Diraja Malaysia melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, di mana di bawahnya telah ditubuhkan Bahagian Siasatan Jenayah Cyber dan Multimedia sentiasa memantau perkembangan terbaru di internet. Pemantauan ini dibuat dengan memberikan perhatian kepada pertumbuhan blog-blog dan ruangan forum-forum perbincangan.

Walau bagaimanapun, sebarang tindakan adalah terhad kepada laman blog yang mengandungi unsur-unsur hasutan yang bersifat ekstrem serta berpotensi untuk mengganggu-gugat keamanan negara.

Ini adalah kerana jumlah laman web atau blog seperti ini adalah sangat besar di samping kerajaan juga tidak mahu terlalu menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara. Kerajaan juga tidak mahu melanggar jaminannya dalam *bill of guarantee* dengan izin yang dibuat semasa pelancaran Multimedia Super Coridor MSC.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana penulis blog yang menyalahgunakan ruangan blog mereka sama ada untuk menyebarkan fitnah atau memutarbelitkan fakta, boleh diambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1998, atau di bawah Kanun Keseksaan dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Selain daripada usaha menguatkuasakan melalui undang-undang yang sedia ada, kerajaan melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam memberikan kesedaran khususnya kepada pengguna-pengguna internet. Pengguna diberi penerangan supaya menggunakan kemudahan internet ini dengan rasa tanggungjawab dan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang maklumat di dalam internet yang belum tentu kesahihannya.

Tuan Raimi bin Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kalau kita lihat hari ini, perang siber memang sudah lama berlaku dan apatah lagi banyak berita yang tidak benar telah dikeluarkan dalam laman-laman web.

Soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah penguatkuasaan Akta Hasutan ini dalam menangani penulis-penulis blog yang menulis perkara-perkara yang boleh memudaratkan ketenteraman negara dan juga saya ingin tahu sebanyak manakah kes-kes yang sekarang ini telah didapati dan telah dibawa ke muka pengadilan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada lima kes laporan tentang fitnah yang melibatkan blog yang dikendalikan oleh warga tempatan dan sedang dalam siasatan polis. Sebanyak satu kes tangkapan telah dibuat dan siasatan

bagi kes-kes ini sedang dalam peringkat akhir di mana PDRM sedang membuat cadangan sama ada akan dibuat pendakwaan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM dan kerajaan memang mengambil serius tentang berlakunya blog-blog yang mungkin mempunyai kandungan yang akan memutarbelitkan fakta dan juga akan mengancam ketenteraman awam. Jadi dengan tertubuhnya jawatankuasa tersebut untuk bahagian siasatan jenayah siber dan multimedia tersebut, kita akan mempertingkatkan lagi usaha dalam pemantauan ini. Cuma dalam mengenal pasti pesalah-pesalah bukan sesuatu proses yang mudah, atas beberapa sebab – tuan punya blog mungkin tidak menggunakan nama sendiri dan juga kadang-kadang blog-blog itu *hose* dan servernya adalah terletak di luar negara dan sebagainya. Ini adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh mana-mana penguat kuasa di mana-mana negara mengenai dengan jenayah siber. Sekian, terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua saya pun berhajat untuk bertanyakan soalan seperti Yang Berhormat Tenom tanya dalam soalan tambahan tadi iaitu tentang kes-kes yang sebenarnya berlaku di mana orang-orang yang kononnya menyebarkan fitnah atau memutarbelitkan fakta telah dihadapkan ke mahkamah.

Saya ingin bertanya berapa yang benar-benar berjaya didapati bersalah di atas tuduhan-tuduhan tersebut, tetapi nyata Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya tadi mengakui tidak ada lagi kes yang benar-benar berjaya membuktikan bahawa terdapat benar-benar penyebaran fitnah ataupun kes memutarbelitkan fakta yang telah dapat dibawa ke mahkamah dengan jayanya.

Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah kementerian dan kerajaan tidak memikirkan salah satu cara untuk menjadikan masalah fitnah ataupun putar belit fakta ini tidak berlaku dan kalau itu berlaku dengan kerajaan memberikan pendedahan yang sebesar-besar, sebanyak-banyaknya di atas perkara-perkara yang berlaku dalam negara dengan cara yang objektif termasuklah membenarkan rakyat melalui *website* kerajaan mengetahui apakah perjanjian-perjanjian misalnya tentang kontrak penswastaan lebuh raya dan sebagainya supaya tidak ada lagi peluang untuk sesiapa yang berniat untuk memutarbelitkan ataupun menyelewengkan fakta. Sekian, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan politik. Saya ingin menyatakan di sini kerajaan Barisan Nasional sentiasa mahu amalkan sikap ketelusan dalam pentadbiran dan segala hal mengenai dengan apa maklumat yang perlu didedahkan. Kita memang sentiasa memberi maklumat melalui pelbagai saluran kerajaan. Ada juga maklumat-maklumat yang mungkin ada kaitan dengan keselamatan dalam negeri, keselamatan dalam negara mungkin tidak boleh diumumkan, maka kita tidak dapat umumkan.

Jadi itu tidak bermakna sesiapa boleh atas alasan itu membuat fitnah dan memasukkan sesuatu yang menghasut masyarakat dalam laman web atau blog mereka. Itu perlu dititikberatkan dan apa yang lebih penting ialah segala pengguna internet perlu mengamalkan sikap tanggungjawab terhadap penggunaan di internet. Sekian, terima kasih.

11**.** **Datuk Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah jangkaan pengurangan hasil kepada kerajaan bagi tahun kewangan 2007 disebabkan oleh pemansuhan cukai keuntungan harta tanah atau *'real property gains tax'* dan juga pengurangan kadar cukai pendapatan syarikat sebanyak 1% yang berkuat kuasa pada tahun kewangan yang sama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah jangkaan pengurangan hasil kepada kerajaan pemansuhan cukai keuntungan hartanah ataupun RPGT adalah sebanyak RM198.6 juta pada tahun kewangan 2007.

Manakala jangkaan pengurangan hasil disebabkan penurunan kadar cukai pendapatan syarikat sebanyak 1% adalah RM1.2 bilion. Ini merupakan kesan langsung. Namun begitu, kesan tidak langsung boleh menambahkan lagi ketetapan

cukai sekiranya pengurangan cukai pendapatan syarikat dan pemansuhan RPGT dapat menggalakkan kegiatan ekonomi dalam negara.

Oleh itu, kesan sebenar terhadap negara kita sama ada kutipan cukai sebenarnya naik atau turun bergantung sama ada kesan langsung mengatasi atau kurang daripada kesan tidak langsung Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Mungkin RM1.4 bilion ini tidak merupakan angka yang besar, tetapi kita tahu bahawa kerajaan sekarang memang berhasrat untuk mengurangkan lagi cukai pendapatan syarikat, maknanya akan mengurangkan lagi pendapatan kepada kerajaan. Defisit bajet pun telah dicadangkan supaya diturunkan daripada 6% kepada 4.5%. Subsidi nampaknya akan bertambah dengan naiknya harga minya dan bajet tiap-tiap tahun pun nampaknya makin lama makin bertambah. Jadi perbelanjaan makin lama makin banyak, jadi ada perkara-perkara yang dapat mengurangkan pendapatan. Apakah langkah kerajaan agaknya untuk menambahkan pendapatan supaya dapat sasaran ini, pengurangan cukai, defisit dan subsidi dapat diimbangkan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang beban kerajaan makin bertambah setiap tahun dari segi pengurusan, pembangunan dan cukai yang banyak dikurangkan. Kalau dilihat dari segi potensi untuk menambahkan cukai, kita lihat perkembangan ekonomi, apa yang diumumkan Perdana Menteri suku pertama tahun ini, *economic growth* dengan izin 5.9%, suku kedua 6.2% dan baru-baru ini diumumkan oleh Perdana Menteri 6.7%. Ini adalah potensi-potensi untuk menambahkan hasil kepada kita.

Dari segi pendapatan cukai langsung, cukai tidak langsung dan pendapatan bukan cukai. Pendapatan bukan cukai pun banyak juga daripada segi pendapatan daripada syarikat-syarikat kerajaan yang banyak. Jadi kalau dilihat laporan yang terakhir nilai syarikat-syarikat kerajaan bertambah hampir 80% lebih kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Ini adalah perkara-perkara yang menggalakkan yang saya kira boleh menambahkan hasil walaupun kerajaan mengurangkan kadar cukai, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, cukai yang akan kita dapat untuk tahun hadapan dengan langkah yang diambil ini, adakah ini akan mencecah RM80 bilion untuk hasil kita, Tuan Yang di-Pertua. Selain itu juga, dengan kenaikan harga minyak antarabangsa ini, apakah yang dianggarkan subsidi yang akan dikenakan, adakah ini akan lebih daripada RM40 bilion bagi tahun depan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa pendapatan kerajaan ialah melalui cukai langsung, cukai tidak langsung dan juga hasil bukan cukai. Jadi berbagai-bagai cara yang kerajaan mendapatkan hasil. Mengikut *projection* yang ada Tuan Yang di-Pertua, anggaran cukai langsung tahun ini ialah dijangkakan RM69 bilion akan dikutip, tetapi mungkin lebih daripada itulah. Tahun depan belum ada lagi *projection*, belum ada lagi unjuran tentang apa yang akan dikutip pada 2008, mungkin lebih daripada RM70 bilion Tuan Yang di-Pertua.

Kita jangan lupa juga Kastam, pun telah meningkatkan aktiviti mereka untuk mendapatkan cukai kastam. Kerja-kerja penguatkuasaan dibuat, tangkapan-tangkapan dibuat untuk supaya tidak berlaku kebocoran. Dalam hal pendapatan daripada hasil minyak contohnya Tuan Yang di-Pertua, memang harga minyak meningkat. Harga minyak meningkat maknanya pendapatan negara meningkat, pendapatan daripada Petronas, dan syarikat-syarikat yang lain juga meningkat Tuan Yang di-Pertua daripada segi petroleum *tax*, royalti dan sebagainya memang meningkat Tuan Yang di-Pertua. Pada masa yang sama memanglah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kepong, kalau kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk mengurangkan subsidi maka kalau minyak itu, *crude oil* kalau harganya meningkat maka kita akan terpaksa menambahkan lagi subsidi.

Jadi hasil bertambah dan subsidi bertambah. Ini kita kena cari kaedah untuk nak *balance* balik Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965 di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG
HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN)(PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ANTARABANGSA
MENGENAI SPESIES TERANCAM 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk melaksanakan Konvensyen tentang Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dan Usul Anggaran Pembangunan 2008 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” ***[Hari Ketujuh belas]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Maksud B.45 [Jadual] –
Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2008] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Dijemput Larut.

11.35 pg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya nak turut mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Belia dan Sukan B.45 di bawah butiran 20200, 02020 - Pembangunan Sukan. Pertama sekali saya nak tanya kepada Kementerian Belia dan Sukan, kenapa Persatuan Sepak Takraw Malaysia menarik diri daripada Kejohanan Sukan SEA yang sedang berlaku di Korat.

Ini merupakan satu sejarah hitam, tak pernah berlaku sedangkan takraw adalah merupakan permainan tradisi semenjak Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kalau di Eropah seluruh dunia tahu bahawa England adalah pasukan yang memperkenalkan bola sepak, mereka kalah, malu, malu besar. Takraw, kenapa ini berlaku? Di mana silapnya? Saya meneliti laporan-laporan dari Korat, ialah sukan SEA ini bermula daripada esok Tuan Pengerusi, 6hb ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sangkaan jahat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...dan akan berakhir pada 15 Disember. Sebab saya timbulkan perkara ini pertama banyak implikasinya. Hari ini kita bercakap soal nak mendapatkan hak sukan Asia kita gagal, tidak dapat, sukan Olimpik dulu kita gagal, dapat kepada China. Sekarang ini kita sedang berkempen hendak mendapatkan kejohanan Junior Olimpik, tiba-tiba hari ini sukan sepak takraw menarik diri oleh sebab kerana bola. Bola takraw yang kononnya tidak sesuai iaitu bola Marathon Gen II, kononnya ini boleh menyebabkan berlaku kecederaan. Kononnya mengikut laporan, bola ini sepatutnya diberi peluang enam bulan untuk diguna pakai, dikenal pasti oleh semua negara-negara yang terlibat. Namun dimaklumkan bahawa cuma lima bulan Tuan Pengerusi, jadi sebulan kurang.

Maka sebab PSM ataupun Persatuan Sukan Sepak Takraw kita ini mengambil keputusan menarik diri. Soalnya sekarang, siapa yang berkuasa? Sama ada persatuan itu atau Majlis Sukan Negara yang menyebabkan keputusan ini diambil.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya terpanggil Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya memang nak bagi pada Sri Gading. Nantilah kejap, bagilah saya, ini bukan demonstrasi Yang Berhormat, bagi saya satu lagi peluang. Biar habis sikit, saya memang nak bagi. Nantilah, saya akan bagi, biar habis sikit, saya akan bagi pada Sri Gading kerana dia merupakan Presiden Sepak Takraw Negeri Johor. Sila.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Larut. Saya tidak tahu apa maksud yang tersirat, yang tersemat di hati Yang Berhormat Larut membangkitkan tentang penarikan diri Persatuan Sepak Takraw Malaysia dalam pertandingan yang diadakan di Thailand ini. Sama ada dia macam menyokong atau menyentap, saya tidak faham. Jadi kita menarik diri kerana ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak masuk ke butiran, tidak ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya nak minta penjelasan tetapi penjelasan harus agaknya dimulakan dengan penerangan. Kalau tidak dia tak jelas, macam mana dia nak menjawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, tak apalah saya dah faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Buang masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebenarnya, apa yang saya maksudkan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, ISTAF tiba-tiba gunakan bola yang bukan sepak takraw yang asal, itu sebab kita tarik diri, bukan tak ada sebab. Sepak takraw Malaysia adalah antara Persatuan Bola Sepak Takraw yang tertua di ISTAF. Jadi jangan pandang rendah kepada Sepak Takraw Malaysia kerana ia menjadi pengasas kepada ISTAF dan ia pejuang, Allahyarham Tan Sri Khir Johari.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nanti sekejap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini *floor* saya, saya dah faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan kita salahkan Persatuan Sepak Takraw, sepatutnya supaya rakyat Malaysia pertahankan Sepak Takraw Malaysia untuk menghentam ISTAF. ISTAF yang buat keputusan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah, okey. Tuan Pengerusi, ini *floor* saya, bagilah peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan Malaysia sahaja, Thailand pun. Saya pun nak bercakap tentang bola Tuan Pengerusi, saya pun ada hak juga nak bercakap tentang bola.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh berucap nanti.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya agak kesal kerana...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...tapi saya pun nak kena bela sepak takraw Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sri Gading duduklah. Saya bukan mengata siapa. Saya hendak minta pada...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak minta penjelasan, seolah-olah macam sepak takraw Malaysia salah pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, cukuplah Yang Berhormat Sri Gading. Janganlah kacau saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apasal Tangga Batu campur pula. Tangga Batu main gasing sahajalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bangkitkan perkara ini bukan hendak menidakkan sesiapa. Sebab saya mengatakan tadi Sri Gading jangan masuk terus bertanya, dengar dahulu. Saya bukan hendak menyalahkan sesiapa tapi saya rasa kesal kerana ini boleh menjejaskan usaha kita untuk mendapatkan Kejohanan Junior Olimpik. Itu sahaja. Kalau kerana isu bola yang dipertikaikan selesaikanlah. Yang Sri Gading melenting ini pasal apa? Saya bukan hentam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bukan melenting Tuan Pengerusi. Saya hendak buat penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini siapa punya *floor* ini? Okey, okey cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sepak takraw ini Tuan Pengerusi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, kalau begini rupanya saya tak boleh hendak berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ....ISTAF kita memang berharap supaya sepak takraw...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... akan dimainkan di Olimpik satu masa nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya patuh peraturan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kali ini siapa yang berucap Tuan Pengerusi? Saya atau siapa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya dapat laluan daripada Tuan Pengerusi dan juga...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya hendak menggunakan Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Astaghfirullah alazim. Kalahlah saya Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta Sri Gading jangan mengganggu saya tengah berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Larut guna peraturan, kalahlah saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan ganggu Larut. Cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya jangan ganggu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya hendak bercakap untuk kebaikan kita. Sebab saya hendak bangkitkan ini Sri Gading jangan terasa saya tahu dia Presiden Takraw. Saya tak menyalahkan sesiapa. Saya bertanya kepada kementerian, kepada Majlis Sukan Negara kenapa ini berlaku. Itu saya tanya. Bukan saya kata pada Sri Gading. Nanti Sri Gading berucaplah sebagai presiden. Kalau kerana bola...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat saya tak benarkan Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, ini bukan soal Sri Gading. Ini soal sepak takraw Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya menggunakan Peraturan Mesyuarat, saya tak benarkan Tuan Pengerusi. Saya tak benarkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Larut kata ini soal Sri Gading. Ini tak ada kena-mengena Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut sendiri yang kaitkan Sri Gading. Jadi tak perlu sebut nama Sri Gading. Cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan, kerana dia Presiden Sepak Takraw Negeri Johor. Okeylah kalau bukan, tak apalah. Sudah tarik diri? Sudah tarik diri? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut masa cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soal presiden sepak takraw negeri yalah tapi janganlah seolah-olah ini salah Sri Gading. Ini masalah negara Tuan Pengerusi. Kita punya Persatuan Sepak Takraw Malaysia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh berucap...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sekali lagi pada MSN...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi Larut kena pertahankan jugalah. Soal bola kalah, bola teruk, bola sudah tak ada itu soal dialah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ingat Sri Gading kena pergi *check* lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kena dengar betul-betul apa yang saya hendak hujah hari ini. Dia hilang saya punya fakta. Tadi saya hendak sokong sudah tak boleh hendak sokong sudah.

Beberapa Ahli: Cukuplah, cukuplah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi ini pertama kali berlaku Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Masuk kepada bola lainlah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini serius. Tuan Pengerusi, ini serius Tuan Pengerusi. Jangan main-main. Ini maruah negara. Siapa hendak jawab ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kerajaan akan jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu saya bertanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri akan jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebab apabila penarikan berlaku akan timbullah nanti tindakan-tindakan. Saya merujuk...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ISTAF membuat keputusan jadi....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini apa ini Tuan Pengerusi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...soalnya kita pun hendak kena jaga kepentingan kita Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya menggunakan Peraturan Mesyuarat. Jangan ganggu saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini soal ISTAF Tuan Pengerusi. Ini bukan soal....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta jangan gunakan sebab saya ada kaitan benda ni hendak bercakap isu sukan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sabak Bernam bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti kalau Sri Gading hendak berucap, berucaplah lepas ini. Jangan ganggu saya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti kejap, bagi saya habis. Saya baru mula.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya ingat Sri Gading ini dia termakan cili.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti tak faham. Biar saya faham dahulu. Sebab bagi saya kita nampak sudah bahawa takraw ini boleh membawa kilauan emas kalau ia mengambil bahagian. Jadi saya minta kepada OCM (Olympic Council of Malaysia), MSN duduk berbincang. Jangan lagi ini berlaku pada masa akan datang. Itu yang saya hendak cakap kerana ini adalah merupakan imej. Kalau katakan PSM membuat keputusan mengambil keputusan apa puncanya. Keluarkan kenyataan sebab hari ini saya baca Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Dato' Zulkifli Embong. Dia tak ada di sini, dia ada di Korat. Yang ada di sini saya nampak Dato' Dr. Ramlan iaitu Ketua Pengarah Institut Sukan Negara.

Jadi sekarang ada dua ketua pengarah. Siapa saya hendak rujuk? Mengatakan Majlis Sukan Negara akan mengkaji semula hala tuju takraw Malaysia kerana mereka telah mengeluarkan bajet. Itu yang saya hendak tanya itu. Sebab kita tak mahu ini berlaku. Ini amat memalukan seolah-olah menuding jari. Menuding jari ini jadi masalah kita. Bagaimana kita hendak maju dalam sukan kalau kita asyik....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...menuding jari. Saya bagi pada Sabak Bernam dahulu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Larut. Saya setuju bahawa isu ini harus menjadi isu kita bersama isu negara sebab takraw ini sebenarnya bagi Sabak Bernam...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Takraw.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Takraw, okeylah saya setuju dengan Sri Gading buat kali pertamanya. Setuju. Ini milik negara kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: ...sebenarnya kita yang membawa masuk. Saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat Larut sebenarnya ciptaan kepada libas kuda ini dahulu tekong melibas mati ini sebenarnya ciptaan Malaysia. Tapi nampaknya persatuan negara kita tidak dapat membawa itu untuk diperkenalkan. Tapi apabila Thailand memperkenalkan nampaknya ia menjadi satu agenda yang khusus. Jadi nampaknya perkara ini pun perkara yang sama telah dilakukan oleh Thailand. Saya ingat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Sabak Bernam.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sama, sedikit. Sambung sedikit sahaja Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada lagi?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sedikit sahaja, takraw ini. Tuan Pengerusi, Larut terima kasih. Saya tertarik takraw ini dan kita baca di

akhbar yang menyebabkan tarik diri ini adalah kerana sepak takraw itu sendiri yang merangkumi tiga negara Singapore, Thailand dan Malaysia. Inilah asasnya takraw ini dan saya salah seorang yang berkecimpung dalam takraw ini sejak tahun 60-an lagi dan dalam MSN saya juga jurulatih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Jadi saya hendak tanya pendapat Larut kerana ini adalah satu jawatankuasa di peringkat nasional seharusnya perkara ini tidak berlaku oleh kerana sebab sepak itu disalutkan dengan getah dan asalnya takraw ini bukan disalutkan dengan getah. Jadi ada satu jawatankuasa khusus dan jawatankuasa yang ada di Korat ini pun tak tahu perkara ini. Apa pendapat Larut? Seharusnya tidak berlaku di sebuah negara macam Malaysia. Kalau ianya dipertandingkan insya-Allah kita dapat kemenangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey terima kasih, terima kasih. Kuala Selangor hendak tanya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia minta Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya hendak menambah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pasal ini jarang-jarang berlaku Tuan Pengerusi. Jarang-jarang berlaku, 50 tahun kita merdeka ini baru berlaku. Jadi kita bagilah masa sedikit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, saya fikir amat memalukan juga sebab PSM dituduh menghasut negara-negara lain yang mengambil bahagian dalam pertandingan sepak takraw. Saya hendak tanya Yang Berhormat Larut adakah bersetuju MON (Majlis Olimpik Malaysia) mengambil tindakan terhadap PSM.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itulah saya katakan tadi kalau mengikut laporan Tuan Pengerusi walaupun kepimpinan sepak takraw antarabangsa mengatakan bahawa hanya Malaysia kononnya terlibat. Tapi ikut laporan semalam Myanmar pun merungut selepas menggunakan bola tersebut ada pemainnya mengikut laporan saya tidak tahu sebab kita tak ada peluang hendak pergi ke Korat kerana kita bersidang dalam Parlimen. Cedera dan dia juga kononnya mengikut laporan juga mungkin mengambil tindakan yang sama sebagai mana PSM.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Masalahnya sekarang ialah kita minta supaya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, masalah ini macam Kuala Krai kata sepak takraw ini asalnya rotan Tuan Pengerusi. Apabila salut getah dan saya difahamkan Setiausaha Agung ISTAF yang punya kilang ini. Ini kadang-kadang kita ada syak wasangkalah Tuan Pengerusi. Sebab itu kita bantah supaya kembali semula kepada sepak takraw...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, boleh saya tukar kepada tajuk lain?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tukar, tukar tajuk... Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... Asal dan semua negara boleh menerima dengan senang hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, janganlah kita ada peraturan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, jadi saya tak hendaklah Larut, macam Kuala Selangor...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup, cukup! Yang Berhormat! Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... Sabak Bernam seolah-olah sepak takraw Malaysia salah pula. Kita kena bela jugalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Yang Berhormat Larut, Sri Gading sila duduk. Yang Berhormat alih kepada bola yang lain. Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bola lain? Apa bola lain sudah kalah. Apa mahu cakap bola lain lagi Tuan Pengerusi. Bola lain sudah kalah. Ini sepak takraw.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, saya minta Sri Gading pergi *check* lah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mana boleh dia cakap tentang bola lain. Bola sudah kalah teruk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta Sri Gading pergi *check* lah. Saya bimbang juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya hendak beralih kepada selain daripada takraw. Tadi takraw sudah buat pertanyaan ini satu lagi pertanyaan kepada Majlis Sukan Negara tentang pusat kecemerlangan yang kononnya tidak dibenarkan di London baru-baru ini. Jadi kita hendak tahu seramai 24 orang atlet junior kita yang sedang menjalani latihan di pusat tersebut bagaimana kedudukan mereka ini. Tengah-tengah berlatih di sana Tuan Pengerusi mendapat dengan alam sekitar dengan begitu baik hendak tengok negara orang sekurang-kurangnya bawa balik satu pengalaman baru tiba-tiba tak dapat meneruskan latihan mereka.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Kenapa tak dapat meneruskan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kerana ini tak boleh buat. Mambong bangunlah kalau hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah mengambil masa panjang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi saya mintalah kepada pihak kementerian Majlis Sukan Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan tentang kedudukan masa depan sebab saya berasa bangga Tuan Pengerusi bukan atlet kita tak boleh.

Kita boleh. Malaysia boleh. Selepas Slyvia Ng, pemain badminton wanita kita hari ini telah dapat mengalahkan pemain nombor satu dunia. Selepas pemain Slyvia Ng dan beberapa orang lagi tidak ada. Baru ini muncul, seorang pemain wanita yang dapat mengalahkan pemain nombor satu dunia.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bintulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini satu kebanggaan. Itu saya katakan tadi kita boleh tetapi masalahnya ialah macam yang saya katakan tadi. Silakan Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlupalah, minta maaf. *[Ketawa]* Pasal tadi sudah hebat. Dia orang sudah bergaduh, sudah hilang ingatan sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat muda lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat bagi Larut, saya mahu minta penjelasan. Dalam Badminton Terbuka China, kita sudah tahu bahagian wanitanya Malaysia sudah menang iaitu Wong Mew Choo dan juga di bahagian lain kita sudah menang naib johan iaitu Lee Chong Wei. Tetapi nampaknya sampai dia sudah menang kita tidak nampak apa-apa penghargaan daripada kerajaan terutama sekali daripada Kementerian Belia dan Sukan. Kita sudah menang *moral support* pun tidak ada. Dalam surat khabar pun keluar di muka belakang di bahagian bawah sekali. Kalau yang lain-lain semuanya keluar di muka hadapan surat khabar. Sepatutnya kita janganlah mengira bangsa sama ada Cina, Melayu, Iban atau bangsa-bangsa lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa yang berucap?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya bantu berucap sikitlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah bantu. Soalannya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kementerian belum lagi membuat apa-apa penghargaan kepada kedua-dua mereka ini. Saya difahamkan baru-baru ini dia main lagi di Hong Kong sudah kalah. Kemungkinan tidak ada *moral support* daripada kementerian. Setuju atau tidak, Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Setuju. Bagilah penghargaan, dia sudah bawa nama negara. Kalau tidak diambil oleh pihak pembangkang untuk menghentam kita.

Last sekali Tuan Pengerusi. Saya hendak bawa perkara ini. Saya hendak tahu dan membangkitkan perkara mengenai lambakan pelari-pelari dari benua Afrika yang datang ke negara kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti sekejap, saya habiskan dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebelum berlari.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Masa saya sudah habis. Kebanyakan mereka ini, Tuan Pengerusi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, ini penting, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Janganlah. Biarkan saya dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju. Saya setuju.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pasal kalau Yang Berhormat bagi Larut pergi bercakap yang lain...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, janganlah ganggu. Saya hendak habiskan ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, hari ini seorang satu jam ke?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan, dia orang ganggu saya. *Last* ini, Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau begitu kita pun sokong juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, saya perlu juga beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, ya. Saya hendak bangkitkan ini sebab ini kena mengena dengan negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, dalam satu minit selesaikan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya selesaikan. Jangan ganggu. Tolong dengar baik-baik. Saya ulang balik. Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan ialah lambakan pelari dari benua Afrika yang datang ke negara kita ini. Setahu saya kebanyakan pelari benua Afrika ini adalah datang belajar di institut pengajian tinggi sama ada di swasta ataupun awam tetapi yang ini agak berbeza. Kebanyakan mereka ini saya lihat berlari setiap pagi secara berkumpulan antara lapan orang termasuk pelari wanita Afrika di kawasan-kawasan kediaman. Tolong ambil peringatan terutamanya di Taman Connought, Cheras; Balakong, Taman Cheras Jaya, Bandar Tun Hussein, Cheras; Alam Damai di Kuala Lumpur. Mereka ini mempunyai banyak kumpulan. Saya dimaklumkan kumpulan pelari Afrika ini menyertai banyak pertandingan larian tempatan dalam negara kita ini. Saya melihat mereka ini telah menjadikan pertandingan ini sebagai mata pencarian mereka. Bagaimana orang-orang di Malaysia ini tidak tahu perkara ini?

Saya tidak menafikan bahawa kehadiran mereka ini memberi saingan positif kepada pelari-pelari tempatan kita. Betul, tetapi yang menjadi tanda tanya dan kemusykilan ialah mereka ini mempunyai ejen tertentu atau orang tengah. Malah maklumat yang saya terima sejumlah wang yang mereka menangi dibayar kepada orang-orang tertentu. Ini maklumat yang saya dapat. Malah saya juga tertanya-tanya atas kapasiti apakah pelari-pelari Afrika ini datang ke negara kita ini sama ada di atas visa pelancong, pekerja, pelajar ataupun ahli sukan? Saya mohon penjelasan sama ada Kementerian Belia dan Sukan tahu ataupun tidak, ataupun sama ada Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia mengetahui perkara ini ataupun tidak. Dengan ini Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

11.55 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya pendek sahaja. Perkara yang pertama Pembangunan Belia dan Sukan Butiran 020000. Saya mahu bertanya apakah kedudukannya sekarang khasnya mengenai penolakan cadangan untuk mendirikan *High Performance Trainning Centre* di Tun Abdul Razak Research di Brickendonbury, London oleh kerana ada kenyataan dari pihak kerajaan bahawa mungkin kerajaan mengkaji kemungkinan untuk membuat rayuan (*appeal*) kepada British East Herts Council yang menolak cadangan ini. Cadangan yang pada awalnya ialah untuk satu *centre* yang membelanjakan sebanyak RM497 juta dan selepas itu dikurangkan kepada RM70 juta. Sungguhpun cadangan ini sudah ditolak tetapi sudah berbelanja sebanyak RM2 juta. Kita mahu tahu bagaimana wang RM2 juta ini dibelanjakan? Siapa yang belanja? Bolehkah kita mendapat satu *full detail costing of* RM2 juta? Bukankah ini semua satu pembaziran dan tidak patut dikenakan? Adakah satu tindakan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab supaya dikutip balik wang RM2 juta itu daripada mereka yang bertanggungjawab kepada pembaziran ini?

Ini wang rakyat! Apabila Lai Yok Shan yang hilang tangan minta *compensation* sebanyak RM60,000 sahaja, sepatutnya RM2 juta itu dibayar kepada Lai Yok Shan, bayi di Klang yang hilang tangan oleh kerana kecuaian pihak Hospital Klang.

Kita mahu tahu oleh kerana majlis ada katakan dengan izin bahawa majlis adalah dengan konsistennya ada menasihatkan kerajaan mengenai *constraint* untuk mendirikan *centre* itu di Brickendonbury oleh kerana *Green Belt Policy*, oleh kerana *site's remoteness*, dengan izin, *the listed mansions and the historic parkland the Council had been doubtful about how outdoors sports facilities would had stimulate satisfactory and be accommodated within the historic garden landscape.* Kita mahu tahu apakah kedudukannya. Adakah idea ini sudah 'dikebumikan' - *buried once and for all* atau ini akan dihidupkan semula.

Kedua, saya bersetuju kali yang pertama dengan Yang Berhormat bagi Larut mengenai sepak takraw oleh kerana apa yang berlaku di SEA Games ini sangat memalukan. Kita perlukan satu penjelasan daripada pihak kementerian. Menteri pun

marah oleh kerana kenapa dia tidak dirunding dan Majlis Sukan Negara pun tidak memberitahu sebelum itu mengenai apa yang berlaku kepada Persatuan Sepak Takraw. Kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading menjadi presiden, ini tidak betul dan patut dikutuk oleh kerana tidak ada *consultation* sebelum satu keputusan dibuat. Sama ada patut dibuat atau tidak patut dibuat itu hal yang kedua tetapi perlulah satu *consultation* oleh kerana mendapat wang daripada kementerian. Kalau semua wang daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading itu hal yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebenarnya oleh kerana...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti. Nanti orang bercakap. Sebenarnya oleh kerana masa yang singkat, nanti boleh jawab.

Sebenarnya dalam perkara ini saya ada pernah membangkitkan hal Persatuan Sepak Takraw...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini ISTAF, dua perkara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: PSM sebahagian daripada anggota ISTAF. ISTAF buat keputusan yang tidak direstui oleh anggota keluarganya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, okey. Nanti, nanti boleh jawablah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita tunjukkan kita punya pendirian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat bagi Sri Gading ada *chance*lah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan main-main soal prinsip dalam takraw.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebenarnya saya pun pernah bangkitkan hal Persatuan Sepak Takraw Nasional di Johor. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berjanji untuk membuat jawapan, tidak. Oleh kerana saya kata kenapa dalam Perlembagaan atau persatuan ini terhad kepada bumiputera sahaja, bukan untuk semua kaum. Ini tidak patut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bantah. Sepak takraw tidak perkauman. Pemain Johor pernah ada pemain India. Pemain Cina pun ada, bukan tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, bukan. Tetapi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kadang-kadang belia India dan Cina tidak minat. Belia Cina suka main badminton.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tetapi Majlis Lembaga untuk semua kaum, kenapa terhad dalam perkara ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya nafikan, Sepak takraw tidak ada perkauman. Tuan Pengerusi, saya hendak betulkan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini isu lain. Ini bukan kedai kopi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak betulkan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, tidak ada perkauman dalam sukan kita. Dalam negara ini tidak pernah ada perkauman.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Di sini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak ada. Tidak ada. Kita nafikan. Tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Di sini saya pun ada bangkit dahulu kenapa ada *Malay Cricket Association, Chinese Football Association* dan wang diberi oleh kementerian kepada persatuan-persatuan ini ialah *race based* dan bukan kepada *national organization*. Ini bukanlah satu pilih kasih sahaja dan juga satu contoh yang tidak baik untuk menyatukan rakyat jelata dan saya harap kita boleh dapat satu jawapan yang baik dalam perkara ini.

Akhirnya, dalam SEA Games ada dua rombongan – rombongan A dan rombongan B. A ialah yang dianjurkan dan dipilih oleh *Olympic Council* dan dapat peruntukan kewangan. B ialah tidak dipilih oleh *Olympic Council,* tetapi dipilih oleh Majlis Sukan Negara dan patutlah wang yang disalurkan oleh Majlis Sukan Negara sepatutnya untuk atlet-atlet dan *sportsman* untuk pergi SEA Games, tetapi sebenarnya tidak berlaku. Orang yang pergi menggunakan wang itu ialah pegawai-pegawai.

Apa yang kita ada di Bangkok sekarang ialah satu mini Majlis Sukan Negara. Apa guna? Tidak perlu mereka pergi. Siapa yang patut pergi ialah *the athletes, the sportsman and woman*. Kenapa pegawai pergi SEA Games dengan wang yang diperuntukkan? Inilah penyalahgunaan wang itu. Kita tidak perlu satu *mini sports council* di Bangkok. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kelana Jaya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pegawai tidak ada, siapa mahu jawab?

12.02 tgh.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin masuk berkaitan Butiran 02007 – Kompleks Sukan Komuniti. Tuan Pengerusi, dalam butiran ini kita lihat bahawa sejumlah besar peruntukan yang disediakan untuk pembinaan kompleks sukan komuniti dan saya masih ingat bahawa pihak menteri pernah janji, bahawa semua kawasan Parlimen akan dibina kompleks sukan komuniti tetapi sampai sekarang saya hendak tanya, berapakah kompleks telah pun dibina dan mengapakah kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan Parlimen Kelana Jaya dan lain-lain lagi belum ada kompleks sukan komuniti seperti mana yang dijanjikan. Ini perkara yang pertama.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, tentang Butiran 020200 – Pembangunan Sukan. Tuan Pengerusi, di dalam rancangan kementerian ada satu program yang dipanggil Program Sukan Malam dan memang mendapat sambutan yang baik pada awalnya, kerana Program Sukan Malam ini dianggap dapat membantu menangani masalah sosial di kalangan belia dan remaja yang berkeliaran ataupun melepak di waktu malam, khususnya di kawasan ataupun di taman-taman rekreasi yang tertentu di kawasan bandar.

Sehingga sekarang ini kita nampak bahawa Program Sukan Malam ini ada rungutan bahawa program ini kurang berjaya kerana tidak ada *facility*, tidak ada kemudahan prasarana yang mencukupi untuk diadakan Program Sukan Malam, khususnya di kawasan bandar. Maka ramai belia dan remaja melepak di kawasan-kawasan tertentu dan begitu juga rakan-rakan di kawasan luar bandar juga, merungut tentang hal ini kerana sekiranya tidak ada kelengkapan atau prasarana yang mencukupi, bagaimanakah kita hendak menggalakkan belia-belia di kawasan luar bandar untuk berkecimpung dalam sukan ini supaya mereka dapat menggunakan waktu malam dengan sebaik-baik mungkin. Ini perkara yang berkaitan dengan Program Sukan Malam.

Oleh itu saya mintalah, berapakah belanja yang telah pun dibelanjakan dan digunakan dalam Program Sukan Malam ini dan apakah kemudahan-kemudahan yang telah pun dibina untuk tujuan Program Sukan Malam? Saya minta penjelasan dan penerangan daripada pihak kementerian.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Program Rakan Muda, kita lihat bahawa dalam butiran yang berkaitan sama ada dalam maksud bekalan atau maksud pembangunan, satu peruntukan yang sangat besar telah diperuntukkan untuk penyelarasan dan pelaksanaan Program Rakan Muda, jumlahnya lebih daripada RM60,000,000.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya dari Kelana Jaya. Sukan malam ini memang sudah tumbuh di mana-mana kawasan bandar, terutama sekali futsal, badminton dan banyak lagi. Tetapi apa yang kita pelik sekarang ini, Tuan Pengerusi, adalah kebanyakan tempat ini diusahakan oleh *private sectors*, syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam pembikinan sukan.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kementerian ini dapat memperkasakan lagi usaha kementerian ini, supaya syarikat-syarikat ini ditubuhkan untuk membina atau menyediakan prasarana sukan yang boleh diguna pakai pada waktu malam?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, saya setuju dan menyokong apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Putatan. Memang di kawasan bandar atau di mana-mana pun kebanyakan atau hampir semua kemudahan sukan malam dianjurkan ataupun ditubuhkan oleh syarikat swasta dan tidak ada *facility*, kemudahan sukan untuk sukan malam yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Macam di kawasan saya, saya sendiri yang mengeluarkan peruntukan untuk memasang lampu-lampu di gelanggang bola sepak, gelanggang bola keranjang dan juga futsal supaya diadakan sukan malam. Tetapi apa yang kita lakukan ialah oleh kerana di dalam kawasan bandar atau di mana-mana pun, supaya kita dapat memberikan kemudahan sukan yang *affordable* kepada semua lapisan masyarakat, khususnya remaja dan golongan berpendapatan rendah.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Kelana Jaya. Saya tertarik kerana futsal ini banyak menarik minat anak-anak muda waktu malam untuk bermain bola, tetapi saya melihat banyak gelanggang futsal ini diusahakan oleh orang-orang persendirian dan saya percaya kementerian perlu memberi satu sokongan yang baik. Bukan sekadar sokongan, saya rasa perlu diberi insentif juga kepada pengusaha-pengusaha ini kerana pemain-pemain kena bayar ini. Belia-belia yang pergi main, kena bayar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya memang minta sekali lagilah semua ringkaskan supaya dapat saya memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat berucap. Jadi jangan kerana fikirkan kepentingan diri, lupakan rakan-rakan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, bukan kepentingan diri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, saya minta maaflah. Saya cuma tegur.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey, sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya nampak ramai berminat untuk berucap.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sedikit ya, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Saya hendak tambah daripada apa yang dikemukakan oleh sahabat-sahabat saya tentang futsal ini. Kawasan saya, saya dapat dua padang futsal daripada kementerian. *[Disampuk]* Dua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tetapi ada pun macam tiada. Ada pun macam tiada kerana pembuatannya amat tidak sesuai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin, adakah Yang Berhormat berminat untuk berucap nanti?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Memang minat, Tuan Pengerusi, tetapi ini hal...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, duduk. Kelana Jaya teruskan. *[Ketawa]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membantu. Ya, saya setuju apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu dan apa yang cuba dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin. Memanglah pendirian saya ialah untuk kepentingan rakyat, khususnya lapisan muda di mana merekalah menjadi harapan negara kita. Maka dengan itu saya mintalah pihak kementerian supaya dapat meneliti dan melakukan sesuatu supaya Program Sukan Malam ini dapat benar-benar dibangunkan untuk kegunaan semua orang.

Tentang Program Rakan Muda ini, saya mintalah sebab peruntukan yang begitu tinggi telah dibelanjakan dan kita juga dijanjikan supaya ditubuhkan Kelab-kelab Rakan Muda, tetapi sehingga sekarang belia-belia pun sudah sedia untuk menubuhkan kelab, tetapi apa yang dijanjikan oleh pihak kementerian untuk membantu penubuhan Kelab Rakan Muda ini masih tidak dijalankan lagi. Maka saya minta penjelasan, apakah yang berlaku kerana sekarang ini pun sudah hampir akhir tahun, tetapi peruntukan tidak sampai lagi. Janji masih tinggal janji sahaja. Dengan itu saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu, lima minit.

12.09 tgh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Adolph Hitler menggunakan sukan untuk memberhentikan peperangan tetapi kita berperang kerana sukan pasal masalah takraw tadi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya terus kepada... *[Disampuk]* Adolph Hitler gunakan Sukan Olimpik untuk hentikan peperangan, tetapi kita berperang kerana sukan.

Tuan Pengerusi, Butiran 020300 - Pembangunan Belia di bawah Butiran 020000 - Pembangunan Belia dan Sukan. Saya ingin ucap tahniahlah kepada kementerian kerana telah pun menggubal akta dan sekarang ini akta di dalam proses pelaksanaan dan saya lihat rata-rata di bawah sana, lebih 4,000 pertubuhan-pertubuhan belia yang menuntut mereka dianggotai oleh lebih 5 juta belia di seluruh negara dan berada di dalam satu kedudukan yang tidak keruan Tuan Pengerusi.

Jadi, bolehkah pihak kementerian di Dewan yang mulia ini, peringkat Jawatankuasa ini memperjelaskan apakah *milestone*, apakah perbatuan bagi pelaksanaan akta ini di peringkat akar umbi. Kerana berbagai-bagai pendapat menyatakan sudah ada *road show*, sudah ada penjelasan-penjelasan bagaimana pertubuhan boleh mengalihkan kepimpinan daripada pemimpin sedia ada kepada pemimpin yang lebih muda kerana semangat akta itu meletakkan bahawa semua pertubuhan belia akan didaftarkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang hari ini dipanggil ROY, R.O.Y, *Registrar of Youth*. Kebetulan pula nama ketuanya adalah Roy, digelar Roy.

Jadi Tuan Pengerusi, saya minta pihak kementerian supaya menjelaskan di Dewan yang mulia ini, apakah *milestone*nya dan bilakah *a cut of date*, bilakah tarikh sasaran semua pertubuhan ini boleh dilepaskan kepada belia-belia? Bilakah pula persatuan ini akan boleh didaftarkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan? Apakah pula berlaku kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang tidak ada lagi jenama belia di

dalam pertubuhan mereka? Adakah mereka boleh menubuhkan satu NGO lain di bawah *Registrar of Society* dan sebagainya?

Tuan Pengerusi, saya melihat kepada Mesyuarat Majlis Belia Malaysia yang telah diadakan di negeri Melaka baru-baru ini, rata-rata pertubuhan belia menyatakan kepuasan hatinya terhadap sokongan serta dokongan kementerian kepada kegiatan-kegiatan yang telah berlangsung di peringkat akar umbi. Apa yang menjadi persoalannya ialah kuantum, nilainya. Mengapakah pihak kementerian kena menyebut tentang begini banyaknya bantuan telah diberi kepada Majlis Belia Malaysia yang menaungi keseluruhan pertubuhan-pertubuhan belia di negara kita.

Tuan Pengerusi, kita bercakap tentang pembinaan masa hadapan negara. Kita boleh menyediakan negara untuk masa hadapan belia tetapi kita tidak boleh menyediakan belia untuk masa hadapan negara. Itu yang kita nampak apabila adanya kenyataan yang menyatakan sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan untuk pertubuhan-pertubuhan belia seluruh negara. Ini kenyataan mungkin menyinggung ahli-ahli pertubuhan belia kerana sebenarnya kita bercakap tentang pembinaan masa hadapan negara. Nilainya bukan RM500,000.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut tentang Butiran 020500 - Pembangunan Ekonomi Belia. Tuan Pengerusi, pembangunan ekonomi belia ini, sekarang kementerian ada menubuhkan satu jawatankuasa dipanggil Jawatankuasa Penggalakan, Majlis Penggalakan Ekonomi Belia. Ini adalah satu inisiatif yang baik oleh pihak kementerian, dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Malangnya, prestasi majlis ini bergantung pada syarat-syarat serta peraturan yang telah diletakkan ke atas institusi-institusi kewangan yang bakal melepaskan kemudahan ini kepada peminjam-peminjam.

Hasilnya, tidak ada peminjam di kalangan kategori belia yang boleh meminjam, menggunakan, mengimplementasikan dan hari ini kerana berbagai-bagai syarat dikenakan. Antaranya, dikenakan penjamin. Siapa yang hendak jamin pinjaman pada hari ini? Kalau guna kredit kad itu, hendak pinjam RM50,000, hari ini dapat, esok boleh pinjam tanpa penjamin dan sebagainya.

Jadi saya takut nanti, skim-skim dana ini hanya menjadi *'gajah putih'* dan tidak diutilisasikan oleh para belia yang memerlukan bantuan kewangan di dalam projek-projek mereka. Namun begitu, Skim Pemberian Hangus oleh pihak kementerian yang bernilai RM2,000.00 ini saya sokong, dan saya ucapkan terima kasih kerana telah ramai para belia yang berniaga secara kecil-kecilan mendapat manfaat daripada skim RM2,000.00 kepada pemohon-pemohon dan peminjam-peminjam. Tahniah dan syabas diucapkan kepada kementerian. Tuan Pengerusi, Program-program Rakan Muda.

Saya telah sebutkan bahawa pegawai-pegawai Rakan Muda di peringkat Parlimen perlulah mengadakan hubungan yang erat dengan Ahli-ahli Parlimen di peringkat kawasan masing-masing. Kerana Ahli-ahli Parlimen ini, mungkin masa mereka agak terhad. Jadi pegawai-pegawai ini perlu diberikan satu senarai tugasan. Di antaranya ialah melaporkan kegiatan-kegiatan yang bakal dilangsungkan kepada Ahli-ahli Parlimen secara langsung pada tahap harian, mingguan dan mungkin juga bulanan.

Saya mendapat rungutan daripada rakan-rakan yang menyatakan bahawa ada Ahli-ahli Parlimen yang tidak tahu pun apa kegiatan yang dilangsungkan oleh pegawai-pegawai Rakan Muda di peringkat kawasan Parlimen ini. Tetapi kalau mereka diberikan satu tugasan tetap...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Satu tugasan, senarai tugas tetap iaitu melaporkan kepada Ahli Parlimen, saya yakin pegawai-pegawai Rakan Muda di peringkat Parlimen ini akan menjadi pelengkap kepada hasrat kerajaan untuk melihat belia kita ini menjalankan kegiatan-kegiatan yang positif sekali gus menghindarkan gejala sosial daripada terus berkembang. Jadi cukuplah Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

12.15 tgh.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada beberapa Butiran. Yang pertama, di bawah Butiran 00100 - Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Masyarakat Malaysia berasa tergamam apabila dapat laporan daripada Ketua Juru Audit Negara yang mendapati banyak perkara atau kelemahan yang didapati di dalam laporan tersebut. Saya berharap kementerian mengambil iktibar tentang kelemahan dan juga prosedur dalam pembinaan IKBN dan juga membekalkan perkakasan kepada IKBN ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin membicarakan satu perkara di mana setelah insiden ini, walaupun BPR telah masuk mengambil tindakan dan saya rasa kita mengalu-alukan tindakan BPR. Kalau kita melihat perkembangan pembinaan IKBN, saya takut dan saya bimbang bahawa rundingan yang dijalankan sekarang, oleh sebab ada presiden yang tidak bagus, maka ia akan di tangguh dan akan dilengah-lengahkan. Ini juga akan merugikan belia-belia kita. Jadi saya merayu kepada kementerian ini supaya melihat semula untuk menyegerakan IKBN dengan cara yang terbaik. Urus tadbir yang terbaik dalam kita mendapatkan bekalan.

Dalam konteks ini juga, saya ingin mengingatkan kementerian supaya bekalan yang diambil daripada pembekal, jangan kita mengagung-agungkan jenama asing. Saya rasa itu menjadi satu tabiat sesetengah pegawai bahawa jenama yang digunakan adalah jenama yang diimport daripada tempat lain. Saya rasa kita ada *manufacturer* tempatan yang boleh atau mampu membekalkan perkakasan ataupun peralatan yang canggih sekalipun. Saya rasa kita patut memberi peluang kepada mereka untuk memajukan perniagaan mereka dan memberikan peluang kepada mereka untuk membekalkan perkakasan kepada IKBN kerana ini adalah Kementerian Belia dan Sukan.

Yang kedua, apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, sebenarnya adalah satu perkara yang agak relevan. Tabung Ekonomi Belia dahulu telah dibekukan. Kemudian masuk pula Majlis Penggalakan Ekonomi Belia dan sebagainya. Saya dapati dalam Butiran yang ada dalam buku kita ini, iaitu Butiran 020500 - Pembangunan Ekonomi Belia cuma diperuntukkan RM2.89 juta dan Program Pembangunan Usahawan di bawah Butiran 04006 hanya RM5 juta. Bermakna pengurusan ini yang menelan belanja hampir RM3 juta tetapi yang diuruskan hanya berjumlah RM5 juta. Saya tidak tahu di manakah silapnya?

Kita mendengar rungutan daripada masyarakat khususnya daripada belia bahawa selalu kita bercakap wakil rakyat bukan main petah bercakap. Kata banyak ada Tabung Ekonomi Belia yang disediakan, tetapi akhirnya apabila mereka memohon, masalah begitu banyak sekali. Saya mengingatkan kementerian supaya perkara ini perlu diutarakan. Kalau tidak hanya RM3 juta dibelanjakan untuk menguruskan RM5 juta, ianya tidak ekonomik. Saya rasa itu adalah satu perkara yang perlu diperbetulkan dan saya juga berasa bimbang Kajian Pembangunan Belia juga diberi peruntukan RM5 juta.

Saya hendak tahu apakah yang dikaji sekarang? Masalah belia masih banyak. Saya rasa kita sudah tahu. Daripada pemerhatian pegawai pun kita sudah tahu apa yang berlaku. Jadi kita tidak dapat secara perbandingan dari segi kepentingan kedua-dua Butiran yang saya nyatakan. Adalah lebih baik kita membantu rakyat khususnya untuk kita membantu belia-belia yang ingin maju di dalam perniagaan. Saya rasa itu adalah perkara yang perlu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang terakhir sekali Yang Berhormat. Saya rasa satu perkara lagi yang juga perlu diutarakan ialah Program Rakan Muda. Saya mengucapkan tahniah kepada menteri kerana selama ini telah mengupayakan ADUN untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sukan.

Tetapi apabila kita meluluskan peruntukan di Parlimen ianya adalah peruntukan daripada Persekutuan. Di samping kita mengupayakan ADUN-ADUN menjalankan tugas-tugas memberi peruntukan, mereka menjalankan aktiviti-aktiviti sukan, alangkah baik sekiranya wakil rakyat Ahli Parlimen juga dilibatkan bersama. Kerana ini adalah satu masalah yang agak serius, dari segi prinsipnya kalau ini diluluskan dalam Parlimen maka kita juga patut diberi perhatian. Kita tidak mahu apabila ADUN ini...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Selangor.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap sahaja.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Apa yang lebih malang Kelab Sukan Komuniti ditubuhkan di setiap DUN dan peruntukan diberikan oleh kementerian sebanyak RM46 ribu, RM43 ribu lebih kurang dan yang paling malang Kelab Sukan Komuniti di peringkat Parlimen boleh ditubuhkan tetapi tidak ada peruntukan diberikan oleh kementerian, apa pandangan Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebab itu saya mengatakan kita meluluskan bajet atau belanjawan di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi akhirnya kita mengupayakan ADUN untuk membuat kerja-kerja ini. Saya rasa dari segi konsepnya kita kena perbetulkan...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Maran. Perkara yang sama ke Yang Berhormat?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Ayer Hitam, saya hendak sokong pandangan Ayer Hitam dan Kuala Selangor tadi. Kita dalam pentadbiran kerajaan dalam dua keadaan, politik dan juga pentadbiran. Pentadbiran daripada JKKK, mukim, daerah, negeri dan pusat. Dalam politik, cawangan, DUN, Parlimen. Saya hendak setuju dengan apa yang Ayer Hitam itu. Sebab kita tahu bahawa kita bukan hendak marah pada DUN. Terima kasih kepada kementerian kerana berikan peruntukan. Kita hendak penglibatan, di samping Parlimen juga DUN terlibat tetapi dari segi struktur pelaksanaan, kita minta kementerian tolong betulkan. Kita hendak kalau boleh adanya sukan komuniti di peringkat DUN ini kemudian dari DUN kita pergi ke Parlimen supaya apabila kita dapat buat pemilihan tokoh-tokoh sukan di peringkat DUN, dibuatkan pula saringan di peringkat Parlimen, dan kalau boleh kita buatkan di atas terus, di peringkat nasional. Jadi dia ada turutan perpaduan itu. Saya hendak perkara ini diberikan perhatian dan kalau boleh juga peruntukan diluluskan kepada Parlimen supaya dapat kita menurutkan balik pelaksanaan di peringkat DUN, sukan komuniti dan sukan Parlimen, terima kasih minta pandangan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi, memang tepat sekali apa yang telah diutarakan tadi. Sebenarnya saya tidak sedikit pun berasa cemburu peruntukan disalurkan kepada ADUN. Tetapi apa yang kita mahu adalah, apabila kita mengupayakan ADUN menjalankan aktiviti apakah salahnya kita berikan kepada Ahli Parlimen. Kerana masyarakat di bawah ini apabila ADUN memberi sokongan kepada mereka, mereka juga mengharapkan sesuatu daripada Ahli Parlimen. Jadi apabila aktiviti dapat berjalan, bermakna itu akan memberi manfaat yang terbaik di peringkat akar umbi. Jadi sebab itulah perkara ini perlu ditonjolkan dan saya minta Yang Berhormat Menteri yang popular di kalangan ADUN ini juga menjadi popular di kalangan Ahli Parlimen. Jadi itulah harapan kita saya merayu di pihak rakan-rakan supaya perkara ini dapat diperbetulkan, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran sila.

12.23 tgh.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara 02007 – Kompleks Sukan Komuniti. Saya lihat peruntukan sebanyak RM30 juta telah dibelanjakan sepanjang tahun 2007 yang akan berakhir ini dan dalam perkiraan saya tentulah telah dibina dan sedang dibina 15 buah Kompleks Sukan Komuniti di seluruh negara. Saya ingin tahu di mana lokasi Kompleks-kompleks Sukan Komuniti yang sedang dan telah dibina sepanjang tahun 2007 mengikut peruntukan 2007 yang lalu. Saya melihat tahun 2008 ini RM51 juta diperuntukkan dan kalau RM2 juta juga peruntukan diberi untuk satu kompleks sukan bererti 25 setengah kompleks sukan akan dibina pada tahun 2008.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Setengah bagaimana?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: 25 setengah kompleks sukan. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu juga di mana lokasi yang telah dipilih dicadang oleh

kementerian untuk melaksanakan projek Kompleks Sukan Komoniti ini. Saya belum nampak lagi, saya diberitahu bahawa di Negeri Sabah cuma ada tiga Kompleks Sukan Komuniti sukan yang telah diluluskan oleh kementerian hanya tiga. Yang ini pun di kawasan-kawasan yang ada jawatan dalam kerajaan, kerajaan pentadbiran, Menteri, Menteri Sukan, Ketua Menteri, Menteri Sukan Persekutuan, Exco Negeri. Inilah merupakan kriteria. Adakah ini kriteria yang tepat untuk melaksanakan projek ini. Berertinya Kompleks Sukan Komuniti Tuan Pengerusi, kalau Tuan Pengerusi cuma timbalan speaker tidak akan dapat di kawasan Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya? Beluran, saya ingin tanya apakah ini merupakan kepimpinan melalui teladan, iaitu siapa ketua dia dapat dahulu. Adakah ini baik untuk dijadikan sebagai satu sistem ataupun sandaran dalam pentadbiran di kementerian ini. Iaitu *who is the boss, he is the one who gets thing first.* Yang bawah, bawah dahululah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya rasa itu merupakan kepimpinan yang tidak harus wujud di kementerian. Saya melihat Tuan Pengerusi, kita tidak boleh melaksanakan projek ini untuk kawasan-kawasan tertentu, untuk kawasan-kawasan berjawatan. Begitu juga ianya tidak harus dilaksanakan secara dahulu di kalangan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen. Itu merupakan bukan justifikasi untuk mewujudkan kompleks. Saya ingin mengajak kementerian melihat kompleks sukan dijadikan sebagai pusat pertumbuhan desa, pusat pertumbuhan kawasan. Kita harus melihat dari segi ekonominya, dari segi keperluannya dari segi ketiadaan kemudahan-kemudahan sukan yang ada di kawasan itu.

Tidak ada kemudahan sukan, tidak ada padang bola itulah merupakan kawasan-kawasan yang harus diutamakan oleh kementerian dalam mewujudkan program Kompleks Sukan Komuniti ini. Bukan untuk menjustifikasikan pembinaan sukan di kawasan Menteri, di kawasan Timbalan Menteri Sukan, di kawasan Setiausaha Parlimen, bukan itu justifikasinya. Kalau itu dijadikan alasan untuk mengadakan program ini, ianya tidak akan mencapai matlamat untuk memberikan kemudahan kepada seluruh rakyat Malaysia. Saya juga ingin menyentuh tentang perkara Rakan Muda. Ada pegawai yang kita lantik, cadangan daripada kita di setiap kawasan.

Saya tidak tahulah kementerian ini, dia kata kita ada kompleks sukan, tetapi kita tidak ada. Kemudian kita ada program untuk mewujudkan sukan komuniti di peringkat Parlimen, tetapi peruntukan tidak dibagi. Begitu juga dengan pegawai Rakan Muda yang diwujudkan di setiap kawasan Parlimen. Kita tidak melihat sebarang sumbangan yang boleh diberi oleh Ahli Parlimen untuk aktiviti, pelaksanaan aktiviti, pemilihan kawasan, pemilihan peserta kursus, yang dijalankan oleh pegawai Rakan Muda di peringkat kawasan Parlimen. Ini harus diselaraskan, bersetuju dengan Tangga Batu tadi bahawa kementerian harus menyelaraskan ini agar ada sumbangan input daripada Ahli Parlimen terhadap aktiviti Rakan Muda melalui pegawai Rakan Muda yang dilantik oleh Ahli Parlimen, yang dicadang oleh Ahli Parlimen. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Krai.

12.28 tgh.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama ialah Butiran mengenai dengan Pembangunan Sukan - 020200. kita semua harus tahu sukan adalah melambangkan kepada negara, sebab itu saya kira butiran ini adalah penting, iaitu satu Parlimen satu kompleks sukan. Seperti yang diadakan baru ini, Kolej Komuniti apabila kita masuk Dewan ini pada mula-mula lagi Menteri kata satu Parlimen satu Kolej Komuniti ini adalah untuk pembangunan kepada modal insan. Begitu jugalah dengan sukan, kiranya tidak ada kompleks sukan seperti kata tadi ramai daripada rakan-rakan, mana mungkin sukan akan bergema di seluruh negara, padang bola tidak ada, tempat hendak main sukan tidak ada, di sekolah-sekolah pun serupa, di tadika-tadika, di sekolah kanak-kanak yang sebut daripada Gemas kelmarin pun sama.

Jadi ini adalah asas untuk kita mengutarakan sukan, kalau kita hendak bentuk buluh biarlah waktu rebung. Jadi kalau tidak ada tempat sudah tentulah sukan tidak akan maju, dan pembangunan sukan ini juga kita tahu adalah mutu yang begitu baik dan kedua ialah mengenai dengan Pengurusan - 010000. Pengurusan kita tidak begitu

lengkap umpamanya dari segi takraw yang mana kita dengar di Bangkok ini Sukan Sea tarik diri. Seharusnya perkara ini tidak berlaku. Kerana kita Malaysialah yang mengutarakan benda ini masuk dalam SEA Games iaitu Singapore, Malaysia dan Thailand. Akhirnya kita tarik diri, kononnya kita tidak mahu kerana bola ini disalut dengan getah, itu perkara kecil. Dalam dunia globalisasi ini mungkin benda-benda ini kita tidak boleh dah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, sebagai contoh bolehlah tadi sudah banyak masa...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Jadi kita hendak supaya jawatankuasa yang pergi ke Bangkok, di Korat ini mengutarakan kepada satu Jawatankuasa yang sudah pergi bersama-sama. Jangan kita buat keputusan bersendirian kerana kalau main sudah tentu kita akan dapat kalau tidak johan pun naib johan kerana kita adalah asas dalam perkara ini dan benda ini tidak seharus berlaku.

Yang kedua dari segi ini juga kita hendak betulkan iaitulah dari segi 030100 - Pentadbiran Latihan. Latihan-latihan ini kita perlu beri kepada yang muda-muda, yang lama dah bersaralah. Nanti kita hendak tunjuk akta baru kita hendak benda ini sedangkan di parlimen pun kita hendak bentangkan kita yang 40 tahun ke atas dia harus berhenti, tetapi kita masih hendak benda ini.

Inilah yang menyebabkan perkara ini tidak maju dan kita tidak mahu jurulatih-jurulatih ini jangan pilih kasih. Mereka yang betul-betul layak diketengahkan, ada yang setengah yang kaki bangku pun tidak tahu apa pun jadi jurulatih. Kita tidak nak perkara ini berlaku. Saya juga jurulatih tetapi sekarang sudah umur 70 tahun, kita tidak nak perkara ini berlaku. Kita di Malaysia harus bau yang begitu harum namanya tetapi kita hendaklah daripada mereka-mereka yang sudah lama ini masih asyik hendak pergi, jadi pilih kasih ini pun satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat....

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: Kita hendak perkara-perkara ini dapat kita betulkan kerana kita sudah 50 tahun. Jadi kalau kiranya perkara-perkara ini dapat kita betulkan, sudah tentulah tidak timbul tarik diri dan sebagainya kerana ada komuniti, kita ada jawatankuasa. Menteri sendiri pun begitu rasa kesal dan saya berikan penghargaanlah kepada pihak Menteri yang begitu bersungguh pergi sebagai wanita yang di Asia Tenggara ini satu Menteri yang begitu prihatin dan baik sekali dengan pemain-pemain dan juga jurulatih dan pasukan kita. Kita harus meniru ini dan kita hendak supaya negara Malaysia terus maju dan kita tidak nak perkara-perkara ini berlaku lagi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat cukup. Kinabatangan.

12.34 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin[Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada empat perkara iaitu Pembangunan Belia, Kajian Pembangunan Belia, Komuniti Sukan, Pembangunan Sukan iaitu empat butiran.

Saya melihat Tuan Pengerusi, kementerian ini telah gagal melaksanakan tanggungjawab yang di amanahkan untuk menterjemah kedua-dua entiti iaitu sama ada dalam industri sukan itu sendiri dan dalam pembangunan belia itu sendiri. Dalam pembangunan belia, kegagalan kita, kita dapat lihat bagaimana pertumbuhan kumpulan-kumpulan remaja mewujudkan satu entiti iaitu bernama “mat rempit”. Semua ini budak-budak, di mana Rakan Muda pada ketika ini?

Saya melihat memang tidak ada komitmen. Bagaimana peruntukan pembangunan komuniti cuma RM50 juta? Bagaimana kajian pembangunan belia RM5 juta? Apa yang dikaji RM5 juta? Ini pada saya kerja keras tidak memadai sekiranya kita tidak ada pendekatan yang baik. Tidak mencukupi. Menteri kerja, Timbalan Menteri turun kerja macam mana pun kalau tidak guna akal fikiran kalau tidak guna pendekatan yang tepat tidak guna.

Justeru itu saya mahu meminta kementerian ini mengenakan prioriti mengenal pasti mana satu keperluan sekiranya ingin mewujudkan kompleks sukan komuniti.

Mana keutamaan seperti kata Beluran. Jangan pasal ini Menteri, oh keutamaan Menteri. Apa bijak dia? Apa rakyat dapat kalau Menteri semua sapu?

Ini tidak betul, ini persepsi yang terlalu menyimpang jauh. Dalam permohonan sukan saya memang setuju kementerian tidak boleh mengutarakan sesuatu untuk kepentingan sukan. Sukan Sea Games ini adalah sukan perpaduan. Kenapa perlu tarik diri dalam sepak takraw? Kalau dia pakai bola disalut getah, sama juga dia pakai kita pun pakai. Bukannya dia pakai bola getah kita pakai bola kayu.

Ini masalah persepsi organisasi sukan kita. Saya bimbang kalau semua organisasi sukan begini karenah mereka dan saya ingin mencadangkan kementerian mengambil tindakkan kepada Persatuan Sepak Takraw negara kita. Tindakan yang setegas-tegasnya untuk memberi pengajaran bahawa mereka bukan orang yang seharusnya memutuskan sama ada kita menyertai ataupun tidak. Banyak lagi kalau di bagi peluang pasukan-pasukan, pemain-pemain takraw yang boleh layak main, tidak seharusnya mereka. Tidak ada semangat kesukanan, tidak ada semangat mempertahankan perpaduan. Saya, rakyat sakit hati melihat tindakkan sebegini belum bertarung, sudah mati. Inilah berlaku...

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, bagi saya laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir awak sedang berada di luar bincang, tidak payah masuklah Yang Berhormat.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang saya hendak masuk,, kebetulan saya mahu masuk. Saya dukacita apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kenapa hendak ambil tindakan pada PSM? Bola sepak takraw ini, mungkin Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak faham sepak takraw ini asalnya ialah rotan. Habis kalau disalut getah, apa sebenarnya? Bagaimana keaslian sepak takraw? Ini yang diperjuangkan oleh PSM. Jadi ini jangan suka hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, berapa kali Yang Berhormat hendak sebutkan perkara ini?

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, pasal dia minta ini kementerian mengambil tindakan pada PSM, jangan ambil tindakan. Seolah-olah kita merestui keputusan yang bercanggah dengan keaslian sepak takraw Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri yang boleh mencadangkan perkara itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin[Kinabatangan]: Ya.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya harap boleh tarik baliklah Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Jangan ambil tindakan kepada PSM. Saya harap kementerian kena faham sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi saya pun ada hak juga hendak bercakap mempertahankan PSM Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, memang bagi seseorang yang melihat dari sudut yang cetek, memang mereka mempertahankan keputusan yang sebegini. Sepak takraw ini...

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Datuk, ini bukan cetek...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan ada ditulis mesti daripada rotan. Sepak takraw, dia disepak itu sahaja.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, tetapi asalnya. Macam badminton kalau kita tukar pada bola getah apa macam? Takkan pemain-pemain badminton hendak terima? Kalau katalah bola sepak pula tukar kepada rotan pun pemain bola sepak tidak nak terima. Asasnya barang yang dijadikan permainan itu Datuk. Guli, macam mana dikatakan guli?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masa saya sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya bukan cetek, saya luas saya punya pengalaman saya dalam sepak takraw.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan Yang Berhormat yang cetek, tetapi mereka yang membuat keputusan ini terlalu cetek pemikiran mereka. Mereka tidak melihat dari sudut global, dari sudut keseluruhan. Sebab mereka mewakili negara Malaysia, bukan mewakili persatuan itu sendiri. Itu sebab kita kecewa dan memang perlu ada tindakan yang tegas yang perlu diambil. Saya bersetuju dengan Astaf sebab inilah langkah-langkah untuk memberi pengajaran kepada mereka yang tidak tahu yang bersukan.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ah, itu yang saya mahu tunggu daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sokong PSM.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bukan sokong PSM, saya tidak menyokong.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, saya fikir satu hari saya kena ambil tatatertib terhadap Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul-betul, saya setuju Tuan Pengerusi.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya Ahli parlimen yang baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya saya suka semua Ahli Yang Berhormat, tetapi kadang-kadang diputar belitkan. Itu yang sakit hati.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang terakhirnya saya menyeru kementerian ini supaya ada *draw line* supaya ada garis panduan untuk melihat sejauh mana industri sukan kita dapat dipertingkatkan. Bagaimana pula pembangunan belia kita dapat dimanfaatkan.

Hari ini remaja kita terlibat dengan aktiviti dadah meningkat, mat rempit meningkat. Semua meningkat. Jadi mana komitmen kementerian?. Kita gagal kedua-dua, gagal dalam pembangunan sukan. Gagal dalam pembangunan belia. Kenapa kita gagal? Kenapa Menteri tidak mengguna sesuatu pendekatan mencari penyelesaian? Kenapa tidak dimaklumkan dengan kerajaan bahawa kita perlu kewangan yang banyak untuk melihat bagaimana modal insan kita dapat dibangunkan sebab mereka ini pewarisan bangsa kita.

Ini bukan kementerian senang lenang. Bukan hendak tunjuk gagah sana sini. Melawat sana sini sudah cukup. Perlu menggunakan akal fikiran dengan hati yang wajar, dengan hati yang jujur. Tidak boleh buat macam ini. Sebab kalau tidak, semua gagal kita tidak tahu. Saya sudah sebut banyak kali. Kalau di negara Jepun, kalau di Korea, ada menteri dia sampai bunuh diri. *[Ketawa].* Walaupun dia tidak letak jawatan dia bunuh diri terus. Di tempat kita ini kita tidak tahu. Mungkin mereka selesa melihat begitu, jadi perlu ada satu perubahan di kalangan kementerian-kementerian keseluruhannya. Khususnya kementerian yang ada komitmen yang secara langsung dengan masyarakat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu.

12.40 tgh.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya singkat sahaja perbahasan saya itu. Yang pertama saya merujuk kepada 020300 – Pembangunan Belia. Baru-baru ini saya menghadiri untuk merasmikan program jati diri belia di kawasan saya dan saya merasa hairan kenapa dalam program tersebut ke semuanya terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan enam rendah. Kenapa tidak ada belia-belia, tidak ada persatuan di luar sana dilibatkan? Kenapa tidak ada belia-belia persatuan dilibatkan sama?

Mungkin kerana kementerian ataupun jabatan belia di peringkat daerah ini mengambil jalan mudah kerana pelajar-pelajar ini mudah kita himpun di suatu tempat untuk melaksanakan kejayaan program tersebut. Mungkin kerana kalau kita melihat, kenapa pula seolah-olahnya tidak ada program tertentu untuk pelajar-pelajar yang berada yang sedang belajar di sekolah-sekolah pada hari ini. Seolah-olah Kementerian Belia ambil tugas daripada Kementerian Pelajaran.

Saya percaya, walau bagaimanapun, saya melihat bahawa persatuan-persatuan pada hari ini telah diberi pengupayaan dalam bentuk kewangan. Namun, saya percaya ini tidak mencukupi sekiranya program-program yang seumpama ini, yang mana diambil alih oleh Jabatan-jabatan Belia. Sampai bila Persatuan-persatuan Belia ini akan dapat belajar melahirkan pemimpin?

Sedangkan kita melihat di dalam Dewan ini, terdiri daripada Yang Berhormat daripada Kuala Pilah, sahabat saya dari Sabak Bernam. Mereka ini adalah lahir daripada pemimpin-pemimpin belia. Hari ini Persatuan-persatuan Belia, saya nampak sekiranya kita tidak memberi kepercayaan dan memberi keupayaan kepada mereka untuk memimpin dan sebagainya, saya percaya masa depan negara kita akan ketandusan pemimpin-pemimpin satu masa nanti. Ya, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya sangat bersetuju supaya Jabatan Belia ini harus memberi fokus kepada belia yang di luar sekolah terlebih dahulu, yang sebenarnya berpuluh ribu ramainya kalau di Sabak Bernam sendiri saya ada datang. Jadi saya pun bersetuju juga supaya jabatan ini maknanya mengaitkan pelajar khususnya tingkatan lima dan tingkatan enam dalam agenda belia tetapi keutamaan harus diberi dahulu kepada belia yang ada di luar sistem persekolahan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya bersetuju kerana itu adalah pandangan daripada seorang bekas pemimpin belia. Keutamaan memang perlu diberikan kepada belia-belia yang tidak berada di bangku persekolahan. Begitu juga kalau kita melihat kepada bantuan ekonomi belia. Sejauh manakah bantuan ekonomi tersebut diutamakan kepada belia-belia yang ada persatuan? Sebab itu kita lihat hari ini Persatuan-persatuan Belia ini semakin lesu kerana tidak ada penjagaan dan sebagainya. Banyak aktiviti-aktiviti belia tidak diserahkan kepada Persatuan Belia tetapi diambil alih oleh Jabatan Belia dan Sukan di peringkat daerah-daerah. Tuan Pengerusi, saya…

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jalan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Putatan tak perlulah Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Setiu. Setiu, Setiu…

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini soal pengurusan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau habis boleh duduk.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ini Putatan boleh ucap sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, tak payah. Saya hendak minta peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk berucap.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Putatan hendak berucap saya akan beri peluang.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Putatan berucap nanti.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: 02007 – Kompleks Sukan Komuniti. Kalau di kawasan saya memanglah. Kalau dulu kita ingat janji menteri, tetapi ialah kadang-kadang kita rasa ini boleh dilaksanakan; sampai masanya kita ada masalah, tidak mengapa. Namun, kenapa kalau di Jasin sudah ada dua kompleks sukan komuniti ini.

Tiga, futsal boleh ada dua tetapi di Setiu yang ada hanya pengusaha daripada pihak swasta. Saya percaya pembangunan sukan ini untuk masyarakat di luar bandar ini juga perlu diberi keutamaan bagi mengelak anak-anak muda terlibat dengan masalah-masalah gejala yang tidak baik, dadah, sosial dan sebagainya. Saya harap permohonan kompleks sukan komuniti ini dapat dipercepatkan dan kementerian

hendaklah sentiasa berusaha supaya janji-janji beliau ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Terima kasih, saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

12.45 tgh.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 020300 di bawah tajuk Pembangunan Belia dan juga Butiran 020400 di bawah tajuk Penyelarasan Rakan Muda yang saya akan bahas secara serentak.

Tuan Pengerusi, saya ingin ucapkan penghargaan saya kepada pihak kementerian. Memang benar kita ada hasrat untuk melahirkan generasi muda yang kuat dari segi rohani dan juga jasmani. Ada satu aspek lagi Tuan Pengerusi yang saya rasa kita harus memberikan penekanan iaitu dari segi integrasi nasional. Apa yang saya lihat pada masa kini, iaitu wujudnya aktiviti-aktiviti yang melibatkan penglibatan warga-warga Melayu, tetapi ada pula aktiviti-aktiviti yang lain yang mana ada penglibatannya untuk warga-warga ataupun belia-belia Cina sahaja. Saya rasa melalui program Rakan Muda ini kita seharusnya mengambil satu inisiatif supaya kita boleh mengait rapatkan NGO-NGO.

Dalam masyarakat Tionghoa di negara, seperti mana yang kita sedia maklum, memang ada banyak sayap-sayap belia dalam pertubuhan-pertubuhan induk dalam masyarakat Tionghoa dalam masyarakat kita ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh sayap-sayap belia dalam pertubuhan, di bawah payung pertubuhan induk ini, sebenarnya merupakan lebih kurang 70% ataupun 75% daripada arus perdana juga rakan belia bangsa Tionghoa dalam negara kita ini.

Jadi jika kita tidak mencari ikhtiar untuk mengait rapatkan aktiviti-aktiviti daripada sayap-sayap belia ini, saya rasa kita akan hilang satu peluang keemasan supaya kita boleh melahirkan satu pentas komunikasi untuk tujuan integrasi nasional juga. Jadi saya sendiri pun boleh membantu jika perlu, saya rasa selama ini penggerak Rakan Muda dalam kawasan saya cukup erat dengan saya, saya sentiasa diberitahu berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Pejabat Belia dan Sukan. Sayangnya, apabila pergi hadiri merasmikan aktiviti-aktiviti Rakan Muda dalam kawasan saya, saya lihat banyak ruang untuk kemajuan lagi. Kita boleh melipat gandakan penglibatan belia-belia Cina dalam aktiviti-aktiviti ini demi integrasi nasional. juta

Jika kita belum dapat buat itu, saya rasa kita akan menghala tujukan generasi muda kita ke satu arah yang bestari dan juga lestari dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

12.48 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, Butiran 02007. Ucapan tadi daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menunjukkan bahawa pihak kementerian perlu mengkaji semula sesetengah dasar atau peraturan yang tidak seimbang dan telah menghasilkan rasa tidak puas hati. Ini supaya setiap kawasan Parlimen dapat menikmati kemudahan-kemudahan sukan yang akan diberikan oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, satu perkara sahaja yang ingin saya minta penjelasan. Adakah benar pihak kementerian akan mengadakan kerja pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna di kawasan Parlimen Serdang yang akan diletakan di kawasan Bangi dan di kawasan Sri Kembangan? Kalau benar projek ini akan dilakukan, apa sebab Ahli Parlimen Serdang tidak tahu kaitan sebenarnya. Tidak ada maklum balas dibangkitkan kepada wakil rakyat supaya sama-sama untuk memantau, untuk menjadikan kenyataan.

Maka itu saya minta penjelasan. Kalau benar, di mana lokasi yang telah ditentukan di kawasan Bangi dan kawasan Sri Kembangan; dan kos projek ini dan bila akan dilaksanakan? Selain itu sebab apa projek ini tidak sampai maklum balas tidak disampaikan kepada Ahli Parlimen Serdang supaya akan dapat sama-sama untuk melaksanakan kejayaannya.

Tuan Pengerusi, maka itu saya merasa sungutan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi itu telah nyata bahawa banyak perkara ini hendaklah dibetulkan di mana seperti peruntukan kepada DUN, saya sama perasaan dan di mana kita haraplah Ahli Parlimen juga dapat sama untuk menikmati peruntukkan untuk membangunkan sukan dan belia di kawasan kita ini dan juga kita harap dengan adanya peruntukkan yang dibagi kepada Ahli Parlimen supaya sama-sama untuk memajukan ataupun untuk menggalakkan banyak lagi pertandingan sukan dan akan diadakan di kawasan Parlimen Serdang bersama-sama dengan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) untuk memajukan pembangunan sukan dan belia di kawasan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maran.

12.51 tgh.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya nak sentuh beberapa perkara. Yang pertama saya nak ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Belia. Menteri dan juga kakitangan Kementerian Belia kerana sanggup bekerja menghadapi berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh golongan remaja belia kita ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita ada kurang lebih 11 juta belia dan lebih kurang 40% daripada warganegara kita ialah belia. Saya nak kaitkan dengan apa yang disuarakan oleh Tangga Batu tadi bahawa sekarang ini akta dah lulus. Saya minta benarlah kepada kementerian supaya memastikan, saya nak tahu berapa banyak persatuan belia yang telah pun bergerak untuk menubuhkan, mendaftarkan persatuan mereka di bawah akta baru ini dan saya minta supaya benda ini diberikan perhatian.

Kalau kita lihat, saya difahamkan satu tahun saja tempoh diberi. Kalau kerja, rangka yang tidak dibuat oleh kementerian, saya tidak yakin sama ada persatuan ini boleh didaftarkan atau tidak.

Satu lagi saya nak bawa Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah tentang bawah Pembangunan Belia ini iaitu 020300 - Peranan Belia (MBM). Saya pernah terlibat bahkan saya kira ramai daripada pemimpin belia yang tua sekarang ini dah bersedia untuk melepaskan jawatan mereka kerana dia sedar bahawa pemimpin muda adalah bertanggungjawab bagi membantu pemimpin-pemimpin yang lama ini dan saya minta supaya kementerian berikan perhatian kepada MBM ini. Sekarang MBM ialah satu organisasi peringkat belia yang sebenarnya mengintegrasikan belia-belia berbagai kaum ini. Saya nak minta berikan pandangan kepada Kota Melaka yang menyebutkan sikit tadi. Sebenarnya MBM berperanan tetapi saya nak tanya kepada kementerian dan kerajaan, di mana martabat MBM ini diletakkan? Saya minta supaya kerajaan meletakkan kalau boleh di kementerian ini ada sebuah pejabat yang khusus kepada MBM ini supaya mereka dapat sama-sama bergerak bersama-sama berperanan membantu kementerian dan kerajaan dalam membina 41% ataupun lebih 11 juta belia di negara kita supaya mereka ini tidak terlibat dengan perkara-perkara yang tidak baik.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Penjelasan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya tak ada masa. Sikit saja ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih rakan saya daripada Maran. Ini, peranan MBM ini saya rasa kita mungkin lihat daripada sudut kepada '*corporatization'* juga. Kalau kita lihat apa yang berlaku sekarang, tumpuan kementerian ini adalah menggunakan duit kerajaan, wang kerajaan. Kalau kita tengok kita punya bajet, ini tertumpu kepada pengurusan. Pengurusan, pengurusan, pengurusan tapi hasil dia itu agak kalau kita belanjakan dalam RM1, mungkin hasil dia hanya RM0.05 atau RM0.10 saja. Jadi, oleh kerana terlalu ramai sasaran kita ini, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya jika MBM ini, pihak MBM ini melihat kepada syarikat-syarikat yang korporat-korporat boleh membantu kementerian itu memajukan sukan negara kita. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Putatan. Saya setuju tetapi di mana sebenarnya MBM? Sebab itu kita hendak supaya kerajaan berperanan. Kalau saya seperti belia hendak pergi menadah tangan kepada swasta ini, siapa dia pandang kita? Sebab itu saya mencadangkan kepada kerajaan supaya kalau boleh dalam Bajet ini, masukkan butiran khas Majlis Belia Malaysia, berikan peruntukan

sejuta dua juta supaya mereka ini boleh menguruskan persatuan belia ini. Jadi saya minta Tuan Pengerusi supaya diberikan perhatian.

Yang berikutnya ialah dari segi Pembangunan Ekonomi Belia – 020500 dan 640006 – Pembangunan Usahawan Belia, RM2.8 juta dan RM5 juta. Saya nak minta tanya kementerian, saya baru ini kita menghadiri Mesyuarat Majlis Belia Perunding Belia Negeri. Ditimbulkan tentang peluang belia-belia meniaga ini ataupun kemudahan-kemudahan bantuan seperti yang disebutkan oleh Tangga Batu tadi. Saya nak tahu siapa sebenarnya yang bertanggungjawab sebab saya difahamkan mereka yang mengendalikan program ini tidak pun terlibat dengan belia bahkan tidak pun dimaklumkan kepada Persatuan Belia. Saya minta supaya belia-belia ini ada dalam Persatuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Jadi saya minta pastikan supaya pelaksanaan ini dijalankan dengan baik dan saya minta Tuan Pengerusi, beri sikit saja lagi. Ada satu dua. Yang berikutnya ialah Kompleks Sukan Daerah Maran. Tuan Pengerusi, saya minta Kementerian Belia berikan perhatian. Maran ialah satu daerah dan kita di Maran tidak ada kompleks sukan. Kita telah mengemukakan permohonan sebanyak RM6 juta kepada kementerian. Kita ramai belia, kalau tak ada tempat untuk belia bermain, bersukan atau sebagainya, apa kita nak salahkan mereka? Mereka menjadi Mat Rempit, menjadi penyamun, perompak dan sebagainya. Saya minta supaya kementerian masukkan cadangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Satu lagi yang terakhir Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah Kompleks Rakan Muda di daerah dan juga di negeri ini. Maran telah ada Kompleks Rakan Muda. Terima kasih kepada kerajaan dan juga kementerian tetapi kompleks ini terbiar. Banyak kerosakan telah berlaku. Saya minta kementerian tolong berikan perhatian, membuat pembaikan dan kalau boleh kompleks ini belum dirasmikan lagi dan satu lagi ialah di peringkat negeri. Saya kira kerajaan dan kementerian telah membina banyak kompleks-kompleks sukan ini, kompleks belia dan sebagainya tetapi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ... dari segi penggunaan itu cukup tidak memuaskan. Saya nak mencadangkan kepada kementerian supaya kalau ada program-program yang dilakukan oleh kementerian sendiri, oleh jabatan-jabatan kerajaan, gunakan kompleks-kompleks ini. Ini kadang-kadang Kementerian Belia ataupun jabatan-jabatan lain gunakan hotel-hotel besar untuk membuat program, kursus dan sebagainya. Apa salah kita gunakan kompleks yang telah kita buat? Tidak pun, tidak guna kita keluarkan duit yang besar ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ... untuk melaksanakan ini. Saya mohon pandangan saya tadi dan saya minta kementerian mana yang baik ambillah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam, Sabak Bernam. Cukuplah Yang Berhormat. Cukup Maran. Sabak Bernam sila bangun.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ... dan mana yang tidak baik diterima sebagai pandangan kepada kementerian. Terima kasih. Saya menyokong.

12.57 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, Sabak Bernam ingin memberi penambah baikkan sahaja. Jadi cadangan, saranan yang baik itu sebenarnya daripada rakan-rakan segera dilaksanakan. Saya nak timbulkan satu yang khusus ialah kita di Parlimen sebenarnya memang mempertahan dan memperjuangkan supaya peruntukkan bagi Kementerian Belia ini sentiasa ditambah kerana kepentingannya kerana bagi Sabak Bernam, selepas Kementerian Pelajaran yang mendapat peruntukkan yang terbanyak, sewajarnya belia ini diberikan peruntukan sebanyak yang boleh.

Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia. Walaupun diberi RM5 juta yang ditegur oleh Kinabatangan tetapi RM5 juta ini sangat penting, kalau perlu ditambah tapi Sabak Bernam ingin bertanya kajian apa yang telah dilaksanakan. Itu sangat penting dan daripada dapatan kajian itu, apakah tindakan yang telah diambil dan lebih penting daripada itu, apakah impak tindakan itu. Kalau mengambil daripada data yang diberikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor, saya baru dapat pagi ini Tuan Pengerusi. Ini sangat penting. Data ini sepatutnya ada pada setiap Ahli Parlimen di seluruh negara. Kalau mengikut di sini, daripada data yang diberikan, di negeri Selangor dalam *database*nya ada 293,270 belia.

Jadi Sabak Bernam ingin bertanya daripada program dan aktiviti yang di sini kalau saya rumuskan, ada 50 program dan aktiviti yang saya nampak banyak bertindih, berapa peratus daripada golongan belia ini yang telah terlibat dalam program dan aktiviti itu. Saya rasa tidak sampai 10%, kalau 10% daripada 293,270 itu, maknanya ada 29,000 yang akan terlibat. Jadi bagaimana yang lain.

Yang akhirnya walaupun banyak Sabak Bernam nak cakap, kerana memenuhi masa Tuan Pengerusi, Sabak Bernam ingin menyebut mengenai 020500 - Pembangunan Ekonomi Belia. Bagi Sabak Bernam, ini harus diberikan penegasan yang khusus malah peruntukkan yang sebanyak mungkin diberikan secara bertanggungjawab kerana keterlibatan belia ini dalam bidang keusahawanan akan membolehkan belia itu berdikari. Apabila belia itu berdikari dari segi ekonomi, barulah dia boleh memimpin pertubuhan belia itu. Kalau dia sendiri tidak berdikari dari segi ekonominya, maka dia terpaksa ke sana ke mari meminta-minta. Maka dirinya itu tidak boleh menjadi contoh kepada belia-belia yang lain. Oleh kerana itu, agenda pembangunan ekonomi ini sewajarnya diberikan penegasan dan peruntukkan yang khusus dengan agenda yang terbaik.

Paling akhir sekali ialah 020300 – Pembangunan Belia dari segi pentadbiran. Negeri Selangor ini sebenarnya mempunyai belia yang saya rasa paling banyak. Sebenarnya 293,270 itu mungkin kena kali dengan 3 bagi negeri Selangor. Saya harap supaya peruntukkan bagi Kementerian Belia ataupun Jabatan Belia di negeri Selangor ini harus berbeza dengan Perlis yang hanya sebesar Sabak Bernam saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Maaf, terima kasih, Assalamualaikum.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, masa cukup. Kita boleh sambung semula pada jam 2.30. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula. Sebelum itu kita ada usul. Ya, Yang Berhormat sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam. Selepas itu akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, Khamis, 6 Disember 2007.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

> "Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1)
>
> Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam ini, hendaklah disetujukan.
>
> Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.
>
> Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita masih lagi dalam Kementerian Belia dan Sukan. Yang Berhormat Pasir Puteh, sila.

2.34 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ambil Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan. Tuan Pengerusi, belia kita nak bangunkan, menggunakan sukan lebih cepat! Nak menyatupadukan belia melalui sukan lebih cepat. Maka saya cadang supaya...

Seorang Ahli: Butiran berapa?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Butiran sebut dah tadi, Butiran 020000. Nak bangun kita mesti hidupkan, pulihkan semangat belia. Ini bukan dasar Tuan Pengerusi, nak cerita dalam butiran. Nak hidupkan belia *grassroots*, bagi saya peringkat nasional tidak apa Menteri tahu, Yang Berhormat tahu, Yang Berhormat Sri Gading pun tahu, Yang Berhormat Jasin pun pernah bangkit. Tidak salah saya sebut, saya tidak sebut nama.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Baru nak *start,* bolehlah Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekejap Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pasir Puteh menyebut tentang membangun, menghidupkan belia di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat, wang bukan segala-galanya tetapi segala-galanya memerlukan wang. Apa pendapat Yang Berhormat kalau saya katakan Kementerian Kewangan umpamanya menyediakan satu peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat akar umbi terus kepada pertubuhan belia, supaya pertubuhan belia di akar umbi ini boleh hidup dan bangun seperti hasrat Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya setuju Yang Berhormat bagi Tangga Batu tetapi Kelantan lain sikit. Kelantan satu-satunya negeri di bawah pemerintahan pembangkang. Maka kena *through* Parlimen. JPPK iaitu Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan terus salur melalui Parlimen, jangan terus *state*, terus Parlimen.

Jadi kalau kita tengok di sini, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menjalankan aktiviti belia mereka tidak ada duit, terutamanya di Kelantan. Kelantan miskin! Semalam saya dengar menteri sebut semalam, tidak Perlis sahaja miskin Kelantan lagi miskin. Saya tidak malu, saya rakyat Kelantan saya nak bela Kelantan. Jika boleh pilihan raya ke 12 ini saya nak supaya UMNO balik ke Kelantan, supaya tidak...

Seorang Ahli: Barisan Nasional.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta maaf, Barisan Nasional memerintah baru tidak miskin. Saya tengok Selangor tidak miskin.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Menyampuk]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Bagan tidak usah campur dulu kerana masa saya tidak mengizinkan, kalau tidak saya bagi dia bercakap. Dia pun bagus, Yang Berhormat Bagan boleh bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Sri Gading, nak? Yalah, abang saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya amat simpati dengan Pasir Puteh. Jadi kemiskinan rakyat Kelantan ini ada kaitan dengan pemerintahan negeri yang berkenaan. Selama ini di Kelantan diperintah oleh parti pembangkang, parti PAS. Maknanya kerajaan PAS gagal nak memakmurkan rakyat Kelantan.

Jadi saya amat sokonglah dalam pilihan raya yang akan datang, rakyat Kelantan memilih Barisan Nasional untuk menjamin masa depan dan negeri Kelantan, lebih makmur mewah berbanding dengan yang ada pada hari ini. Apa pendapat Yang Berhormat Pasir Puteh?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Setuju. Butiran masih lagi Butiran 02000. Soal perpaduan. Jika benar Barisan Nasional betul-betul nak Kelantan menang, ayuh bersatu! Macam belia juga. Belia yang 21 tahun bersatu melalui semangat sukan-sukan.

Saya rasa kalaulah bubar Dewan bila-bila masa, kalau saya jadi Perdana Menterilah saya bubar esok, esok boleh menang! Kelantanlah kalau negeri lain tidak tahu.

Saya rasa sudah nampak riak-riak semangat rakyat Kelantan *[Bercakap dalam Bahasa Arab]* maknanya condong kepada Barisan Nasional, kerana 18 tahun terseksa. Tidak kata PAS tidak bagus, PAS bagus saya puji PAS bagus semangat kuat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mana bagusnya?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak, bagus tetapi 'pitis' tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat boleh gulung.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya masuk satu lagi Butiran 020400 – Perlaksanaan Rakan Muda. Rakan Muda ini kalau yang silap saya nak membentuk Modul Rakan Muda, saya rasa Menteri Besar Johor Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Haji Othman dia panggil saya tunjukkan satu modul yang boleh membina Rakan Muda. Saya masukkan moral, akhlak itu menjadikan tumpuan utama.

Namun hari ini saya minta kementerian buat *research* dan kaji betul-betul kalau tidak betul modul itu betulkan balik tapi mustahil tidak betul semua. Barangkali ada aspek-aspek yang lemah kita kuatkan, jangan kita robohkan semua.

Kita kuatkan aspek akhlak moral. Seronok hendak juga, menyanyi hendak juga, muzik hendak juga. Sebab apa, seni tidak boleh pisah pada jiwa. Joget boleh, tapi joget, nyanyi, muzik sederhana, boleh membina akhlak moral... *[Disampuk]* Pocong - pocong pun boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi saya minta tambahlah peruntukan Rakan Muda, kalau tidak cukup. *Why not,* kalau kita boleh Rakan Muda ini, kalau ke masjid, sebab itu saya hendak masjid baru buat Rakan Muda, bawa ke masjid kena ada *court* badminton, kena ada *court* tenis, apa salahnya? Boleh Yang Berhormat Sri Gading?

Kita kena pelbagaikan masjid. Jangan masjid tempat sembahyang sahaja. Kena ada aktiviti kesihatan. Baru Rakan Muda boleh mendampingi. Saya cadang banyak dulu, rakan-rakan kita yang duduk dalam pusat serenti Tuan Pengerusi. Bawa balik, pulihkan dia dan letak di masjid, jangan kita jauhkan dari masjid. Salah satu daripada *methods,* manhaj hadhari ialah mendampingi masjid itu boleh membentuk moral dan akhlak.

Saya yakin dan saya hendak berterima kasih Tuan Pengerusi kepada Yang Berhormat Dato' Sri Panglima Anuar Haji Musa, Pengerusi Perhubungan kerana dia menghidupkan benda yang mati. KAFA mati, KAFA Kelantan mati tapi dia ambil alih, hidup balik. Jadi saya minta tambahkan peruntukkan kepada KAFA, kepada Majlis Sukan Kelantan.

Kita hendak hidupkan Majlis Sukan Kelantan kerana kita hendak betul-betul padukan belia-belia kita menjadi kuat kerana belia tunjang dan asas kekuatan negara. Lemah belia, lemah negara. Sebab itu saya kata yang tua-tua ini undur, beri kepada yang muda tapi tidak boleh undur dulu kerana muda tidak kuat. Terima kasih, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya minta kementerian menjawab jam 4.00. Saya minta Yang Berhormat pendekkan ucapan. Tiga kali lima minit. Ya, Yang Berhormat Jasin dulu.

2.42 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Kepala 020000, dan Butiran 020200 dan 02007. Sebelum itu saya mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai penerangan daripada negeri Pahang yang ada di galeri belakang... *[Tepuk]* Tuan Pengerusi, kita lihat masalah yang telah ditimbulkan oleh beberapa rakan-rakan kita yang berbahas ialah berkenaan dengan masa depan generasi muda ataupun generasi belia yang ada pada hari ini, terlibat dalam masalah sosial, Mat Rempit dan banyak benda-benda yang lain.

Apabila kita lihat masalah yang berlaku di tiap-tiap kawasan pada hari ini, kita lihat bahawa kekurangan padang permainan, untuk kita sediakan kepada golongan muda ini. Oleh yang demikian, oleh kerana kekurangan ini maka golongan muda ini tidak berbuat apa dan akhirnya melepak dan akhirnya terlibat dalam kegiatan yang tidak dingini.

Saya bagi pihak rakan-rakan lain juga berharap kepada Kementerian Belia dan Sukan, janji-janji yang sudah, Sukan Komuniti ini yang kata di tiap-tiap kawasan Parlimen, sampai hari ini kita masih bercakap saja tapi keutamaan tidak diberi oleh kementerian. Minta pelan, kita sudah bagi pelan. Minta kawasan, kita sudah bagi

kawasan, tetapi akhirnya kita lihat pelaksanaannya hanya sekadar kepada kawasan-kawasan Exco Sukan Negeri-negeri.

Apa yang berlaku di Melaka Tuan Pengerusi, kompleks sukan ini dibuat di kawasan Exco Sukan Negeri yang mana jalan mati. Kampung Asahan, sempadan negeri Johor, sudah tidak boleh pergi lagi. Setakat itu saja dan kawasan itu pula, kampung itu penduduknya tidak ramai tetapi dibuat Kompleks Sukan Komuniti di situ. Akhirnya orang-orang muda di kawasan Jasin tidak pergi ke sana. Kompleks itu telah menjadi gajah putih.

Saya tengok kementerian akhir-akhir ini hanya sekadar hendak buat saja projek-projek ini, tetapi tidak memikirkan kesesuaian tempat dan mutu, macam saya katakan tadi bahawa di kawasan terdapat dua padang futsal. Satu di Air Panas, satu di Serkam tetapi kalau dilihat mutu kerja yang dibuat oleh kontraktor, saya minta maaflah. Hari ini satu saja padang yang boleh pakai, yang satu lagi tertinggal macam itu saja kerana mutu kerja itu tidak mengikut daripada padang futsal yang betul-betul, yang boleh kita main dan juga orang-orang muda akan bermain di situ mengikut standard yang ada. Ini sekadar ada padang, pagar pun tidak ada kualiti. Hanya sekadar mengadakan saja padang futsal.

Oleh yang demikian kita berharap, biarlah kita dapat satu, dua tetapi biarlah bermutu kerana fahamlah, ini untuk kegunaan anak-anak muda kita. Kalau adanya padang futsal ini saya bercakap hari ini Tuan Pengerusi, saya minta kementerian kalau dapat memperluaskan lagi. Pengalaman dekat Jasin pada hari ini dengan adanya padang-padang futsal, kawasan itu tidak ada Mat Rempit. Tiap-tiap malam boleh kata padang futsal ini dipenuhi oleh orang-orang muda dan dengan adanya yang diberi oleh kementerian di kawasan saya di Jasin, kita mengenakan bayaran hanya sekadar membayar duit api sahaja dan harganya lebih murah daripada padang futsal yang dikelolakan oleh pihak swasta. Hanya RM10 satu jam, hanya kadar membayar api elektrik. Ini menarik minat orang muda di kawasan itu dan sudah tidak ada Mat Rempit. Budak-budak terus bermain di situ. Oleh yang demikian saya berharap kementerian, ini kita kena lihat pada hari ini. Kalau hendak melihat belia kita...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Puteh Yang Berhormat. Nak bagi jalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Pemuda kita yang akan mewarisi negara ini, saya berharap masalah-masalah ini dapat kita selesaikan. Ya sila Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Jasin, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sokong futsal. Saya di Pasir Puteh ada swasta dua, sewa RM80 dengan saya, kalau tidak RM120 sekali main. Kalau RM18, kita setuju tak Yang Berhormat Jasin tiap-tiap Parlimen paling kurang, paling minimum dua futsal? Beri peruntukan RM190,000 satu futsal buat bina, baru cantik, baru kemas. Setuju tak?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya setuju. Jangan kata satu Parlimen dua, kalau boleh tiap-tiap DUN itu satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin minta habiskan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Satu lagi Tuan Pengerusi Butiran 00614 – Pusat Dataran Tinggi Lojing.

Yang ini saya setuju kerana kita dimaklumkan oleh pihak kerajaan bahawa permohonan negara kita untuk membuat Pusat Latihan Impak Tinggi di London telah ditolak oleh majlis perbandaran di kawasan itu. Jadi mengapa hendak dibuat di London? Kerana pada hari ini kerajaan pernah dulu bercadang untuk membuat di Lojing, di Kelantan daripada kawasan itu botak dan balak sudah habis, mengapa tidak buat pusat sukan di situ? Saya kira belanjanya akan lebih murah pada masa akan datang. Kita tidak perlu menghantar ahli-ahli sukan kita ke London yang begitu jauh dengan tambang yang begitu mahal. Mengapa tidak kalau Pusat Sukan Impak Tinggi ini boleh buat di Lojing, saya kira kos akan datang untuk melatih atlet-atlet dan ahli-ahli sukan kita akan lebih murah dan akan lebih ramai lagi dapat latihan itu, dengan demikian Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Krau.

2.49 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan.

Yang pertama tentang pentadbiran belia dan sukan. Saya melihat kepada rata-rata wakil rakyat bercakap mengenai kegiatan belia yang lesu, persatuan-persatuan tidak bermaya. Kalau kita lihat dari segi peruntukkan pentadbiran belia sukan begitu kecil dan berapakah jumlah peruntukan pejabat belia di peringkat daerah disalurkan oleh pihak kementerian bagi membangun dan menggerakkan aktiviti-aktiviti belia di dalam kawasan. Contohnya di dalam kawasan Parlimen Kuala Krau, katakan 50 buah kampung, tetapi yang aktif Persatuan Belia tidak sampai 10, hanya enam sahaja.

Di manakah peranan Pejabat Belia dan Sukan Daerah? Kalau tidak diberikan peruntukan yang secukupnya untuk menggerakkan persatuan-persatuan belia. Dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Maran tentang peranan Majlis Belia Daerah yang sekarang ini tidak nampak dah fungsinya, mestilah kita hidupkan kembali dan kita beri nafas baru kepada Majlis Belia Daerah ini dengan peruntukan-peruntukan yang secukupnya.

Perkara kedua iaitu Butiran 020200 – Pembangunan Sukan. Saya ingin tahu sejauh manakah berjayanya, berkesannya program bersama kementerian ini dengan Kementerian Pelajaran iaitu sekolah sukan. Berapakah atlet, olahragawan, olahragawati atau ahli-ahli sukan yang telah berjaya dilahirkan melalui program kerjasama dengan Kementerian Pelajaran ini? Dan satu perkara lagi kita lihat, kalau sukan itu sukan yang berbentuk berpasukan, kita tidak nampak berjaya, bergaduh sesama sendiri. Contohnya, pasukan badminton kita, kalau perseorangan kita boleh berjaya tetapi kalau *double*, beregu ada di kalangan pemain-pemain yang mulanya berjaya tetapi bergeseran sesama sendiri, tidak bertegur sapa semasa perlawanan kejohanan. Macam mana kita nak berjaya?

Dan satu perkara yang disebut oleh ahli-ahli wakil rakyat yang lain tentang Persatuan Sepak Takraw Negara kita, yang saya kira belum lagi berjuang sudah mengaku kalah. Kalau disebut oleh Sri Gading nak mempertahankan supaya sepak takraw ini bolanya adalah bola sepak raga, bukannya bercampur aduk dengan getah. Tetapi saya ingin bertanya dengan kementerian, kalau dulu kita melahirkan atau sepak raga ini adalah hasilnya, ideanya lahir daripada negara kita. Sekarang ini sudah ditukar daripada sepak raga kepada sepak takraw. Takraw itu mungkin daripada perkataan Thailand, kenapakah ketika itu kita bersetuju? Dan kiraan matanya daripada 15 kepada 21, kenapa kita tidak pertahankan? Dan kenapa kita tidak cuba berlawan, bertarung sebelum kita mengaku kalah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krau. Saya sebenarnya memang turut mengambil perhatian khusus mengenai sepak takraw ini. Saya macam bersimpati dengan pihak yang telah mengambil tindakan untuk menarik diri. Sebenarnya mereka ini dalam dilema, macam orang kena tipu, jadi ini maknanya suatu strategi sukan sebenarnya. Jadi saya nak tanya apa pandangan daripada Yang Berhormat, sepatutnya tindakan yang lebih berhemah ialah kita main juga, tetapi *under protest* dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya setuju dengan pandangan Sabak Bernam. Sepatutnya kita berlawan, bertarung dahulu dan kalau kita tidak bersetuju dengan jenis bola takraw yang dianjurkan di *Thailand SEA Games* sekarang, kenapa giliran kita menjadi tuan rumah, kita tidak kembalikan semula jenis sepak takraw atau bola yang nak dimainkan. Sri Gading, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkas Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sahabat saya Kuala Krau. Mungkin berniat baik tetapi kadang-kadang terselit niat jahat pada sepak takraw. *[Ketawa]*

Kita dulu tiga negara, sejarahnya. Saya orang yang awal bersama-sama PSM ini waktu Allahyarham Tan Sri Khir Johari, setiausaha agungnya masih hidup lagi, Yang

Berbahagia Dato' Yusof Latif bekas Setiausaha Politik Ketua Menteri Pulau Pinang. Kami sama-sama waktu itu nak menonjolkan permainan ini di kalangan negara-negara yang berjiran. Tiga negara kami bersahabat, Malaysia, Singapura, Thailand. Oleh sebab nak dimainkan di peringkat Asian waktu itu, jadi Thai kata, boleh tak "raga" itu ditukarkan kepada "takraw" bahasa Thailand. Demi kerana hendakkan hubungan baik dan permainan itu dimainkan di peringkat yang lebih luas, jadi kita pun mengalahlah kerana untuk memajukan sesuatu. Jadi "sepak" bahasa Melayu, "takraw" bahasa Thailand, jadi sepak takraw.

Soal yang berlaku hari ini, kita nak *protest* kepada ASTAF, dia jangan buat sesuka hati dia kerana kita tidak mahu keaslian sepak takraw itu akan hilang. Itu masalahnya, jadi kita tunjukkan *protest* kita, kita pun ada harga diri, kita pun ada matlamat, jadi kita tidak mahu negeri-negeri yang menjadi tuan rumah sewenang-wenangnya tukar. Jadi kalau begitu caranya, esok main di negara lain, lain pula masalahnya. Ini yang menyebabkan kita menarik diri, bukan kerana kita, orang Thailand pun rasa kecewa kerana Malaysia tarik diri, kerana dua gergasi sepak takraw tidak bertarung, orang nak tengok ini. Tapi apa boleh buat kita nak menunjukkan perasaan kita. Jadi Kuala Krau, harap fahamlah, jangan sama-sama dengan Ipoh Baratlah, hentam sepak takraw ini, susahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kuala Krau, habiskan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Sri Gading, sebenarnya saya tidak berniat jahat, sebenarnya saya berniat baik, sayang kepada negara, sayang kepada sepak takraw. Sebab itulah kita tidak mahu perbalahan mengenai jenis sukan, kita ada perselisihan di peringkat negara.

Kita sekarang ini berbalah mengenai tarian, berbalah mengenai lagu dengan negara-negara jiran. Dan kita tak mahu oleh sebab sesuatu perkara, kita berbalah di antara satu sama lain. Saya pergi kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tentang perbalahan Tuan Pengerusi, saya nak betulkan Kuala Krau. Kita bukan perbalahan, ini soal dalaman macam suami isterilah Tuan Pengerusi, kalau bertengkar-tengkar, apabila dia baik, lepas itu makin sayang Tuan Pengerusi sebenarnya ya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih. Saya nak pergi Butiran 02004 - Program Pembangunan Rakan Muda. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian kerana melantik dengan sokongan daripada Ahli Parlimen tentang pegawai Rakan Muda, tetapi saya cukup hairan sebagaimana Yang Berhormat lain beritahu, kita tidak tahu apakah aktiviti-aktiviti yang dirancang, yang dilaksanakan oleh penggerak Rakan Muda. Kadang-kadang saya sendiri hendak menggunakan khidmat Rakan Muda bagi menggerakkan Rakan-rakan Muda dalam kawasan, saya terpaksa menghantar surat kepada Pengarah Belia dan Sukan Negeri, menghantar surat kepada Pegawai Belia dan Sukan Daerah untuk menggunakan khidmat penggerak Rakan Muda. Adakah ini dapat membantu Ahli-ahli Parlimen di dalam menggerakkan Rakan Muda di dalam kawasan masing-masing?

Yang terakhirnya Butiran 02301 – Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri-negeri. Di peringkat negeri kemungkinan penyelenggaraannya selesai tetapi kalau berada di dalam daerah, di dalam kawasan Parlimen banyak kompleks sukan yang terbiar begitu sahaja. Alasannya tidak ada peruntukan, alasannya tidak ada pegawai yang berkhidmat.

Saya memohon supaya kompleks sukan di Jengka itu diberikan nafas baru, diberikan kemudahan peruntukan dan dihantar pegawai-pegawai berkhidmat untuk kita menghidupkan semula kompleks sukan di kawasan masing-masing. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Pensiangan, ringkas Yang Berhormat ya.

2.58 ptg.

Datuk Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu sahaja iaitu Butiran 03000 – Pembangunan Teknologi Maklumat (Pelan Strategik ICT). Kalau kita lihat daripada segi anggaran-anggaran yang telah

diberi pada tiap-tiap tahun, iaitu daripada RM70 juta hingga RM12 juta dan tahun 2008 - RM18,968,900 juta. Saya ingin tahu daripada kementerian ini, daripada segi pelaksanaannya, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh kementerian ini dalam pembangunan teknologi maklumatnya.

Saya ingin tahu berapa telah diperuntukkan kepada negeri Sabah dalam peruntukan-peruntukan yang telah dimuatkan ini. Saya bercadang satu pelan bersepadu diadakan iaitu meng*integrate*kan Kompleks Sukan Komuniti ini dengan *Multimedia Community Centre*, iaitu yang dilengkapkan dengan ICT supaya belia-belia ini bukan sahaja dapat bersukan, bukan sahaja dapat main bola dan sebagainya, tetapi dapat menggunakan *facilities* ICT ini iaitu dari segi fizikalnya, dari segi kekuatan dan sebagainya bahkan kita lipat gandakan ataupun kita tambahkan lagi daripada segi kekuatan mental mereka. Jadi ini menambahkan lagi bukan sahaja kuat daripada fizikal tetapi mental mereka juga, iaitu dapat mencergaskan dari segi daya pemikiran mereka. Saya inginkan supaya *Multimedia Community Centre* ini diintegrasikan dengan Kompleks Sukan Komuniti ini di tiap-tiap Parlimen. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rembau lepas itu Rantau Panjang, lepas itu kementerian menjawab.

3.00 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 020300 - Pembangunan Belia, 020500 - Pembangunan Ekonomi Belia kemudian Butiran 00100 - Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Butiran 00110 - Program Pembangunan Kemahiran.

Tuan Pengerusi saya lihat kita ada 11 juta belia yang berusia 15 hingga 40 tahun dan daripada jumlah ini 5 juta berpersatuan, manakala 6 juta tidak berpersatuan. Saya cadangkan supaya untuk menarik para belia kita supaya menyertai persatuan belia ini, supaya kegiatan persatuan belia ini dipelbagaikan selain daripada memberi tumpuan kepada sukan dan bidang-bidang lain, tumpuan juga diberi kepada bidang ekonomi dan juga pembangunan usahawan. Sebab kita sedia maklum di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan berhasrat mewujudkan 150,000 orang usahawan termasuk usahawan tani sebanyak 10,000.

Jadi potensi dalam bidang ini sangat banyak. Sebab itu saya hendak mencadangkan supaya kalau boleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Belia ini juga memberi tumpuan kepada soal pembangunan usahawan ini di kalangan belia. Kalau boleh jawatankuasa ini juga diwujudkan di peringkat negeri dan daerah, supaya dengan itu usaha-usaha untuk menggalakkan para belia kita menjadi usahawan dapat digerakkan dengan lebih hebat lagi. Sebab sebagai contoh, misalnya dalam bidang woksyop motosikal tidak sampai 10% penyertaan daripada kaum bumiputera. Sebab itulah saya mencadangkan kalau boleh kursus-kursus yang dianjurkan oleh persatuan belia sama ada oleh jabatan digembleng sekali bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian dan juga dengan MARA dan sebagainya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekejap Tuan Pengerusi. Oleh kerana Yang Berhormat Rembau menyebut tadi, saya hendak tanya bersetujukah Yang Berhormat kalau dicadangkan kepada pihak kementerian supaya satu IKBN ini dikhususkan kepada pertanian dan industri asas tani. Satu IKBN untuk pertanian sahaja. Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Satu cadangan yang baik dan saya cadangkan supaya IKBN Chembong di kawasan saya, supaya diberi tumpuan kepada bidang pertanian. Oleh sebab kita sedia maklum setiap hari seramai 17 ke 20 orang para belia kita mati di jalan raya sebagai mat rempit, dan majoriti daripada yang terlibat dadah berumur 15 ke 25 tahun adalah daripada para belia. Sebab itu kalau kita mengadakan program yang pelbagai, yang boleh menarik minat pelbagai golongan belia, saya rasa masalah-masalah sosial ini akan dapat diatasi. Dalam masa yang sama, kita dapat membangunkan negara dengan mewujudkan lebih banyak lagi

usahawan. Seperti kita sedia maklum, misalnya dalam bidang pertanian rata-rata petani kita berusia 60 ke atas lebih 50%.

Jadi kita perlukan untuk mencapai *target* 10,000 tadi daripada kalangan belia khususnya daripada lepasan SPM, daripada mereka menjadi mat rempit itu lebih baiklah kita salurkan melalui kegiatan-kegiatan yang lebih berfaedah yang membolehkan mereka menjadi usahawan. IKBN yang dicadangkan tadi mungkin boleh mula pada tahun depan. Oleh sebab IKBN di Chembong sudah beroperasi, tetapi setakat ini tidak ada lagi kursus saya rasa dalam bidang pertanian dan memang sesuai sebab Rembau adalah sebuah daerah pertanian.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Dan kalau boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ada satu minit lagi. Kalau boleh maknanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiu, Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Saya cadangkan, hendak tanya.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: ....mesyuarat pemantauan mestilah dibuat secara berkala melalui mekanisme yang disediakan di peringkat daerah dan negeri. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang, lepas itu kementerian menjawab. Tiga minit Yang Berhormat.

3.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Saya bercakap di bawah Butiran 050000 – "One-Off" iaitu Butiran 050300 – Program Rakan Muda. Pertamanya saya hendak sebut di sini ialah malangnya belia kita di akhir-akhir ini kerana pertubuhan belia sekarang ini dicemari oleh pemimpin-pemimpin politik. Ini jelas sekali. Demikian juga sukan kita apabila pemimpin politik pegang sebagai pengerusi mana-mana badan sukan, akhirnya bercelaru seperti mana apa disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi termasuklah sepak takraw dan sebagainya.

Kita lihat pada tahun 1985, belia yang mewakili Malaysia ini pernah mendapat Anugerah Belia Komanwel, *Commonwealth Youth Service Award* di hadapan Setiausaha Komanwel di Marlborough House, London. Waktu itu Perdana Menteri kita berada di Kementerian Belia dan Sukan. Belia kita berjaya waktu Belia 4B dipegang oleh Datuk Suhaimi Kamarudin, MOIC dipegang oleh Datuk Sanusi Junid waktu itu.

Namun di akhir-akhir ini pemimpin-pemimpin politik memegang belia kita dengan niat untuk mempengaruhi belia supaya menyokong parti beliau. Ini rosak belia kita sekarang ini. Dahulu waktu pemimpin kita sama ada MOIC atau Belia 4B, ada di antara ahli jawatankuasa atau pemimpin belia di peringkat pusat dan negeri ini terdiri daripada ahli-ahli parti pembangkang dan parti PAS masuk juga. Saya juga pernah menerajui kepimpinan Belia 4B di negeri Kelantan walaupun pengerusi Persatuan Belia 4B waktu itu dipegang oleh orang kuat UMNO. Sekarang ini nampaknya, hampir-hampir sapu bersih. UMNO menguasai persatuan-persatuan belia ini, dikepalai oleh pemimpin-pemimpinnya termasuklah ahli-ahli politik, Ahli Parlimen kita ini.

Ini menjadikan rosak belia kita sekarang ini, yang menjadikan belia kita rasa hilang kepercayaan dan belia diasuh kepada kebendaan, kepada materialistik. Sedikit-sedikit kena tunggu bantu kerajaan, sedikit-sedikit kena tunggu bantuan kerajaan. Gerak kerja secara sukarela ataupun konsep *ta'awun* dalam bahasa Arabnya sudah tidak ada lagi di kalangan belia-belia kita kerana pemikiran mereka itu dirosakkan oleh pemimpin-pemimpin politik dalam pertubuhan-pertubuhan belia sekarang ini. Saya cukup berdukacita dalam perkara ini. Untuk kita mengembalikan balik belia kita ini supaya jangan mengharap kepada kebendaan, supaya berdikari seperti mana asas penubuhan belia dahulu.

Butiran 00614 - Pusat Dataran Tinggi Lojing diperuntukkan sebanyak RM5 juta. Saya harap pihak kementerian cepat-cepat membina pusat latihan belia ini kerana

memang tanah telah pun dibotakkan kerana dicadangkan untuk membuat pusat dataran tinggi latihan belia ini. Tanah ini kalau tidak dibuat bangunan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang botakkan siapa?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: ...akan tumbuh kembali pokok-pokok ini. Tidak seperti botak kepala. Botak kepala bila tak naik dia tak naik sampai sudahlah. Ini lain sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sekejap. Akhir sekali rakan muda ini saya minta supaya pihak kementerian khususnya pegawai-pegawai yang mengendalikan rakan muda ini, cukuplah dengan program pemuda cara berkelompok lelaki perempuan, cara berjoging naik bukit, terhinggut-hinggut lelaki perempuan, pegang sana sini, ini satu perkara yang tak sesuai dengan Malaysia yang diiktiraf atau dianggap sebagai negara Islam Hadhari. Kalau waktu dahulu bolehlah kita kata pemimpin-pemimpin banyak jahil, pemimpin tidak mengenal Islam, pemimpin tidak menghayati Islam, tapi oleh kerana sekarang ini pemimpin-pemimpin, ahli-ahli politik, Ahli-ahli Parlimen sudah diserap dengan roh Islam sudah ada, nampak ada kemanisan iman sepatutnya tidak ada perkara-perkara seperti itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. melarat-larat sudah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Jangan kita galakkan lagi dan minta supaya menteri ini menghayati Islam sedikit supaya generasi muda ini cukup sama-sama menghayati Islam supaya konsep dan harapan Perdana Menteri supaya Islam Hadhari ini diisi sepenuhnya oleh pemuda-pemuda kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya jemput kementerian menjawab. Yang tak sempat bercakap boleh mencelah nantilah. Sila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

3.08 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sudi memberi pandangan, pendapat, pertanyaan, teguran serta cadangan yang membina, ke arah memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sempena perbahasan peringkat Jawatankuasa Dewan Rakyat ke atas Bajet 2008 ini.

Tuan Pengerusi, pertanyaan oleh Yang Berhormat dari Larut, kenapa Persatuan Sepak Takraw Malaysia tarik diri dari Sukan SEA ke 24 Korat 2007. Tuan Pengerusi, Persatuan Sepak Takraw Malaysia menarik diri disebabkan:

(i) bantahan terhadap penggunaan bola baru dengan izin *marathon new generation ball*;

(ii) asas penolakan penggunaan bola baru, undang-undang asas Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (INSTAF) melarang sama sekali penggunaan bahan-bahan bantuan yang boleh menyebabkan bola melantun dengan kuat terutamanya bahan yang diperbuat daripada getah.

Sekiranya terdapat sebarang perubahan mengenai penggunaan bola baru, bola berkenaan mestilah digunakan dalam tempoh bermain selama enam bulan. Dalam sesuatu kejohanan rasmi sepak takraw anjuran ISTAF Persatuan Sepak Takraw Asia.

(iii) proses untuk mendapatkan keputusan kelulusan penggunaan bola baru adalah diragui walaupun ada dakwaan mengatakan bola baru tersebut diperkenalkan kepada ISTAF di Bangkok pada bulan Ogos 2007 yang lalu; dan

(iv) sebarang keputusan penggunaan bola baru mestilah diputuskan dalam Jawatankuasa Teknikal ISTAF

Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) telah meminta bantuan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) untuk membuat bantahan secara rasmi tetapi pihak MOM memutuskan bahawa isu ini dibawa ke mesyuarat teknikal ISTAF untuk diputuskan. PSM mendakwa telah mendapat sokongan daripada anggota-anggota ISTAF untuk membantah penggunaan bola baru berkenaan dan juga menarik diri daripada Sukan SEA ke-24 tetapi malangnya perkara ini tidak berlaku.

Setakat ini apa yang dilaporkan dari Korat adalah pasukan Myanmar telah membuat keputusan menarik diri dalam acara berpasukan lelaki dan wanita. PSM tidak merujuk secara rasmi kepada Kementerian Belia dan Sukan atau Majlis Sukan Negara (MSN) untuk membuat keputusan sama ada hendak tarik diri ataupun tidak. Kementerian Belia dan Sukan kesal...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Rantau Panjang bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Sebentar tadi pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut PSM tidak memohon atau meminta kerjasama daripada kementerian untuk berbincang ataupun *pressure* pihak berkenaan supaya apa yang dikehendaki oleh pihak PSM diterima. Apakah kalau Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan ini kelemahan presidennya oleh kerana merasai diri dia kuat, tidak perlu memohon atau bekerjasama dengan pihak kementerian, apakah Yang Berhormat bersetuju.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, itu memang saya tidak bersetuju. Okey? Kita kesal PSM tidak merujuk kepada MSN mahupun KBS dan tidak mahu PSM terlibat secara langsung dalam kancah politik dalaman antara PSM dengan ISTAF. Harapan kita agar kemelut ini dapat diselesaikan segera di peringat ISTAF.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kesal tidak cukup, Yang Berhormat. Tindakan. Apa tindakan yang cukup drastik untuk memberi amaran supaya organisasi sukan di masa akan datang tidak boleh bertindak sesuka hati sebab organisasi ini bukan milik mereka. Kepentingan negara dan keutamaan (*priority*), apa tindakannya? Saya mahu tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, boleh jawab sekali?

Tuan Sa. Vigneswaran: Duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, untuk mengambil tindakan memang mudah. Yang Berhormat bagi Kinabatangan pun tahu, bila kita mengeluarkan sesuatu kenyataan semua orang mahu mengambil tindakan tetapi kita belum dengar lagi, belum ada mesyuarat di peringkat Kementerian Belia dan Sukan dan juga MSN. Satu mesyuarat khas akan diadakan dengan PSM dan dengan MSN diadakan selepas Sukan SEA 2007. Buat masa ini tindakan yang diambil oleh kementerian adalah supaya menangguhkan semua aktiviti program. Ini adalah sekarang ini tetapi kita tidak akan menganiayakan sesiapa.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau inilah pendirian kementerian maka menggalakkan sesiapa sahaja pemimpin-pemimpin sukan akan melakukan sesuatu untuk kepentingan politik mereka bukan memikirkan soal negara. Jadi, saya mahu kementerian ini berpendirian teguh melihat bahawa perlu ada satu tindakan yang tegas diambil kepada mana-mana organisasi sukan yang bersikap biadab seperti ini malah menganiaya kepercayaan negara.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Ya, dia bagi Kuala Krau dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kuala Krau nantilah. Kuala Krau nanti dulu. Pertama, saya minta Yang Berhormat bagi Kinabatangan tarik perkataan biadab itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak mahu tarik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu tarik balik. Saya amat berterima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Maknanya akan ada satu mesyuarat. PSM ada alasan. Macam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nyatakan tadi, kita faham ada sebab-sebab kenapa PSM menarik diri di Korat ini kerana masalah-masalah yang dinyatakan. Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa pun sebab dia tidak boleh tarik diri. Keutamaan, kepentingan negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Secara adil, sebelum sesuatu tindakan diambil, ini satu kematangan MSN dan kementerian untuk membuat perbincangan lebih dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendekkanlah, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu kebodohan PSM sebenarnya bukan kematangan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya harap Yang Berhormat bagi Kinabatangan tarik baliklah perkataan-perkataan tadi kerana...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak mahu tarik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...itu kerana dia tidak menguntungkan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berilah pendapat seperti yang telah pun dinyatakan tadi dan sesuai dengan pendapat ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen belum habis menjawab lagi, Yang Berhormat sudah mencelah. Sudah habis, ya?

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini satu isu yang besar kerana Thailand telah menuduh negara kita Malaysia menghasut negara Myanmar untuk menarik diri. Ini satu perkara yang besar. Apa tindakan kementerian bagi menjelaskan perkara ini?

Tuan Sa. Vigneswaran: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Kuala Krau, tindakan seperti yang dicakapkan, kalau Yang Berhormat hendak kita buat tindakan sekarang sebelum mengadakan satu mesyuarat untuk mendengar semua pihak, saya ingat itu memang tidak baik...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, tetapi ada jaminan, akan ada tindakan?

Tuan Sa. Vigneswaran: Kalau ada kesalahan dan kita mendapati bahawa...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tarik diri tidak salahkah?

Tuan Sa. Vigneswaran: Nanti, nanti. Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Salah atau tidak salah belum tentu.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat, tolong. Tolong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ikut peraturanlah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab, dia belum beri keizinan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya supaya jangan terpengaruh dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Nanti, nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biarlah adil. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah menjawab dengan begitu baik, teruskan tindakan yang baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat belum bagi jalan lagi sudah bercakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran minta jalan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan jangan khuatir.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bagus. Bagus.

Tuan Sa. Vigneswaran: Memang dalam arena antarabangsa ini sepak takraw adalah sebuah sukan yang mengharumkan nama negara. Kemelut ini kita boleh selesaikan tetapi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sepak takraw ini lebih baik daripada bola, banyak emas kita dapat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita faham. Kita boleh terima bahawa kementerian akan mengambil tindakan tetapi dalam keadaan sekarang ini kementerian telah menggunakan alasan daripada PSM ini untuk dibaca di Dewan Parlimen. Saya ingin tahu apakah pendirian kementerian *at this point of time* sama ada penarikan diri itu sesuatu yang boleh diterima oleh kementerian. Kalau tindakan mungkin enam bulan selepas ini baru diambil tindakan dan mesyuarat mungkin tiga bulan selepas ini tetapi ketika ini apa pendirian kementerian terhadap penarikan diri persatuan ini? Seperti kata Yang Berhormat bagi Kinabatangan mereka bertindak atas kapasiti sebagai persatuan, *custodian* kononnya, untuk sepak takraw tetapi membelakangkan kepentingan negara, apa pendirian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya telah beritahu dalam Dewan yang mulia ini memang kita kesal kerana PSM tidak merujuk kepada MSN ataupun Kementerian Belia dan Sukan sebelum membuat keputusan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat kena tunggulah. Kita akan buat satu mesyuarat di mana PSM akan dijemput untuk memberi maklumat berkenaan dengan tindakan yang mereka ambil dan selepas itu kita memang akan mengambil tindakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa lebih mulia PSM gantung diri daripada tarik diri? Memalukan. *[Ketawa]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya ingat tidak payah jawablah itu. Duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lebih baik Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jangan jawablah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Sri Gading runding di luarlah, lagi bagus.

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya ingat dia orang berdua boleh keluarlah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, PSM kena minta Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, saya minta jalan. Minta maaf, Tuan Pengerusi. Tetapi MOM hendak serahkan balik kepada ISTAF. Masa sudah suntuk. Apa tindakan yang sebaik-baiknya hendak memprotes apa yang telah berlaku di Korat ini, jadi kita tanya ini bukan hendak membelakangkan kepentingan negara, tidak sekali-kali. Sepak takraw terkenal, menyumbang emas yang terbanyak dalam negara ini. Kalau hendak dibandingkan dengan bola sepak atau semuanya sepak takrawlah tetapi janganlah pasal...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bercakap sebagai Pengerusi atau sebagai Ahli Parlimen?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya. Saya sebagai Ahli Parlimen, Tuan Pengerusi.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan ikut kata Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Macam ini teruklah kita. Biarlah ada mesyuarat. seperti yang dikatakan kementerian adakan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biarlah ada mesyuarat. Saya amat setuju dengan Setiausaha Parlimenpunya jawapan, kita mesyuarat. Kena mesyuarat dahulu, tengok macam mana bedah siasat yang akan dijalankan. Begitu juga Beluran, Beluran ini tergopoh-gapahlah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah. Berilah peluang kementerian menjawab.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat Sri Gading, saya ingat Yang Berhormat ini tunggu sahajalah mesyuarat. Berkenaan dengan perkembangan semasa High Performance Training Center, dengan izin, di Brickendonbury, Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Majlis East Hertford menolak permohonan pertama pihak Kerajaan Malaysia untuk membina Pusat Latihan Prestasi Tinggi berdasarkan perkara-perkara yang lazim ditimbulkan yang melibatkan naik taraf padang bola sepak yang sedia ada dan membina satu blok asrama bagi 73 orang atlet.

Perkara-perkara lazim ditimbulkan untuk permohonan pembangunan di sesuatu tempat seperti kebimbangan terhadap aspek:

(i) *green bail area*, dengan izin;

(ii) *heritage*;

(iii) ekologi sejarah;

(iv) reka bentuk arkitek; dan

(v) manfaat kepada masyarakat sekeliling.

Bantahan terbesar adalah reka bentuk arkitek. Majlis East Hertford ingin mengetahui secara lanjut dan terperinci mengenai *master plan* kerajaan keseluruhan dan kedua, permohonan itu untuk fasa awal. Tindakan itu bukanlah satu penolakan secara mutlak dan muktamad. Memang lazimnya permohonan sering ditolak pada awalnya. Walau bagaimanapun, pihak Majlis East hertford membuka ruang untuk projek ini dibincang selanjutnya dengan pihak tersebut dalam laporan pegawai yang menjaga, dengan izin, *the case officer*.

Rayuan terhadap permohonan awal tidak akan dibuat kerana tidak ada ruang dan ianya tidak munasabah. Namun rundingan cara menyarankan agar permohonan baru dibuat kerana ia adalah wajar dan munasabah. Sesuatu permohonan untuk projek

pembangunan lazimnya sering ditolak pada awalnya. Kerja yang diperlukan untuk permohonan baru iaitu 90% siap kerana sudah dibuat ketika permohonan awal dan akan memanfaatkan perbelanjaan yang telah dibelanjakan.

Adalah baiknya menangani semua perkara yang ditimbulkan dalam penolakan permohonan pertama untuk memenuhi dan memantapkan lagi projek pembangunan ini, lebih-lebih lagi apabila Majlis menggalakkan perbincangan lanjut dengan pihak mereka yang membuka peluang dan prospek kelulusan yang lebih baik pada kali kedua dan Jawatankuasa PS akan membuat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan? Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Daripada jawapan itu nampaknya kedudukan ialah bahawa rayuan akan dibuat terhadap penolakan awal tetapi permohonan baru akan dibuat. Oleh kerana sering kali permohonan ada ditolak *and every stage, a chain of* permohonan, kalau ada beberapa kali ditolak. Bukankah ini sia-sia sahaja dan membazirkan wang rakyat? Sudah RM2 juta dibazirkan, *down the drain.*

Oleh kerana permohonan awal ditolak, sekarang mahu timbang untuk sama ada mahu kemukakan permohonan yang baru, tidak mahu rayu lagi, tidak mahu *appeal*, tetapi terima penolakan yang awal tetapi buat permohonan yang baru dan mungkin lagi mahu belanja berapa juta ringgit. Selepas itu mungkin ditolak lagi permohonan yang ketiga, keempat. Akhirnya, siapa yang untung?

Bukan atlet-atlet tetapi kontraktor-kontraktor dan konsultan-konsultan. Ini sia-sia sahaja. Kenapa tidak boleh ambil satu tindakan yang serta-merta? Wang boleh digunakan untuk di tanah air kita, padang-padang dan di stadium-stadium di seluruh negara. Bukankah ini lebih bijaksana supaya boleh memupuk bakat tanah air kita daripada wang itu, akhirnya segelintir orang yang untung sahaja.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat dapat perbelanjaan RM2 juta itu dari mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan RM2 juta? *All right*, berapa wang sudah belanja?

Tuan Sa. Vigneswaran: RM2 juta yang dapat dari mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak apa. Adakah RM2 juta atau lebih daripada RM2 juta?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah angka itu? Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahu berapa sudah dibelanjakan?

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, beritahu.

Tuan Sa. Vigneswaran: Sekarang saya mahu tanya Yang Berhormat, mana dapat RM2 juta?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat mohon bertanya, Yang Berhormat menjawab. *[Ketawa]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Tidak. Dulu dia cakap RM500 juta, sekarang dia cakap RM2 juta. Okey, okey,Yang Berhormat, saya jawab. Kita buat permohonan yang RM2 juta you cakap saya tidak tahulah, tetapi yang anggaran kos ialah RM800,000.

Dalam kos ini, kos khusus untuk aspek pembangunan projek, *architecture, survey* tapak dan sebagainya, tetapi dalam RM800,000 ini, kita sudah guna pakai. Permohonan kedua 90% sudah ada, tetapi bantahan yang mereka buat ini bukan bantahan secara *rigid*. Bantahan yang mana kita boleh atasi.

Jikalau kita boleh atasi dengan bantahan-bantahan yang dikemukakan oleh East Hertford Council, memang kita hendak buat permohonan yang kedua, Yang

Berhormat, pasal asal usul niat kerajaan atau Kementerian Belia dan Sukan untuk mengadakan High Performance Training Centre di London sudah dibuat beberapa kali dibincang di Parlimen ini. Bukan sengaja kita membazirkan duit kerana apabila kita menghantar atlet-atlet kita ke luar negeri, kita membayar wang yang banyak untuk penginapan, *training* dan sebagainya.

Kalau kita ada satu *one stop centre* di Eropah, memang kita akan menjimatkan banyak kos dan jikalau Yang Berhormat tadi marah pasal kita gunakan RM2 juta, sekarang kita gunakan untuk permohonan kedua ini, memang tidak ada banyak duit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Bolehkah kita dapat butiran mengenai siapa konsultan, siapa yang diupah dalam RM800,000 ini. Adakah ini termasuk kos-kos untuk beberapa rombongan delegasi yang ada pergi London, Brickendonbury untuk tinjau perkara ini termasuk menteri-menteri dan pegawai-pegawai tinggi kementerian berkenaan?

Tuan Sa. Vigneswaran: Itu saya boleh berilah, Yang Berhormat tetapi pecahan ini saya tidak ada sekarang. Bila saya cakap dalam Dewan yang mulia ini ialah RM800,000, memanglah RM800,000. Saya boleh bagi apa sahaja yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kerana memang Kementerian Belia dan Sukan serta kerajaan tidak ada niat untuk menyembunyikan sesuatu. Hasrat kami murni untuk mengadakan High Performance Training Centre di Eropah untuk membolehkan atlet-atlet kita bertanding di arena antarabangsa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya tunggu jawapan itu. Mungkin mahu...

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya sudah cakap. Saya akan bagi secara bertulis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bertulis, okey. Soalan saya tadi...

Tuan Sa. Vigneswaran: Ada dalam hansard, saya boleh dapat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. Soalan saya tadi, adakah angka RM800 ribu ini termasuk kos-kos rombongan-rombongan yang ada pergi atau itu berasingan? Kalau berasingan, apakah kos yang ada dibelanjakan oleh menteri berkenaan, pegawai-pegawai tinggi atau majlis sukan yang ada pergi London mengenai cadangan Brickendonbury ini.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat Ipoh Timur, jangan bagi satu soalan merangkumi semualah. Kalau you cakap dengan rombongan-rombongan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, *we will give it to you*, yang di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Lain-lain rombongan di bawah lain-lain orang, saya tidak dapat memberi maklumatlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, bila boleh dapat maklumat itu?

Tuan Sa. Vigneswaran: Secepat mungkin, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Secepat mungkin?

Tuan Sa. Vigneswaran: *High Performance* sudah habis.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur telah mengemukakan isu pemilihan atlet kategori A dan B ke Sukan SEA. Kategori A, atlet yang layak secara merit – 449 orang yang dipilih oleh Jawatankuasa yang dianggotai oleh OCM, MSN dan persatuan sukan.

Kategori B adalah 274 orang, atlet yang tidak layak secara merit tetapi dibenarkan ambil bahagian atas tanggungan persatuan, bukannya MSN. Jika mereka berjaya dengan pingat perak Sukan SEA, segala perbelanjaan mereka akan diambil oleh MSN ataupun kementerian.

Kategori A, atlet yang layak secara merit 449 orang yang dipilih oleh jawatankuasa yang dianggotai oleh OCM, MSN dan persatuan sukan. Kategori B adalah 274 orang atlet yang tidak layak secara merit tetapi dibenarkan mengambil bahagian atas tanggungan persatuan bukannya MSN. Jika mereka berjaya, setakat peringkat pingat perak, sukan SEA segala perbelanjaan mereka akan diambil oleh MSN ataupun kementerian. Kategori A juga sebenarnya dibiayai oleh kerajaan dari segi penyertaannya.

Kenapa ramai pegawai-pegawai MSN ke Sukan SEA. Sukan SEA dianjurkan di tiga bandar di Thailand iaitu Korat, Bangkok dan Pattaya. Oleh itu perlulah lebih pegawai. Bilangan kontinjen Malaysia ke Korat juga paling besar dalam sejarah Sukan SEA iaitu 1,077 orang atlet dan jumlah pegawai MSN, 35 orang. Mana ada banyak? Ini pun tidak cukup, tahu! 35 orang merangkumi ketiga-tiga bandar tersebut.

Masing-masing mempunyai bidang tugas yang telah ditentukan. Menyediakan hal ehwal pemakanan dan kebajikan atlet, membuat analisa kajian sains sukan, memantau prestasi atlet semasa kejohanan berlangsung. Yang Berhormat, ini bukan satu mini sukan MSN di Thailand dan juga Yang Berhormat, mereka juga memberi perkhidmatan perubatan sukan dan sebagainya yang berkaitan dengan memastikan atlet sentiasa berada di tahap tertinggi untuk bertanding. Lagi sekali, jumlah pegawai majlis sekarang ada 35 orang dan agak masih kecil jika dibandingkan dengan jumlah kontinjen.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, lagi satu ialah permainan sepak takraw berasaskan perkauman, *race based* dengan izin. Tiada berasaskan perkauman terdapat pernyataan daripada kaum-kaum juga ada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Perlembagaan, Perlembagaan *you know*?

Tuan Sa. Vigneswaran: Oh, Perlembagaan. Perlembagaan ini, saya tidak ada jawapan di sinilah. Okey, tunggu sekejap Yang Berhormat. *I go back to this*. Perlembagaan ya, okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, perlembagaan sepak takraw tidak berdasarkan perkauman. Dia terbuka kepada rakyat Malaysia.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat Sri Gading sudah jawab. *[Ketawa].* Ada apa-apa soalan lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bercakap benar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau ikut, *you accept for the responsibility*lah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, bukan macam itu. Saya cuma hendak membantu supaya Dewan ini jelas bahawa sepak takraw tidak perkauman. Terbuka kepada semua kaum.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey, Yang Berhormat bagi Kelana jaya. Berkenaan dengan Kompleks Sukan Komuniti. Berapa dah bina? Kementerian memang bercadang untuk membina KSK untuk semua kawasan DUN. Walau bagaimanapun pihak agensi pusat hanya meluluskan pembinaan 50 KSK sahaja sepanjang tempoh RMK-9. Anggaran kos bagi setiap KSK adalah sebanyak RM3 juta.

Bagi tujuan kemudahan sukan, kementerian akan membina 300 unit gelanggang sukan pelbagai guna dengan kos projek yang lebih murah dari KSK. Pembinaan 300 unit ini di seluruh negara dan dianggarkan dengan kos RM100,000 setiap unit. Sukan...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Di mana gelanggang sukan yang akan dibina itu? Dengan kompleks sukan komuniti yang akan dibina sepanjang RMK9. Setidak-tidaknya untuk tahun hadapan, kita minta disenaraikan di mana. *At least* kita boleh melihat mungkin kita boleh menegur kementerian jika sekiranya di*concentrate* kepada satu-satu kawasan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey. Yang Berhormat ini berkenaan dengan apa? Gelanggang sukan ke atau...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Gelanggang sukan dengan kompleks sukan, 300 gelanggang sukan, dua-dua sekalilah jawab.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey, ini berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Yang Berhormat punya ada. Sila tunggu sekejap. Namun yang berkenaan dengan gelanggang sukan, memang disediakan di seluruh Semenanjung Malaysia buat masa sekaranglah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sabah dan Sarawak, macam mana?

Tuan Sa. Vigneswaran: Sabah dan Sarawak, belum ada jawapan lagi. *[Ketawa].* Okey, sukan malam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini tak boleh dengar kita ini. *I don't like to go into battle, unless I want to win, you see*. Masalah ini, kalau Sabah dan Sarawak tidak buat, macam mana? Jadi tolonglah bagi *assurance* kepada orang Sarawak dan Sabah, jangan cakap hal Semenanjung Malaysia sahaja. *Malaysia made of Sabah and Sarawak as well*. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, jangan khuatirlah. Kita tidak pernah menganaktirikan kepada sesiapa. Sabah dan Sarawak pun kita bagi, tetapi masa ini Semenanjung dan selepas itu kita akan buat ke Sabah dan Sarawak.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Pengerusi, jawapan saya harap salah. Kalau hendak buat Semenanjung Malaysia dahulu, kemudian okeylah, kita buat Sabah kemudian, *is very wrong*. Pendekatan salah Tuan Pengerusi. Sudahlah jalan raya, pendekatan yang itu. Sudahlah rumah murah, pendekatan yang itu, takkan kompleks sukan pun begitu? Saya rasa, tidak tahulah apa nak cakap lagi? Hendak maki pun susah juga bukan? Hendak maki, susah. So, kita harap jawapan itu salahlah. *You tell me the answer is wronglah. Is better to say that...*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, yang kita bina hendak buat sekarang di Semenanjung Malaysia ini, di atas permintaan permohonan untuk gelanggang sukan. Jikalau Yang Berhormat ada membuat apa-apa permohonan untuk gelanggang sukan pelbagai seperti Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Sa. Vigneswaran: ...kita akan jalankan di kawasan itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya ini kementerian Tuan Pengerusi, indah khabar dari rupa. Apa dia kata, dia tidak kota. Saya tidak tahu, macam mana mereka membuat perancangan? Pengumuman, dia ada *syndrome announcement*. Dia *announce* sana-sini. *Launching syndrome* ataupun dia *announce* sana-sini. Dia gembar-gemburkan sana-sini. Dia gemparkan masyarakat. "Oh, kementerian akan luluskan kompleks sukan komuniti". Di mana?

Seharusnya kementerian melihat ke arah mana industri sukan bawa? Apabila industri sukan, bermakna dia melibatkan skil yang besar. Skil yang besar, bermakna kena melihat kepentingan. Di mana kepentingan? Bukan menteri kepentingan! Bukan ketua menteri! Bukan itu, bukan ini! Semua bukan! Kepentingan dia, kepentingan masyarakat!! Jadi di mana kepentingan masyarakat, keutamaan dia?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat. Pendekatan yang kita ambil untuk kompleks sukan komuniti untuk peringkat permulaan adalah tempat-tempat di mana menteri dan juga ketua menteri...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Sebentar, sebentar, sebentar ya. Yang Berhormat-Yang Berhormat sabar. Ini memang pendekatan. *I* tak boleh tukar hari ini. Saya cakap satu, tahun selepas saya cakap ada berita lain, tetapi hari ini adalah pendekatan awal. Pendekatan yang diambil oleh kementerian pada masa sekarang dan yang akan diambil untuk semua kompleks sukan komuniti yang akan dibina adalah pendekatan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran dan juga Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Mengikut kawasan, lokasi dan prasarana yang sedia ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah pendekatan dinamakan, "yang senang tambah senang, yang susah tambah susah".

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Baru sedarkah itu? Lama sudah, itu macam. *[Dewan riuh].*

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita tak perlu pembangkanglah. Pembangkang *irrelevant*.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey, berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, meminta agar melibatkan Ahli-ahli Parlimen diadakan Program-program Rakan Muda. Saya suka memberitahu kepada Dewan yang mulia ini serta Ahli-ahli Yang Berhormat, pendekatan ini adalah satu pendekatan yang baik dan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, Tangga Batu punya sudah sebut? *[Ketawa].* Ayer Hitam kemudian lagi tadi...

Tuan Sa. Vigneswaran: Tak apa, tak apa. Nanti dia mari, saya serahkan semua...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oh, dia marikah? Tangga Batu mari nanti?

Tuan Sa. Vigneswaran: Pasal Yang Berhormat bagi Kinabatangan tanya, saya sudah cari dia punya jawapan... *[Ketawa].*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, satu lagi. Kegagalan kementerian iaitu aktiviti Rakan Muda. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat baru-baru ini, majoriti belia-belia Hindu, mengikuti perarakan di jalan raya. Apakah kerana kementerian ini kurang mendekati belia-belia Hindu sehingga tidak ada aktiviti Rakan Muda bersama mereka, sehingga mereka boleh mengikuti satu perarakan haram yang tidak dibenarkan oleh kerajaan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Sangkaan jahat, sangkaan jahat. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak, saya mahu tanya Yang Berhormat. Apakah kementerian ini tidak mendekati belia-belia Hindu ini? Tidak ada aktiviti Rakan Muda di kalangan mereka?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ada, saya tidak fikir mereka boleh fikir mereka boleh terlibat dengan gejala-gejala yang tidak baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan minta penjelasan Yang Berhormat ambil kesempatan berucap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak, saya minta peluang dia untuk bagi penjelasan. Kenapa kementerian ini gagal mendekati belia-belia Hindu sehingga mereka boleh buat demonstrasi, kenapa? Apakah kementerian ini kurang mendekati ataupun tidak mendekati langsung?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerajaan telah gagal.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kinabatangan, ini bagi saya masalah besarlah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan belia-belia India kita memang ada banyak persatuan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang dikeluarkan di bawah kementerian. Berkenaan dengan demonstrasi baru-baru ini, ini tidak bermaksud bahawa kementerian gagal atau tidak ada program untuk belia-belia India. Rakan Muda kita ada sektor *estate* sekarang, baru. Di mana Rakan Muda dahulu tidak boleh sebab *estate* semua kepunyaan perseorangan. FELDA kita boleh masuk, RISDA kita ada, tetapi *estate* tidak ada. Kampung Baru sudah masuk, tetapi lapan bulan yang lepas kita ada program Rakan Muda masuk *estate* untuk menggalakkan belia-belia India khususnya untuk menyertai program-program di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Penyertaan demonstrasi ini memang ada belia-belia bumiputera, saya tidak tahu, ini budaya pembangkang, demonstrasi. Dia orang cakap hendak bagi duit banyak, hendak bagi RM700,000 sebab itu mereka menyertai, bukan pasal kerajaan.

Itu tidak payahlah, Yang Berhormat saya bagi kepastian bahawa tidak ada sebarang kaum yang dianiayai oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, hendak tahu siapa yang akan bayar RM700,000, boleh bagi tahu, siapa yang cakap?

Tuan Sa. Vigneswaran: RM700,000 hendak *sue* hendak mengiringkan Kerajaan Bristish dan salah sorang itu akan dapat RM700,000. HINDRAFlah. Ada apa-apa lagi?*[Dewan ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Barat adakah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, sedikit lagi. Tuan Pengerusi, saya rasa jangan kita main politik di sini...*[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Barat sokong ke?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang mustahak adalah bahawa program-program yang sedia ada telah gagal, tidak ada satu program yang *outrage* yang telah dinikmati oleh masyarakat India. Itulah sebab kerap kali di negara ini 33% dari kes-kes *criminal* dari negara ini adalah masyarakat India dan lebih dari 45% *detainee* di Simpang Renggam adalah masyarakat India. Kesemua ini adalah umur kurang dari 30. Nombor satu kementerian sudah gagal, nombor dua program-program yang ada ini macam pilih kasih. Dia tidak ada program untuk menolong masyarakat ini.

Jadi soalan saya dengan apa yang Yang Berhormat kata nampaknya tidak ada kena mengena. Kita ada program-program tetapi tidak memberi manfaat kepada masyarakat India. Jadi macam mana mereka akan mendapat manfaat jika tidak ada inisiatif yang tertentu?

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat, tetapi saya mahu tanya kepada semua pembangkang DAP ada apa-apa program yang kamu minta Kementerian Belia dan Sukan tidak buat? Tidak tolong? Ada apa-apa permohonan yang diberi oleh sesiapa di sini yang tidak...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada....

Tuan Sa. Vigneswaran: No, no. no. *Hold*, sekejap. Tetapi pendekatan yang diambil oleh Yang Berhormat ini pun salah. Memang kita ada program, kita ada Rakan Muda masuk *estate*, kita memang ada banyak program. Program-program yang dijalankan oleh persatuan-persatuan India seperti KBBT, MIC memang banyak. Memang banyak pendedahan yang diberikan tetapi kita memang ada masalah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Penjelasan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tetapi kita memang ada masalah. Siapa itu?*[Beberapa ahli ketawa]* Sekejap. Kita memang ada masalah, semua kaum pun ada masalah, bukan belia India saja kaum Melayu pun ada, rempit pun ada.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kaum India lagi teruk.

Tuan Sa. Vigneswaran: Cina, Thiong Nham, jangan *isolate* dengan izin satu-satu kaum. Ini bukan hal perkauman, ini hal semua warga Malaysia. Kalau ada masalah jangan kaitkan dengan kaum. Pasal apa kita hendak kaitkan? Untuk pendekatan yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan sebarang masalah adalah masalah kita bersama, bukan secara kaum.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak tanya Setiausaha Parlimen, saya tahu Tangga Batu terlibat dengan belia, Indera Mahkota terlibat belia, saya pun terlibat dengan belia walaupun saya sudah tua. Saya hendak tanya Setiausaha Parlimen, Ipoh Barat ini pernah tidak mengikuti persatuan belia?

Tuan Sa. Vigneswaran: Ha?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ipoh Barat ini pernah tidak menganggotai persatuan belia? Sebab Setiausaha Parlimen Tuan Pengerusi, saya berasa kecewa apabila Ipoh Barat menyuarakan seolah-olah belia India tertinggal kita yang terlibat dengan belia di sini ramai daripada belia-belia India ini mengikuti

persatuan. Cuma sebahagian sahaja yang dipengaruhi oleh pembangkang tadi. Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

Tuan Sa. Vigneswaran: Pasal Ipoh Barat ini saya tidak mahu cakap banyak tetapi saya hendak cakap satu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri yang minta dia cakap.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu, saya tengok kebelakangan ini pembangkang, mereka asyik mengatakan yang tidak baik sahaja mengenai remaja India, yang baik semua dia tidak pernah cakap. Asyik cakap gengster, apa semua, ini semua kerja pembangkanglah. *[Ahli-ahli Dewan bersorak]*

Ada tidak di dalam Dewan yang mulia ini pernah mereka sebut, kaum India, belia India baik? Semua peratus yang tidak baik sahaja dia cakap. Tidak apalah, biarkan dia orang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau, Tangga Batu.

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya hendak habiskanlah, banyak lagi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak apa....

Tuan Sa. Vigneswaran: Dia orang hentam sama saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak ada hentam.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat siapa Yang Berhormat? Tangga Batu ke Tebrau?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tebrau, Tebrau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau, Tebrau minta penjelasan bukan hentam ah?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Bukan, bukan saya bagi sokongan penuh. Memang tidak boleh dinafikan Tuan Pengerusi, dasar kerajaan dalam memberi bantuan kepada gerakan belia memang tidak mengira kaum tetapi satu hakikat yang tidak boleh dinafikan banyak pertubuhan belia itu adalah berlandaskan kepada keanggotaan kaum. Misalnya ada belia-belia Cina, ada belia-belia India. Jadi saya hendak minta penjelasan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu pertubuhan belia yang berlandaskan keanggotaan Cina dan India. Misalnya dalam bentuk peruntukan kewangan, dalam bentuk peluang untuk menyertai program peringkat antarabangsa atau peringkat kebangsaan misalnya, boleh minta penjelasan?

Tuan Sa. Vigneswaran: Boleh saya bagi jawapan itu kemudian? Saya hendak tanya satu, dia orang sudah bangkit isu ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak tanya siapa? *[Ketawa]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya hendak jawab Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tanya saya, saya pun tidak tahu hendak jawab.

Tuan Sa. Vigneswaran: *[Ketawa]* Tidak, sebelum saya jawab soalan ini, saya tidak tanya, saya cakap sahaja. Pembangkang ini cakap kaum India sahaja yang bermasalah. Sekarang saya cabar, mana-mana pembangkang yang cakap kaum Melayu dan Cina tidak ada yang susah, berani berdiri dan cakaplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu, apa itu? Saya berdiri... *[Ketawa]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Hari-hari you orang masuk sini, cakap banyak-banyak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berdiri berani, berdiri berani. Apa itu?

Tuan Sa. Vigneswaran: Cakap tidak ada beranilah? Duduk. Berdiri sahaja beranilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berani, apa itu?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tadi Ipoh Barat masuk sini dia cakap, memang ada masalah dengan kaum India semua diasingkan, semua ditepikan, *marginalize* semua yang teruk semua kaum India. Sekarang saya hendak cabar pembangkang ini, kalau *you all* berani cakap Kaum Cina, kaum Melayu tidak ada dari golongan miskin?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Semua kaum ada masalah, tetapi kaum India menghadapi masalah yang lebih besar berbanding dengan kaum yang lain. Lebih teruk, lebih *marginalize* dan diabaikan oleh MIC. MIC telah menggagalkan tanggungjawab.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Kaum-kaum Tionghoa semua okey ah? Kaum Cina?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Kaum-kaum Tionghoa semua okey lah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan semua okey.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tidak ada masalahlah? Kaum-kaum Tionghoa tidak ada masalah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Kaum Melayu tidak ada masalah? Cakap sini bolehlah, nanti tidak ada dapat undi baru tahulah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat,terima kasih. Saya bukan Speaker. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya dapat lihat dalam pertikaman lidah ini kita sepatutnya mengambil kira Majlis Belia Malaysia dan juga majlis belia negeri-negeri dan juga majlis belia daerah-daerah. Di semua Majlis Belia ini kita mempunyai komposisi kaum yang Cinanya – JBB, yang Indianya - KBPT, MYC, CYO dan ini sebenarnya melambangkan masyarakat Malaysia. Saya yakin dan percaya sebenarnya pihak pembangkang ini dia tidak dia begitu terdedah dengan konsep Majlis Belia Malaysia pada hari ini.

Jadi saya yakin kalau kita lihat segala peruntukan yang dipanjangkan kepada Majlis Belia Malaysia, majlis belia negeri dan juga majlis belia daerah ini disampaikan kepada belia-belia yang berasaskan kaum ini. Yang pergi ke Copenhagen baru-baru ini, terdapat belia Cina, terdapat belia India yang pergi bersama-sama. Kita sebenarnya adalah lambang negara kita pada hari ini dan masa hadapan. Jadi pihak pembangkang jangan hendak buat tohmahan kata kementerian tidak beri perhatian. Kementerian beri perhatian kepada Majlis Belia Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, meminta penjelasan atau berucap?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tidak sedaplah Tuan Pengerusi, bila bercakap berkenaan belia, orang yang belia ada dekat sini mereka bercakap seolah-olah mereka *champion*. Mereka pengamal belia. Kita menghayati, menghargai sikap..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, masa akan datang Yang Berhormat pergi sana jawablah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu kalau Tuan Pengerusi lantik, insya Allahlah boleh saya pergi sana.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tukar, sana mari sini sana pergi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jadi Yang Berhormat, saya punya pertanyaan kepada Yang Berhormat, bila hendak jawab soalan saya itu? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah 30,000 orang Hindraf boleh pergi Copenhagen? Kenapa mereka datang ke Kuala Lumpur dan tidak pergi Copenhagen

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Masalahnya, masalahnya Yang Berhormat Ipoh Timur ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini bukan pengerusi, pengerusi ada dekat sana buat apa saya duduk saya bercakap masalah belia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Perhimpunan Hindraf, belia Hindraf itu terdapat dalangnya. Dalangnya sekongkol dengan pembangkang. Betul tidak? Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya, ya Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tangga Batu, biar dia orang cakap apa, Ketua Pembangkang mahu cakap biar dia cakap. Dia boleh cakap tapi untuk buat kerja buat kebaikan membawa semua kaum ke tahap yang baik, Barisan Nasional jugalah. Pembangkang tidak boleh, dia boleh kritik jugalah.

Okey, Yang Berhormat Ayer Hitam, Tangga Batu, hah? Okey, Tangga Batu Majlis Penggalakan Ekonomi Belia. Terima kasih di atas pelaksanaan dan usaha yang diberitahu tadi oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi Skim Tabung Ekonomi Belia adalah pinjaman skim pinjaman bagi belia-belia yang berumur 18 hingga 40 tahun untuk menjalankan perniagaan dalam bidang perniagaan asas pertanian. Syarat penjamin yang ditetapkan adalah sebagai salah satu syarat yang dipersetujui oleh Kementerian Kewangan sebagai syarat membenarkan perlaksanaan semula skim ini.

Yang Berhormat, dulu Skim Tabung Ekonomi dibekukan bila kita hendak cairkan Kementerian Kewangan memberi syarat bahawa salah satu syarat ialah penjamin. Kena adakan syarat penjamin untuk memberi pinjaman walaupun RM40 juta itu di bawah tabung ini di bahagi kepada dua bank tetapi ditentukan oleh syarat-syarat. Kalau seseorang itu membuat perniagaan itu dengan seorang penjamin, ini menunjukkan mereka ini ada kriteria-kriteria yang akan menunjuk bahawa seseorang itu serius dalam membuat perniagaan. Dari satu *non performing loan* atau NPL, dulu sebelum syarat-syarat dikeluarkan. Dulu NPL banyak dengan izin.

Oleh kerana NPL ini banyak, Kementerian Kewangan mengeluarkan syarat-syarat seperti yang tadi dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan penjamin. Walau bagaimanapun usaha sedang dijalankan bagi melonggarkan syarat-syarat penjamin yang dibuat oleh Menteri sendiri untuk memudahkan peminjam meminjam melalui syarat yang lebih mudah kertas cadangan yang diusahakan oleh Kementerian Kewangan.

Berkenaan dengan peringkat perlaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia. Akta ini telah diwartakan pada 26 Julai 2007 dan akan mula berkuat kuasa pada 30 Disember 2007. tarikh akhir pendaftaran pertubuhan belia sedia ada yang sedang berdaftar dengan ROS ialah 31 Disember 2008. Tarikh ini boleh dilanjutkan oleh Yang Berhormat Menteri jika diperlukan. Kedudukan pertubuhan yang tiada nama belia. Menurut seksyen 2 akta ini, salah satu kriteria yang perlu ada ialah 'belia' pada nama pertubuhan tersebut. Pembatalan - jika tiada perkataan belia maka ianya bukan pertubuhan belia dan tidak boleh didaftar di bawah akta dan dengan itu di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Akhir sekali mengenai dengan *road show,* mengenai akta kepada pemimpin belia di peringkat akar umbi. Dengan izin *road show* telah dijalankan sejak awal tahun 2007 untuk memberi penjelasan tentang akta kepada pemimpin belia khususnya di peringkat akar umbi. Taklimat sebegini akan diteruskan daripada semasa ke semasa

termasuk menghadiri jemputan untuk memberi taklimat oleh pertubuhan belia di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Ayer Hitam meminta agar melibatkan Ahli-ahli Parlimen di dalam program-program Rakan Muda. Ini adalah satu cadangan yang baik dan akan dibawa ke perhatian Menteri supaya bila kita memberi peruntukan ia diberi kepada kedua-dua Ahli Parlimen serta ADUN supaya nama kedua-dua mereka ini diguna pakai dan jemputan diberi kepada kedua-dua Yang Berhormat.

Yang Berhormat Jasin, kekurangan kemudahan Kompleks Sukan Komuniti. Pembinaan KSK di kawasan Asahan tidak disenaraikan oleh kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi mudah-mudahan jikalau peruntukan ataupun pada RMK-10 ditambahkan, memang KSK ini akan dibina di kawasan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat boleh tanya sikit? Terima kasih Yang Berhormat, saya memang mengalu-alukanlah pembinaan Kompleks Sukan Komuniti ini kerana ia menunjukkan satu identiti untuk kita memajukan sukan. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, barang kali kalau boleh kita berunding dengan Ahli Parlimen yang berkenaan sama ada dia hendak mewujudkan kompleks sukan berkenaan secara mengikut pusat tertentu atau barang kali dia hendak gunakan peruntukan itu untuk memperbaiki, mempertingkatkan lagi kemudahan sukan, umpamanya padang yang ada di perbaiki lagi kemudahan tersebut. Dia nampak banyak daripada satu kompleks sukan, RM1 juta umpama RM7 juta. Ia boleh dicambahkan lagi. Dibuat gelanggang sepak takraw, gelanggang futsal sebab gelanggang futsal ini menjadi tarikan sekarang sudah menjadi tarikan. Barang kali RM100,000 Tuan Pengerusi, kalau RM100,000 satu dan secara terbuka dia buat, boleh dapat sepuluh untukRM1 juta. Boleh tidak dipertimbangkan kalau ada permintaan daripada Ahli Parlimen berkenaan atau ADUN diberikan keutamaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat memang kita bagi gelanggang futsal pada semua sepertimana saya telah beritahu bahawa 300 telah diluluskan dan permohonan sedang berlaku tetapi peruntukan yang diberi untuk KSK dalam Rancangan Malaysia Kesembilan saya ingat kalau hendak ubah yang itu buat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya timbulkan ini sebab melalui pengalaman saya Yang Berhormat kita telah banyak pembaziran. Kita pernah buat dewan tutup, tidak ada *maintenance.* Itu yang saya maksudkan. Bagus kalau bagi saya katakan satu Parlimen RM3 juta untuk membuat kompleks sukan pelbagai gelanggang. Memang baik. Masalahnya Tuan Pengerusi siapa hendak menyelenggarakan atau *to maintain* dengan izin. Kampung *you* jangan haraplah kalau hendak mendapatkan sewa kadar RM5 pun orang sudah merungut itu yang saya maksudkan.

Apa salahnya peruntukan tersebut dipecah-pecahkan, dibuat gelanggang takraw, dibuat gelanggang badminton, menaikkan taraf padang bola. Padang bola yang bagus dibuat tangga ayam umpamanya untuk kita duduk, menonton dan membuat bilik-bilik persalinan, itu yang saya maksudkan. Pusat Yang Berhormat bagi itu, Alhamdulillah kita terima - tidak ada masalah. Sebab kalau kita mendirikan bangunan Tuan Pengerusi, memang cantik tapi dengan tidak ada yang hendak menjaganya, hendak *maintain*nya itu, itu yang saya maksudkan Yang Berhormat. Boleh tak ini dipertimbangkan, dikaji balik. Program ini memang bagus, kita tidak pernah pertikaikan. Cuma saya minta kalau ada permintaan daripada pihak yang berkenaan, umpamanya daripada Ahli Parlimen atau ADUN, diberi keutamaan. Katakan kompleks sukan tadi dia tak mahu, beri duit tersebut untuk dibuatkan, diagih-agihkan, diperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan yang saya maksudkan, itu yang saya maksudkan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat ini memang baik supaya kita dapat mengatasi masalah tetapi Yang Berhormat, asal usul hasrat untuk membina Kompleks Sukan Komuniti pada asalnya adalah supaya 8 jenis sukan dijalankan di dalam kompleks ini. Bukan sahaja itu, hasrat murni Kompleks Sukan Komuniti ini adalah supaya kawasan-kawasan perkampungan ataupun kawasan-kawasan desa ini, budak-budak ada tempat untuk meluangkan masa supaya mereka tidak terbabit dengan gejala-gejala sosial, tetapi apa yang diberitahu…

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Tuan Sa. Vigneswaran: …cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini akan dibawa kepada perhatian Menteri.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Jangan bawa cadangan. You kena teliti cadangan. Larut bercakap tentang kawasan yang ada kemudahan lain, ada pilihan lain. Sebab itu ada kompleks sukan yang tidak digunakan disebabkan ada kemudahan lain, tempat lain dalam kawasan itu. Saya bercakap tentang kawasan luar bandar yang tidak ada kemudahan sukan langsung. Maknanya tumpuan belia, ke satu kompleks mini sukan, itulah yang menjadi tumpuan. Kalau di bandar, di Kuala Lumpur, tentulah kompleks sukan yang besar itu tidak ada penghuninya, tidak ada orang yang datang kerana di Kuala Lumpur ini sahaja berapa banyak tempat lokasi yang mereka boleh pergi. Boleh main badminton, ada dewan badminton, hendak pergi skuasy ada dewan skuasy. Jadi cadangan Larut itu jangan bawa ke kementerian cepat-cepat, kena *study* dulu, kena tengok perspektif. Sebab itu saya katakan, kita kena lihat kawasan yang memerlukan. Kalau Larut tak memerlukan, tak apalah Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Larut lebih kurang sama juga. Apa yang dikatakan jikalau hendak buat yang kecil-kecil itu, buatlah tetapi apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Beluran tadi adalah berkenaan, memang kita tidak ada apa-apa, bukan macam Yang Berhormat cakaplah, kalau ada…

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat ..

Tuan Sa. Vigneswaran: ...prasarana yang tidak digunakan…

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...berapa lama diperlukan lagi? Satu jam, dua jam?

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya ingat satu jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setengah jam lagi.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya sambung sedikit Yang Berhormat? Saya hendak mintalah di sini, sebab saya pernah bangkit dalam Parlimen ini supaya kementerian, kalau tak ada dasar sukan itu sendiri untuk dijadikan sebagai panduan kita, yang ini penting Yang Berhormat. Umpamanya katakan hari ini saya beri contohlah untuk memajukan sukan, Yang Berhormat sebut kompleks sukan itu untuk memajukan sukan.

Kalau di Terengganu sudah ada *Monsoon Cup*, memang bagus kita mengalu-alukan. Janganlah aktiviti yang serupa juga digalakkan, dibenarkan dibuatkan di satu negeri yang lain. Saya minta. Di mana garis panduan? Sebab itu tadi saya cakap pasal takraw. Saya tak sempat ini Tuan Pengerusi kerana saya ada hal di luar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sebut, itu kerana kita hendak mempromosikan takraw ini di Sukan Olimpik. Kalau ini menimbulkan masalah, sampai bila pun kita tidak boleh tembusi peringkat antarabangsa? Itu yang saya tekankan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi saya harap supaya jangan ada pandangan yang menyimpang dari apa yang kita tekankan. Saya minta Yang Berhormat kalau bolehlah, kalau ada alhamdulillah. Kalau tak ada kenapa tidak digubalkan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita ada banyak lagi kementerian untuk diselesaikan dan Yang Berhormat telah pun menjawab selama satu jam. Yang Berhormat…

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey, Tuan Pengerusi. Cadangan yang diadakan oleh kementerian supaya tidak diadakan dua program bersama, memang ada dalam dasar sebab program-program sebegini tidak membawa kebaikan bukan keburukan, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat…

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta maaf Yang Berhormat. Kalau ada dasar Yang Berhormat, kenapa tidak dipatuhi? Sekarang ini

saya nampak, dengan izin Tuan Pengerusi, bukan saya hendak menegur - tidak. Untuk kebaikan kita - tak ada, masing-masing dengan hal masing-masing. Kalau ada kenapa tidak diketengahkan? Supaya masing-masing tahu, sebab ini penting. Kalau *Monsoon Cup* di Terengganu, janganlah ada gangguan lain pula. Sebab hari ini *Monsoon Cup* telah terkenal promosi yang begitu baik. Jangan ada milik yang sama dibuat tempat lain. Itu yang saya katakan…

Tuan Sa. Vigneswaran: Mana? Siapa yang buat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada?

Tuan Sa. Vigneswaran: Ada.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Betul ada?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tak, siapa yang buat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak, garis panduan yang saya kata tadi. Dasar tadi, Yang Berhormat kata tadi.

Tuan Sa. Vigneswaran: Oh, okey. Garis panduan bukan secara bertulislah tapi ada dalam dasar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Memang ada? Betul Yang Berhormat?

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya ingat ada Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau tak ada Yang Berhormat rujuk dululah.

Tuan Sa. Vigneswaran: Memang ada fasal ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat…

Tuan Sa. Vigneswaran: Garis panduan. Tuan Pengerusi…

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Dewan bukan untuk lawan, bahas sama Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat saya berikan jawapan tepat kepada Larut dan teruskan kepada yang lain.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat Larut, buat masa ini, sebagaimana yang saya tahu kita tidak menggalakkan dua sukan yang sama ataupun program yang sama, tetapi soalan Yang Berhormat berkenaan dengan adanya satu dasar secara bertulis, buat masa kini saya memang tak pastilah kalau ia tidak secara bertulis, tetapi memang kita ada satu dasar *oral* di mana kita tidak menggalakkan dua sukan yang sama.

Seperti mana Jasin tadi minta, pembinaan padang futsal. Kementerian ada cakap tadi berkenaan dengan 300 di kawasan dia pun ada dua. Pengkhususan IKBN untuk pertanian. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ini ialah untuk Yang Berhormat dari Rembau, kementerian telah membuat pengkhususan pertanian di IKBN Pedu yang terlibat dalam teknologi pembungkusan.

Ayer Hitam - Laporan Ketua Audit Negara 2006, prosedur dan proses kerja menggalakkan pembinaan IKBN, jenama asing iaitu jenama-jenama dari luar negeri supaya tidak digunakan dan keutamaan diberi kepada jenama-jenama yang dikeluarkan di negara kita. Kementerian telah mengambil maklum dan tindakan-tindakan susulan hasil daripada Laporan Ketua Audit Negara 2006, kementerian telah memastikan prosedur dan proses kerja telah dibuat, menambah baik supaya perkara ini tidak berulang.

Pembinaan IKBN baru tidak terjejas disebabkan oleh laporan ini. Bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, empat IKBN telah dirunding dan dijangkakan akan dilaksanakan pada bulan Disember 2007. Iaitu IKBN Bandar Penawar, IKBN Pekan, IKBN Pedu, IKBN Kerteh. Bagi tujuan pembelian peralatan keutamaan memang diberikan untuk barang buatan tempatan kerana masa prosedur rundingan, tender-tender yang dikeluarkan, kita kena mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, jikalau kita hendak beli barang bukan dari negara kita sendiri, kelulusan harus diberi supaya jenama-jenama luar dapat dibeli.

Berkenaan dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM2.892 juta untuk mengurus aktiviti pembangunan ekonomi RM5 juta. Peruntukan ini adalah untuk

mengurus pembangunan ekonomi di kalangan belia bagi mengurus 133 program yang melibatkan 11,780 orang peserta. Selain itu juga, untuk mengurus pelaksanaan Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB), di bawah Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia sebanyak RM40 juta. *So,* bukan sahaja untuk RM5 juta tetapi yang termasuk RM40 juta adalah di bawah Tabung Ekonomi Belia.

Yang Berhormat dari Bintulu, bertanya kenapa tiada penghargaan kepada Wong Mei Choo atau atlit badminton yang memenangi kejohanan badminton seperti kejohanan Super Series Terbuka China baru-baru ini? Majlis Sukan Negara mempunyai skim hadiah kewangan dan kemenangan Sukan Sakam yang memberikan penghargaan kepada atlit-atlit yang memenangi kejohanan-kejohanan atau temasya sukan. Sebagai contohnya, temasya Sukan Olimpik empat tahun sekali. Individu RM160,000, pingat emaslah itu. Perak RM80,000, gangsa RM40,000. Sukan Komanwel, emas RM80,000, perak RM40,000 dan gangsa RM20,000. Sukan Asia dan Sukan SEA RM5,000.

Bagi kejohanan individu, bagi sukan Badminton, kejohanan yang tersenarai di dalam Skim Hadiah Kemenangan Majlis Sukan Negara iaitu Piala Thomas, Kejohanan Badminton Dunia, Kejohanan Badminton ASIA. Seperti mana kes Wong Mew Choo memenangi Kejohanan Super Series Terbuka China tidak termasuk di dalam Skim Hadiah Kemenangan Sukan MSN. Namun begitu, kejohanan tersebut menawarkan hadiah wang tunai USD16,000 yang merupakan hak beliau dan Persatuan Badminton Malaysia.

Segala perbelanjaan penginapan, makan, pengangkutan dan peralatan ditanggung sepenuhnya oleh MSN. Namun begitu, Kejohanan Super Series seperti Terbuka China merupakan kejohanan yang diambil kira masa untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik 2008. Sekiranya beliau layak secara merit ke Sukan Olimpik 2008, beliau layak menerima wang tunai sebanyak RM5,000 dan tambahan elaun bulanan sebanyak RM1,000 bermula dari tarikh layak ke Sukan Olimpik sehingga berakhirnya Sukan Olimpik 2008. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bintulu, elaun bulanan Wong Mew Choo sekarang ialah RM2,500 berdasarkan prestasi Sukan Komanwel 2006 di mana beliau memenangi pingat perseorangan wanita dan pingat emas, perak bagi berpasukan wanita.

Selain itu, Majlis Sukan Negara turut menyediakan kemudahan kepada beliau sebagai atlet elit sukan badminton negara seperti penginapan, makanan, pengangkutan, insurans dan peralatan latihan. Beliau juga ditanggung sepenuhnya oleh MSN dan Persatuan Badminton Malaysia untuk menyertai kejohanan dalam dan luar negara, latihan pusat serta latihan luar negara. Antara tanggungan tersebut ialah penginapan, makan, pengangkutan, tempat latihan dan sebagainya. Kemudahan perubatan, sokongan dan bantuan institut iaitu kepakaran sains sukan bagi membantu dan mempertingkatkan prestasi juga diberikan kepada beliau.

Yang Berhormat Beluran, lokasi kompleks sukan sepanjang tahun 2007. KSK Ledang, KSK Pagoh, KSK Kota Tinggi, KSK Bentong, KSK Tangga Batu, KSK Sungai Siput, KSK Besut. Terdapat tujuh KSK dibina sepanjang 2007 dan 14 lagi KSK sedang dirundingkan untuk dilaksanakan. Seperti Yang Berhormat maklum, Kota Raja pun tak ada.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Menyampuk]* Sabah tak ada?

Tuan Sa. Vigneswaran: Senarai KSK. Pembinaan KSK adalah untuk kawasan Parlimen dan bukannya hak eksklusif sesiapa. Maka semua orang boleh menggunakan kemudahan ini tanpa sebarang halangan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Nanti, nanti.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Sabah Sarawak?

Tuan Sa. Vigneswaran: Okeylah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya ingin tahu lokasi untuk Sabah dan Sarawak. Awal tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa dasar kementerian untuk membina kawasan menteri dan juga kawasan EXCO dan saya katakan bahawa ini perlu dikaji, kerana saya tidak melihat ada dalam Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negara, mereka yang berjawatan akan diberikan keutamaan. Saya

masih mengatakan bahawa kementerian harus melihat pada keperluan yang tepat untuk melaksanakan program kementerian agar semua rakyat, tidak sahaja kawasan yang diwakili oleh EXCO, menteri dan sebagainya yang mendapat kemudahan ini secara awal dan diberi keutamaan.

Yang itu saya mohon Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk membawa perkara ini agar dilihat semula oleh kementerian, supaya semua kawasan yang memerlukan diberikan dan tidak dijadikan dasar yang kekal, *absolute,* yang tidak boleh diubah untuk melihat kepentingan sesuatu kawasan. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Beluran. Kawasan Sabah, dekat Kompleks Sukan Komuniti Libaran, ini semua dalam proses tender. Kawasan Ranau, kawasan Semporna, Kota Marudu...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya ke? Saya tak tahu. Ini semua kawasan-kawasan di Sabah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Santubong.

Tuan Sa. Vigneswaran: Sarawak?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, Sarawak.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey, Sarawak. Kota Samarahan,

Beberapa Ahli: Ha, Menteri, Menteri.

Tuan Sa. Vigneswaran: Miri?

Beberapa Ahli: Menteri, Menteri.

Tuan Sa. Vigneswaran: Hah? Itu Yang Berhormat Datuk Peter Chin dengan Yang Amat Berhormat Tan Sri Abdul Taib Mohammad.

Beberapa Ahli: Menteri, Menteri.

Tuan Sa. Vigneswaran: Itu dua oranglah. Dua, dua tempat.

Beberapa Ahli: Menteri, itu semua kawasan Menteri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk]* Maksud situ, kawasan menteri. Kawasan biasa, Ahli Parlimen biasa?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Hah! Itu semua kawasan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kata Beluran dan lain-lain, semua ini kedudukannya di kawasan Menteri.

Tuan Sa. Vigneswaran: Hah! *Okay, okay.* Ini memanglah ini kawasan Menterilah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Nanti kejap, kejap. Ini adalah senarai yang pertama yang dikeluarkan. Dulu pun saya sudah datang ke Dewan yang mulia ini dan mengatakan keutamaan telah diberikan. Saya ingat satu tahun lebih. Sekarang saya tak boleh tukar. Ini memang apa yang telah saya beri maklumat kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada di sana, tetapi pendekatan yang akan diambil pada kompleks sukan yang akan dibina seperti apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat dari Beluran.

Bukan saja ini, selepas ini kita tak akan buat macam ini seperti yang sudah diberitahu kepada Dewan yang mulia ini. Takkan *I* datang sini boleh tukar pasal Yang Berhormat marah. Ini, nama-nama ini dah beri nama di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Beluran pun tahu semua yang dapat tetapi masa yang akan datang, saya pastilah Yang Berhormat tak usah khuatirlah memang kita akan tengok lokasi dan pendekatan yang digunakan dan dasar adalah berlainan dengan apa yang telah dijalankan. *Yes?*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen membuat perakuan bahawa apa yang

dilakukan itu adalah satu kesilapan besar kerana ianya memberi satu isyarat kononnya belia di kawasan menteri diperkasakan. Kita, wakil rakyat biasa ini anggap tak penting. Itu satu signal yang tidak betul dihantar pada peringkat akar umbi. Adakah Yang Berhormat boleh membuat satu perakuan bahawa itu adalah satu kesilapan dan ianya patut dibetulkan sekarang, dan tidak akan ada sebarang diskriminasi pada masa akan datang.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat Ayer Hitam, memang tak ada diskriminasi. Dulu bila kita bincang pasal KSK, kita nak bagi pada semua Ahli Parlimen. Mana ada diskriminasi. Pada permulaan, Kementerian Kewangan cakap yang ini *okay* 30-30. Dia pecahkan sebagaimana yang kita senaraikan sekarang tetapi hasrat murni kita bukan untuk... Eh! Kawasan saya Kota Raja pun tak ada, tapi bukan ini mengatakan bahawa kita ada, *we got choice.* Dulu kita nak bagi kepada semua Ahli Parlimen *so* kita bagi kepada kawasan menteri dulu. Bukan mengatakan untuk menguatkan belia di kawasan menteri ataupun....

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen belum nampak *crack of the problem.* Masalahnya ialah bila hanya 30, tidak bermakna kawasan menteri perlu diutamakan. Itu bukan satu cara *"pilih kasih"* yang betul, itu bukan satu keputusan yang bijak. Minta diperbetulkan, jangan ada lain kali mungkin 10 lagi hanya jawatan yang tertinggi. Yang Berhormat pun tak layak kerana tak menjadi menteri penuh ataupun timbalan menteri. Saya rasa itu bukan satu kriteria yang patut digunakan. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: *[Mengeluh] [Ketawa]* Tuan Pengerusi, bukan saya tak faham, saya faham. Yang Berhormat yang tak faham. Saya dah bilang sebentar tadi bahawa semua kita nak beri kepada semua Ahli Parlimen. Itu dah dua tahun punya cerita, dua tahun lalu tetapi bila kita dapat 30, 30 dipecahkan, kita kena keluarkan senarai bahawa kita akan beri kepada semua menteri. Bukan mengatakan bahawa keutamaan diberi kepada menteri. Bila semua sudah dapat, kita ada protokol-protokol di mana... *okay*lah menteri kita bagi dulu. Mana-mana pun kita ada peruntukan. *Okay*lah, pendekatan memang pada masa itu kita nak beri kepada semua orang, tetapi bilangan dah kurang..

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: ...pendekatan yang kita ambil ini memang merujuk kepada apa rintihan dan teguran yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Memang bila kita ada bilangan yang kecil, memang pendekatan yang kita ambil sudah lain.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tapi tak betul juga SUPAR. *You know very well. You know very well.* SUPAR tahu bahawa ada 219 kawasan Parlimen. Tentu sekali kementerian mengetahui lebih awal bahawa 219 ini tidak akan dapat dibina serentak. Kemudian menteri umum lagi, setiap kawasan DUN, 500 lebih kawasan DUN, *definitely* tidak boleh dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, *but* pada masa yang sama yang 30, yang 20 yang dibina, yang ada peruntukan diberi oleh Kementerian Kewangan semua diberi oleh kementerian kepada kawasan-kawasan yang berjawatan. *You know pretty well.* Jangan apalah.

Kita tahu sistem *budgeting* ini, kita tahu peruntukan *limited*, *resources limited*. Kementerian buat pengumuman Parlimen 219 kemudian ubah lagi tidak tahulah untuk tujuan apa, ubah lagi untuk kawasan DUN kepada tiap-tiap kawasan DUN. Saya sendiri pun tidak yakin tetapi tidak apalah menteri umum. Kemudian dia guna, ada 30 awal, buat dululah kawasan menteri.

*That confusing*lah Tuan Pengerusi, tidak ikhlas! Ada unsur-unsur tidak ikhlaslah dalam pengumuman itu. Itu saya katakan *to justify the building of* yang ada itu kepada jawatan Menteri. Pasal macam jawapan inilah! Dia kata *we planned,* semua kawasan DUN ada. Jadi bagilah kawasan Menteri dulu. Tidak ikhlaslah Tuan Pengerusi!

Seorang Ahli: Rezeki belum sampai.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, saya sambung sedikit. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya membangkitkan soal tentang Kompleks Sukan Komuniti ini.

Cuma secara ringkaslah, secara terus terang tadi Yang Berhormat ada jawab bahawa yang Jasin punya buat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Dalam tempoh berapakah semua kawasan Parlimen adanya Kompleks Sukan Komuniti, apakah tempohnya? Untuk semua, itu sahaja, ringkas sahaja, tidak payah panjang-panjang sangatlah. Apakah tempoh untuk siapkan semuanya?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tempoh terdekatlah Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Apa tempoh yang terdekat? Tahun 2015 pun tempoh terdekat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat macam ini, kita kalau saya cakap dalam masa dua tahun pun tidak pastilah pasal banyak yang kena bina.

Macam inilah, ini bergantung kepada kelulusan yang diberi dari Kementerian Kewangan kalau dia bagi esok kita *start*lah esok. Oleh kerana kekurangan, kekangan wang, pembinaan kita pun tidak banyaklah. Saya mintaklah Yang Berhormat, kalau ada apa-apa, mohon gelanggang pelbagai dululah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Kita bukan menteri! Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya telah memohon gelanggang tetapi tidak ada jawapan pun.

Tuan Sa. Vigneswaran: Eh, mana ada, tidak ada!

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sudah pun saya bagi! Menteri saya bagi, Yang Berhormat pun saya bagi. Tidak ada jawapan!

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey, okey.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ayer Hitam, pun sama kawasan tapak pun ada!

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey, macam ini tempoh yang diminta oleh Yang Berhormat berkenaan bilakah semua kompleks sukan akan dibina, akan diberi secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Saya ingat bukan soalan pembinaan yang telah dibuat keputusan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, persoalan sini kita hendak mengubahkan dasar. Dasar itu patut diubah kepada mencari bakat dalam kita memajukan sukan negara. Namun jika bakat ini hanya dilihat dalam orang yang berkedudukan tinggi, saya ingat *merit is thrown into the rubbish bin*lah.

Jadi kita akhirnya menunjukkan bahawa dasar kementerian adalah dasar *patronage,* dasar *political,* dasar yang tidak akan mendatangkan hasil *sport* kepada negara ini nanti.

Jadi inilah sebab kenapa Ahli Parlimen di sini memohon supaya dasar ini diubahsuai, bukan nak alihkan yang telah diputuskan. Nak ubahsuai untuk yang baru ini janganlah diberikan kepada menteri, diberi kepada ADUN. Buatkan, kalau dapat mengikut kawasan-kawasan tertentu. Sekiranya dibuat satu kawasan itu banyak menteri, banyak buat-buat, padahal di tempat yang berpotensi tidak mendapat apa kemudahan.

Macam mana kalau di satu bandar itu banyak Menteri, satu bandar itu dah ada kemudahan, kita buat kemudahan banyak-banyak lagi, *cluster* di sana. Padahal, orang di pedalaman yang jauh di tempat-tempat lain yang mana...ingat Tuan Pengerusi, pelari olimpik pertama Malaysia ialah .'Kudabita' dia duduk dekat hulu sana. Jadi kenapa pula tidak disebutkan kemudahan di sana. Watson Nyambek daripada pedalaman bahagian kedua, kenapa tidak dibuat di sana? Padahal bakat-bakat ini boleh di pedalaman bukan orang bandar sahaja. Bukan orang keluar daripada kiri kanan Menteri. Ini yang kita tanya.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Seperti yang telah saya beritahu kepada Dewan yang mulia ini. Okey, saya beri satu dengan izin *example,* memang kita sebelum masalah rempit ini kita ada masalah belia dalam gejala sosial dadah dan sebagainya, tiba-tiba kita ada masalah rempit.

Jadi masalah 'Mat Rempit' ini berleluasa, pendekatan dan dasar yang diambil oleh kementerian memang tukar. Ini bukan bermaksud kita insaf dan kita salah, tetapi pendekatan dan dasar mengikut kepada apa yang dikehendaki oleh remaja belia.

Sama seperti Kompleks Sukan Komuniti. Bila kita keluarkan kenyataan bahawa di semua Parlimen, Kompleks Sukan Komuniti ini akan dibina, hasrat kementerian untuk membina di kesemua kawasan Parlimen. Bila kita ada kekangan dan juga masalah bajet yang tidak diluluskan, kita tukar dasar mengikut kepada... tetapi kenyataan yang dikeluarkan memang kenyataan dikeluarkan.

Namun pendekatan dan apa dasar yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan, sekarang berubah mengikut kepada kawasan dan mana yang tidak ada prasarana. Yang Berhormat, kalau saya nak tukar tiba-tiba pun tidak boleh pasal nama-nama dalam senarai ini sudah dikeluarkan tetapi dasar macam....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya *object* pada percakapan menukar itu! Saya kata jangan tukar yang telah diputus. Saya kata dasar ini ubah! Dasar yang membuat keputusan tidak betul ini diubah. Apa yang diputus kalau nak buat di Miri satu, di Samarahan satu, di Johor satu, di Kota Bharu satu, sudah diputus jangan diubah. Jangan ubah yang telah diputus! Itu kata saya!

Tuan Sa. Vigneswaran: Betullah tu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Apa yang saya kata, dasar yang tidak betul itu ubah.

Tuan Sa. Vigneswaran: Samalah Yang Berhormat *[Ketawa].* Tuan Pengerusi, ayat dia beza tapi semua sama juga. Okey, Yang Berhormat Kinabatangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang sebenarnya saya faham apa yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi mereka yang tidak bersetuju supaya hanya Ahli-ahli Yang Berhormat memegang jawatan mendapat kemudahan itu.

Tuan Sa. Vigneswaran: Memang, memang. Itu keputusan yang lama Tuan Pengerusi, keputusan baru ini akan dikeluarkan ialah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Santubong. Yang Berhormat Kinabatangan dengan Yang Berhormat Sabak Bernam dan juga sedikit dari Yang Berhormat Ayer Hitam, Peruntukan Penyelidikan Pembangunan Belia Negara.

Peruntukan Penyelidikan Pembangunan Belia Negara adalah untuk membolehkan kementerian melaksanakan pelbagai kajian yang menyeluruh, yang menyentuh aspek-aspek penting pembangunan, seperti minat dan kecenderungan tahap penglibatan dalam pembangunan, keberkesanan program-program pembangunan belia, tahap kesejahteraan belia secara keseluruhan, kajian digunakan untuk menentukan dasar dan hala tuju perlaksanaan strategi pembangunan.

Sehingga kini kementerian telah membuat kajian dan penyelidikan dalam pelbagai aspek dan telah berjaya menerbitkan Indeks Belia Malaysia dan Perkhidmatan Belia Malaysia. Ini Indeks Belia Malaysia dan Perkhidmatan Belia Malaysia *[Menunjukkan buku].* Inilah kajian-kajian yang telah dijalankan oleh kementerian.

Perkara ini adalah instrumen penting, Kementerian Belia dan Sukan merancang melaksanakan program Indeks Belia Malaysia dan Perkhidmatan Belia Malaysia agar sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Penjelasan mengenai Indeks Belia Malaysia dan Perkhidmatan Belia Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya anggap pangkalan data ini ataupun kajian berkaitan dengan belia ini sangat penting. Saya ingin bertanya sama ada kajian itu juga mengambil kira mengenai belia yang ada di kampung, di mukim dan di daerah.

Ini kerana saya dapati daripada maklumat saya dapat daripada Jabatan Belia Negeri sendiri, saya tengok ada kampung tertentu sebenarnya ada 21 orang, ada 30 orang. Padahal di kampung itu ada berpuluh dan beratus orang. Adakah ini diambil kira dalam kajian ini? Jika ia tidak diambil kira, kewajarannya ia diambil kira kerana ini akan menyentuh seberapa ramai belia dalam agenda ini. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Okey biar saya habiskan dulu, selepas itu saya akan jawab. Dalam Indeks Belia Malaysia, ada instrumen yang digunakan untuk mengukur tahap pencapaian belia negara ini dalam pelbagai aspek pembangunan kendiri, potensi diri, waktu senggang, tingkah laku, kesihatan, hubungan sosial dan ketelusan media. Peningkatan indeks adalah matlamat pembangunan belia di mana kementerian akan memperbaiki dan meningkatkan lagi program-program di mana yang kekurangan ke tahap yang lebih tinggi.

Secara ringkas, Pemetaan Belia Malaysia ini bila kementerian buat pemetaan, *mapping* dengan izin ialah di kawasan-kawasan yang dibuat pemetaan di seluruh Malaysia dan khususnya untuk mengetahui masalah-masalah di sesebuah tempat yang berkenaan termasuk bilangan belia dan masalah supaya kita dapat menjalankan program-program yang tertentu yang akan membawa hasil kepada tempat-tempat tersebut. Pemetaan Belia Malaysia adalah maklumat penting mengenai kedudukan belia, tahap pencapaian yang digambarkan dalam landskap peta. Yang Berhormat bagi Setiu berkenaan dengan KSK...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Penjelasan sikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Oleh kerana kementerian sudah pun menggubal ataupun menyelidik, buat satu *survey* di mana pemetaan belia-belia di negara ini sudah wujud, sudah diperoleh. Adakah maklumat yang diperoleh melalui perwujudan *mapping* ini diguna pakai untuk menyediakan kompleks sukan kementerian yang telah disenaraikan oleh Yang Berhormat tadi. Adakah ini diguna pakai?

Tuan Sa. Vigneswaran: Untuk kompleks sukan tidak adalah Yang Berhormat. Perkhidmatan pemetaan ini baru. Fasal Kompleks Sukan Komuniti sudah keluar awal senarainya, tetapi berkenaan dengan pada masa-masa yang akan datang memang kita gunakan semua dalam semua aspek dalam program Kementerian Belia dan Sukan kita gunakan pemetaan dan Indeks Belia.

Yang Berhormat Setiu berkenaan dengan pembinaan kemudahan sukan di Setiu. Kementerian akan membina gelanggang sukan pelbagai guna zon timur dalam tahun 2008. Pembinaan dalam tahun 2007 adalah kawasan zon tengah.

Lagi satu mengapa persatuan-persatuan belia tidak diberikan bantuan yang lebih ,tidak cukup sekiranya bantuan seperti PLKN sahaja yang diberikan. Kementerian memberikan dua bentuk bantuan kewangan. Satu bantuan pentadbiran dan satu lagi bantuan pelaksanaan aktiviti. Bantuan ini diberikan kepada persatuan belia yang menjadi badan gabungan kepada Majlis Belia Malaysia seperti Gerak Belia 4B Malaysia, Persatuan Kelab MOIC, Gabungan Pelajar Melayu dan sebagainya.

Yang kedua, bantuan pelaksanaan aktiviti. Bantuan ini diberi kepada semua pertubuhan belia di seluruh negara yang merangkumi persatuan-persatuan belia di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Ada lagi satu yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Setiu berkenaan dengan program jati diri yang melibatkan budak-budak sekolah. Program jati diri ini adalah program-program lepasan yang tidak merangkumi pelajar-pelajar yang tidak termasuk dalam program PLKN, Latihan Khidmat Negara. Jati diri ini dikenakan kepada pelajar-pelajar yang habis SPM. Jadi seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa pelajar-pelajar tingkatan enam yang terbabit, memang benar, selepas pelajar-pelajar tingkatan lima.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Sa. Vigneswaran: Kalau pelajar-pelajar tingkatan enam itu terbabit memang untuk pelajar-pelajar tersebut dan juga kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Sabak Bernam ingin hendak membantu sama sebenarnya supaya data berkaitan dengan belia dari segi *mapping* ini supaya lebih tepat. Satu saya tengok bila, saya telah dapat maklumat ini secara menyeluruh bagi negeri Selangor dan khususnya daerah Sabak Bernam.

Saya tengok ada kampung-kampung tertentu tidak termasuk, itu satu. Yang keduanya saya tengok ada kampung-kampung tertentu bertindih. Ada Gerakan Belia, selepas itu ada Persatuan Wanita dan persatuan yang lain.

Jadi saya berharap perkara ini dapat diberikan perhatian secara khusus kerana kita takut pertindihan ini akan menyebabkan data itu mungkin jadi banyak, itu satu. Yang keduanya yang lebih penting ialah saya tengok di situ daripada beberapa kampung yang saya lihat hanya separuh sahaja daripada belia, beliawanis yang ada di kampung itu yang nampaknya terdaftar dari segi bilangannya. Ini akan menyebabkan ramai yang akan tercicir. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kerana sering menolong Kementerian Belia dan Sukan dalam memberi cadangan-cadangan yang begitu baik. Saya berharap cadangan Yang Berhormat dan cadangan-cadangan yang lain supaya diberi kepada saya untuk diberikan kepada Institut Belia Negara supaya kita dapat memberi perhatian dan meneliti cadangan-cadangan Yang Berhormat secara menyeluruh supaya dapat dimasukkan dalam indeks belia dan juga pemetaan belia.

Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Serdang, pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna Parlimen Serdang. Memang terdapat gelanggang sukan pelbagai guna yang akan dibina di Parlimen Serdang iaitu di Seri Kembangan dan Bangi. Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dimasukkan di dalam zon tengah dan dalam peringkat pelaksanaan ketika ini. Pembinaan gelanggang sukan negeri pelbagai guna zon tengah sebanyak 114 unit.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, terima kasihlah, tetapi saya pun tidak dapat apa-apa benda. Boleh bagi tahu sikit kos dengan lokasinya ataupun pelan reka bentuknya untuk diteliti?

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya minta maaflah Yang Berhormat. Saya boleh beri kepada ... sepatutnya Yang Berhormat ini harus diberitahu perkembangan di kawasan Yang Berhormat, tetapi saya akan memberikan pada Yang Berhormat khususnya peta dan juga kos berapa gelanggang sukan itu.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila gulung habis.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey. Yang Berhormat bagi Maran, Kompleks Sukan Daerah Maran. Buat masa sekarang butiran ini tidak disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan telah terdapat keputusan Jemaah Menteri supaya tiada kemudahan sukan yang baru di bina di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerana tumpuan dibuat kepada kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan sukan di seluruh Malaysia.

Yang kedua, kementerian memang telah mengambil usaha menyelenggarakan Kompleks Rakan Muda Maran dari semasa ke semasa.

Berkenaan dengan beberapa pertubuhan belia yang akan didaftarkan, mengikut statistik RRS, terdapat sekurang-kurangnya 2,558 pertubuhan belia sedia ada yang akan mendaftar di bawah akta ini. Namun begitu, ini tidak termasuk pertubuhan belia baru termasuk Kelab Rakan Muda Parlimen yang sedang ditubuhkan.

Yang kedua kedudukan MBM dalam akta dan peruntukan khas MBM. Menurut Seksyen 49 akta ini, MBM adalah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang menjalankan fungsi tertentu di bawah Seksyen 50. Seksyen 52 dan 53 memperuntukkan mengenai komitmen kerajaan untuk menyalurkan bantuan kewangan tahunan kepada MBM. Jadi Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat memang ada dalam Akta Belia dan selepas pelaksanaan Akta Belia pada hujung tahun ini pihak MBM akan mendapat bantuan kewangan di bawah akta. Yang Berhormat bagi Rembau, yang menarik minat belia...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Masa tidak ada sekarang ini.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, sikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, saya timbulkan tadi, kita ada Kelab Sukan komuniti di DUN. Saya mencadangkan tadi supaya diselaraskan balik, dikemaskan balik. Di samping kita mengadakan Kelab Sukan Komuniti DUN ini kita adakan Kelab Komuniti Parlimen supaya bukan sahaja kita hendak adakan program dan kalau boleh kita dapat memandukan masyarakat dalam DUN, dalam Parlimen dan kita dapat lahirkan bakal-bakal ataupun atlet yang menyumbang kepada negara.

Jadi saya mencadangkan supaya seperti yang dicadangkan oleh sahabat-sahabat yang lain supaya adakan peruntukan di bawah Kelab Komiti Parlimen di mana saringan yang dibuat di peringkat cawangan, DUN ini akan dibawa ke Parlimen, akhirnya dibawa ke peringkat pusat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau nak buat cadangan-cadangan ini dalam ucapan ya. Penjelasan tak boleh buat cadangan sangat, penjelasan adalah berbangkit daripada apa yang dikata oleh pihak Yang Berhormat Menteri sebelum dia diberhentikan untuk minta penjelasan, mengenai untuk penerangan dan sebagainya. Kalau tidak perbahasan kita tidak ada struktur tertentu, sampai bila pun tak habis. Kita ada lapan lagi dan kita ada dua hari sahaja lagi untuk membincangkan lapan subjek kementerian. Sila Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Cadangan Yang Berhormat tadi memang adalah cadangan seperti yang dibangkitkan oleh Ayer Hitam mengenai peruntukan diberi supaya program-program dijalankan bersama dengan DUN dan Parlimen. Cadangan itu baik dan akan dibawa ke perhatian kementerian.

Yang Berhormat Rembau, bagi menarik minat belia berpersatuan disarankan agar Kementerian Belia dan Sukan memperbanyakkan program pembangunan keusahawanan dengan menubuhkan Jawatankuasa di peringkat daerah. Program pembangunan usahawan yang dirancang bagi tahun 2008 sebanyak 133 program melibatkan 11,780 orang peserta melibatkan program-program:

(i) program pembangunan keusahawanan seperti kursus, seminar, konvensyen dan promosi;

(ii) program pembangunan belia tani seperti penjenamaan produk, kursus reka bentuk dan pembekalan produk; dan

(iii) program pembangunan usahawan ICT.

Jawatankuasa Majlis Penggalakan Ekonomi Belia akan dan sedang ditubuhkan di peringkat negeri. Setakat ini tiada cadangan untuk ditubuhkan di peringkat daerah.

Yang Berhormat Kuala Krau berpendapat bahawa kegiatan belia yang lesu tidak bermaya berpunca dari kekurangan peruntukan diberikan. Peruntukan bantuan pentadbiran yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah kepada badan-badan persatuan belia yang menjadi badan gabungan Majlis Belia Malaysia. Kemudian, berapakah peruntukan yang diberikan oleh KBS kepada negeri Majlis Belia? Juga peranan Majlis Belia Daerah tidak lagi nampak ketara, mohon diberikan peruntukan untuk mereka beroperasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapat mengatakan bahawa persatuan belia lesu akibat tiada peruntukan adalah tidak betul kerana setiap tahun Kementerian Belia dan Sukan menyalurkan bantuan untuk pengupayaan pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti. Pada tahun ini sahaja sebanyak RM4.1 juta telah disalurkan kepada persatuan belia di peringkat kebangsaan, negeri, daerah untuk pentadbiran.

Peruntukan kepada negeri-negeri, Majlis Belia Negeri adalah sebanyak RM25,000 setahun bantuan pentadbiran. Manakala bantuan pelaksanaan adalah bergantung kepada permohonan yang diterima. Majlis Belia Daerah menerima peruntukan pentadbiran sebanyak RM20,000 setahun dan merupakan bantuan tetap kementerian kepada Majlis Belia Daerah di seluruh negara. Di samping itu pelbagai program turut diadakan bersama Majlis Belia Daerah, kursus-kursus kepimpinan dan lain-lain.

Sejauh mana keberkesanan, kerjasama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia dan Sukan dalam melahirkan atlet-atlet dari sekolah-sekolah sukan. Program kerjasama antara Kementerian Pelajaran dan Majlis Sukan Negara di bawah

Kementerian Belia dan Sukan telah dilaksanakan bermula tahun 1996. Kerjasama ini memudahkan atlet untuk menjalankan latihan dengan waktu yang fleksibel dan dalam masa yang sama dapat mengikuti persekolahan seperti pelajar-pelajar yang lain.

Majlis Sukan Negara menyediakan bantuan dari segi khidmat jurulatih, tempat latihan dan juga bantuan kewangan seperti yuran sekolah dan asrama. Selain itu bantuan tuisyen juga disediakan kepada atlet-atlet yang berada dalam program MSN. Setakat ini terdapat 188 orang atlet dalam program atlet pelapis yang telah menamatkan sekolah dan kini berada di program pra-U dan ada juga yang sedang menuntut di Universiti Putra Malaysia.

Sejak tahun 2002 – 2007, antara atlet-atlet yang telah berjaya mewakili negara yang lahir daripada sekolah-sekolah sukan ialah Mohd. Romzi Muhammad. – atlet pelayaran, Bryan Nickson Lomas – atlet terjun, Chai Fong Ying – wushu, Siti Noor Amarina – hoki, 'Yurika' – basikal, Durratun Nashihin – gimrama, Nazim – memanah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Okey. Okey, Kinabatangan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya ada juga menyentuh tentang kos penyelenggaraan bagi kompleks-kompleks sukan di daerah dan juga peringkat negeri, kerana banyak kompleks sukan ini terbengkalai. Mohon jawapan, kalau tidak boleh; bagi secara bertulis.

Tuan Sa. Vigneswaran: Saya bagi secara bertulis dulu. Saya tengah cari ni.

Tuan Pengerusi: Tadi Kuala Krau, sekarang Pensiangan, kalau tidak pun Rembau.

Tuan Sa. Vigneswaran: Semua sudah saya ingat. Rantau Panjang.

Tuan Pengerusi: Sudah, sudahlah.

Tuan Sa. Vigneswaran: Rantau Panjang tak ada, tak payah jawablah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berhentilah. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM431,083,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM431,083,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM552,500,000 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM552,500,000 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2008.

Tuan Pengerusi: Kementerian Sumber Manusia. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada tujuh kementerian lagi yang hendak dibincangkan dan kita ada mempunyai dua hari sahaja lagi. Ada kemungkinan besar bahawa malam esok atau hari Khamis kita akan lanjutkan sampai 10 malam atau lebih.

Maksud B.46 [Jadual] –
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2008] –

Tuan Pengerusi: Kepala B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Ampang.

4.48 ptg.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 040000 - Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Saya ingin menyentuh tentang isu pekerja asing, bukan kerana saya merasakan bahawa kebajikan mereka lebih penting daripada rakyat tempatan tetapi kerana kebanjiran mereka yang cukup ramai dan penyakit-penyakit yang dibawa di negara kita. Contohnya dilaporkan bahawa terdapat 15,201 pekerja yang disahkan menghidap hepatitis B, 10,569 batu kering atau tuberculosis, 3,937 pembawa siflis dan ada 2,292 penagih dadah di kalangan pekerja asing.

Masalahnya sekarang ialah kita membelanjakan kos yang cukup tinggi untuk menghantar semula pekerja-pekerja yang telah diluluskan pemeriksaan kesihatan di negara asal mereka. Dalam tahun 2006 saja, terdapat 45,430 orang daripada 1.32 juta pekerja asing gagal dalam pemeriksaan kesihatan apabila dibawa ke Malaysia. Sedangkan sijil pengesahan di negara asal mereka telah lulus.

Jadi saya ingin kementerian mengambil berat tentang isu ini dan memantau sama ada agensi pembantu rumah asing ataupun agensi yang membawa pekerja asing ini mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh kementerian kerana terlalu ramai sebagaimana yang kita tahu, terlalu ramai.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang tunggakan kos rawatan. Walaupun ini mungkin berkaitan dengan Kementerian Kesihatan tetapi pada asalnya Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab di atas perkara ini. Kerajaan Malaysia terpaksa menanggung begitu banyak kos rawatan daripada pekerja-pekerja asing ini dan 30% dari bil tertunggak ini terdapat di negeri Sabah. Jumlah kos rawatan yang tertunggak ini adalah sebanyak RM10 hingga RM15 juta setahun kerana pekerja-pekerja asing ini menghilangkan diri sama ada pergi ke sektor lain, tidak dapat dikesan atau kembali ke negara asal.

Juga mengenai pekerja di dalam sektor tidak formal ataupun pembantu rumah. Kita lihat bahawa dasar-dasar atau garis panduan yang dikenakan kepada agensi-agensi pembawa masuk pembantu rumah asing ini tidak diikuti dengan patuh oleh mereka dan saya mencadangkan bahawa mestilah diwujudkan satu jawatankuasa khas yang melibatkan ketiga-tiga kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia, Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, terutamanya di dalam isu pembantu rumah yang mana semuanya adalah wanita dan kita lihat mereka ini merasakan bahawa mereka ini tidak dilayan dengan baik.

Kita bukanlah mengatakan bahawa semua tuduhan ini boleh diterima pakai tetapi kita telah mencapai satu tahap di mana Kerajaan Indonesia merasakan bahawa kita tidak berlaku adil kepada pekerja-pekerja mereka. Jika sekiranya pembantu rumah asing itu seorang Muslim maka tidak sepatutnya agen-agen meletakkan mereka dengan majikan-majikan yang memaksa mereka untuk membuat benda-benda di luar hukum agama yang kita semua faham. Tidak boleh masak ataupun mengendalikan daging babi ataupun memandikan anjing dan sebagainya. Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian yang serius.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Saya beralih kepada butiran yang kedua ringkas sahaja.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Sila.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi tapi adakah juga Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya soal pekerja asing ini ditangani oleh hanya satu kementerian. Pada hari ini khususnya di negeri Sabah kita yang terlibat ialah Jabatan Perdana Menteri dengan Petugas Khas Persekutuan, lepas itu ada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, lepas itu Kementerian Sumber Manusia. Jadi mana satu kementerian?

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan hanya satu kementerian yang terlibat untuk menyelesaikan masalah ini.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Sebenarnya saya melihat begini. Jika satu kementerian sahaja dipertanggungjawabkan maka ada isu-isu yang tidak berkaitan dengan sumber manusia itu sendiri maka sumber manusia mungkin mengatakan ini soal imigresen, ini soal kebajikan. Jadi berkait dengan kementerian lain.

Saya baru balik dari Jakarta sebenarnya berbincang dengan rakan-rakan Ahli Parlimen di sana yang merupakan anggota kepada jawatankuasa mengenai masalah pembantu rumah ini. Mereka mengatakan bahawa mereka dengan mudah masuk melalui Pontianak dan melalui jalan-jalan tikus dan pembantu rumah boleh masuk dengan mudah dan sebagainya. Jadi ini juga berkaitan dengan kementerian yang lain. Jadi saya ingat usaha bersepadu itu sangat perlu dibuat.

Saya beralih kepada butiran yang kedua ringkas sahaja Tuan Pengerusi iaitu Butiran 010500 - Dasar Sumber Manusia. Saya tidak tahu sama ada Kementerian Sumber Manusia sedar atau tidak bahawa terdapat banyak aduan dan orang-orang yang mengadu ini hendak berjumpa dengan saya atas dasar saya merupakan Pengerusi Gender Caucus Parlimen, iaitu terdapat pekerja-pekerja wanita Muslim kita yang memakai tudung tetapi syarat untuk mengambil kerja terpaksa membuka tudung. Saya boleh menamakan majikan-majikan ini kebanyakannya di KLCC dan gedung-gedung besar seperti yang didakwa di dalam Majalah Mastika contohnya Isetan, Sogo, FotoZoom, Parkson dan beberapa lagi majikan-majikan swasta. Itu sahaja dua butiran yang ingin saya sentuh Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

4.54 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan *code of practice* gangguan seksual di tempat kerja baru-baru ini ada laporan bahawa kurang dari 1% majikan dalam negara ini sebenarnya cuma 0.25% majikan telah menerima pakai *code of practice* gangguan seksual di tempat kerja dan pertubuhan NGO seperti Awam telah menyatakan bahawa peratusan ini menunjukkan para majikan masih tidak pandang serius terhadap gangguan seksual sebagai satu isu yang ada kesan ke atas staf *turnover* dalam syarikat mereka, kadar produktiviti para pekerja dan pada akhirnya menjejaskan kadar keuntungan para majikan.

Sekarang *join action group* NGO wanita ini sedang berkempen supaya kerajaan atau kementerian menggubal satu akta gangguan seksual dan baru-baru ini dikatakan kementerian pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk cuba membuat pindaan kepada Akta Pekerja 1955 untuk merangkumi gangguan seksual ke dalam akta ini. Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan ini apakah perkembangan terkini.

Isu kedua Tuan Pengerusi adalah berhubung dengan faedah PERKESO. Dalam sesi ini saya melalui soalan lisan pernah menimbulkan masalah-masalah yang dihadapi oleh satu golongan pekerja yang tidak layak ataupun ditolak oleh PERKESO dan tidak dapat faedah keilatan atas sebab-sebab tertentu. Mereka ini menghadapi masalah, menghidapi penyakit tertentu yang menyebabkan mereka tidak dapat bekerja. Tetapi oleh kerana definisi keilatan yang terdapat dalam jadual Akta PERKESO mereka tidak layak dan tidak diiktiraf sebagai layak untuk mendapat faedah keilatan tetapi mereka sememangnya mempunyai penyakit yang menyebabkan mereka kurang berkesan ataupun tidak berdaya langsung untuk bekerja. Saya berharap PERKESO, kementerian dan timbalan menteri mengambil berat tentang perkara ini dan mengkaji sama ada jadual dapat dipinda dan memperluaskan ruang untuk memasukkan lebih banyak jenis penyakit yang layak untuk menerima faedah keilatan.

Di samping itu, saya amat berharap kementerian juga peka kepada masalah golongan ini dan saya bercadang PERKESO dapat mewujudkan satu jenis faedah sementara bagi membantu golongan yang malang ini sementara mereka buat permohonan kedua atau ketiga yang kemungkinan juga akan ditolak kerana tidak mematuhi atau memenuhi syarat keilatan.

Akhirnya Tuan Pengerusi, berhubung dengan pekerja tempatan kita yang menghadapi cabaran-cabaran yang besar daripada pekerja asing dan ada majikan-majikan yang mengambil kesempatan dengan begitu banyaknya pekerja asing dengan mudah datang bekerja di negara ini menggunakan taktik-taktik yang tertentu untuk menggugurkan pekerja tempatan rakyat Malaysia dan diganti pula dengan pekerja-

pekerja asing yang sanggup bekerja dengan upah yang lebih rendah berbanding dengan rakyat Malaysia. Ini telah menjejaskan peluang pekerjaan dan mata pencarian golongan pekerja rakyat Malaysia. Ada majikan dikatakan melaksanakan *voluntary separation scheme* (VSS) untuk merombak semula operasi mereka dengan melepaskan pekerja-pekerja tempatan tetapi sebenarnya tujuan mereka adalah untuk mengetepikan pekerja tempatan dan diganti dengan pekerja-pekerja asing yang sanggup menerima upah yang lebih rendah.

Berhubung dengan satu isu Jabatan Tenaga Rakyat yang pernah ditimbulkan di sini yang mengeluarkan arahan-arahan kepada majikan dalam iklan upah pekerja-pekerja syarat penggunaan bahasa Mandarin ataupun bahasa Inggeris tidak digalakkan ataupun tidak dibenarkan dan cuma kelayakan bahasa Malaysia dibenarkan.

Saya ingin tahu selepas melaksanakan arahan ini, apakah ia membawa kesan-kesan yang positif sebab saya rasa arahan ini sememangnya tidak dapat membantu para graduan sama ada dari lepasan SPM atau mahasiswa. Kalau mereka tidak memenuhi syarat bahasa ini majikan tidak akan mengambil mereka bekerja sungguhpun ada arahan untuk mengharamkan syarat penggunaan bahasa dalam iklan-iklan untuk mengupah pekerja. Jadi saya berharap kementerian akan memberi jawapan kepada isu-isu yang saya bangkitkan tadi. Sekian.

Tuan Pengerusi: Papar.

5.00 ptg.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 010600. Saya ingin menyatakan kebimbangan kita mengenai kes-kes yang melibatkan penderaan pembantu rumah Indonesia. Isu ini sebenarnya terus dimainkan oleh media Indonesia kononnya seolah-olah Malaysia menganiaya rakyat Indonesia yang tinggal di Malaysia. Perkara ini berlaku kerana pada mereka seolah-olah tidak wujud pembelaan sewajarnya yang diberikan kepada pembantu-pembantu rumah asing yang telah didera. Contohnya, seperti kes-kes mahkamah yang melibatkan penderaan yang terlalu memakan masa yang panjang sehingga terdapat tuduhan mengatakan bahawa kerajaan tidak serius di dalam menangani isu penderaan pekerja-pekerja asing ini.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh adalah mengenai Malaysia sebenarnya telah menandatangani beberapa memorandum persefahaman (MoU) dengan negara asing seperti Thailand, Bangladesh, Pakistan, China, Vietnam, Sri Lanka, Filipina dan Indonesia. Kepada pihak kementerian, bagaimanakah MoU ini mampu menangani pelbagai permasalahan hubungan Malaysia dengan negara-negara ini yang berpunca dari masalah pekerja asing.

Sebenarnya masalah pembantu rumah asing ini, khususnya daripada Indonesia kian membimbangkan majikan tempatan. Apakah dasar dan langkah kementerian di dalam mengurangkan penggantungan kita kepada pembantu rumah asing? Sering kali kita dengar dan disarankan agar kementerian mewujudkan Akademi Pembantu Rumah supaya inisiatif diambil sebagai perancangan strategi jangka panjang bagi mengatasi masalah pembantu rumah dan memartabatkan profesion ini.

Butiran kedua yang ingin saya sentuh ialah Butiran 060000 - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Tabung Pembangunan Kemahiran yang berfungsi menyediakan pinjaman kewangan untuk kemudahan kepada pekerja-pekerja mengikuti kursus kemahiran di institut latihan awam dan swasta yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi meningkatkan bilangan pekerja mahir.

Soalan saya, pertama, apakah dasar pembiayaan pinjaman tabung ini. Kedua, berapa banyak pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga kini; dan ketiga, berapa ramai pekerja yang telah mendapat manfaat daripada tabung ini dan bidang yang diikuti.

Mengenai dengan syarat-syarat untuk mendapat tabung ini saya difahamkan salah satunya adalah untuk menetapkan penjamin. Barangkali syarat ini perlu dikaji kerana pada masa ini agak sukar untuk mendapatkan penjamin tambahan. Lagipun syarat penjamin yang ketat seperti berumur tidak lebih daripada 50 tahun dan berpendapatan tidak kurang daripada RM1,000 sebulan. Harus disedari ada juga ibu bapa yang ingin menjadi penjamin tetapi tidak memenuhi kelayakan tersebut. Adakah

pihak kementerian bercadang untuk memansuhkan syarat pinjaman itu? Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Beluran.

5.04 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040000 - Keselamatan Kesihatan Kesejahteraan Pekerja. Saya akan menyentuh tentang satu keputusan yang dibuat oleh PERKESO terhadap seorang pengadu yang bernama Shankar a/l Chandrasegaran yang beralamat di TNB Flat, Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang pekerja *bellboy* di Hotel Malaya sehingga 16 Ogos yang lalu, apabila pekerja ini telah dipanggil oleh Hotel Malaya untuk bekerja pada jam 7 pagi pada hari tersebut. Dalam perjalanan dari rumah ke tempat kerja di Hotel Malaya, beliau keluar rumah pada jam 5 pagi dan dikehendaki untuk melaporkan diri pada jam 7 pagi, beliau telah mengalami kemalangan melalui motosikal. Kemalangan ini begitu berat sekali sehingga kaki kiri pekerja ini dipotong kerana tidak dapat diselamatkan lagi.

Beliau telah menuntut faedah PERKESO ini dan telah mengemukakan permohonan tetapi PERKESO memilih untuk menolak permohonan beliau atas alasan bahawa kemalangan diputuskan sebagai bukan bencana kerja mengikut peraturan-peraturan kerana dikatakan tidak berlaku ketika dalam perjalanan kerja. Persoalannya, pekerja ini telah keluar rumah pada jam 5 pagi sedangkan akan berkhidmat pada jam 7 pagi dan pekerja ini keluar sebelum bekerja kerana tujuan yang lain. Disebabkan keluar pada jam 5 pagi itulah beliau tidak dapat diberikan faedah PERKESO ini walaupun kaki kirinya telah dipotong. Persoalannya apakah masa yang dikatakan masa perjalanan kerja? Adakah jam 7 pagi kita dikehendaki berkhidmat kita harus ada *time limit, time frame*nya 6.30 pagi, 6 pagi, 5 pagi atau 6.55 pagi atau sebagainya sedangkan jam 5 pagi itu beliau keluar rumah untuk tujuan bekerja.

Hotel Malaya telah mengesahkan bahawa pekerja ini dipanggil bekerja. Dua pucuk surat telah diberikan, satu melalui *operational manager* mereka iaitu Jimmy Loo dan satu lagi daripada *Group HR Manager*, A Subramaniam yang mengesahkan bahawa pekerja ini dipanggil untuk bekerja, melaporkan diri pada jam 7 pagi.

Saya ingin memohon bagi pihak penama ini untuk kementerian melihat kes ini. Saya akan mengemukakan kes ini selepas ini untuk melihat semula keputusan PERKESO. Pekerja memberi harapan yang tinggi kepada PERKESO dan setiap pekerja ini menyumbang caruman untuk PERKESO. Berkehendakkan apabila berhadapan dengan keadaan seperti yang dihadapi oleh Shankar a/l Chandrasegaran ini mereka akan mendapat pembelaan daripada PERKESO, tetapi PERKESO memilih untuk menggunakan alasan teknikal untuk tidak memberi faedah kepada pekerja. Saya tidak nampak mengapa jam 5 pagi keluar rumah itu dipertikaikan sebagai bukan dalam perjalanan kerja.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya minta kementerian campur tangan dan melihat, mengkaji semula keputusan PERKESO ini. Beliau telah diminta untuk membuat rayuan dan baru tadi saya difahamkan bahawa rayuan kedua beliau juga telah ditolak oleh PERKESO. Tuan Pengerusi, saya harap PERKESO tidak bermain masalah teknikal untuk tidak memberi faedah kepada pekerja yang mencarum kepada PERKESO.

Tuan Pengerusi: Baik. Larut.

5.09 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 040000, 04800, 02700. Saya cuma hendak bertanya kepada pihak kementerian tentang PERKESO ataupun SOCSO. Saya ingin tahu berapa bilangan pencarum setakat ini dan jumlahnya? Berapa bayaran tahunan kepada penerima faedah dan juga ke mana PERKESO melabur? Berapa jumlah pelaburan berkenaan?

Kemudian saya hendak bertanya tentang Jabatan Tenaga Kerja. Kalau boleh disenaraikan bilangan pekerja asing yang ada di Malaysia ini dari negara mana asal mereka dan bidang mana yang mereka ceburi?

Kemudian tentang Perbadanan Tabung Kemahiran dan saya hendak tahu berapa banyak penerima faedah daripada tabung berkenaan, berapa peruntukan yang telah digunakan tahun ini dan berapa jumlah yang diluluskan oleh kerajaan untuk tahun ini sahaja, Tuan Pengerusi.

Mengenai Jabatan Perhubungan Perusahaan, saya ingin tahu berapa perjanjian kolektif atau dengan izin, *collative agreement* (CA) dibuat di kalangan kesatuan sekerja dan bidang apakah yang begitu aktif dalam CA, dengan ringkasnya dan apakah faedah langsung daripada CA kepada pekerja dan majikan.

Kemudian Jabatan Tenaga Manusia, saya ingin tahu berapa bilangan ILP akan ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan di mana? Berapa peruntukan kerajaan untuk ILP berkenaan? Saya juga ingin tahu tentang Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara ini. Apakah ia mempunyai rancangan untuk mengadakan latihan kepada pekerja di bidang pengangkutan kerana setiap kali musim perayaan, berlaku kemalangan yang sentiasa dilaporkan?

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, apakah JKKP mempunyai unit forensik untuk menangani masalah pekerja yang kemalangan tanpa merujuk kepada pihak Jabatan Kimia atau Kementerian Kesihatan. Jabatan Forensik ini penting untuk memastikan kelicinan penguatkuasaan, pemeriksaan dan juga penyediaan IP ataupun dengan izin, *investigative paper* di dalam mahkamah. Berapa bilangan kemalangan dalam negara dan apakah kadar yang ada hari ini mengikut piawaian dunia dan adakah Malaysia sedang menuju ke arah itu? Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang ingin saya tanya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Ipoh Barat.

5.12 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 04300 – Institut Latihan Perindustrian (ILP) Nibong Tebal. Tuan Pengerusi, pada tahun 1999, kerajaan telah memberi satu aku janji di Parlimen bahawa bila pengambilan murid-murid ke institut yang akan dibina di Nibong Tebal, tanah ini kepunyaan masyarakat India, kerajaan telah memberi aku janji bahawa lebih murid-murid daripada masyarakat India dan juga *lecturers* akan diambil di institusi ini. Keutamaan ini diberi kepada masyarakat India. Soalan saya adalah berapakah murid daripada masyarakat India yang sedang menuntut di sana berbanding dengan masyarakat-masyarakat yang lain dan juga pensyarah-pensyarah.

Perkara ini telah saya bangkit tahun dahulu juga dan kerajaan telah mengatakan bahawa ia berbanding pada tahun 2004, di mana hanya satu murid sahaja daripada masyarakat India diambil tetapi sekarang lebih telah diambil dan nampaknya ada usaha tetapi saya hendak tanya dengan pasti, berapakah yang telah diambil untuk mengisi tempat-tempat di sana? Apakah kursus-kursus yang diberi setakat ini dan kenapa Institut Latihan Perindustrian ini walaupun pada tahun 1999, kerajaan telah memberitahu bahawa ia akan dinamakan Institute (NTS) Arumugam Pillai, tetapi sekarang ia dipanggil sebagai Institusi Latihan Perindustrian walhal ia patut dipanggil NTS Arumugam Pillai Institut Latihan Perindustrian.

Kedua adalah Butiran 030300 - Mahkamah Perusahaan. Saya hendak tahu berapakah kes yang tertunggak di Mahkamah Perusahaan? Pada perbahasan yang lalu, saya tersilap dan minta maaf kerana saya mengatakan seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan, Datuk Tan yang ada kes tertunggak. Nampaknya selepas penyiasatan yang dibuat oleh saya, diketahui bahawa dia bukan terlibat tetapi ada pengerusi-pengerusi lain yang terlibat.

Saya hendak tahu berapakah kes-kes yang tertunggak di Mahkamah Perusahaan dan apakah tindakan diambil supaya kes-kes ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh. Yang kita tahu sekarang, kes-kes di sana walaupun dari segi objektifnya Akta Industri memerlukan penyelesaian kes dengan seberapa cepat yang boleh, banyak kes yang mengambil masa lebih daripada dua

tahun, tiga tahun, empat tahun dan lima tahun. Macam mana ia akan dapat diatasi dan adakah pelantikan lebih Pengerusi Mahkamah Perusahaan akan dibuat?

Mengenai PERKESO, Tuan Pengerusi, saya mengetahui ada seorang doktor bernama Dr. Azman telah dilantik sebagai *contract service doctor* pada tahun 2001. Walaupun dia ini telah diambil sebagai doktor kontrak tetapi dalam tempoh tujuh tahun, dia sekarang telah naik pangkat sangat-sangat cemerlang. Dengan tiba-tiba dia ada kebolehan yang lebih daripada pekerja-pekerja di sana, yang juga ada *credentials* dan yang ada *qualifications* yang lebih berkaitan dengan pekerjaan mereka.

Saya difahamkan Dr. Azman ini dulu dia masuk dengan kontrak pada 2001. Dalam tempoh beberapa tahun ini, sekarang dia telah menjadi *Deputy* Ketua Pengarah. Apakah sebab kenaikan pangkat yang sangat ketara dalam perkara ini? Ada pegawai-pegawai lain yang juga bekerja di sana. Di antaranya ialah Chan Hook Cheng, Ong Keng Sing, Encik Asri dan Encik Davamani. Encik Davamani ini tidak ada kaki langsung. Keempat-empat orang ini adalah *Masters holder* dan bekerja di PERKESO. Nampaknya orang bawahan telah dinaikkan pangkat. Apakah sebab ini berlaku?

Saya ingin tahu juga ada dua pegawai lain yang dahulunya Gred 21, sekarang sudah jadi Gred 25. Saya difahamkan ada Sasaran Kerja Tahunan (SKT) di mana Dr. Azman telah diberi markah untuk dinaikkan pangkat luar biasa, 99.98%. *Where can this happen in this Malaysia land*? 99.98% markah dia dapat. Saya ingat seorang Ahli Parlimen pun mustahil boleh dapat sedemikian. Macam mana ini ketara dalam kenaikan pangkat dua orang ini – yang dulu hanya dapat gaji RM3,000 lebih, sekarang dengan ketara dapat gaji RM6,000 lebih walhal ada pekerja-pekerja lain yang ada *qualification* yang sama tetapi Dr. Azman dinaikkan pangkat. Jadi saya hendak tahu apakah kriteria yang digunakan untuk meningkatkan pekerja-pekerja di sana?

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dua hal lagi, Tuan Pengerusi. Satu adalah mengenai Butiran 010500 – Dasar Sumber Manusia. Apakah pendirian kerajaan, kenapa hingga sekarang kerajaan tidak ingin membayar gaji pekerja di negara ini mengikut apa yang mereka kerja. Sekarang bayaran gaji mengikut bulanan tetapi mereka bekerja 52 minggu, hanya dibayar gaji 48 minggu sahaja walhal kalau dibayar gaji mingguan, mereka akan dibayar 52 minggu dan ini adalah yang patut.

Kenapa tidak diimplementasikan? Kita sebuah negara yang mana ada *full employment,* kita ada sistem yang baik dan kenapa kerajaan tidak mengakui bahawa pekerja-pekerja di negara ini patut mendapat manfaat-manfaat seperti negara-negara yang membangun, yang sudah dinamik seperti Amerika, Australia dan sebagainya. Kenapa kita ada lagi satu sistem yang sangat tidak boleh pakai langsung? Kenapa pekerja-pekerja di negara ini ditipu walhal mereka bekerja 52 minggu, bermakna, Tuan Pengerusi, mereka bekerja 13 minggu. Kita semua bekerja 13 bulan tetapi hanya dibayar gaji 12 bulan – semua pekerja di Malaysia. Kenapa ini terjadi? Walhal kita ada satu *computerized system, state of the art system*, kenapa bayaran gaji mingguan tidak boleh diimplementasikan.

Satu analisis telah dibuat di mana jika seorang pekerja dibayar gaji mingguan, mereka akan mendapat sekurang-kurangnya 70% gaji bulanan sebulan, lebih dari satu tahun. Bermakna seorang pekerja yang mendapat RM1,000, kalau dibayar gaji mingguan, dia akan mendapat selepas satu tahun dia tidak perlu kerja lebih, kerja yang sama, waktu yang sama tetapi gaji yang lebih lumayan akan dibayar. Ini adalah sesuatu yang baik kepada pekerja, kenapa ia tidak diimplementasikan?

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akhir sekali mengenai MoU, Tuan Pengerusi. Baru-baru ini ada beberapa forum telah diadakan di mana kita – sebelum ini ada Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai MoU dengan Indonesia. Kalau kita baca MoU ini, tidak masuk akal, Tuan Pengerusi. Di antaranya ada mengatakan, dengan izin, *very weak* dalam MoU. Saya tahu MoU tidak ada *legal binding force* tetapi macam satu di antara termanya mengatakan *to provide educate housing, to provide educate protection, to provide fair among the working hours.* Yang ini semua macam mana? Ia boleh dikawal selia oleh kementerian. Adakah pegawai-pegawai akan pergi ke tempat mereka untuk memastikan supaya pekerja-pekerja asing ini bukan sahaja dibayar mengikut undang-undang, juga mereka tidak bekerja lebih daripada waktu masa yang patut mereka bekerja.

Kita rakyat Malaysia tahu bahawa ramai pekerja asing bekerja hingga 18 jam satu hari, dan mereka tidak ada cuti langsung. Apakah yang dibuat oleh kementerian supaya mereka ini tidak ditipu dan mereka tidak dibayar. Tuan Pengerusi, saya sendiri ada dapat tahu.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingat ini satu perkara yang kasihan Tuan Pengerusi. Ada ramai pekerja yang datang ke negara kita untuk cari makan, tetapi pada hari akhir mereka hendak pergi, majikan hanya membeli tiket dan hantar mereka, katakan bayaran gaji akan dibuat selepas kamu sampai ke tanah air kamu, tetapi bayaran gaji tidak dibuat. Saya dapat laporan-laporan sedemikian dan saya sendiri tahu. Saya rasa ada sesuatu yang tidak kena kepada kementerian. Suruh undang-undang, suruh pegawai-pegawai untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

5.21 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan hati yang sedihnya saya menyampaikan beberapa rayuan daripada penghuni kawasan Ayer Hitam. Ini di bawah Butiran PERKESO. Saya berasa bimbang dan juga tidak berpuas hati apabila Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sendiri telah berjanji untuk membantu saya khususnya pengundi-pengundi saya, untuk membina satu pusat hemodialisis yang mana di dalam kawasan saya terdapat lebih daripada 200 orang pesakit hemodialisis. Di daerah Batu Pahat, tidak ada tempat lagi mereka hendak pergi. Mereka terpaksa pergi ke Johor Bahru.

Jadi, dengan inisiatif lain cakap di Yong Peng mereka hendak menubuhkan. Dengan murah hati menteri telah memberi persetujuan dan meluluskan, tetapi apa yang berlaku apabila perkara ini dibawa kepada PERKESO, saya masih menunggu lagi tiga unit mesin hemodialisis yang diminta itu. Saya tidak boleh terima hujah yang digunakan, alasan yang digunakan oleh PERKESO kononnya bila ada pekerja ataupun bekas pencarum PERKESO, barulah boleh kita bagi mesin hemodialisis.

Kalaulah cara itu, saya rasa dari segi *practicality*nya memang tidak wujud kerana mereka yang membuat dialisis sekarang berada di hospital lain. Mereka terpaksa berhijrah daripada satu tempat sejauh 100 kilometer sampai ke Johor Bahru. Apabila kita hendak menunggu mereka mendaftar walhal pusat yang ada sekarang tidak ada mesin hemodialisis. Bagaimana kita bermula? Jadi saya mintalah PERKESO, jangan semata-mata untuk melabur di luar negeri mencari portfolio yang menguntungkan. Ini adalah satu tanggung jawab sosial. Saya meminta, merayu kepada Dato', Datuk, Tan Sri-Tan Sri PERKESO pertimbangkanlah orang miskin!

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kalau mesin hemodialisis ini dapat diberi, dia akan membantu pekerja. Perkara kedua yang saya rasa agak penting ialah di bawah Butiran 060000 - Tabung Pembangunan Kemahiran. Kita difahamkan bahawa kerajaan telah menetapkan syarat supaya setiap syarikat gergasi mencarum ataupun menggunakan 1% daripada keuntungannya untuk tujuan melatih pekerja. Tetapi apa yang berlaku, nampaknya ia tidak digunakan sebaik-baiknya. Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah jenis pemantauan yang dibuat oleh kementerian tentang kursus yang telah diberikan kepada pekerja?

Yang akhir sekali, satu perkara yang amat penting di bawah Butiran 080200 – "One-Off". Saya tidak faham Butiran yang ada di sini iaitu Butiran 080200 - *Double Shif/Aviation Technology* yang memberi peruntukan sebanyak RM25 juta. Apa yang dimaksudkan sebagai *Aviation Technology*? Kenapa pula ia dimasukkan di bawah "One-Off"? Saya kurang faham. Adakah ianya merupakan satu latihan kemahiran yang akan diberikan kepada pekerja ataupun kenapa dia tidak dimasukkan di bawah perkara Pembangunan? Saya tidak tahu dan saya minta penjelasan sedikit. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Pensiangan.

5.24 ptg.

Datuk Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua Butiran sahaja. Satu, Maksud Pembangunan 46, Butiran 07700 - Projek Bantuan Untuk Pemantapan Pendidikan dan Pengasuhan Kanak-kanak di Pusat Asuhan Kanak-kanak di Ladang-ladang di Negeri Sabah.

Saya dengan dukacitanyalah, peruntukan yang diberi pada 2008 ini, hanya RM20,000. Kalau saya bandingkan dengan peruntukan yang diberi kepada Semenanjung di ladang-ladang di bawah Butiran 08700 ialah sebanyak RM1.1 juta. Kalau saya dibahagi kepada setiap negeri, ini bermakna setiap negeri mendapat lebih kurang RM100,000, sedangkan Sabah hanya mendapat RM20,000. Ladang-ladang di Sabah sudah meningkat daripada Tawau, Sandakan, Lahad Datu sehinggalah ke Tenom, Keningau dan sebagainya. RM20,000 ini saya kurang pasti di mana, berbaloi ke tidak, RM20,000 ini dibahagikan kepada memantapkan pendidikan kanak-kanak asuhan di ladang-ladang ini.

Jadi saya mintalah kepada kementerian ini supaya mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang perlu ditambahkan lagi. Kita hendak supaya insan-insan ini akan mendapat pendidikan yang lebih mantap lagi pada masa-masa yang akan datang. Jadi saya rasa, perlu juga untuk perkara ini dikaji semula oleh kementerian.

Satu lagi yang saya hendak sebutkan ini ialah di bawah Butiran 010500 - Dasar Sumber Manusia. Saya ingin tahu, banyak belia kita yang sedang bekerja di Semenanjung, lebih kurang 50,000 atau 60,000 belia daripada Sabah yang sedang bekerja di Semenanjung. Saya ingin tahu daripada segi gaji yang mereka dapat. Adakah setimpal dengan apa yang pekerja-pekerja ataupun belia-belia yang bekerja dekat sini ataupun berlainan? Disebabkan oleh ini pula, dasar yang perlu dikaji lagi, gaji yang mereka dapat di Sabah Tuan Pengerusi, lebih rendah daripada gaji yang mereka dapat di Semenanjung. Kenapa tidak dapat diselaraskan gaji-gaji di Sabah dan juga di Semenanjung? Supaya kita tidak ketandusan daripada pekerja-pekerja kita yang ingin bekerja di tempat sendiri.

Saya difahamkan Tuan Pengerusi, kita mempunyai lebih kurang dua juta pekerja-pekerja yang datang daripada luar negara, pekerja-pekerja asing ini. Saya pasti, dalam suasana seumpama ini, saya rasa tidak ada satu manusia yang hidup di Malaysia ini yang terpinggir daripada pekerjaan. Hanya kita ini kalau kita malas dan tidak mahu bekerja Tuan Pengerusi, maka kita terpinggirlah. Namun demikian, saya ingin bertanya lagi kepada kementerian ini, banyak pekerja kita yang bekerja di Singapura sekarang ini.

Saya ingin tahu sama ada pangkalan data yang ada dengan kementerian ini untuk melihat pekerja-pekerja kita daripada Sabah. Saya difahamkan mereka ini telah didiskriminasikan sehinggakan mereka ini sanggup lari dan menyeberangi Selat Tebrau pergi ke Johor.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Datuk Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Jadi saya minta daripada kementerian ini untuk memberi penjelasan tentang soal ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, baik, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

5.27 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada PERKESO juga. Butiran berkenaan PERKESO, Jabatan Tenaga Kerja. Saya ingin membangkitkan satu kes spesifik. Tuan Pengerusi, ini berkenaan kelayakan Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan yang meneliti kes tuntutan yang dikemukakan oleh pekerja.

Laman Web PERKESO kata, tujuan utama PERKESO ialah memberi perlindungan dan menjaga kebajikan pekerja apabila mereka ditimpa kemalangan. Tetapi saya ada satu kes spesifik Tuan Pengerusi yang agak aneh, tetapi saya rasa mungkin ada lebih tetapi tidak dibangkitkan. Ini ada satu kes berkenaan pekerja bernama Kudosan pada tahun 2003, terlibat dalam kemalangan, beliau telah membuat tuntutan dan Jemaah Doktor kata beliau tidak ilat dan selepas itu tahun 2004, beliau kemukakan permohonan lagi.

Jemaah Doktor di Hospital Ipoh, kata, beliau ilat tetapi PERKESO tidak puas hati. Dia merayu dan rayuan telah didengar oleh Jemaah Doktor Rayuan dan mendapati beliau tidak ilat dan menolak tuntutan penuntut ini. Selepas itu, tahun 2005, Encik Kudosan mengemukakan permohonan lagi. Jemaah Doktor Hospital Ipoh sekali lagi menyatakan beliau ilat. PERKESO sekali lagi kata, tidak puas hati atas Keputusan Jemaah Doktor Hospital Ipoh dan mengemukakan rayuan. Jemaah Doktor Rayuan akhirnya memutuskan tidak ilat.

Tahun 2006, Encik Kudosan mengemukakan lagi permohonan. Jemaah Doktor sekali lagi di Hospital Ipoh menyatakan beliau ilat tetapi Jemaah PERKESO tidak puas hati, mengemukakan rayuan lagi. Jemaah Doktor Rayuan kata beliau tidak ilat.

Tahun 2007, sekali lagi beliau mengemukakan permohonan. Jadi perkara ini saya telah bangkitkan kepada Timbalan Pengarah Negeri PERKESO di Ipoh, beliau kata ini hak PERKESO untuk membuat rayuan. Saya tidak menafikan undang-undang memperuntukkan PERKESO boleh membuat rayuan, kalau tidak berpuas hati dengan keputusan oleh Jemaah Doktor. Tetapi dalam kes ini amat luar biasa. Jemaah Doktor ialah doktor PERKESO juga yang bebas telah tiga kali memutuskan pekerja ini adalah ilat. Tetapi setiap kali rayuan dibuat oleh PERKESO, Jemaah Doktor Rayuan akan memutuskan tidak ilat. Jadi sekarang ini timbul persoalan siapa sebenarnya yang layak, siapa sebenarnya yang tidak layak.

Jadi saya dimaklumkan Jemaah Doktor Rayuan hanya membuat keputusan berdasarkan laporan perubatan oleh Jemaah Doktor di Hospital Ipoh dan telah mengambil beberapa saat sahaja untuk membuat keputusan. Jadi saya harap kes ini dikaji semula. Saya telah menulis dan yang anehnya saya diberi satu borang permohonan dan minta pekerja ini membuat permohonan lagi tahun hadapan. Saya rasa kredibiliti PERKESO di sini dipersoalkan juga. Doktor-doktor di bawah bidang kuasa di bawah naungan PERKESO juga dipersoalkan, PERKESO ini sebenarnya hendak membantu pekerja dalam kes dalam *genuine* saya kata, atau hendak cuba menyekat bantuan disampaikan kepada mereka. Kes ini sebenarnya saya berasa amat tidak puas hati. Jawapan diberi oleh Timbalan Pengarah Negeri, kata mohon lagi, itu sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Namun langsung tidak menjawab berkenaan kenapa tiga-tiga kali Hospital Ipoh, Jemaah Doktor PERKESO kata ilat tetapi Jemaah Doktor Rayuan ketiga-tiga kali, tiga-tiga tahun berturut-turut menyatakan tidak ilat. Saya pohon siasatan yang teliti dalam kes ini, saya boleh serahkan dokumen selepas ini. Saya ada semua laporan di sini, saya ingin tahu apakah dasar kerajaan di dalam projek-projek koridor-koridor, mega-mega projek ini.

Sebab saya sebenarnya pernah membantu pekerja-pekerja asing yang telah diambil masuk, membuat kerja-kerja di kontrak-kontrak projek-projek kerajaan dan mereka tidak dibayar selepas itu dan dihantar untuk bekerja di projek yang lain. Jadi dalam kes koridor-koridor yang telah dilancarkan, mega-mega projek ini apakah dasar kerajaan, apakah orang tempatan akan dipastikan diambil atau dalam mengambil pekerja asing ini hak-hak mereka akan dilindungi juga. Lebih-lebih lagi dalam kes-kes yang melibatkan pekerja asing dan projek kerajaan.

Saya rasa ini dua perkara yang saya ingin bangkitkan, maaf Tuan Pengerusi. Saya teringat satu kes lagi, tadi ada seorang Yang Berhormat membangkitkan pengambilan pekerja asing dalam kilang-kilang. Saya rasa saya hendak tahu apakah pihak kementerian ada membuat kajian apabila pengambilan pekerja asing terlalu ramai memasuki kilang-kilang ini, siapakah yang akhirnya menjadi mangsa? Saya terima aduan, ramai yang menjadi mangsa adalah pekerja-pekerja wanita tempatan, khasnya mereka yang berada dalam golongan yang kurang berkemampuan. Saya dan juga ingin tahu apakah rang undang-undang Orang Kurang Upaya akan dibentangkan dalam sesi ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Enam orang, Kota Melaka.

5.34 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin rujuk kepada Butiran 050100 di bawah tajuk Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Tuan Pengerusi, saya faham bahawa Mahkamah Buruh sentiasa membela nasib pekerja, tetapi saya cuma harap supaya dalam segala proses dan juga kerja yang dilaksanakan oleh Mahkamah Buruh itu, mereka seharusnya menghabiskan kerja itu, tetapi bukan hanya sekadar separuh sahaja. Saya ada satu kes yang spesifik iaitu Mahkamah Buruh Muar 04/42 yang mana nama plaintifnya Wong Jung Chiang vs defendan Dewenplus sdn. Bhd. Dalam kes ini saya difahamkan Tuan Pengerusi, bahawa penghakiman telah diberikan oleh Mahkamah Buruh bertarikh 14 Julai tahun 2004 atas gaji yang tertunggak yang belum dibayar oleh Dewenplus Sdn. Bhd sebanyak RM5,898.22.

Namun masalah dia Tuan Pengerusi, apabila pengadu iaitu plaintif dia balik ke pejabat Mahkamah Buruh untuk mendapatkan perkembangan yang terkini, beliau telah dinasihatkan oleh Mahkamah Buruh Muar untuk mendapatkan peguam untuk melaksanakan penghakiman RM5,000 lebih ini. Tetapi dari segi praktikalitinya Tuan Pengerusi, memang ia bukan satu cara yang boleh kita terima kerana jika kita hendak mengaji peguam untuk menuntut balik RM5,000 lebih, bayaran peguam pun RM3,000 lebih. Jadi tinggal baki RM1,000 lebih buat apa. Jadi saya rasa patutlah wujudkan satu polisi, saya difahamkan bahawa tidak ada larangan buat masa kini, tidak ada larangan bagi Mahkamah Buruh untuk mendapatkan perintah penghakiman dan juga melaksanakan perintah itu.

Mungkin dari segi kekurangan kakitangan dalam pejabat, mungkin saya tidak tahu. Saya telah pun cuba tanya beberapa sumber, tetapi selama ini saya pun tidak boleh membantu beliau. Saya difahamkan beliau telah pun berasa begitu duka cita sehinggakan dia telah pun menulis surat juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dan salinan surat ada di dalam tangan saya. Saya berharap supaya kementerian ini melalui Mahkamah Buruh ataupun melalui Jabatan Tenaga Kerja boleh merujuk kes ini supaya bukan sekadar *judgment* sahaja tetapi kita kena laksanakan juga dan walaupun beliau pada masa itu mempunyai gaji lebih kurang RM5,000 tetapi ini bukanlah satu alasan yang boleh diterima oleh rakyat supaya Jabatan Tenaga Kerja tidak melaksanakan penghakiman yang diberikan oleh Mahkamah Buruh itu. Jadi saya berharap supaya pihak kementerian boleh memberikan satu jawapan yang sewajarnya dan juga sebab saya telah pun banyak kali minta bantuan tetapi tidak berjaya, jadi saya terpaksalah bangkitkan isu ini masukkan dalam *handsard* dan jadikan sebagai satu kes yang tertunggak bagi kementerian ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu.

5.38 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi . 020300 iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Kita dapati bahawa terdapat banyak pusat-pusat latihan yang telah ditubuhkan di bawah kementerian ini, yang saya hendak tanya di sini ialah sejauh manakah pusat-pusat latihan ini mempunyai apa yang disebutkan sebagai *competitive advantage* ataupun *niche* nya yang tersendiri. Kita tidak mahu ia bertindan-tindih dengan program Kolej Komuniti, Poli Kota, Politeknik yang sudah banyak didirikan, diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran tinggi.

Kita perlu di sini iaitu pusat-pusat latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia ini mempunyai apa yang disebut sebagai *niche area* ataupun apa yang disebutkan sebagai *the* DA faktor itu, *the differential advantage factor* itu supaya ada satu kelainan dan saya juga mencadangkan dan bertanya di sini dan sejauh manakah kurikulum yang dibina di pusat-pusat latihan ini mempunyai kerjasama, rangkaian kerjasama dengan industri-industri. Bukan sahaja industri tempatan, malah industri global. Ertinya sekarang ini kita tidak hanya melahirkan tenaga kerja sesuai untuk keperluan *market,* pasaran kita tetapi juga kita boleh eksport tenaga-tenaga ini keluar negara.

Seterusnya saya ingin bertanya di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran ini. Apakah ada *road map* tentang daya saing tenaga sumber manusia kita ini. Apakah wujud satu *road map*? Dalam *road map* daya saing tenaga sumber manusia ini perlu adakan satu perancangan kita untuk kita membina tenaga kerja yang disebut sebagai *cheap brain power*, saya ulangi *the cheap brain power.*

Kita tidak mahu bersaing lagi dalam konteks *cheap level force* sebab in tidak akan mendatangkan keuntungan dan tidak memberikan kepada kita dalam konteks daya saing kita. Itu beberapa persoalan.

Yang seterusnya Tuan Pengerusi, 050100 - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Saya hendak bertanya kementerian apakah kita mempunyai satu data *based* ataupun data senarai kemahiran-kemahiran yang lengkap untuk kita membuat unjuran-unjuran yang lebih pasti misal kata dalam bidang-bidang yang baru muncul dalam sektor-sektor pekerjaan ini, ini satu perkara. Saya fikir ia perlu mewujudkan rangkaian kerjasama dengan pelbagai agensi yang membekalkan data-data tenaga kerja ini supaya unjurannya lebih mantap dilakukan supaya kita dapat mengenal pasti di mana adanya tenaga-tenaga kerja mahir ini dan dapat disalurkan kepada bidang-bidang dan sektor yang berkaitan.

Mengenai Jabatan Tenaga Buruh juga Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh tentang PADI dan PATI ini iaitu pendatang asing dengan izin dengan pendatang asing tanpa izin ini. Meski pun ini tidak berkait terus dengan kementerian tetapi dari segi kebajikan mereka. Saya perhatikan bahawa ada daripada kalangan mereka itu tidak mendapat gaji yang menentu. Apakah tindakan kerajaan? Tempat tinggal mereka juga tidak terurus, mereka ini harus diingat manusia harus diberi *treatment* sebagai seorang insan dan manusia dengan seadilnya. Ada juga yang tidak dapat diberi bantuan perubatan apabila sakit. Demikian juga setengah daripada pihak penguatkuasaan, saya kira perlu diselidik ini telah mengambil kesempatan dalam keadaan mereka terkapai-kapai dan terumbang-ambing.

Seterusnya selain daripada itu juga di kalangan mereka ini ada puak-puak tertentu dan sering bermusuhan sesama mereka iaitu dengan izin saya sebut *gangste*r di kalangan mereka ini. Apakah bentuk kawalan dan juga penguatkuasaan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Sumber manusia ini?

Akhir sekali saya ingin mencadangkan kedua kementerian ini perlu bekerjasama terutamanya dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk melakukan pembersihan dan pemutihan ke atas warga kerja sama ada PADI ataupun PATI ini. Saya juga ingin tahu apakah tindakan-tindakan terhadap pendatang tanpa izin yang banyak kita dapati di kawasan-kawasan perladangan kita seperti di Pahang, di Sabah, di Sarawak di kawasan ladang dan juga dusun juga di kawasan ladang-ladang di Johor ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

5.43 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin menyentuh butiran 050100 - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan merakamkan tahniahlah kerana kewujudan *website* yang boleh dijadikan rujukan oleh pencari pekerjaan. Sehingga Ogos kita dapati ada lebih 70 ribu kerja kosong. Jadi Selangor, Johor, Perak, Sabah, Sarawak nampak di situ.

Isu yang penting sekali Tuan Pengerusi ialah ramai di antara mereka mendaftar, maknanya pendaftar aktif ini lama sangat mereka terpaksa menunggu untuk di panggil temu duga dan mendapat pekerjaan. Sabak Bernam ingin bertanya adakah taraf kemiskinan keluarga itu menjadi satu kriteria untuk mereka didahulukan? Kalau tidak Sabak Bernam ingin mencadangkan setelah kelayakan-kelayakan yang lain supaya mereka daripada keluarga miskin ini dapat didahulukan supaya mereka boleh membantu keluarga dan adik-adik mereka.

Isu yang kedua ialah kementerian juga telah membenarkan PEA ataupun dengan izin *Private Employment Agency* yang berdaftar untuk memainkan peranan bagi pencari pekerjaan. Jadi Sabak Bernam ingin bertanya setakat manakah kawalan terhadap agensi swasta ini dalam konteks kemungkinan mereka menyeleweng apabila mendaftarkan tenaga manusia dari pelbagai peringkat yang sebenarnya kita sering kali dengar tentang berlakunya mereka ataupun individu yang diselewengkan daripada kerjaya mereka cita-citakan.

Perkara yang keduanya ialah Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai butiran 020200 - Perkhidmatan Latihan dan 060000 – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Sebenarnya Sabak Bernam memang jelas bahawa

pusat-pusat ataupun institut latihan ini memang memainkan peranan yang cukup baik. Jadi pengalaman rakyat daripada Sabak Bernam yang terlibat, ramai yang masuk dalam pusat latihan ini tidak lama mendapat pekerjaan. Jadi Sabak Bernam menyarankan ada empat jenis institut latihan ini supaya dikembangkan dan pihak kerajaan wajar menambah peruntukkan supaya seberapa ramai anak-nak kita ini sebenarnya yang keluar daripada bangku sekolah dan khusus di kalangan belia yang terlalu lama tidak memiliki pekerjaan di hantar ataupun di ambil untuk latihan ini dan dibantu dalam pekerjaan mereka.

Akhir sekali sabak Bernam ingin menyentuh isu yang spesifik 03000 yang berlaku pada Disember 2001 iaitu di Nippon Electric Glass Shah Alam di mana tidak kurang daripada 10 orang pekerja *security* telah ditahan lebih seminggu di Balai Polis Shah Alam kerana disyaki mencuri mas putih tetapi akhirnya mereka tidak terlibat. Jadi Sabak Bernam ingin bertanya adakah suatu bentuk ganti rugi ataupun pampasan diberikan pada mereka ini yang sebenarnya apabila mereka ditahan oleh polis, maka keluarga mereka heboh menghubungi wakil-wakil rakyat termasuk kita sendiri. Jadi mungkin kementerian boleh memberikan pandangan tentang perkara ini untuk mesra kembali dengan orang-orang yang teraniaya ini. Sabak Bernam menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkaskan ya Yang Berhormat...Kubang Kerian.

5.46 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Saya cuma ada beberapa butiran sahaja. Pertama sekali tentang butiran 010500 - Dasar Sumber Manusia dan 010600 - Dasar Perburuhan. Di sini ingin saya bertanya sekali lagi kepada pihak kementerian, apakah dasar terkini negara terhadap dasar buruh asing ini memandangkan bahawa ianya telah menjadi suatu isu nasional. Perkembangan terkini kita dapati bahawa telah hampir 13,000 yang telah disahkan oleh Kementerian Kesihatan yang membawa pelbagai penyakit berjangkit yang serius ke dalam negara kita.

Apakah dasar kementerian yang menyatakan bahawa sektor 3D itu masih lagi relevan dan perlu dikekalkan iaitulah sektor yang *difficult* dengan izin, dasar yang melibatkan tentang bagaimana negara kita perlu melihat kembali kepada sektor-sektor yang bersifat *dirty* dan juga *dangerous.* Di sini Tuan Pengerusi, apakah telah sampai masanya kita memerlukan satu pembentangan kertas putih di dalam Parlimen ini tentang dasar kita terhadap pendatang asing ini? Adakah kita memerlukan satu *review*, melihat semula tentang dasar ini yang telah banyak mendatangkan masalah ke dalam negara kita? Kemudian saya beralih kepada 040000 tentang Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan.

Tuan Pengerusi, kita melihat perkembangan industri pembinaan, perlombongan, pertanian dan perindustrian dalam negara kita menjadi begitu pesat dan kita telah diuar-uarkan dengan perkembangan pembangunan koridor-koridor yang telah pun dilancarkan di dalam negara kita. Apa yang saya hendak utarakan dalam Dewan yang mulia ini ialah tentang adakah Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu JKKP mempunyai unit udara seperti bomba, Jabatan Alam Sekitar dan pasukan Polis Diraja Malaysia.

Di sebabkan oleh kepesatan pembangunan yang ada pada hari ini, kita melihat bahawa unit-unit penting kerana mereka sentiasa terdedah kepada ancaman-ancaman dan juga pendedahan-pendedahan yang mereka bekerja sebagai contoh di pelantar-pelantar minyak di tengah lautan, mereka bekerja di tengah-tengah hutan ataupun mereka bekerja di loji-loji pembersihan ataupun tempat-tempat yang sangat sukar dalam negara kita.

Jadi saya merasakan tanpa unit udara ini bagaimanakah pihak kementerian hendak membuat pemantauan, membuat audit, pemeriksaan berkala dan juga *spot check* yang penting saya rasa terhadap keselamatan kebajikan pekerja-pekerja pada hari ini. Selain itu saya ingin juga mencadangkan agar JKKP mempunyai bahagian penguatkuasaan seperti mana jabatan-jabatan yang lain. Tanpa penguatkuasaan saya rasakan bahawa JKKP ini tidak dapat berfungsi dengan sebagaimana yang kita harapkan. Bagaimana berlakunya penyalahgunaan kuasa majikan-majikan yang

mendera pekerja sebagai contoh dan juga berlakunya manipulasi ataupun berlakunya salah guna kuasa oleh majikan terhadap pekerja-pekerja sama ada mereka itu pekerja tempatan ataupun pekerja-pekerja asing yang kita izinkan dalam negara kita.

Ini kerana saya rasa kes-kes ini telah begitu serius dan telah banyak kes-kes telah di bawa ke mahkamah yang kadang-kadang kita melihat ianya memberi gambaran yang kurang baik terhadap imej negara kita. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Bintang, lepas itu Bagan, kementerian menjawab ya.

5.51 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk butiran 010000 – Pengurusan Kementerian. Saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini mengenai agensi pekerjaan. *Mega Access Resources*, nombor pendaftaran 001583837K yang beralamat di 723 & 724 Tingkat 7, Plaza Imbi, No 28 Jalan Imbi Kuala Lumpur, yang menjalankan agensi pekerjaan dengan menawar para penganggur, remaja lepasan sekolah, graduan mendaftar diri dengan agensi ini bagi tujuan membantu mendapatkan pekerjaan.

Para pencari pekerjaan ini dikehendaki membayar RM165 bagi *consultation* dan *documentation fees* dan dikehendaki juga menandatangani perjanjian, *consultation agreement* dan dijanjikan pekerjaan yang diminta. Isi kandungan perjanjian pun bertujuan untuk mengelirukan mangsa. Malangnya pekerjaan tersebut tidak menjadi *reality* sebaliknya di janji dari hari ke hari dan mereka yang menjadi mangsa ini tidak mendapat balik wang yang telah di bayar.

Tuan Pengerusi, bila di buat semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia mengenai dengan latar belakang agensi ini, fail tersebut tidak boleh ditemui. Ramai yang terkorban menjadi mangsa agensi pekerjaan palsu. Sungguh pun ada aduan yang telah dibuat kepada Jabatan Sumber Manusia, namun tiada tindakan dibuat. Malah aduan kepada Yang Berhormat Menteri pun masih belum ada jawapan dan tindakan lagi. Sedangkan hari demi hari semakin ramai yang menjadi mangsa. Saya difahamkan TV3 ada membuat liputan siaran dan Yang Berhormat Menteri ada memberi komen, tetapi mengapa sehingga sekarang agensi terbabit masih terus beroperasi dan dalangnya sukar dikesan. Laporan polis dibuat tidak bermakna apa-apa.

Tuan Pengerusi, ada sebuah agensi lagi bernama *Grand Paramount Enterprise,* nombor pendaftaran 001710517T, beralamat di *level* 1002 Menara Pan Global, Lorong P. Ramlee, Kuala Lumpur; yang dijalankan aktiviti agensi pekerjaan tanpa lesen. Di sini saya, para pencari pekerjaan dikehendaki membayar RM360 sebagai deposit. Dalam suasana keperitan para graduan mencari pekerjaan selepas mereka habis belajar dan sudah sedia menunggu agensi menangkap untuk menelan mangsa, maka saya berpendapat bahawa kementerian tidak boleh berlengah dan melepas tangan serta menuding jari. Kementerian wajib menyelamatkan ramai graduan dan mencari pekerjaan dan terus menjadi mangsa sehingga suatu masa, agensi itu menghilangkan diri dan pihak kementerian dan mangsa-mangsa hanya berputih mata sahaja.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan hal ini kerana sering menerima aduan sedemikian dan kebanyakan mereka melahirkan kesalahan kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian yang tidak berbuat apa-apa dengan serta merta; seolah-olah Kementerian Sumber Manusia dia tidak ada taring untuk bertindak. Kita harus faham bahawa pengusaha agensi sedemikian boleh bermaharajalela bila kementerian tidak tegas untuk bertindak, seolah-olah masalah ini kecil, sedangkan agensi-agensi ini sudah lama beroperasi dan berjaya mengaut wang tunai mangsa-mangsa dengan banyak dan akhirnya membebaskan diri.

Tuan Pengerusi, saya mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan ini untuk memberi jawapan yang tegas, jaminan dan boleh dipercayai untuk membela nasib mangsa-mangsa agensi pekerjaan haram. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan.

5.55 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. 030100 – Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Pekerja. Saya ingin menanya kepada kerajaan, bilakah kerajaan akan bersedia membenarkan Pertubuhan Kesatuan Pekerja Kilang Elektronik Kebangsaan dan apakah sebabnya kerajaan melarang pertubuhan ini ditubuhkan? Ini kerana pada masa sekarang ada beratus-ratus ribu pekerja di bidang ini, mereka sedang menunggu keputusan ini.

Kedua, 040000 – Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Saya ingin menanya, bilakah kerajaan akan melaksanakan skim kebajikan atau skim bantuan pekerja menganggur? Maksud saya ialah pada masa sekarang mungkin seseorang pekerja beliau ada kerja, tetapi jangan kita merasa lega kerana kalau suatu hari ekonomi sudah menjadi merosot dan kilang-kilang terpaksa tutup atau tutup separuh dan tiada peluang bekerja di tempat-tempat yang lain seperti berlaku pada tahu 1997, maka seisi keluarga pekerja itu akan melaparkan diri. Jadi dalam situasi ini, adakah satu skim di mana kerajaan boleh membuat bantuan *contingency* untuk keluarga ini? Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dua minit sahaja.

5.56 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sikit sahaja, pendek sahaja. Mengenai…

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua minit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Biro *Industries Relation.* Saya mahu tanya apa yang berlaku mengenai satu memorandum yang MTUC ada menyampaikan kepada Perdana Menteri pada Julai. Mengenai dengan *minimum-wage*, mengenai COLA, *minimum-wage* RM900 dan COLA RM300 untuk *private sector employee* dan kenapa sampai sekarang tidak ada apa-apa balasan?

Di sini saya masukkan satu perkara sahaja yang mengenai *minimum-wage* yang ada di pendirian bahawa ini adalah tidak baik untuk negara kita tetapi pihak Hong Kong, perkembangan yang terbaru di Hong Kong, dengan izin, *Hong Kong announced last week that it will soon begin consultations aimed: (a) a drafting the territory's first statutory minimum-wage law, reversing its long-held position the artificial salary flows randomise the city competitiveness*.

Oleh kerana itu, perlulah mencegah sosial *disparity* antara yang mereka yang ada dan mereka yang pendapatan yang rendah. Di sini saya akhirnya mahu tanya, kenapa sampai sekarang Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak boleh berjaya untuk menganjurkan satu perjumpaan antara pemimpin-pemimpin MTUC dengan Perdana Menteri supaya membincang masalah-masalah yang dihadapi oleh MTUC dan pekerja-pekerja sahaja.

Sudah empat tahun, empat tahun Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tapi belum ada masa untuk berjumpa wakil-wakil, kesatuan-kesatuan. Bukankah ini satu perkembangan yang tidak baik dan harap bahawa kementerian, khasnya menteri yang berkenaan boleh menggunakan *influence* kalau adalah, kalau ada *influence,* kalau ada satu perjumpaan diadakan untuk MTUC, pemimpin-pemimpin MTUC dengan Perdana Menteri. Tak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab bagi pihak Menteri dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krau selepas kementerian menjawab.

5.58 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 04300 hingga 05200 – Institut Latihan Perindustrian (ILP). Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian ini kerana berjaya melatih belia-belia yang tidak dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang teknikal dan perindustrian di IPTA, melanjutkan pelajaran ke ILP.

Soalnya, berapakah pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan dan di manakah tumpuan pekerjaan mereka, adakah mereka ini ada membuka perniagaan sendiri? Jika mereka ini bekerja, membuka perniagaan sendiri, adakah kementerian ini bersedia memberikan peruntukan dan juga pertolongan di dalam bidang kewangan dan latihan lanjutan?

Seterusnya saya tengok dari segi senarai butiran 04300, 05200 ini tidak ada ILP di negeri Pahang. Saya ingin bertanya kenapakah jadi begini dan sebenarnya Parlimen Kuala Krau bersedia untuk dia dibina sebuah ILP di dalam kawasan saya.

Seterusnya yang kedua 050100 – Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Saya ucap tahniah kepada kementerian kerana banyak karnival-karnival bagi untuk mendapatkan pekerjaan dan saya ingin bertanya berapa ramaikah yang telah datang mendaftar dan berjaya mendapatkan pekerjaan melalui karnival bagi mendapatkan pekerjaan yang telah diadakan oleh kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Saya juga ingin bertanya berapakah peluang atau pekerjaan yang masih kosong di dalam negara kita di dalam pelbagai bidang dan kalau boleh di dalam bidang apa yang terlalu banyak lagi kosong.

Seterusnya 040000 – Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja. Saya ingin tahu berapa banyakkah bilangan majikan masih lagi yang ingkar tidak memberi caruman PERKESO dan berapakah yang telah dihadapkan ke mahkamah? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, saya jemput kementerian untuk menjawab. Timbalan Menteri sila.

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Pengerusi. Saya terlebih dahulu ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pelbagai pandangan dan juga pertanyaan mahupun teguran.

Pertama sekali saya ingin nyatakan bahawa terdapat pandangan-pandangan ataupun perkara-perkara yang ditimbulkan yang bersifat individu kepada satu-satu isu. Umpamanya mereka yang tidak dibayar pampasan ataupun mereka yang berpenyakit ataupun syarikat-syarikat yang tiada lesen dan sebagainya. Keduanya disebut tentang isu-isu ataupun dasar-dasar serta pandangan-pandangan yang lain yang menyentuh keadaan terkini kementerian dan juga masa depan.

Bagi yang pertama yang menyentuh tentang individu ataupun masalah-masalah perseorangan, sukalah saya mengesyorkan kepada pihak yang telah menyatakan itu untuk memberikan laporan-laporan dan butiran yang lebih lengkap dan terperinci untuk pihak kementerian membuat tindakan selanjutnya.

Saya terus pergi ke perkara yang kedua iaitu bangkitan-bangkitan yang diberikan oleh pelbagai pihak. Pertamanya daripada Yang Berhormat Ampang menyentuh tentang keselamatan dan kesihatan dan ramainya mereka yang mendapat penyakit iaitu pekerja-pekerja asing. Memang dasar kerajaan sebelum menerima pekerja-pekerja asing ini terlebih dahulu disyaratkan supaya pekerja-pekerja itu mendapat pemeriksaan doktor sepenuhnya di negara-negara sumber ataupun negara-negara yang menghantar pekerja mereka ke Malaysia.

Kita sedar bahawa kita perlu juga menghantar doktor-doktor kita ke negara-negara sumber untuk mendapatkan pemeriksaan akibat daripada banyaknya kes-kes yang kita dapati pekerja-pekerja asing itu apabila bekerja di Malaysia ini mendapat penyakit seperti HIV/AIDS, hepatitis, batuk kering dan sebagainya. Malangnya tidak ada negara-negara sumber dalam dunia ini yang membenarkan doktor-doktor Malaysia memeriksa pekerja-pekerja mereka kerana mereka beranggapan kalau membenarkan doktor-doktor Malaysia memeriksa pekerja-pekerja mereka seolah-olah kita menafikan bukan saja hak, tetapi kebolehan, keyakinan kepada doktor-doktor asal mereka. Jadi ini antara perkara yang tidak dipersetujui oleh negara-negara sumber.

Walau bagaimanapun, mengikut amalan dan peraturan kita apabila setelah sebulan mereka bekerja bukan dalam setelah sebulan, dalam tempoh sebulan apabila mereka bekerja di negara kita, maka kita akan periksa mereka semula. Namun demikian kita sedar bahawa ramai juga pekerja-pekerja itu diperiksa terlebih dahulu di

negara sumber dan juga diperiksa di negara kita dan didapati mereka memang sihat tidak berpenyakit.

Namun begitu setelah beberapa bulan ataupun tahun mereka bekerja, mereka dihinggapi oleh penyakit dan ini di antara perkara yang tidak boleh kita hendak katakan bahawa negara-negara berkenaan menghantar pekerja-pekerja yang berpenyakit kerana penyakit ini datang selepas pemeriksaan. Sama ada oleh negara sumber ataupun negara kita sendiri. Walau bagaimanapun soal kesihatan ini terus ditekankan supaya mereka yang hendak bekerja di sini bukan sahaja tidak berpenyakit, tapi penyakit itu tidak merebak dan menghinggapi rakyat negara ini ataupun pekerja negara ini.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang iaitu mengenai dengan pembantu rumah yang tidak mematuhi peraturan-peraturan tertentu dan perlu ditubuhkan jawatankuasa khas. Saya hendak sebut di sini bahawa buat masa sekarang kita berpendapat tidak sesuai dan tidak perlu lagi untuk kita menubuhkan satu jawatankuasa khas kerana mereka sebelum bekerja diperiksa dan dipantau dengan begitu teliti sekali.

Juga disebut mengenai aduan pekerja wanita Islam tidak dibenarkan bertudung. Jawapan, perkembangan persekitaran menjamin hak setiap pekerja untuk melaksanakan amalan dan agama masing-masing. Justeru adalah tidak wajar bagi mana-mana majikan mengadakan syarat-syarat tertentu kerana ianya bertentangan dengan Perlembagaan, kebebasan beragama dan ini memang kita sedar juga ada satu, dua majikan yang melarang wanita ataupun tidak membenarkan wanita-wanita yang bertudung untuk mendapatkan pekerjaan. Kita telah memantau keadaan ini dan mengambil tindakan sama sekali kementerian mahupun kerajaan tidak membenarkan diskriminasi agama dalam menentukan pekerjaan.

Seterusnya saya ingin pergi kepada kononnya ada cerita-cerita pekerja-pekerja yang terpaksa memandikan anjing, makan daging babi ataupun membersihkan makanan-makanan haram itu. Ini juga buat masa sekarang kita tidak mendengar kompelin-kompelin dan memang dulu kita akui ada satu, dua dan ini kita pantau dan mengambil tindakan segera, Tuan Pengerusi...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Timbalan Menteri, ini mengenai pengambilan pekerja-pekerja asing yang ada mengatakan tidak boleh masak babi dan memandikan anjing. Saya rasa ini adalah satu perkara yang kita semua perlu tahu bahawa bila kita memohon pekerja, di sana ada borang yang mengatakan bahawa pekerja-pekerja dari Indonesia ini boleh berbuat sedemikian. Satu di antaranya seperti pekerja saya sendiri, bila saya katakan saya perlukan seorang yang boleh memandikan anjing saya dan dia kata boleh. Jadi adakah ini tidak dibenarkan sekarang?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Untuk pengetahuan Yang Berhormat setakat hari ini, tidak ada mana-mana pekerja Islam dalam dunia ini yang buat satu pengakuan perlu memandikan anjing ataupun mengendalikan babi. Ada tak? Jawablah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa ini...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada *you* cakap saja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... Bab babi saya tahu, itu mungkin...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tapi kalau untuk orang bukan Islam, itu punya pasallah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Pada borang apabila kita minta Tuan Pengerusi, ada *form* di *employment agency* ada ditulis. Mungkin Yang Berhormat terlepas pandang.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, saya merujuk kepada orang Islam tidak ada, kalau bukan Islam tidak apalah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu tidak ada isu sekaranglah?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, tidak ada. Baguslah, duduklah. Terima kasihlah.

Yang Berhormat Tanjong bercakap tentang faedah keilatan PERKESO. Saya nak jelaskan di sini bahawa syarat keilatan ialah:

(i) umur di bawah 55 tahun;

(ii) cukup caruman sebagaimana yang diperlukan oleh Seksyen 17; dan

(iii) keputusan ilat oleh Jemaah Doktor di bawah Kementerian Kesihatan. Jika tidak dipersetujui boleh di bawa ke Mahkamah Rayuan.

Juga Yang Berhormat Tanjong bercakap mengenai dengan syarat mahir bahasa Mandarin dalam pengiklanan. Hasil pemantauan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Sumber Manusia, kita dapati bahawa arahan-arahan yang kita keluarkan itu telah dipatuhi oleh majikan-majikan yang ada. Ini memberikan satu kesan yang positif, di mana ianya memberikan hak yang sama rata peluang untuk rakyat Malaysia bekerja.

Jadi dalam soal ini sebelum kita membuat arahan, memang berlaku mensyaratkan Bahasa Mandarin tetapi setelah kita membuat arahan kita dapati boleh katakan semua majikan mematuhi. Terima kasihlah majikan-majikan yang ada.

Juga mengenai dengan pekerja tempatan ditamatkan dan digantikan dengan pekerja-pekerja asing. Saya nak sebutkan di sini, tidak boleh sama sekali kalau kita melihat dasar, prosedur dan syarat-syarat pengajian pekerja asing untuk kita tamatkan pekerja tempatan dan digantikan dengan pekerja asing.

Jikalau dilakukannya juga, ianya kita boleh memfailkan kes tersebut di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan. Di mana, kita boleh menyenaraihitamkan majikan berkenaan untuk tidak lagi dibenarkan mengambil pekerja asing.

Saya juga ingin mengesyorkan kepada mana-mana majikan, mahupun mana-mana pihak untuk melaporkan kepada kita mana-mana majikan yang membuang pekerja tempatan dengan hasrat untuk menggantikan dengan pekerja asing, bagi kita membuat tindakan segera.

Juga disebut tentang, apakah perkembangan terkini di dalam cadangan untuk menjadikan Kod Amalan Gangguan Seksual sebagai undang-undang. Memang tidak ada lagi tetapi sudah dimasukkan ke dalam Akta Kerja 1955 khusus untuk melindungi wanita-wanita yang bekerja.

Juga disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong tentang penindasan pekerja tempatan, diberhentikan untuk digantikan dengan pekerja asing tadi telah pun saya sebut.

Saya juga nak sebut tentang pandangan daripada Ipoh Barat, mengenai dengan Doktor Azman - PERKESO. Untuk penjelasan bahawa beliau telah dilantik ke jawatan Pengurus Besar Cawangan Perubatan (Gred 27) pada tahun 2001, jawatan itu adalah bersifat tetap bukan sementara. Beliau baru di PERKESO, tidaklah baru sangat tetapi sudah bertahun-tahun. Jika mengikut gred 27, dia seorang yang sangat kanan ataupun *very senior*. Kenaikan pangkat bukanlah dibuat berdasarkan kepada nafsu tetapi dibuat berdasarkan kepada senioriti, kekananan dan juga prestasi kerja. Ianya tidak juga tidak dilantik oleh seorang pegawai tetapi dibincangkan, diteliti oleh Jemaah Kenaikan Pangkat.

Jadi Yang Berhormat, jangan curiga, jangan merasa sesuatu yang tidak betul berlaku dalam PERKESO. Kenaikan itu berdasarkan kepada kebolehan dan juga prestasi kerja. Saya juga ingin menyebut Yang Berhormat Larut, mengenai dengan bilangan pencarum di PERKESO ditanya. Buat masa sekarang....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Dua perkara, satu adalah mengenai kenaikan pangkat Dr. Azman ini. Saya ada katakan ada di pejabat sana, di mana sebelum kenaikan pangkat Dr. Azman ada empat pegawai yang lain, yang berkelayakan, yang sudah bekerja di sana.

Saya ada bagi nama keempat orang itu Encik Chan Hup Chin, Encik Onn Kim Sing, Encik Asri dan Encik Devamany. Saya difahamkan empat-empat orang pegawai ini adalah pegawai yang sepatutnya dinaikkan pangkat dan mereka ada semua markah berkaitan, tetapi kerana Dr. Azman ini ada *connection* yang tertentu. Maka beliau telah menggunakan *connection* itu dan telah mendapat kenaikan pangkat.

Nombor dua adalah saya ada kata mengenai Saranan Kerja Tahunan (SKT), di mana Dr. Azman telah menaikkan pangkat dua pegawai. Dalam sejarah dunia ini di mana dua pegawai itu telah mendapat markah 99.98%, mana ada macam ini? Hanya Malaysia satu negara di dunia di mana seorang pekerja boleh dapat markah sedemikian dan Dr. Azman memberinya Adakah ini benar? Jika tidak benar apakah tindakan yang telah diambil?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ia masalah kenaikan pangkat bukan kerana ada empat orang atau lima orang, kalau 10, 20 orang pun tetapi orang lain lebih baik daripada 10, 20 dinaikkan pangkat juga, dia bukan kerana jumlah itu.

Apa yang *you* sebut 99.98% itu bukan bermakna yang lain pun tidak bagus, mungkin yang lain 98%, 97% ataupun 99.5%, cuma dia lebih sikit. Macam orang lari 100 meterlah dia lebih sikit *second*nya, maka dia dapat johan. Jadi begitulah keadaan di sini.

Namun saya ingin memberi jaminan bahawa ini tidak berlaku, suatu perkara yang tidak baik. Saya tegaskan bahawa ianya berasaskan kepada kebolehan dan juga prestasi. Saya jamin bahawa Dr. Azman merupakan salah seorang pegawai yang mempunyai prestasi dan bukti kerja yang baik dan memuaskan. Saya pergi kepada...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada aduan ada pilih kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu yang menjadi masalah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Itu satu tuduhan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan 99.98% tetapi 99.998%, saya hairanlah. Mana-mana majikan pun tidak pernah boleh memberi seorang pekerja 99.998%. Saya sungguh hairan!

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Itu *you* punya hairan!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi ini biasalah dalam kementerian Yang Berhormat mengatakan bahawa pegawai-pegawai mendapat 100%, 99.98%. Ini biasalah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya sebenarnya, saya tidak tahu berapa markah yang dia ada, ini baru saya tahu. Tetapi orang periksa pun kadang-kadang dapat 100% markah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Don't compare oranges and apples ,* jangan *compare* sedemikian.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa pula? Itu markah, kenapa tidak boleh *compare?*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berkaitan dengan bekerja itu yang khusus.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ada mungkin dia menjawab soalan, sebab itu kita tidak boleh mengatakan itu tidak adil. Mungkin dia jawab soalan itu betul belaka dapat 100%. Jadi apa pun kebimbangan Yang Berhormat itu saya fikir tidak berbangkit kerana itu dibuat bukan oleh individu, tetapi oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya haraplah, Tuan Pengerusi dengan izin. Saya harap satu penyiasatan dibuatlah. Saya ada aduan-aduan lebih dari ini di mana kita tak tutup mata, terus terang.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa tak perlu penyiasatan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kerana ada pilih kasih, ada aduan tertentu..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawablah Yang Berhormat ya. Tak payah tunggulah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...di mana ada penyelewengan yang telah berlaku.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tak adalah, *you* yang kata seleweng. *You* bukan tahu sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan pakai *you, you* Yang Berhormat. Sini kita pakai Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ha Yang Berhormat, *sorry.* Yang Berhormat bukan tahu sangat. Yang Berhormat Larut bercakap tentang Unit Forensik, bolehkah melakukan siasatan dan menyediakan penyiasatan, *investigation paper* tanpa merujuk kepada Jabatan Kimia. Jawapan, Unit Forensik boleh menjalankan siasatan dan menyediakan *investigation paper.* Perkara-perkara yang memerlukan pembuktian dari Jabatan Kimia, maka perkara tersebut perlu dirujuk kepada Jabatan Kimia.

Yang Berhormat Larut juga bercakap, adakah statistik kadar kemalangan jalan raya bagaimana. Statistik kemalangan jalan raya, *sorry.* Statistik kadar kemalangan negara ada lebih kurang 43,000. Kalau dicampurkan kemalangan yang pergi kerja, nak balik kerja jadi lebih kurang 63,000 tak sampailah 64. Jadi kita mengandaikan bahawa kemalangan itu 20% lebih, 25% kemalangan pekerja adalah juga berdasarkan kemalangan pergi kerja, balik kerja.

Tadi ada ditimbulkan oleh seorang Yang Berhormat, ada seorang yang bangun pagi pergi kerja tapi berkemalangan, bila dibuat tuntutan tak dapat. Saya minta supaya Yang Berhormat berkenaan berikan butiran-butiran yang lebih lengkap dan terperinci kepada saya bagi membantu pekerja yang bangun awal itu nak pergi kerja, tapi berkemalangan tidak diberikan tuntutan. Saya akui....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin, Jasin.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berkenaan dengan SOCSO, kadang-kadang *claims* ini saya lihat bahawa SOCSO ini kadang-kadang dia nak mengelakkan diri daripada memberi pampasan ataupun Pencen Ilat kepada pekerja. Contohnya ada satu kes saya kemukakan di Melaka, di mana orang ini ditimpa kemalangan di tempat kerja dan pada peringkat awalnya selepas diperiksa oleh doktor, didapati bahawa pekerja ini tidak boleh menjalankan kerja kerana telah cedera dan telah memohon Pencen Ilat, tetapi SOCSO pula Tuan Pengerusi, SOCSO pula pergi *appeal* balik, pergi *second round,* pergi *third round,* mengapa? Yang di*claim* itu insurans, hak mereka. Jadi mengapa menyusahkan pekerja? Kalau doktor dapati bahawa dia dah cedera, tidak dapat bekerja, bagi sajalah. Ini, pergi *appeal* balik. SOCSO yang *appeal*! Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya bersetuju. Sebab itu di awal sebelum saya menjawab tadi saya katakan pandangan itu ada dua. Satu yang bersifat individu macam Yang Berhormat sebut. Satu lagi yang dasar, polisi. Hak macam ini Yang Berhormat beri pada saya ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Mengangguk]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ha okey. Terima kasih, saya akan bantulah.

Yang ketiga, apakah pencapaian nisbah kemalangan dibandingkan dengan negara maju. Negara maju, Sweden, Norway, Amerika, Britain...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kejap ya, lepas ini saya jawab Yang Berhormat boleh? *Don't worry.* New Zealand ataupun Australia. Nisbahnya 1000:3. Malaysia negara bukan nombor satu majulah, tapi ke arah maju. Nisbah kemalangan dalam 1000 dalam 5.6 manusia. Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memahami masalah yang berlaku di sini Tuan Pengerusi. Apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Jasin, pernah saya temui semasa saya di Batang Lupar dulu yang mana ramai orang Batang Lupar terlibat dalam pembalakan. Jadi, kemalangan dalam kem pembalakan itu banyak. Masalah yang besar kita hadapi ialah orang-orang pembalakan ini bukan segolongan orang yang terdidik atau berpendidikan tinggi, dan jauh sekali mengetahui macam mana nak jumpa pakar-pakar yang boleh membantu mereka. Jadi dalam keadaan sedemikian, tuntutan telah dibuat tapi lepas itu pihak PERKESO membuat satu *appeal* lagi untuk dipertimbangkan semula. Dalam pihak kementerian juga kita memahami.

Saya sebagai yang mengetahui bahawa proses sedemikian tidak boleh diputuskan secara begitu saja kerana kalau dia diputuskan sebegitu, mungkin ada *auditor* mereka akan tanya kenapa keputusan ini dibuat sebegitu saja dan tidak dihabiskan di satu peringkat. Akhirnya barulah keputusan yang terakhir dibuat. Jadi persoalan saya, mesti ada satu mekanisme yang khusus, yang tidak akan membebankan kementerian ataupun PERKESO dalam soalan, *the due process* ini supaya dipendekkan, supaya rayuan daripada pihak PERKESO tidak dimestikan dalam peruntukan undang-undang ataupun prosedur mereka supaya tidak di *query* oleh pihak *auditor* pada satu ketika nanti apabila keputusan itu dibuat, terus boleh dibagi untuk mempercepatkan proses pengeluaran sumber atau bantuan. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Beluran.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, nanti saya jawab ini *okay?*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ...*point* yang sama.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *Point* yang sama? Ha *okay*lah, baiklah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya bawa satu kes tadi, saya berterima kasih dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tapi soalnya seperti soal Santubong, seperti soal Jasin, takkan kes-kes sebegini kita terpaksa minta bantuan kepada menteri untuk meyakinkan PERKESO untuk menimbang semula kes. *There's must be a standard procedure* seperti kata Santubong dan kebetulanlah penama ini saya mengenali kerana ayahnya saya kenal dan mereka berjumpa dengan saya, tapi ramai lagi di luar sana yang mengalami masalah yang sama, yang tidak ada akses kepada wakil rakyat dan tiada akses kepada menteri dan saya melihat bahawa PERKESO, mekanisme tuntutan itu mesti distandardkan agar rayuan-rayuan begini tidak dijadikan sebagai satu proses untuk menilai *the degree of accident,* kemalangan yang berlaku kepada seseorang. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Sebab itu saya akui juga bahawa banyak kes yang bersifat individu ini yang kita terima. Jadi, mungkin kalau ada asas-asas yang tertentu, kalau di pihak kementerian, pegawainya salah, kita akan tegur, kita akan betulkan tapi kalau di pihak penuntut itu, yang menuntut itu salah, kita akan nyatakan sebab-sebab kesalahan itu. Sebab itu kadang-kadang benda-benda yang bersifat individu seperti ini...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ...untuk saya terus memberikan jawapan secara *ad hoc* begini memang sukar kerana kes itu perlu diteliti secara adil, secara mendalam. Apa pun saya sangat gembira tentang pandangan daripada Beluran, Santubong itu. Bukan bermakna saya tidak mahu menjawab sekarang tapi jawapan saya mestilah berasas kerana ini bukan soal dasar, tetapi soal kes-kes yang terlibat secara individu. Memang kalau rumah besar kita buat kenduri kendera ini, kalau tak pecah gelas dengan pinggan satu dua tak sah kenduri itu. Begitulah juga dalam pentadbiran kita. Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya masih bersetuju, bahawa kita mesti membuat keputusan oleh pihak PERKESO ini sebagai satu keputusan muktamad supaya dia muktamad dalam erti kata tak payah di*appeal* lagi. Siapa yang buat keputusan, misal doktor mengatakan ini sakit dia dan ini banyak ganti rugi dia dan sepatutnya perkara ini patut putus di situ

saja dan tak payah lagi. Makna PERKESO itu tidak dipertanggungjawabkan untuk dibebankan dengan satu badan mungkin *auditor,* dia mengatakan kenapa kamu membuat keputusan, ini tidak sampai ke peringkat itu, ini yang disebut. Saya ingat ini dibagi tahu oleh Yang Berhormat Beluran yang saya kehendaki itu, dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Beluran mengatakan takkan semua yang baru datang masalah ini menulis surat kepada menteri. Maknanya *very petty kind of* - makna pentadbiran kita tidak teratur.

Makna dia Menteri itu buat dasar sahaja, apa pula benda remeh ini dibawa ke Menteri pula, jadi tak ada kerja lainlah Menteri-menteri. Jadi Tuan Pengerusi, saya nak mencari supaya proses ini dihabiskan peringkat jabatan dan bukan peringkat Menteri. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, sebenarnya semua peraturan dan undang-undang dan apa juga yang kita buat bukan sahaja dalam kementerian kita, ada juga yang tidak puas hati. Dia bunuh orang tapi dia merayu minta dilepaskan, dia masuk ke kawasan-kawasan yang menjadi larangan, bila ditangkap dia minta rayuan. Jadi semuanya ini ada sebab itu mahkamah juga bukan sahaja terdiri daripada Mahkamah Seksyen tetapi juga Mahkamah Rayuan. Sebab itu kita adakan Jemaah Rayuan ini untuk menunjukkan bahawa kita kerajaan tidak terlalu keras dan tidak terlalu fanatik tapi kita sentiasa bersifat terbuka.

Keduanya saya juga nak jelaskan bahawa peraturan itu semuanya sudah ada umpamanya dulu tuntutan pampasan ini 15 hari, tetapi hari ini Menteri dah percepatkan menjadi tiga hari. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes-kes tuntutan yang kita selesaikan dalam tempoh tiga hari bekerja mencapai secara purata di peringkat kebangsaan tak kurang daripada 85%.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lain yang disoal, lain yang dijawab Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya soalan itu lain tadi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tak, cuma saya teranglah benda macam ini. Jadi kes-kes yang lain, kadang-kadang yang terpaksa dikemukakan ini terlalu kecil, yang dirayu ini terlalu kecil. Ia memang menjadi hasrat kita memberikan kepuasan yang semaksimumnya. Apa pun saya merasa gembira kerana kes-kes rayuan yang kita terima tak sampai pun 1% daripada pengendalian kes-kes ataupun pampasan yang kita bayar.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap ya. Sejumlah kira-kira RM890 juta kepada mereka yang terlibat dengan kemalangan. Jadi ini satu kes yang sangat besar. Cuma saya minta satu, dua kes ini tidak menampakkan dan membolehkan kita membuat kesimpulan bahawa PERKESO ini tidak betul. Saya nak sebut bahawa kita mempunyai lebih banyak kes-kes yang diselesaikan dan lebih banyak kebaikan daripada masalah-masalah kecil yang sedemikian. Bukanlah bermakna semua kes-kes itu untuk diberikan beban kepada saya, tetapi saya suka menerima kes-kes yang sebegini kerana kita akan juga dapat lihat dan rujuk kepada pihak PERKESO ataupun pegawai-pegawai yang berkenaan. Ya Yang Berhormat, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, masalah kes untuk dirujuk, *appeal* balik. Masalah kes ini berlaku di Melaka, bila nak *appeal* pula kena pergi Jemaah Doktor di Seremban. Jadi orang Melaka ini kena pergi ke Seremban untuk *appeal*. Orang ini dahlah susah, yang menghadapi kemalangan, dah lambat dapat bantuan. Apabila dah ditolak, nak *appeal* itu kena pergi Jemaah Doktor di Seremban, yang ini yang beratnya. Dia, *appeal* yang pertama itu datang kepada wakil rakyat. Wakil rakyat kena siapkan kereta, wakil rakyat nak kena apa, tapi kenapa tak boleh selesaikan di Melaka? *Appeal* pun di Melaka? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ini merujuk kepada tempat Yang Berhormat ya. Tempat *appeal* dan rayuan berkenaan, itu boleh kita pertimbangkanlah.

Menyentuh dari segi pandangan Yang Berhormat Papar iaitu kebajikan pembantu rumah asing yang sering teraniaya dan juga langkah mengurangkan pembantu rumah asing. Sebenarnya soal yang disebut ini sebagai teraniaya juga saya nak sebut terlalu kecil, terlalu sedikit, mereka boleh buat laporan kepada polis ataupun kepada pihak kita. Memang ada usaha-usaha untuk mengurangkan kebanjiran pekerja asing ini iaitu di mana kita memberikan peluang kepada orang tempatan untuk

mewujudkan pusat-pusat latihan kita sendiri. Kita juga menggalakkan supaya rakyat ataupun majikan kita sendiri, memainkan peranan untuk mengambil orang Malaysia menjadi pembantu rumah daripada mengimport daripada luar negara.

Saya nak sebut juga mengenai dengan pandangan Yang Berhormat daripada Larut iaitu tentang kemalangan jalan raya yang sering berlaku di musim perayaan. Jadi ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan pekerja terutama pemandu supaya mereka bertanggungjawab, maka kita juga mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Keselamatan Jalan raya dan juga Institut Keselamatan dari semasa ke semasa. Tapi hal ini lebih banyak berkisar kepada Jabatan Pengangkutan Jalan raya.

Yang Berhormat Ipoh Barat juga menyebut tentang ILP Arumugam Pillay, Nibong Tebal bertanya tentang *number of students* dan *number of staffs* dengan izin. Untuk makluman sehingga Oktober 2007, terdapat seramai 137 orang pelajar India iaitu 39% daripada keseluruhan pelajar, bukan seorang. Jadi kalau seorang itu tidak betullah. Pelantikan kakitangan ataupun pengajar, ini bukan tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia tapi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun SPA itu sendiri. Sebenarnya nama ILP Arumugam Pillay masih digunakan secara rasmi dan untuk urusan rasmi. Jadi tidak ada, tidak benar dakwaan bahawa kita dah tukar. Tidak!

Saya juga nak sentuh tentang Yang Berhormat Ipoh Barat juga ini, MoU Indonesia. Isi kandungan yang sukar dikawal selia, apakah yang dibuat KSM supaya pekerja tidak ditipu? Penjelasan, MoU dibuat berdasarkan persetujuan kedua-dua kerajaan. Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja memantau semua kandungan dalam MoU ini. Kita menguatkuasakan bukan dengan kata-kata tetapi kita menguatkuasakannya dengan beberapa akta. Pertama, Akta Pekerja 1955.

Kedua Tuan Pengerusi, melalui Akta Pampasan Kerja 1952 dan ketiga mengikut Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Jadi bila kandungan itu kita ikatkan dengan akta-akta ini sudah barang tentu ianya sangat kemas. Bagi menentukan bahawa MoU dengan mana-mana negara bukan sahaja Indonesia berjalan mengikut *track,* ataupun landasan yang telah disediakan. Jadi ini tidaklah menjadi satu kebimbangan bahawa kita mencabuli *Memorandum of Understanding* itu dengan mana-mana negara. Saya nak pergi kepada...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya. Sila, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini MoU yang sedia ada dengan Indonesia, walaupun ini satu pencapaian yang bagus kerana sekurang-kurangnya ada standard minimum untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja asing yang datang ke negara kita ini, mereka diberi semua layanan yang diperlukan dari segi undang-undang.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu undang-undang sedia ada. Boleh saya bertanya dengan spesifik, kita ada lebih kurang dua juta pekerja asing dan sekurang-kurangnya, kalau saya tak silap lebih dari 100, 000 majikan yang mengambil pekerja-pekerja ini untuk bekerja dengan mereka. Bolehkah saya dapat tahu berapakah di antaranya kementerian telah menghantar untuk mengawasi atau kenal pasti bahawa majikan-majikan mematuhi akta-akta yang telah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, Akta Pekerja, Akta Pampasan dan sebagainya.

Yang saya khuatir dan saya sendiri tahu bahawa ini tidak dibuat kerana kekurangan pegawai-pegawai, kekurangan untuk mengambil tahu isu-isu dan ramai di antara pekerja-pekerja yang tinggal di pedalaman bukan dekat pekan tapi terlalu jauh 100 hingga 200 kilometer dari pekan di mana kementerian tidak dapat membuat apa-apa untuk menolong mereka. Inilah perkara yang selalu terjadi di mana mereka dihina, mereka tidak dibayar gaji dan di mana diseksa dan juga mereka perlu bekerja 18 jam satu hari. Di mana situasi-situasi ini apakah tindakan yang diambil oleh kementerian.

Saya tahu ada undang-undang. Ini semua saya faham dan saya rasa semua orang pun faham tetapi dalam betul-betul memberi *protection* kepada pekerja-pekerja ini yang mereka tidak ada. Bagaimana ini dapat dipastikan kerana ini adalah satu *complaint* yang sedia ada di negara ini seperti Tenaganita. Baru-baru ini *Asian Forum on Labor* di Manila dan juga lain-lain forum yang telah membawa tuduhan-tuduhan tertentu terhadap negara kita. Kita adalah satu negara *receiving country* di mana perkara ini sering terjadi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, tak tahulah hendak beri pandangan atau tuduhan tapi banyak tuduhan itu. Saya hendak beritahu bahawa Malaysia ini merupakan syurga kepada pencari-pencari kerja seluruh dunia. Mereka suka datang ke negara kita kerana mendapat pekerjaan yang baik, gaji yang baik dan gaji yang lumayan. Saya tak nafikan ada sedikit-sebanyak ada penderaan dan penganiayaan tapi itu Yang Berhormat daripada kajian kita tak sampai pun 0.001%. nombornya kecil sangat. Kalau ada pun bising satu Malaysia contohnya Nirmala Bonat. Satu itu sahaja yang kena gosok dadanya. Lepas itu mungkin ada satu atau dua lagi. Tak ada sudah. Jadi saya hendak sebut di sini bahawa...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap, saya akan beri pada Yang Berhormat. Yang Berhormat baju merah ini saya akan bagi. Saya hendak sebut bahawa KSM sebenarnya mampu mengawal pekerja-pekerja asing ini dan kita telah pantau sekian lama dan baru-baru ini pada 1 Jun tahun ini kita menghantar lebih daripada 500 pegawai di semua tempat dan kita akan memeriksa kira-kira 124,000 majikan di seluruh negara. Kepada pekerja-pekerja asing sama ada yang digaji tapi yang bersifat *illegal,* tidak sah, sama ada yang melanggar peraturan, melanggar seksyen-seksyen yang tertentu, jadi kita pantau dan kita tangkap. Baru-baru ini kita periksa lebih kurang sebulan kepada 425 majikan dan kita telah memperoleh sebanyak 160 kesalahan. Jadi bukanlah bererti ramainya pekerja asing kita tak mampu.

Singapura saya hendak jelaskan mempunyai kadar pekerja asing 27% daripada tenaga kerja di Singapura tetapi dia dapat buat. Kita dalam kadar 20% lebih sudah tentu kita juga boleh buat. Kalau dia boleh buat, kita juga boleh buat. Apa yang saya hendak timbulkan di sini kadang-kadang kita hanya membuat tanggapan-tanggapan yang salah. Yang Berhormat telah membuat tanggapan yang salah kata kita paksa orang bekerja sehingga 18 jam, tak ada. Sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja asing mereka hanya boleh dan dibenarkan dalam konteks masa bekerja lapan jam. Kalau mereka bekerja lebih daripada 8 jam, mereka itu diberikan *overtime*. Jadi saya tak nampaklah setakat saya duduk di Kementerian Sumber Manusia ada pekerja asing yang dipaksa bekerja selama 18 jam. Kalau Yang Berhormat ada, Yang Berhormat *report* lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Nantilah dahulu. Yang Berhormat ini dahulu. Lepas itu Yang Berhormat sana pula. Sila. Yang Berhormat Ipoh Barat dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia bangun dahulu sedikit pada *you*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah tegur Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, saya percaya bahawa ada inisiatif oleh kementerian tetapi jangan kita lupa, jangan kita lari dari tanggungjawab. Kalau betul ada dua kes sahaja, Yang Berhormat boleh ikut saya boleh bawa ke Indonesia *embassy* di mana ada lebih kurang 500 orang, *and neither here no there* pekerja-pekerja asing. Nombor satu.

Nombor dua, baru-baru ini di Pulau Pinang di mana seorang diseksa hingga mati kerana tak diberi makan. Ini yang kita tahu. Saya rasa di Indonesia bukan 500. Kurang dari itu, saya dah lupa tapi ada beberapa orang di sana di mana kedutaan mengatakan mereka menunggu sehingga kes-kes mereka dibicarakan di mahkamah. Yang mustahak adalah ini, jangan kita lari. Kita ada masalah, kita perlu kenal pasti bahawa ada masalah di mana pekerja-pekerja asing ini dianiaya di negara kita. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa mereka berasa ini adalah satu tempat untuk cari makan yang bagus, lumayan, syurga dan sebagainya. Tapi jangan lupa ini kewajipan kita sebagai *receiving country* dan nombor dua ada ramai

pekerja di negara kita yang pergi ke luar negara. Mereka juga perlu perlindungan. Jadi *its two way*, bukan satu *way* sahaja.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, kita jangan lupa. Jangan kita hendak salahkan majikan semua. Yang Berhormat ingat semua pekerja daripada negara-negara yang datang itu semua bagus? Ada yang mencuri! Ada yang merompak! Ada yang pukul anak malah ada yang membunuh! Rogol pun ada! Jadi kita tak boleh melihat keadaan itu pandang mata sebelah. *You must be fair and square* dengan izin. Jadi kalau *you* hendak bercakap hanya sekadar kepada kesalahan majikan sahaja tak betul. Saya akui majikan pun salah, pekerja pun ada salah.

Yang Berhormat, saya boleh dikatakan setiap bulan saya pergi kedutaan Indonesia tak sampai pun 500. Mana *you* ambil angka 500? Takut 50 *you* tambah kosong jadilah 500. Janganlah gitu. Yang Berhormat, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya pergi bersama dengan Yang Berhormat Ipoh Barat ke rumah perlindungan di kedutaan Indonesia. Lepas itu saya diberi satu senarai daripada satu NGO yang beritahu saya terdapatnya 20 kes yang mereka berada di rumah perlindungan itu yang ada kes mahkamah dan kes Nirmala Yang Berhormat bangkitkan itu dia sebenarnya telah tunggu perbicaraannya selama tiga tahun. Sudah tiga tahun dia masih tunggu, masih tak ada keputusan. Memang ada yang telah dihantar balik. Saya rasa tujuan kami bangkitkan isu ini dalam perbahasan kementerian ini adalah kerana Yang Berhormat ini sepatutnya memberi pelindungan kepada semua pekerja termasuk pekerja tempatan dan juga pekerja asing.

Saya hendak tahu bagaimanakah Yang Berhormat boleh membantu pekerja asing wanita yang teraniaya itu yang masih berada di rumah perlindungan sama ada di NGO atau kedutaan Indonesia itu untuk mendapat keadilan. Saya pernah bangkitkan isu ini semasa saya bangkitkan isu usul potong gaji Ketua Peguam Negara kerana ramai masih tunggu perbicaraan. Ada yang telah dirogol dan dianiayai, laporan polis telah pun dibuat tetapi tak ada siasatan langsung daripada pihak polis. Jadi saya minta Yang Berhormat tolong mangsa-mangsa yang dianiaya itu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okey, saya terima baik cadangan itu bagus. Ayer Hitam, pusat hemodialisis. Saya ingin menjelaskan bahawa pembekalan mesin hemodialisis oleh PERKESO kalau ikut peraturan dan undang-undang kita adalah untuk kes PERKESO sahaja. Jadi kalau mereka yang tidak mencarum dan sebagainya mereka ada tempat-tempat lain umpamanya di hospital kerajaan, di klinik dan sebagainya.

Jadi tidaklah boleh menyalahkan orang yang tidak mencarum dengan PERKESO dia hendak pergi hemodialisis. Tidak adillah. Kalau hendak dia kena mencarumlah. Mudah sahaja.

Satu lagi mengenai dengan program latihan yang baru diperkenalkan dalam bidang penyelenggaraan mekanikal, *electrical*, elektronik, *aviation* dan sebagainya untuk menyediakan juruteknik penyelenggaraan dalam bidang *aviation*. Ini memang betul kita bagi *One-Off* kerana ia program yang pertama, anak sulung. Jadi, kita hendak *test* dan uji sejauh mana ia berkesan. Kalau sekiranya ia berkesan dan saya rasa berkesan melihat kepada laporan yang kita ada, insya-Allah kita akan tambah peruntukan dan kita akan sebarkan di seluruh negara dengan cara yang lebih sesuai dan adil.

Yang Berhormat bagi Pensiangan membangkitkan mengenai gaji yang diterima oleh belia berasal dari Sabah yang bekerja di Semenanjung. Saya hendak jelaskan bahawa kadar gaji yang diterima oleh mana-mana pekerja adalah ditetapkan oleh kuasa pasaran dan juga kontrak yang ditandatangani di antara majikan dan juga pekerja secara *collective agreement*. Dasar kita tidak sekali-kali membezakan sama ada gaji pekerja di Sabah, di Sarawak, atau di semenanjung. Tidak ada. Gaji sama sahaja.

Saya hendak jelaskan juga lagi mengenai dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Batu Gajah iaitu saya hendak jelaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia sedang menjalankan kajian untuk menentukan keperluan sebenar pekerja-pekerja yang diperlukan oleh negara. Buat masa sekarang kita sedang menjalankan satu bancian yang dikenali sebagai Bancian Keperluan Tenaga Kerja Negara. Kita

telah lancarkan pada 1 Jun dan kita telah menghantar kepada 500,000 majikan. Ulang suara, 500,000 majikan di seluruh negara.

Sehingga ke hari ini kita telah pun menerima jawapan daripada majikan-majikan ini lebih daripada 400,000. Dalam kajian itu antara perkara yang kita tanya adalah mengenai dengan keperluan tenaga kerja di syarikat-syarikat yang ada, gendernya sekali, jawatannya sekali, gajinya sekali, tempoh masanya sekali dan pelbagai perkara lain. Ada empat muka suratnya, panjang.

Jadi, daripada kajian-kajian ini insya-Allah, Kementerian Sumber Manusia akan menentukan perkara-perkara keperluan asas yang sebenarnya dalam urusan tenaga kerja keperluan sebenar termasuk dalam kita merangka keperluan tenaga kerja di koridor-koridor sama ada Wilayah Pembangunan Iskandar, *Northern Corridor, East Coast Economic Region*, Sabah dan juga Sarawak.

Jadi, saya sangat suka hatilah bila Yang Berhormat bagi Batu Gajah bertanya tentang kesediaan kerajaan ini dalam soal menentukan keperluan tenaga-tenaga kerja. Insya-Allah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kita akan melihat perkembangan selanjutnya. Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga bertanya tentang jumlah doktor dan jumlah ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum ke isu itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat kata gembira saya bangkitkan isu yang sebelum itu, tetapi kalau Yang Berhormat tidak ingatkan saya berkenaan bancian itu saya tidak akan marah. Sekarang saya sangat marah. Bancian itu kata diserahkan kepada 500,000 majikan tetapi Yang Berhormat tahukah apa yang berlaku di padang? Kumpulan sasar yang dihantar borang ini ialah mereka yang berjaja di pasar. Mereka menjual mi di kedai kopi. Semua penjaja pasar di kawasan saya, Kampung Baru Bukit Merah, Menglembu, Jelapang yang tidak memerlukan tenaga pekerja asing. Kumpulan sasar yang diserahkan borang untuk buat bancian bukan kumpulan sasar yang tepat. Itu adalah pembaziran dan mereka ini telah membawa pelbagai kesulitan kepada mereka. Yang Berhormat Timbalan Menteri tahukah?

Kami wakil rakyat DAP kena turun padang membantu mereka mengisi borang sebab banyak soalan yang ditanya tidak berkaitan. Kedua, kertas soalan begitu tebal dan kalau mereka tidak serahkan kembali borang dalam masa sebulan akan didenda tidak lebih RM10,000 dan tidak diserahkan pula borang yang dilengkapkan dengan setem. Ada kes tertentu di mana kami sebagai wakil rakyat kena membantu mereka mengisi borang sebab mereka tidak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah faham itu, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau tidak bangkit saya tidak marah. Ini bangkit ingatkan saya. Mungkin bancian ini tidak akan memberi keputusan yang tepat. Kaji balik bancian ini. Saya hendak juga tahu berapa perbelanjaan untuk buat bancian ini, dan mesti sedar pelbagai kesulitan kepada penjaja mi dan penjual sayur.

Nenek tua bawa borang tanya, "*Ini apa, ha? Tak tahu nak isi. Buat apa?"* Saya kata, "*Semua ini tidak payah isi. Isi muka depan sahaja".* Saya juga ada merujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja, saya kata, "*Mengapa boleh serahkan borang macam ini kepada mereka?"* Jadi, kaji balik bancian. Kalau tidak keputusan tidak tepat dan pembaziran berlaku.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, janganlah marah macam itu. *Steady* la! Saya hendak sebut, syarikat-syarikat yang kita hantar ini bukan penjual mi di kampung Yang Berhormat. Itu tidak betul. Yang Berhormat reka-reka agaknya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat jangan tuduh saya. Saya sampaikan maklum balas. Saya bagi pihak DAP kita beli setem dan sampul surat sebab senarai semua nama penjaja ini diperoleh daripada Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Biar dia bising dulu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan bising, Yang Berhormat membuat tuduhan. Saya bangkitkan bagi maklum balas ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kajilah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Agar dapat keputusan yang tepat. Kita kerjasama dia kata kita bising, dia kata kita reka. Macam ini tidak boleh selamat lagilah Barisan Nasional.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sudah habis? Kalau hendak bercakap lagi, silalah. Saya hendak beritahu *company* yang 500,000 ini semuanya yang di *register* dalam ROC - *Registrar of Companies*. Tidak tahulah macam mana sayur boleh masuk dan mi kampung pun boleh masuk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *You* mahu buktikah?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ha, bagilah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya carikan surat khabar, kita adakan sidang akhbar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okey, esok kita buat *date*, kita jumpa.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau saya boleh bawa apa Yang Berhormat akan buat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita buatlah sidang akhbar.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa boleh buat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita bawalah. Tidak mengapa. Saya boleh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita jalankan kempen bantu penjaja di pasar mengisi borang, you tahukah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak boleh tawar menawar macam itu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak boleh tawar menawar macam itu kata Tuan Pengerusi. Kita akan buktikan bahawa sama ada dia jual mi atau sayur, tetapi yang kita asaskan kepada ROC.

Okey, saya pergi kepada Yang Berhormat lagi. Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan dilantik di bawah akta PERKESO, Pegawai Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan dilantik oleh Kementerian Kesihatan. Jemaah bebas membuat keputusan. Ahlinya adalah pegawai perubatan yang berkelayakan. Jadi tidak adalah penyelewengan dan sebagainya. Saya pergi kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah lagi, yang akhir mengenai OKU.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum itu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Emm, silalah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat kata Jemaah Doktor berkelayakan. Saya bangkitkan satu *specific case.* Yang Berhormat, saya baru minta Bentara tadi serahkan borang. Tidak lihat lagi kes itu telah buat penafian tiada penyelewengan. Ini sikap yang bertanggungjawabkah?

Semua dokumen ada. Tadi Bentara kata biar Yang Berhormat habis baru dia akan serahkan dokumen itu. Kalau belum baca dokumen, jangan begitu cepat membalas bahawa tiada penyelewengan, itu semua doktor berkelayakan. Ini tidak bertanggungjawab seolah-olah kami yang membangkitkan ini ialah membangkitkan hal yang tidak benar. Bukan saya sahaja bangkitkan. Yang Berhormat bagi Jasin juga bangkitkan berkenaan isu Jemaah Doktor.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya menyebut bahawa jemaah doktor itu, itulah ciri-ciri yang saya sebut. Maknanya saya menegaskan bahawa dia tidak ada *tendency* untuk menyeleweng kerana ianya dilantik di bawah satu akta yang begitu kemas dan kukuh. Di samping itu juga, doktor rayuan itu dilantik oleh Kementerian Kesihatan. Jadi kecurigaan untuk ke arah ketidakbaikan itu tidak berlakulah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat kena tarik balik.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tarik balik apa benda?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kata kecurigaan itu tidak baik. Yang Berhormat, tadi saya telah bangkitkan jemaah doktor kata ilat, jemaah doktor rayuan kata tidak ilat. Tadi saya tengok semula dokumen empat kali, kes yang sama. Itu yang saya timbulkan. Siapa sebenarnya tidak layak? Empat tahun berturut-turut jemaah doktor kata ilat. Apabila PERKESO merayu, jemaah doktor rayuan kata tidak ilat. Faham? Itu saya mahu tahu siapa sebenarnya tidak layak di sini. Itu doktor bebas, doktor PERKESO, saya tahu, tetapi yang saya bangkitkan kes spesifik. Ini ialah begitu menimbulkan kredibiliti PERKESO dan doktor-doktor di bawah PERKESO.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebab itu satu-satu kes yang bersifat individu ataupun satu ini, sebab itu saya katakan boleh kemukakan kepada kita balik. Bukan saya hendak berbahas di sini tentang satu, dua perkara sedangkan kita berikan banyak kebaikan dan kebajikan kepada berjuta manusia. Jangan cuba mempengaruhi Dewan ini dengan satu, dua cerita itu. Walaupun cerita itu katakanlah sahaja benar, tetapi ianya tidak bersifat bahawa PERKESO itu tidak betul. Orang kata, diam.

Jadi berbalik kepada orang kurang upaya ini, saya hendak tegaskan bahawa ianya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, sedikit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengenai SOCSO, jemaah doktor ini, saya rasa ada sesuatu yang tidak kena. Tuduhan yang dibuat oleh Batu Gajah dan tuduhan yang dibuat oleh Jasin tadi, semua ini adalah kita perlu fikir dari *in totality* kerana saya rasa SOCSO berpendapat bahawa wang pampasan tidak boleh diberi kepada pekerja hingga kita habis rayuan. Itu dari asas *civil court* saya *understand*, itu betul. Dari segi pampasan yang diberi kepada pekerja, doktor mereka sendiri *on the first tier* telah membuat keputusan bahawa mereka patut mendapat pampasan. Dia membuat rayuan. Selepas itu dia membuat rayuan dan rayuan ini mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu atau tidak tahu, saya tidak tahu. Bila dia membuat rayuan, dia kata, okey kalau dari Ipoh dia cakap, "*You* pergi ke Taiping untuk mendapat satu *specialist*, satu *report* daripada doktor jemaah di sana atau ke Pulau Pinang.

Ini menyusahkan pihak-pihak yang membuat rayuan. Saya rasa yang mustahak adalah *intention* SOCSO ini. Nombor satu, kriteria dia ialah untuk menolong orang-orang yang tercedera. Itu yang *bottom line*. Kalau sedemikian, inisiatif perlu diambil oleh SOCSO untuk menolong mereka. Jangan menyusahkan mereka. Ini bukan cara kes *civil court* di mana...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...satu menang selepas itu membuat rayuan dan sebagainya. Saya rasa ini tidak kena tepat. Nombor dua, ini Dr. Azman, baru saya ingat. Dia telah memanggil satu doktor di Ipoh dan kata, "*You don't sit on the panel* kerana kamu kenal orang yang membuat permohonan ilat." Dr. Azman, dia memanipulasi, mungkin dia kawan Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu cerita lain. Saya tahu, ini kerap kali dibuat oleh beliau, saya harap ini diberhentikan kerana kita perlu tahu kenapa SOCSO ditubuhkan – untuk menolong pihak-pihak yang tercedera. Jangan kita dalam situasi mereka tercedera, susah, kita lagi menyusahkan mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau sedemikian, swastakan sahajalah. Bagi insurans macam sebelum itu, *workman compensation*, senang sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Timbalan Menteri, Yang Berhormat telah jawab lebih satu jam. Minta Yang Berhormat habiskan jawapanlah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya. Kadang-kadang kita ada mata, kita butakan, kita ada telinga, kita pekakkan, kita ada perasaan, kita tidak rasa. Kita tolong pekerja ini mencarum 5.6 juta. Kita bayar pampasan RM890 juta. Takkanlah satu kes yang belum tentu siapa betul ini, kita hendak katakan kita hendak swastakan PERKESO. Itulah pemikiran yang kurang sihat.

Yang Berhormat Pensiangan menyebut tentang pangkalan data pekerja Malaysia di Singapura, apakah langkah KSM. KSM sedar bahawa status lebih kurang 200 ribu pekerja Malaysia di Singapura secara umumnya adalah baik. Walau bagaimanapun, dalam tiga tahun kebelakangan ini iaitu bermula 2004, 2005, 2006, kita ada menerima kompelin daripada pekerja-pekerja kita yang tidak diberikan layanan yang baik termasuk penyalahgunaan kuasa, penderaan, kurang dibayar gaji dan sebagainya.

Oleh yang demikian, bagi meringankan usaha-usaha mengurangkan masalah ini, kita telah menubuhkan satu pusat penghantaran pekerja:

(i) di Johor Bahru untuk ke Singapura;

(ii) di Kota Kinabalu; dan

(iii) di Kuching.

Sebelum mereka masuk Singapura, mereka kena mendapat maklumat penerangan yang sejelas-jelasnya. Keduanya, yang terbaru kita telah pun menubuhkan satu *attaché* buruh di Singapura dengan tujuan untuk menangani permasalahan-permasalahan di samping mewujudkan hubungan yang lebih kukuh, lebih baik mengenai dengan pekerja antara Malaysia dan juga Singapura.

Yang Berhormat Kuala Terengganu, pusat latihan ditauliahkan oleh JPK mempunyai kelebihan kompetitif dan kurikulum rangkaian dengan industri. Benar, program latihan yang dijalankan di pusat bertauliah diasaskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard – NOSS*) yang dibangunkan secara bersama dengan industri graduan bagi memenuhi keperluan alam pekerjaan.

Kuala Terengganu juga bercakap tentang *road map idea, brain power* berasaskan pengetahuan. Satu saranan yang sangat baik. Memang ada usaha untuk memastikan latihan kemahiran tidak tertumpu kepada kompetensi teknikal tetapi bersifat kompetensi sosial dan juga kompetensi metodologi pembelajaran supaya *return of investment* dapat dihasilkan oleh pekerja itu sendiri.

Beberapa Ahli: ROI, ROI.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ROI. *[Ketawa]* Yang Berhormat Sabak Bernam juga bercakap tentang latihan perindustrian. Ingin saya jelaskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan bina lima buah ADTEC dan juga empat buah ILP yang menelan belanja kira-kira RM2 bilion kepada semua pusat latihan ini sendiri. Yang Berhormat Kubang Kerian bercakap tentang penggunaan latihan 3D.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Datuk ini. Bagaimana perancangan dibuat mengenai pembinaan ILP ini? Sebab kalau kita lihat setengah negeri itu negeri besar dapat satu ILP, contohlah. Misalnya, Perak ada satu. Perlis ada satu. Pulau Pinang ada tiga. Melaka kecil tetapi ada tiga.

Jadi apa asasnya, Yang Berhormat, dari segi pembinaan itu? Pahang saya difahamkan tadi, saya dengar daripada Maran. Di Maran ada satu, baru bercadang hendak dibuat. Jadi apakah asas? Adakah melihat dari segi banyak sekolah di situ yang melahirkan murid-murid dan sebagainya kerana mereka menerima latihan? Jadi apa asasnya? Jadi, itulah minta penjelasan.

Keduanya, Yang Berhormat, adakah kita ikut pembinaan itu dari segi pasaran pekerjaan di tempat yang berkaitan? Misalnya sekarang Koridor Pantai Timur, Pahang kita dapat pembuatan, automatif dan pelancongan.

Adakah akan dibina ILP di situ, dan kursus yang dibuat berkaitan dengan pasaran tempatan di situ sebab kalau ada di situ dibuat berkaitan pasaran, lebih mudah pelajar-pelajar yang keluar akan dapat pekerjaan. Jadi kriteria-kriteria macam mana yang biasanya dilihat sebelum dibina? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebelum sesebuah ILP dan juga ADTEC itu dibina, kita ada pihak pengkaji kita mengkaji dengan begitu teliti. Antara asas-asas

terpenting kita bina ILP itu pertamanya kita juga melihat apakah kawasan-kawasan itu telah mempunyai institusi-institusi latihan yang lain, ataupun institusi-institusi pembelajaran pendidikan yang lain. Kalau sekiranya kita melihat sudah ada banyak institusi latihan pembelajaran *academic* ataupun *non-academic* sudah dibina di tempat itu walaupun tidak ada lagi ILP, maka kita cuba untuk elakkan membinanya. Kerana kita percaya bahawa institusi-institusi latihan yang telah sedia ada dapat menampung keperluan permintaan yang ada;

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Keduanya juga kita seimbang dalam membina pusat-pusat latihan. Sebab itu walaupun kita sebut Perlis kecil dapat satu, sebenarnya Perak juga sedang kita rangka untuk menubuhkan lagi satu di Taiping. Pahang besar ada satu, kita juga telah meluluskan lagi satu di Bentong. Begitu jugalah di negeri-negeri lain, dan kita cuba mewujudkan seberapa banyak institusi-institusi latihan ini...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Baik, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi, terima kasih timbalan menteri. Saya hendak kaitkan ILP ini, Institut Latihan Perindustrian dan juga institut latihan di bawah kementerian ini yang sebenarnya ada agenda yang khusus yang membolehkan *employability* dengan izin, daripada pelatih ini. Hanya saya ingin bertanya, ada satu lagi program yang berkaitan rapat dengan latihan di ILP ini iaitu Program *Sure* Kerja ini. Di mana saya lihat ini sangat menarik kumpulan muda. Adakah dalam Program *Sure* Kerja yang diadakan di peringkat negeri ini boleh diperkembangkan ke peringkat daerah dan memanfaatkan program itu untuk penghebahan mengenai ILP ini supaya lebih ramai lagi kumpulan muda ini mendapat latihan dan kemahiran dahulu sebelum mereka menceburkan diri dalam pekerjaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya pun hendak habis. Saya ingat 10 minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kalau ada gangguan mungkin jadi 15 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini gangguan ada atau tidak, terpulang kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Timbalan Menterilah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Insya-Allah, saya akan bertindak bijak. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam memang kita telah mengadakan semua karnival pekerjaan di semua negeri dan di beberapa daerah. Pada tahun lepas sahaja kita ada 64 karnival pekerjaan di peringkat negeri campur dengan daerah dan insya-Allah kita akan kembangkan kepada semua daerah. Kita juga membuka peluang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memohon ataupun meminta sekiranya tidak ada di dalam perancangan kita.

Berbalik kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, memang istilah penggunaan 3D ini, cuba kita gantikan dengan yang lain. Kita tak nak bila sebut 3D, (*dirty, dangerous and difficult)* ini menakutkan kepada pekerja-pekerja tempatan. Insya-Allah, kita akan gantikan yang lain supaya lebih menarik seperti operator ke. Jadi kalau disebut pekerja kilang itu, buruh kilang itu, tak hendak dia. Kalau operator kilang dia hendak.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanyakan tentang mempunyai unit udara. Kita tidak ada unit udara, tidak mempunyai keperluan lagi, tetapi kita biasalah terbang dengan helikopter. Pegawai-pegawai kita banyak untuk berjalan, meninjau dan kita sewa. Adakah unit penguatkuasaan wujud di JKP? Memang ada banyak, pegawai kita pun ramai.

Kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bertanyakan tentang *minimum wage* dan juga COLA oleh MTUC, kenapa masih tiada jawapan? Sebagai jawapannya, kerajaan masih berpegang kepada dasar bahawa penetapan gaji para pekerja ditentukan oleh kuasa pasaran. Dalam hubungan ini, kerajaan juga tidak lupa untuk melihat kepada aspek kebajikan pekerja-pekerja yang tergolong sebagai yang kurang bernasib baik ataupun yang rendah pendapatannya ataupun yang kita anggap tidak adil diberi layanannya, maka kita telah pun mengadakan Majlis Penetapan Gaji. Kita sudah ada lima Majlis Penetapan Gaji seperti dalam bidang *security*, pemunggahan kapal, pekerja klinik, pekerja hotel, restoran dan juga pekebun-pekebun. Namun begitu kita sedang ada lagi tujuh Majlis Penetapan Gaji dan setakat hari ini kita telah menentukan kira-kira sejumlah 1.2 juta pekerja berada dalam Majlis Penetapan Gaji.

Saya ingat Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa tidak mungkin dalam keadaan sekarang, kita boleh memaksa semua pekerja di Malaysia ini diberikan satu penetapan gaji sebagaimana yang dituntut oleh MTUC, RM900 gaji asas dan RM300 COLA kerana ianya kita lihat mestilah disandarkan juga kepada keupayaan pekerja itu sendiri, pengalaman pekerja itu sendiri, kebolehan pekerja itu sendiri. Keduanya kita juga hendak lihat kepada keupayaan kesanggupan majikan itu sendiri. Ketiganya, bentuk-bentuk pekerjaan yang ada. Jadi, ini antara perkara-perkara yang sedang kita lihat. Namun kita berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana prihatin. Kita akan cuba Yang Berhormat untuk meningkatkan sektor-sektor lain dalam menentukan gaji minimum.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat tahu bahawa Hong Kong ada tukar pendirian dan pandangan mengenai *minimum wage* dan sekarang rela mengadakan satu *minimum wage*. Bukankah ini menunjukkan perlulah juga Malaysia supaya boleh selaras dengan perkembangan untuk menutup satu jurang yang semakin besar antara mereka yang berada dan mereka yang berpendapatan rendah. Kalau tidak boleh menjadi satu *time bomb* untuk bukan sahaja Malaysia, juga apa-apa negara kalau *social disparity* ini tidak dikawal.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya Yang Berhormat. Memang kita lebih daripada sedar tentang keadaan negara Yang Berhormat sebutkan itu. Kita juga sedar bahawa tidak ada negara dalam dunia pada hari ini yang menentukan bahawa kadar gaji minimum dibuat secara *total* dan melibatkan semua sektor. Ada yang mengadakan gaji minimum ini berasaskan kepada bentuk pekerjaan, ada negara yang berasaskan kepada jarak, ada negara yang berasaskan kepada jam, ada juga negara yang berasaskan kepada minggu, kepada bulan. Apa pun untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan sangat prihatin dengan nasib pekerja, sentiasa sensitif dan kita sentiasa meneroka sektor-sektor baru dalam usaha kita menetapkan gaji minimum di beberapa sektor. Terutamanya sekarang kita sedang...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, silalah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada dua asas yang mustahak dalam mengimplementasikan gaji minimum. Nombor satu ialah *bargaining position* di mana pekerja-pekerja tidak ada satu situasi untuk berunding bagi mendapat gaji yang mereka berhak kerana *bargaining position* mereka sangat *weak* di mana perlu bantuan dan juga undang-undang membolehkan mereka mendapat gaji yang sederhana, yang berpatutan. Itu nombor satu. Nombor dua, negara kita sudah mencapai *full employment*. Bukankah malu kepada dunia jika satu negara yang ada *full employment* dan situasi *full employment* kita tidak boleh memastikan gaji minimum.

Dalam hal ini jangan kita katakan oleh kerana jika ada bayaran gaji minimum, ia akan mengelakkan pelaburan asing kerana kita mengeksploitasi pekerja-pekerja kita dengan membayar gaji yang terlampau kurang. Itulah asasnya kalau ada *full employment*. Di mana-mana negara yang ada *full employment* dan di negara-negara tersebut selalunya ada gaji minimum. Berkaitan dengan itu adalah bayaran gaji mingguan. Kita sekarang membayar gaji bulanan. Walaupun saya ada bangkitkan perkara ini di mana pekerja-pekerja di negara kita bekerja 52 minggu tetapi hanya

dibayar gaji 48 minggu sahaja. Kenapa mereka perlu bekerja untuk 52 minggu tetapi mereka dibayar gaji 48 minggu sahaja? Kenapa kerajaan membenarkan penipuan ini berlarutan? *Full employment*, apa ini *full employment*?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, kalau bercakap tentang gaji asas ini, kita bukan tengok gaji pokok itu sahaja tetapi Yang Berhormat kena banyak melihat, membaca dan bergaul dengan pekerja dan juga majikan. Walaupun gaji asas itu kelihatannya agak rendah tetapi dia ada *points* lain yang dicampurkan. Umpamanya pekerja kelapa sawit di Sabah dan Sarawak, memanglah gaji dia mungkin RM12 satu hari tetapi kalau dicampurkan dengan *piece rate* seperti tan, dia 1 tan dapat RM12 lagi. Kalau dia dapat 2 tan, dia dapat RM24, campur RM12 – RM36.

Begitu juga pekerja hotel, mungkin gaji dia RM300, RM400 memang rendah tetapi *point*nya kalau banyak pelanggan dan sebagainya, dia dapat RM1,000 lebih, kadang-kadang sampai RM2,000. Belum lagi dicampurkan dengan elaun makan, bonus, pakaian, pengangkutan, dobi dan sebagainya serta insentif-insentif lain. Kalau hendak bandingkan dengan pekerja kerajaan, mana ada pekerja kerajaan diberi makan percuma? Tetapi kalau swasta, kilang, melambak-lambak hari ini. Sebab itu kita kena bergaul. Jangan hendak marah dalam Dewan sahaja. Begitu juga kalau kita lihat perkara-perkara lain...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah lebih daripada 12 minit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi saya terima kasihlah kepada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terakhir, terakhir.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okey, *last*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana Yang Berhormat jawab, saya...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila, sila, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sungguhpun itu pendirian kerajaan, kenapa sampai sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak rela jumpa dengan delegasi daripada MTUC, sudah lebih empat tahun. Dia pemimpin *for all Malaysian*. Kenapa nampaknya dia bukan pemimpin untuk pekerja-pekerja. Dia kata rela berjumpa dengan sesiapa, tetapi *Bar Council* sampai sekarang tidak ada perjumpaan. Untuk lebih dari empat tahun, MTUC ada meminta satu pertemuan di mana boleh bincang masalah ini dan hal-hal yang lain yang bersangkut paut dengan pekerja-pekerja. Sampai sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *too busy*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... Untuk jumpa pekerja-pekerja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah ini menunjukkan dia bukan Perdana Menteri untuk pekerja-pekerja?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia jumpa Manmohan Singh di India.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya harap Yang Berhormat tidak makan tebuanlah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu, kalau kita hendak jumpa orang itu,dia kena ada salam, kena ada ucapan, baru boleh jawab baik-baik.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sudah empat tahunlah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kalau empat tahun tidak ada salam, tidak ada ucapan, maki 24 jam, aku pun tidak mahu jumpa. *[Disampuk]* Biarlah ada salam, ada cara, ada tertib. Yang Berhormat Ipoh Timur, kalau saya hendak jumpa Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Perdana Menteri boikot mahu jumpa MTUC?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cakap buat apa garang-garang?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boikot.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *Steady* sahaja cakap itu. *Steady*, kita sudah lama. Saya sudah 20 tahun dalam ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak beritahu bahawa bila kita hendak jumpa, ada cara, ketertiban, kesopanan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You want the* MTUC *to go down on their knees? Go down on their knees and beg?*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah ini erti mahu MTUC *must go down on the knees*? Apa ini? Malulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab apa yang saya bangkitkan tadi. Dua perkara sahaja. Satu, Kesatuan Sekerja Kilang Elektronik Kebangsaan. Lagi satu, sekiranya seorang pekerja menganggur, apa dia boleh dapat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya memang hendak jawab semua tetapi Tuan Pengerusi kata cukuplah, cukuplah. Saya pun risau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini sebab saya anggap Yang Berhormat sudah ambil masa yang panjang.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Itulah kata. Okey, okey. Saya hendak jawablah Yang Berhormat Bagan, kasihan juga pada dia. Saya hendak beritahu yang kilang-kilang ini walaupun tidak dibenarkan di peringkat kebangsaan, tetapi kita benarkan ditubuhkan dalam rumah dia sendiri, *in-house* kesatuan. Kita tidak ada apa-apa masalah. Sebab kita sedar bahawa kebanyakan kilang-kilang elektronik ini, kita hendak jaga juga pelabur-pelabur. Buat dirasuk oleh pembangkang, macam Hindraf, maka dia mogok lagi. Tetapi tahulah...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita kata, marah, tiada kena mengena. Dia kata pada orang, tidak apa. Jadi benda-benda seperti ini juga kita kena ambil pertimbangan. Kita sedar bahawa banyak pihak cuba mengganggu-gugat negara, meruntuhkan keyakinan rakyat kepada pemerintah, kepada kerajaan. Kita sangat sedarlah wayang kulit ini perkara biasa bagi kita tetapi kita yakin bahawa...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini jawapan kepada Yang Berhormat bagi Bagan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bahawa Barisan Nasional tetap akan menang dalam pilihan raya nanti. *[Ketawa] [Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bila Yang Berhormat bagi Bagan cakap begitu?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, berbalik kepada Yang Berhormat bagi Bagan. Nanti, tidak habis lagi, itu satu. Yang kedua, hendak beri elaun kepada penganggur, saya rasa tidak perlu. Malaysia bukan negara kebajikan. Malaysia – hendak beritahu Yang Berhormat, mempunyai peluang-peluang pekerjaan yang sangat

besar. Kalau semua rakyat Malaysia ini hendak bekerja, tidak ada seorang pun yang menganggur dalam Malaysia. Banyak peluang pekerjaan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, nanti dahulu, saya habiskan. Duduk sekejap. Duduk. Semua bekerja, jadi ini tidak ada masalah langsung untuk kita memperoleh pekerjaan sebab itu tidak akan beri elaun, tidak beri duit kepada yang menganggur kerana ini akan menggalakkan pengangguran secara berterusan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Tadi saya kata sekiranya berlakunya ekonomi merosot seperti tahun 1997 di mana kilang terpaksa ditutup. Cari sini pun tidak ada kerja, cari sana pun tidak ada kerja, macam mana dia punya keluarga semua perut lapar. Itulah saya kata, skim. Skim bermakna kalau sekarang dia buat persediaan, tiap-tiap bulan potong sekian gaji dan majikan tambah sedikit, buat satu tabung. Jawab begitu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Selepas jawapan ini, boleh anggap selesaikan jawapan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okey, boleh, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah begitu lama.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Bagan, sebelum disyorkan tabung ini, kita sudah buat lama. Mereka yang diberhentikan kerja, kita balik. *Train* Mereka yang dibuang kerja, kita latih balik. Yang Berhormat tidak tahu. 43% pencari kerja dalam Malaysia ialah mereka yang sudah bekerja termasuk yang berhenti kerja. Jadi...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kalau ada kemahiran, kalau ada kepakaran, kalau ada pengetahuan tetapi tidak ada tempat pergi kerja.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ada.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Itu maksud saya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang tidak ada kemahiran, tidak ada kepakaran ini, dia boleh kerja empat sektor utama:

(i) pertanian/perladangan;

(ii) pembinaan;

(iii) pembuatan; dan

(iv) perkhidmatan.

Beribu pekerjaan yang ada dalam negara.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh, ahli politik boleh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi terima kasihlah. Walaupun kita sedikit sebanyak tidak bersetuju pendapat tetapi secara keseluruhannya saya rasa gembira. Terima kasih banyak dan kerana gembira itu banyak pandangan yang begitu baik sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM560,803,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM560,803,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM668,178,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM668,178,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2008.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang kita beralih kepada Kementerian Penerangan.

Maksud B.47 [Jadual] -
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2008] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala B.47 dan Kepala P.47 terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ipoh Timur.

7.30 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Apa lagi buang masalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You* buang masa, *you* buang masa.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Buang masalah, berhentilah.

USUL

MEMOTONG GAJI YANG BERHORMAT MENTERI PENERANGAN

7.31 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You* buang masa. Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk kemukakan usul dan hendak mencadang bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada Kod 10000 – Emolumen, iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Penerangan sebanyak - 10,000 di bawah Maksud B.47, Kod 10000 - Emolumen. Tuan Pengerusi, sebagai seorang bekas wartawan tinggi, tertinggi. *Former top journalist* di negara kita...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat patutlah membuka jalan, *blazed the path* mengembangkan ruang untuk kebebasan akhbar, tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya. Sungguhpun alat-alat untuk mengawal *media control* dalam Kementerian Dalam Negeri, dalam *Internal Security,* Keselamatan Dalam Negeri tetapi Yang Berhormat Menteri merupakan *public face media control* Kerajaan Barisan Nasional. Sebenarnya dia ialah, Yang Berhormat Menteri ialah *ideologue* Barisan Nasional untuk *media control* dan *censorship* dan tahun lalu Yang Berhormat dianugerahkan *Eminent Journalist* (Tokoh Wartawan). Tokoh Wartawan! Sebagai satu penghargaan sumbangan beliau kepada kewartawanan. Siapa memberi anugerah itu? Diberikan oleh siapa? Timbalan Perdana Menteri. Oleh siapa? Oleh badan ialah *Malaysian Press Institute* dalam *Malaysian Press Night* 2006 bulan November tahun lalu.

Saya tak faham bagaimana Yang Berhormat Menteri berani untuk menerima anugerah itu. Ada muka! Ada *conscience!* Ada muka begitu tebal menerima anugerah itu. Oleh kerana sekarang peranan beliau dalam kerajaan ialah *predator of the press, a predator of the press* untuk mencekik *total press freedom. A predator of the press* boleh berani menerima...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, saya ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *.... Eminent Journalist of the year. That is the biggest laughing-stock in the journal...*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat Ipoh Timur, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah, saya bagi Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, mana satu Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Mintalah duduk dulu. Peraturan Mesyuarat.

"36(6) *Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain."* - tak bagus. Yang Berhormat, janganlah menjatuhkan air muka orang. Tak bagus. Tuan Pengerusi, mintalah buat satu *ruling.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak bagus. Nak *world class* tapi buat perangai macam *third world class.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya setuju! Saya tak buat sangkaan. *I'm stating a fact, he is the predator. I'm not insinuating, I'm saying he is a predator of the press!*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk] You understand English or not?*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]* Kisah benar, kisah benar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana peranan-peranan beliau sebagai *hatchet man* yang pertama, *the chief hatchet man* untuk *press* menindas kebebasan akhbar ini. Ini bukan sangkaan, ini *statement of fact.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]* Tahu ke, tahu ke?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Faham ke?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]* Kenyataan benar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, dalam beberapa hari lalu sahaja sudah berlaku beberapa perkara yang menunjukkan peranan Yang Berhormat Menteri sebagai *predator of the press.* Semalam sahaja ada pengarang-pengarang surat khabar dipanggil, diheret ke Putrajaya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]* Untuk minum teh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... dan diberi amaran minta kurangkan liputan mengenai Hindraf di mana ada pun ini dilaporkan dalam Malaysia Kini, bahawa:

> *"...difahamkan dalam satu pertemuan semalam, editor semua akhbar harian diminta supaya tidak membesar-besarkan berita dan gambar mengenai perhimpunan Hindraf pada 25 November lalu dan semua perkara yang membabitkan barisan tersebut."*

Laporan kata secara amnya memetikkan seorang editor bahawa secara amnya kami diberitahu supaya mengurangkan laporan mengenai Hindraf dan ini ada khasnya ditujukan khususnya kepada akhbar berbahasa Tamil ekoran liputan mereka mengenai Hindraf.

Pada masa yang sama, para editor juga diminta jangan menyiarkan berita-berita yang boleh menjejaskan imej polis dan kerajaan.

Tuan Pengerusi, lagi satu semalam, Malaysia Kini semalam pun ada satu laporan lagi mengenai apa yang berlaku dalam Tamil RTM. Di mana tujuh orang DJ's, tindakan tatatertib diambil terhadap mereka.

Stesen radio Minnal FM menggantung tugas beberapa juruhebahnya yang didakwa terbabit dalam perhimpunan anjuran Hindraf dan dalam ini telah menjadikan oleh kerana seolah-olahnya ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berdirilah! Jangan macam orang samseng semacam itu. Teriak belakang, jangan samseng. Mahu ucap, berdiri minta jalan, saya bagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]* Tak berani? Okeylah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...antara tujuh orang *DJ's*nya, antara duanya adalah kerja kontrak dan inilah laporan dalam Malaysia Kini *severe act* dengan izin:

> "*The severe action was for either taking part in the Hindraf-organized rally in Kuala Lumpur on November 25 or for giving prominence for the rally and Hindraf on air, added the sources.*
>
> *Among those sacked or suspended are popular DJs K Meenakumari, K Sillalee and V Jamuna. The latter was a hugely popular…"*

Tuan Pengerusi, Minnal FM adalah ... Minnel? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Ipoh Barat]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]* Minnal, Minnal.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minnal FM adalah diminta untuk...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk] Lightning!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ha?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Minnal *means lightning!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Lightning? Okay, lightning.* Minta untuk bahawa *revoke,* batalkan tindakan ini. Khasnya adalah dua badan ialah Badan Pusat Pemantau Media bagi Kewartawanan *Independent* (CIJ) dan Pakatan Penulis Media *Independent* (WAMI) adalah bersama-sama dalam kenyataan mereka memandang berat bahawa pembabitan dalam perhimpunan tersebut telah dijadikan asas untuk menggantung tugas juruhebah tersebut.

Tindakan yang diambil terhadap juruhebah tersebut hanya menimbulkan persepsi bahawa kerajaan tidak bertoleransi terhadap hak-hak demokrasi kakitangannya, dan tindakan penggantungan tugas itu menunjukkan bahawa FM Minnal menganggap pembabitan peribadi kakitangannya dalam perhimpunan awam sebagai satu kesalahan, dan mereka menegaskan bahawa kebebasan berhimpun adalah satu hak dan dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan dan juruhebah radio tersebut tidak seharusnya didiskriminasikan kerana hubungan profesional mereka dengan pihak kerajaan. Ada lagi perkara yang ketiga dalam dua tiga hari sahaja, perkara yang ketiga ...*[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu? Apa itu bunyi-bunyi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tak payah ganggulah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa bunyi-bunyi itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timur, bolehkah saya beri sedikit pandangan lebih kurang berapa...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah ringkaskan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Gerenti satu jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. Perkara yang ketiga Tuan Pengerusi,

[Yang Berhormat Ipoh Timur tercari-cari nota] [Disampuk]

Seorang Ahli: Perkara ketiga gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Surat khabar lama, gulung sajalah. Gulung sahajalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Perkara ketiga, lagu seloka 'cak kun cak'.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tahukah? Tahukah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lagu seloka 'cak kun cak'. Nyanyi bersama Tan Sri SM Salim dan M. Nasir kena gam kerana terlalu banyak sebut perkataan 'bersih'. Takut itu seloka 'cak kun cak' kerana lagu tersebut sering diputarkan ke udara tetapi sejak akhir-akhir ini ia tidak kedengaran lagi sehingga menimbulkan persoalan orang ramai, kenapa? Oleh sebab 'bersih', oleh sebab tunjuk perasaan BERSIH pada 10 November, 40,000 orang keluar yang mahu menuntut kebebasan, keadilan, kebersihan dalam sistem pengundian pilihan raya. Sebab itu sekarang lagu ini 'seloka cak kun cak' ....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: 'Cak kun cak' itu apa makna?

Seorang Ahli: Makan tidur makan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 'Cak kun cak' takut, kenapa? Ini ciptaan M.Nasir dengan seni kata ditulis oleh Sheikh. Bahagian yang dikatakan tidak disenangi, mungkin semua disenangi ialah bahagian korus lagu tersebut yang berbunyi, *"kulitnya bersih, hatinya bersih",* haiya tak bolehlah ya. *"Kulitnya bersih, hati pun bersih, budi yang baik, hatinya pengasih". "Kulitnya bersih, hati pun bersih, memikul belati, tiada yang memilih".*

Seorang Ahli: 'Cak kun cak'.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 'Cak kun cak', jadilah ...

Menteri Penerangan [Datuk Seri Zainuddin bin Maidin]: Sebenarnya perkara ini tidak betul langsung, kalau nak dengar lagu ini esok saya siarkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ha siar, siarkan dulu. *"Jadikan bersih, hati pun bersih, berkata benar, bermulut fasih". "Jadikan bersih, hati pun putih, biarlah khazanah pintu terpilih".*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timur dah Menteri bagi jaminan lagu itu boleh didengarkan, alasan Ipoh Timur itu tidak betul, sudahlah.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Teruskan, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, jangan takut.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Kita nyanyi sekejap lagi, teruskan-teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebenarnya panjanglah kalau kita mahu senaraikan dosa-dosa Yang Berhormat Menteri ...

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: *[Menyampuk]* teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... *the sins of Zam*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa dosa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang pertama *world press freedom index* telah jatuh 32 anak tangga.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia kata tak ada apa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak ada apa, daripada 92 anak tangga kepada 134.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak malukah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak malu, boleh dapat *Eminent Journalist*, ini nak tunjuk *predator of the press,* bukan *Eminent Journalist, predator of the press.* Apa yang ada di sini apabila Malaysia dapat kedudukan yang baik tahun lalu ialah kedudukan daripada 113 kepada 92, wah! Semua pemimpin-pemimpin kerajaan sangat bangga, sangat cakap besar. Masa itu memang besar, wah 92 tetapi apabila tahun ini sudah jatuh kita pun belakang apabila banding dengan Cambodia, tempat ke-85. Indonesia - 100, dan Taiwan lebih dahsyat 32, Jepun - 37, Korea Selatan - 39, Hong Kong - 61, Timor Leste - 94, 'Bhutan' -116, India - 120, Malaysia - 132.

[Dewan riuh][Disampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita masih boleh rasa bangga, ini menunjukkan sehingga Yang Berhormat Menteri perlu pergi untuk cari Lee Kuan Yew sebagai pembela. Lee Kuan Yew pun kata ini satu petunjuk-petunjuk yang tak perlu dihormati tetapi kenapa Yang Berhormat tidak mahu pun menerima petunjuk-petunjuk yang lain semacam *transparency international corruption perception of index* di mana Singapura di dalam 10 yang terbaik, yang terbersih bukan macam Malaysia 43 antara yang terkotor.

Itu satu, yang kedua, RTM. Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini ada satu RTM media baru khas untuk saya. Sangat terima kasih, khas untuk saya. Yang Berhormat kata pada masa itu *UMNO General Assembly,* dia buat pengumuman mengenai RTM. *From today you can expect to see whatever sensationalize, racist chauvinist comments in the Lim Kit Siang blog because we were published in the RTM and other agencies websites.* Wah, saya ada satu *website* yang khas untuk saya, saya ucap ribuan terima kasih, *thank you very much.* Saya ada beri peringatan *must update regularly*, saya tak pernah layar, tadi saya ada *check*. Mengenai media baru ini, RTM, Yang Berhormat Menteri kata mahu semua blog saya akan dipaparkan. Berapa? Saya buat satu *quick check* dalam 11 November masa itu Yang Berhormat Menteri buat kenyataan.

Untuk bulan November saya ada buat 76 blog, Disember -16 blog, lebih kurang 100 blog tetapi adakah dalam itu *website*, RTM media baru, media baru rtm.gov.my/media baru LKS blog kategori *archive* empat sahaja blog saya. Saya ada 100 blog, baru naik empat blog. Sebenarnya saya pun tahu ada blog-blog pun sekarang dikeluarkan, tetapi ada artikel-artikel di sini komen mengenai saya, ada 13. *[Disampuk]* Ini goblok betul, betul itu goblok, ini blog atas RTM itu goblok betul. Itu yang *best example* 'goblok', itulah 'goblok', Zam 'goblok' atau 'goblok' Zam. Saya nak tanya saya tak baca apa itulah, tak baca apa itu komen-komen di sini tetapi nampaknya dalam ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timur ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, saya minta Ipoh Timur hormatlah, tarik balik Zam 'goblok', tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Zam 'goblok' itu tarik baliklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tarik balik, Tuan Pengerusi mintalah ini satu *ruling*, tarik baliklah. Janganlah menghina Ahli yang lain, tak bagus, tarik balik. Minta tarik balik, kita berdiri ramai-ramai, tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...*[Dewan riuh]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta tarik balik, hormatlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tarik baliklah, Zam 'goblok' *you* tahu apa makna?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Janganlah cakap begitu, tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tarik balik apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tarik balik, jangan main-main.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tarik baliklah perkataan 'goblok' itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jangan, tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau *road block* tak apalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ketua Pembangkang ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tarik balik, hormatlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tarik balik apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, minta tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nak tarik balik apa? Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat! Yang Berhormat duduk, duduk. Yang Berhormat sila duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tahu. *[Dewan menjadi gamat]* Cukup, Yang Berhormat cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan sentuh tentang peribadi, mengata peribadi tak bagus. *You* hendak buat apa alasan tolonglah jangan menuduh peribadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tadi sebut Zam 'goblok' pasal apa? Tarik baliklah! Tak bagus!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan menuduh peribadi, jangan menghina.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta jangan menghina rakan yang lain! Kita gunalah hujah yang baik, yang bernas!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Janganlah, tiap-tiap kita ada kehormatan diri. Tak bagus, tak bagus Ipoh Timur.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tadi sebut Zam 'goblok' pasal apa!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tarik baliklah, tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Perkataan itu bukan saya *invent*, Yang Berhormat *invent* 'goblok' itu. *You go and ask him*!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu 'goblok'? Apa itu 'goblok'?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta kerjasamalah kalau boleh ringkaskan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, minta tarik balik. Zam 'goblok' itu tarik balik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta tarik balik Zam 'goblok' itu! Tarik balik!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menjatuhkan maruah, tak boleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup! Cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tarik baliklah! Tarik balik!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta berdiri kita minta tarik balik. Bangun! Bangun! Minta tarik balik! Bangun! *[Dewan menjadi gamat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat duduk!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Gunalah bahasa yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan sentuh peribadilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *That's all you have*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak bagus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta semua duduk. Menteri sahaja cakap. Menteri! Menteri! *[Dewan menjadi gamat]* Yang Berhormat sila duduk! Duduk Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tarik balik! Tarik balik! Saya minta tarik balik! Bangun minta tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Chinese *funeral* ada profesional *criers, now we have professional noise makers!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! *[Dewan menjadi gamat]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa makna 'goblok'?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bagi membolehkan saya membuat keputusan saya minta semua duduk!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ha, duduk, duduk! *Sit*!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua duduk! Semua duduk! Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu apa mereka mahu saya tarik balik? Saya pun tak tahu!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Mereka minta tarik balik apa 'blog' Yang Berhormat sebut tadi itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia sebut Zam 'goblok' tarik balik. Tarik balik! Tarik balik! Tarik bagus-bagus cakap baik-baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: 'Goblok' pun tak tahu makna! Dia tak tahu apa dia cakap Tuan Pengerusi. Dia tak tahu apa dia cakap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia pun faham apa maknanya tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila duduk. Dia pun tak tahu. Yang Berhormat cukup, duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat Menteri kata 'goblok' *unparliamentarily, a dirty word, that you have invented dirty word*. Kalau *you* mengakui *you invented a dirty word,* saya pun tak tahu, tarik balik. *You* mengakui itu *dirty word?*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. jangan kaitkan dengan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan! Saya menggunakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya membuat keputusan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: 'Goblok' pun dia tak tahu apa makna dia cakap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Macam mana *you* tak tahu makna *you* cakap ini!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tahulah! Dia tahu makna itu apa pula tak tahu!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia tahu makna dia faham makna.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak tahu itu *meaning*! *[Dewan menjadi gamat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sudah diminta daripada Ahli Yang Berhormat dan saya minta Yang Berhormat teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Teruskan okey, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya minta tarik balik!

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tarik balik dahulu, tarik balik dahulu!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buatlah peraturan tarik baliklah perkataan itu!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia bodoh! Dia tak tahu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *What meaning you want me to* tarik balik? *[Dewan menjadi gamat] This is wild people*.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tarik balik dahulu!

Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Tarik balik! Tarik balik!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *What's the meaning of* 'goblok'? Apa makna 'goblok'?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tanya dia!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *You* tak tahu 'goblok' *you* cakap!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Diam-diamlah! Tanya menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Gunakan 'blog'!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat! Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta semua duduk. Yang Berhormat fahamkah perkataan yang disebut oleh Yang Berhormat itu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ertinya kepada saya, 'goblok' ialah orang yang cakap apa yang tidak benar, cakap apa yang tidak betul. Adakah ini satu *dirty word?*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, dia memusingkan kenyataan, dia faham erti 'goblok'.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Unparliamentarily word*? Itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jangan memutarbelitkan perkataan Yang Berhormat sudah cakap!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau sendiri faham...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, dia pun faham. Dia pusingkan kenyataan. Tarik baliklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ipoh Timur 'goblok'!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak anggap itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya hendak tahu Yang Berhormat gunakan perkataan itu, fahamkah erti kata itu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya kata bahawa 'blog' itu adalah perkara-perkara yang tak betul.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, dia cakap perkataan 'goblok'!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan, bukan, bukan. Kita dengar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia faham, dia faham. Dia sengaja pusingkan maksudnya. Dia faham erti 'goblok' jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya boleh bagi jalan kepada Menteri, *alright*!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...kalau Ipoh Timur ada maruah tarik baliklah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, saya orang jawa, 'goblok' itu maknanya bodoh!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *The inventer of the word*!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa? Siapa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengar Kuala Selangor bagi tahu apa makna?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa kata itu?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, makna 'goblok' dalam bahasa Jawa, saya orang Jawa, 'bodoh'! Minta tarik balik!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tarik balik! Ipoh Timur Tarik balik! Tarik balik! Tarik balik!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tarik balik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bangun, bangun, bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita minta tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri di Dewan ini pada perbahasan dahulu ada menggunakan perkataan kenapa tak minta tarik balik?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. *[Dewan menjadi gamat]* Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Kuala Selangor telah menyatakan maksud perkataan itu. Yang Berhormat, Yang Berhormat, oleh yang demikian saya hendak berikan teguran sedikit Yang Berhormat tidak dibenarkan menggunakan perkataan itu lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta tarik balik! Tarik balik!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tarik balik! Tarik balik Tuan Pengerusi!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tarik balik Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya kena adil kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri kata dia tak tahu maksud itu. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tahu Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia hati busuk! Dia tipu! Dia 'goblok'!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya pun ingat jangan menggunakan perkataan itu. *Your Minister is a disgrace because he invented the word*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau kata demikian Yang Berhormat sudah faham erti perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak ada! Itu tak betul sahaja! Itu tak betul! *There is nothing wrong with it. I don't see anything about it. We went with the ruling, we accept*. Okey?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tariklah balik! Minta tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I don't agree but we go on with the ruling. There is nothing wrong with the word.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat jangan ambil kesempatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Otherwise the Minister cannot use it here, the Minister had used it here. Check the* hansard*, check the* hansard*!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sekarang teruskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Similar with that, the Minister can use it*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tarik balik Ipoh Timur!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *So,* okey. Tengok itu blog. Kit Siang *refuses all its branch, Kit Siang support extremist group,* Kit Siang ini, Kit Siang itu*. The master of LKS, the master of war logic, Kit Siang is the promoter of civil disruption.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sungai Petani bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kita minta dia tarik, kalau tidak macam mana boleh teruskan prosiding.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tarik balik apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat macam mana pun saya sudah buat satu keputusan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sudah keputusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat, saya sudah buat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi punya keputusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya menerima tadi penjelasan dia, dia tak tahu erti sebenarnya. Tapi saya sudah buat satu *ruling* kalau perkataan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya ikut apa Menteri kata hari itu.

Datuk Anifah bin Haji Aman: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tapi dia tak tarik balik.

Datuk Anifah bin Haji Aman: *With due respect, you must use the true meaning of the word. It is not his interpretation but the meaning of the word itself.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Not interpretation. The Minister came here and talk about* 'goblok'.

Datuk Anifah bin Haji Aman: *He can turn it anyway he likes*. Dia boleh tukar secara mana pun tapi erti perkataan yang sebenarnya kita tidak boleh lari daripada itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You are talking of 'blog' that is a* 'goblok'. *You go and reprimand the Minister first.*

Datuk Anifah bin Haji Aman: *You must be responsible for your own action*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I'm going on, I proceed*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, tengok Hindraf *rally, police overreacting* okey. Ini semua dalam RTM *website*. Media baru.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bera bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak bagi jalan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak bagi jalan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tadi kata boleh tanya, bagi jalan!

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya boleh kata dia...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta Menteri tarik balik dahulu apa perkataan yang dia gunakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya hanya minta Yang Berhormat jangan kaitkan dengan Menteri sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya ikut Menteri! Menteri boleh buat, saya boleh buat!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. kalau Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, kita minta Ipoh Timur duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang saya yang menpengerusikan masa sekarang. Keputusan terhadap perkara...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Keluarkanlah dia Tuan Pengerusi, keluarkanlah dia!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, apa ini Tuan Pengerusi? Sangkaan jahat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, *can we go on*?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa yang ada di sini? *Even right can be wrong with* Kit Siang, *all on your website.* RTM. Saya tidak baca, tidak tahu apa dalamlah. *I don't think it worth reading, I don't think many people read*...

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kenapa dia tidak tarik balik...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta semua duduk. Sebenarnya tadi saya dah katakan saya sendiri pun tidak reti perkataan itu. Tidak apa, saya pun bersetuju apa dia kata. *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat, cukup-cukup. Selepas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, saya memang bersetuju supaya perkataan itu tidak patut digunakan. *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat, selepas saya mendengar apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur saya anggap dia tidak tahu sebenarnya. Saya anggap, jadi keputusan... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, saya minta Ahli Yang Berhormat juga mematuhi keputusan yang saya telah buatkan itu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Dia sekarang sudah tahu, dia sekarang sudah tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan tegaskan selepas ini beliau atau Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tidak akan dibenarkan menggunakan perkataan itu lagi.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tarik dulu inilah Tuan Pengerusi , dia tarik dulu. Dia faham, dia dah gunakan perkataan ini, suruh dia tarik balik. Lepas itu...

Dato' Mahathir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam *website* ini *if u don't consult* Kit Siang *he considered that you have not saught council*. Lagi yang akhirnya…

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tidak perlu masuk kepada *detail* lah. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Website*, ya ini saya mahu tanya ini RTM wang rakyat. Berapa wang di belanja untuk usaha ini? Orang-orang yang menulis *rubbish* di sini, semua yang fitnah dan dusta. Berapa wang dibelanja satu bulan? Itu wang untuk seorang sahaja. Bukankah ini satu bukti penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan wang rakyat supaya *special website* diadakan untuk menghina, untuk menyakitkan saya.

Saya tidak apa*, it's all rubbish.* Yang Berhormat sudah *produce rubbish* tetapi kalau *on your own resources, on your own money,* okey, tetapi atas wang rakyat, bagaimana boleh justifikasikan? Boleh dijustifikasikan, itu sebab antara lain potong RM10. Kenapa Yang Berhormat Menteri itu? Apa itu prestasi *ministry?*

Ketiga, Yang Berhormat Menteri patutlah dengar apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Janji mahu dengar kebenaran. Baru-baru ini dia kata *I have big ears*, telinga yang besar, saya mahu dengar. Dia tidak kata mahu dengar sahaja Yang Berhormat Menteri. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional atau parti-parti komponen Barisan Nasional. Dia kata dia mahu dengar semua orang.

Itu tidak apa. Tetapi Yang Berhormat Menteri dalam satu mesyuarat dengan pemberita-pemberita, pengarang-pengarang kata bahawa Perdana Menteri mahu dengar sahaja. Mesej itu terhad kepada Menteri-menteri, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, kakitangan-kakitangan kerajaan. Bukankah ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri sungguhpun di pertanggungjawabkan dengan *information* tetapi ialah melakukan *misinformation* dan *this information* yang menjadi Menteri *of misinformation* dan Menteri *of this information*.

Dalam perkara ini kalau kita senarai sangat panjang. Tidak perlulah untuk 4,5 tahun Yang Berhormat ada dalam kerajaan. Sebenarnya apabila Yang Berhormat dipilih dan dilantik senator saya pun cakap tahniah atau *that was good for the country, that was good for the press.* Saya, Yang Berhormat boleh ingat. *I congratulated* Yang Berhormat. Saya ada harapan sekurang-kurangnya bolehlah membawa sedikit falsafah, sedikit fikiran kewartawanan dalam kerajaan, pembaharuan tetapi sebaliknya.

It was a disaster, it was a bigger disaster. Di sini sekurang-kurangnya untuk 18 bulan sahaja, cukup boleh kita lihat apa Yang Berhormat Menteri sudah buat khasnya mengenai tanggungjawab untuk kebebasan akhbar di negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I'm checking, I miss thing...*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya mencadangkan Yang Berhormat gulunglah. Sudah ambil masa yang panjang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Coming. Let me find my pieces of paper.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lepas itu kita boleh serahkan kepada Majlis untuk diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I'm just actually beginning.*

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Dia tidak bersedia apa pun Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Paper has been messed up* oleh kerana...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Melilau mencari aje.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, sudah cari, okey. Dengan cepatlah tidak masuk dengan detail okey. Apa yang berlaku dalam 18 bulan ini? Tiga hari dahulu Yang Berhormat Menteri ada menegur surat khabar Inggeris *The Sun* oleh kerana memberi liputan mengenai *press confrence Bar Council* mengenai Mac yang dijadualkan bahawa inilah bertentangan dengan semangat nasional.

Apa? Masyarakat mahu sekat, nampaknya inilah, nampaknya itulah jadi refleks, *natural* refleks. Bukan patut menjadi satu *natural* refleks seorang *top jurnalist* Malaysia. Itulah *natural* refleks seorang *predator of the press.*

BERSIH, apabila ada demonstrasi BERSIH, apa Yang Berhormat kata melalui Al-Jazeera, sungguhpun selepas itu Yang Berhormat hentam Al-Jazeera bahawa itulah satu *western* agenda dan menunggu pemberita-pemberita, wartawan-wartawan Al-Jazeera sungguhpun jelas pemberita Al-Jazeera dan ia pun mangsa itu masa itu.

Saya ada sebut, di mana Yang Berhormat ada satu mesyuarat ada memberi memberi arahan bahawa kepada pemberita-pemberita bahawa semua berita mengenai BERSIH tidak patutlah diberi laporan yang seluas-luasnya. Itu biasa, BERSIH sekarang, Hindraf, lepas itu lagi parti-parti pembangkang itu bukan *instinct for freedom.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ya saya *have a quick run, quicken the thing.* Mengenai *ranking* kita sudah ada sebut dan nampaknya Yang Berhormat Menteri *favorite target,* nampaknya *The Sun favorite target*. Kenapa?

Oleh kerana ada beri sedikit liputan, ruang untuk *dissent*, saya tahu bahawa ada *pressure.* Kepada *The Su*n, janganlah beri *space* khasnya kepada parti-parti pembangkang. Mengenai *coverage* dengan izin *the quick one, twice accused English daily, The Sun as a pro-opposition paper. He said The Sun was giving coverage to youth voices as far as we complained.*

BBC, Yang Berhormat pergi BBC untuk kompelin oleh kerana adalah satu *interview* dengan Anuar Ibrahim. Apa bukan yang ini malu, *let there be a free place of ideas.* Kenapa takut? Kalau apa Anwar Ibrahim cakap itu *no need to*... biar rakyat buat keputusan. Kenapa mahu sekat? BBC tengok tidak boleh. BBC bukan RTM.

CIJ mengenai, sebenarnya bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada kita berapa kali dia ada beri arahan-arahan semacam ini? *Direct or indirect? Direct or indirect?* Sudah ada amaran pun boleh berlaku lagi Operasi Lalang kalau isu-isu yang sensitif, yang *contentious*, khasnya masa itu artikel *eleven,* masa itu patut berlaku. Saya rasa ini tak patutlah berlaku.

Akhirnya yang termasyhur sekali, *the most famous statement;* Yang Berhormat Menteri 2003 sebenarnya dalam satu forum yang dianjurkan oleh *National Union of Journalist* di mana masa itu satu buku yang sangat masyhur sekarang Amir Muhammad *Politician say the Darndest Things* Yang Berhormat Menteri ada di dalam sana, apa perkataan *quotable quote or unquotable quote the Indonesian and Philipinoes don't even have enough to fill their stomach. Who are they to lecture us on press freedom? We are more qualified, because we are full stomachs*.

Adakah ini konsep komitmen kepada *press freedom? Good,* dianggap *press freedom* sebagai satu elemen boleh *subvert* negara. Sebab itulah kita tidak boleh ada seorang Menteri Penerangan dengan *conception* semacam ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri sekurang-kurangnya telah boleh, *last few months commitment on the press freedom* kembalikan, memulihkan supaya boleh meninggalkan satu *legacy* yang *worthwhile remembering* dan sekian itu saya kemukakan. Mohon cadangan saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, saya cadangkan itu tolakkan sahaja. Tak payah dijawablah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi terbuka untuk dibahaskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekarang undi tolak sahajalah. Tak payahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, Menteri terus jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri pun tak payah jawab Tuan Pengerusi. Ini sudah…

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini cerita lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri tak payah…

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini cerita lama. Kita undi lah. Undi tolak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita undilah. Kita undilah Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya cadangkan undi ditolak.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak payahlah. Tak payah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak payah, yang itu tak payah dijawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya cadangkan undi ditolak. Tak payah jawablah. Tak payah. Kita undi tolak sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: …macam-macam benda dah, karut marut hendak dijawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat…

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Benda sudah basi dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buang masalah, buang masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Takkan…

Menteri Penerangan [Datuk Seri Zainuddin bin Maidin]: Tuan Pengerusi…

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Takkan Menteri belum jawab saya boleh serah kepada Menteri sahajalah.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya jawab tapi minta Yang Berhormat jangan kacaulah ya. Tadi saya mendengar dengan penuh minat. Kebijaksanaan…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak kacau.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Ya, saya… Duduk. Ini masa saya. Bagi saya. Bagi masa saya. Saya pun takkan ambil masa yang panjang. Yang Berhormat minta saya membuka, memberikan kebebasan. Sekurang-kurangnya kita beri juga peluang kepada dia dalam *website* kita tapi langsung dia tak siarkan apa yang kita tulis. Itu contoh kebebasan yang kita adalah, yang dia percaya.

Selepas itu dia Yang Berhormat dari mana, dari Ipoh Timur ini, kalau ada surat khabar yang membuat kesilapan ataupun membuat perkara-perkara yang tidak senang dia ambil tindakan mahkamah, itu belum berkuasa lagi. Sekarang dia jadi pembangkang dia ambil tindakan mahkamah menakut-nakutkan akhbar semua. Itu belum berkuasa lagi. Kalau dia berkuasa bagaimana? Dia akan haramkan semua surat khabar. Dia akan menekan wartawan-wartawan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat saya minta penjelasan lagi. Saya minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Dia adalah anak kelahiran *wedlock* kepada *Singapore*. *So* dia contoh. Contoh yang dia ambil itulah dia. Apa kita hendak hairan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan bangunlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Fitnah, dusta. *Free debate macam ni*…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tadi Menteri sudah cakap. *[Menyampuk].*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Fitnah dan dusta.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya rasa…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan fitnah dan dusta.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: .. bukan gaji saya yang patut dipotong. Sebaliknya gaji yang patut dipotong ialah gaji Ipoh Timur. *[Dewan Riuh] [Tepuk]* Ini kerana dia telah dilihat oleh rakyat, telah gagal menjalankan tugasnya sebagai Ketua Pembangkang yang berwibawa, bersih dan berkualiti. *[Dewan riuh].* Bukan itu sahaja, tetapi dia telah merosakkan imej partinya dengan menyertai…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Merosakkan dengan teruk.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: .. dengan menyertai perarakan dan tunjuk perasaan haram yang dianjurkan oleh yang dikatakan yang sebenarnya kotor yang tidak disertai oleh orang-orang Cina dan tidak disertai oleh penyokong-penyokongnya sendiri. Dia sendiri keseorangan kita lihat. Kalau orang menyokong orang dia telah menakut-nakutkan orang-orang Cina, telah menimbulkan rasa keluh resah di kalangan masyarakat Cina tapi dia syok sendiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini contoh apa…

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Kita…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Diamlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *A liar…*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat…

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin*: [Menyampuk].*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun][Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *A liar…. [Menyampuk]. You understand that word. You are liar.*

Beberapa Ahli: *[Bangun][Dewan riuh].*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Menyampuk].*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat…Yang Berhormat…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Tidak menggunakan pembesar suara].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak adil.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan tidak adil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semasa Yang Berhormat diberi peluang berucap, Yang Berhormat…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You must aspect a respond. You don't tell lies.*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: *You don't have no…*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *If you want to tell lie, you don't take the respond.*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: *[Tidak menggunakan pembesar suara].*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Tidak menggunakan pembesar suara].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat Ipoh Timur duduk. Yang Berhormat Ipoh Timur…

Beberapa Ahli: *[Bangun][Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timur, sila duduk. Duduk… Duduk… Duduk… Yang Berhormat… Yang Berhormat duduk. *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun].*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun].*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *No freedom…*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Tidak menggunakan Pembesar suara].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat…Yang Berhormat sekarang bukan masa untuk yang berucap. Yang Berhormat…Yang Berhormat… Yang Berhormat bukan *you*…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Tidak menggunakan pembesar suara].*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: *[Tidak menggunakan pembesar suara].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun].*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk].*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *It's so upset. Looking around. You are liar. [Dewan riuh]. [Beberapa Ahli bangun].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Tidak menggunakan pembesar suara].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk].*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk].*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk].*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk].*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat…

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: *You see your* Ketua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun].*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: *You see your* Ketua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun].*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi. Menteri tak bagi Ipoh Timur laluan kenapa dia bangun?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Menyampuk].*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Bangun].*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau dia …lebih baik suruh dia keluarlah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya minta siapa-siapa, semua Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya Menteri tidak berikan laluan, saya minta patuhi peraturan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Ya saya minta…

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi kita ikut tetapi di sana nun, degil sangat pasal apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta. Saya minta.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Yang Berhormat, semasa Yang Berhormat berucap, siapa hendak bangun perlu mendapatkan laluan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Ya, sekarang terpaksa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia punya telinga sudah merahlah Tuan Pengerusi. Dia tak boleh tahanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tak boleh tahanlah Menteri kita jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya minta izinlah saya hendak bercakap. Bukan, Yang Berhormat berilah peluang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]. [Tidak menggunakan pembesar suara].*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat telah mengadakan tunjuk perasaan bersama-sama orang yang telah diketahui mempunyai rekod rasuah. Yang Berhormat mengadakan tunjuk perasaan bersama-sama dengan golongan 'Taliban', golongan *extremist.* Itu imej yang telah menakutkan orang-orang Cina. Yang Berhormat menempah maut dalam pilihan raya akan datang sebab orang-orang Cina tidak suka. *[Dewan riuh] [Tepuk]* Orang Cina benci melihat perarakan itu. Telah mengganggu masyarakat perniagaan di Kuala Lumpur. Tapi Yang Berhormat tidak sedar. Tapi biarkanlah si luncai pergi…

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Duduklah. Biarkan si luncai terjun dengan labu-labunya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan beri jalan. Yang Berhormat jangan beri jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak minta penjelasan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya tak bagi. Duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak bagi. Ini demokrasi ke?

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat, Yang Berhormat takut dengan saya. Dulu saya sebagai Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat halau saya balik ke Dewan Negara. Saya masih ingat lagi Yang Berhormat halau saya ke Dewan Negara. *[Dewan riuh].* Sebenarnya, *you all political coward. You are political coward.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Eh, tak payah, tak payah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Jangan beri peluang Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. *[Dewan riuh].*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat, dia juga, Yang Berhormat dari Ipoh Timur juga telah…

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa kena mengena dengan *press freedom?*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat daripada Ipoh Timur juga telah menyokong Hindraf. Siapa Hindraf? Sebuah pertubuhan yang menjalankan tindakan untuk *sabotage* ekonomi Malaysia. Dia mencabar kedaulatan raja-raja yang tentunya disenangi oleh saudara daripada Ipoh Timur. Dia juga telah menghina orang-orang Islam di negara ini. Ini tentulah Yang Berhormat sokong, tak apa. Saya biarkan perkara-perkara ini supaya orang lebih mengenali sebab…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of Order*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: *No, no*. Saya…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat jangan beri laluan. Jangan beri laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of Order*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Hindraf adalah persatuan yang…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of Order*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat…

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Faham tak, peraturan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak ada hormat, tak faham?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada hormat *Point of Order,* tidak faham!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *36(6) No members shall impute improper motives to any other member.[Dewan riuh]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cakap tidak serupa bikin, tadi ...sudahlah!

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Samalah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Haiya!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *...alasan, mana boleh tak bagi alasan.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *Yang Berhormat duduk, duduk!*

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat kata bahawa saya tidak hormat raja-raja. Kedua, bahawa saya senang orang Islam dihinakan. Ini semua fitnah dan dusta, semua tidak betul dan tuduhan yang ini tidak boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sudahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Takutlah, takut. Sudah takutlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mintak dia tarik balik, tarik balik!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia sudah takutlah. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk, duduk. Yang Berhormat, cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya minta dia tarik balik!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup! Duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana kita lebih...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau kita tidak setia kepada raja-raja, kita setia kepada ... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita tak benarkan orang buat tuduhan yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tarik balik, tarik balik!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, duduk. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tak boleh buat tuduhan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi juga buat tuduhan terhadap menteri juga. Cukup, cukup! Cukup Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tarik balik, tarik balik! Oleh kerana inilah keputusan memfitnah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak sama, tak sama!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Menteri penakut!

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Cara Yang Berhormat memerintah saya macam diktator! *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ipoh Timur diktator!

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Itu belum jadi Perdana Menteri lagi.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tarik balik, tarik balik!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Biar saya jelaskan, Hindraf telah membelakangkan raja-raja dan pergi kepada Ratu Elizabeth untuk meminta, menyampaikan segala rayuannya. Kenapa raja dibelakangkan? Yang Berhormat menyokong Hindraf.

Beberapa Ahli: Ya! *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat sokong Hindraf, saya tidak akan tarik balik! Tidak, saya tidak akan tarik balik!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini pandai memutarbelitkan, tiba-tiba dia *journalist.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia sudah takut!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah terangkan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Is a terrible journalist*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *No, we cannot be allowed!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Menteri jawablah, menteri jawab terus.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri jawab, teruskan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Menteri, jawab ajalah. *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri jawab teruslah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dari mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Bukit Mertajam duduklah Yang Berhormat Menteri jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Cannot!*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya hendak baca lagi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *You* ada bebas tetapi bukan bebas untuk membuat tohmahan!

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: ...apa yang dikatakan oleh ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of Order!*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Laporan yang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya berdiri atas *Point of Order!*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: ... ini disiarkan oleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apabila saya berdiri atas *Point of Order,* Yang Berhormat Menteri boleh duduk.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Apa yang dikatakan oleh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Seharusnya duduk!

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Apa yang dikatakan oleh *lawyer*...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No, no he cannot*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *...be allow to do like that.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...tadi Yang Berhormat bangun atas Peraturan Mesyuarat ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sekarang saya berdiri lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...dan apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya bersetuju! Saya menerima cadangan. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bersetuju apa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa Yang Berhormat Tuan Pengerusi setuju?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah terangkan..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa yang setuju?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bersetuju apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...apa sebab dia sebutkan perkara itu.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh Timur itu *lesson number one*, duduk!

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...pendirian. MCA sokong UMNO kita faham, MCA sokong UMNO siapa hairan? Tidak hairankah?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Speaker *double standard.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *MCA is a slave of UMNO!* Siapa hairan? Tidak hairan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri telah terangkan apa sebab dia bangkitkan perkara ini, cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya berdiri atas 36(6).

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat itu sudah selesai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak! Ini atas perkara baru.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk] Like this!*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah Ipoh Timur duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Dewan *has be use are carrying lies*...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya berdiri atas 36(6) atas perkara yang baru.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya telah membuat keputusan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, tidak boleh masuk pandangan dan pendirian MCA dalam sini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduklah, duduklah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana boleh buat anggapan begitu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak boleh! Mana boleh sokong. Sokong itu pendirian UMNO!

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Telah Yang Berhormat Menteri terangkan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terangkan apa? Terang apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ..lepas terangkan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamad! Gunakan Peraturan Tuan Pengerusi!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...tapi atas *new Point of Order...*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Gunakan peraturan Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *New point of order*…

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini punya apa degil Ipoh Timur, Keputusan Tuan Pengerusi muktamad!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of Order,* panggil dia duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri duduk. Okey yang mana satu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya nak dia duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat duduk dulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...berdegil dengan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak pa, dia hendak bagi satu *Point of Order*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Duduk, duduk!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...ini orang tua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam keterangan Yang Berhormat Menteri kata bahawa saya ada sokong. Oleh kerana inilah tujuan Hindraf, tetapi ini tidak benar! Saya tidak pernah sokong Hindraf mengenai isu...*[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Tipu, tipu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...saya belum habis..

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Takutlah tu takut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Semua orang tahulah you sokong Hindraf...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat itu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...apa pasal takut?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...minta penjelasan lain isu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak minta penjelasan, *Point of Order. I'm going to have 36(6) I'm not in...* Saya tidak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 36(6) yang dibawa oleh Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Y*ou cannot jump the guide*..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...sudah diterangkan oleh menteri. Saya bersetuju...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bersetuju dengan yang lain *on a new Point of Order.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...dengan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I'm on a new Point of Order. No, no, you a disgrace, you are bigger disgrace…*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *…you are utter disgrace. Ok, on a new Point of Order.* Bahawa...

Beberapa Ahli: *Shouldn't be here.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *...you shouldn't be here, yes! You should be in a while back.*

Seorang Ahli: Oh!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa ni? Tengok. *Point of Order* ialah Yang Berhormat Menteri telah melanggar *Point of Order* buat sangkaan yang jahat, oleh kerana saya tidak pernah sokong Hindraf mengenai isu raja-raja, mengenai isu Islam. Apabila Yang Berhormat buat keterangan semacam itu, itulah *imputing improper motive.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Seorang Ahli: **I**kut peraturan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa itu?

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Apa yang saya cakap?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa yang saya melahirkan sini ialah perhimpunan 30,000 orang ialah *cry of desperation for the end of their injustice*! Bukan mengenai Hindraf menghantar surat kepada Queen Elizebath atau apa-apa dalam memorandum kepada Perdana Menteri. Itu jangan memutarbelitkan.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat, ok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...jangan melanggari *36(6) imputing improper motive.*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Bagi saya peluang untuk menjelaskan**.**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya bagi peluang tetapi jangan memutarbelitkan, jangan melanggar 36(6). Oleh kerana saya akan berdiri.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya akan menjelaskan satu perkara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You* jelaskan boleh.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Penjelasan mengenai tuduhan untuk menunjukkan betapa saudara Ipoh Timur ini telah membuat perkara-perkara yang tak benar yang berasaskan kepada hanya keterangan-keterangan di kaki lima, *rumors*, SMS. Tengok umpamanya macam mengenai kata kita buang orang ini, ini perkara betul-betul perkara pembohongan yang paling besar.

Biar saya baca ini, tindakan telah diambil sebelum lagi Hindraf ini. Dia ini melibatkan dua orang artis berjadual yang berkhidmat sebagai DJ di Stesen Radio Minnal.Fm. Butiran adalah seperti yang berikut Encik Jamuna AP, patutnya saya tidak layan benda ini semua benda remeh temeh dalam pejabat tetapi... artis berjadual Gred B27, kemudian Encik Dayalan Syaramugam artis berjadual. Kontrak perkhidmatan mereka sebagai pekerja bakat dan seni, kedua-dua penama tersebut bermula pada 1 Disember 2006 dan tamat tempohnya pada 30 November 2007. Pihak pengurusan tertinggi RTM telah membuat keputusan untuk tidak melanjutkan tempoh kontrak kedua-dua mereka melalui surat Bilangan 7 dan 11 dalam RTM AB46...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi Ipoh Timur bohong!

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Bertarikh 27 November 2007 berasaskan perakuan daripada pegawai Minnal.FM, Encik Raja Sikaran. Pihak pegawai Minnal.FM Encik Raja Sikaran telah mengemukakan sebuah laporan melalui surat Bilangan 343 dalam RTM/MFM/SM/2007 bertarikh 29 Oktober 2007 yang memperakukan supaya tempoh perkhidmatan kedua-dua artis berjadual tersebut tidak dilanjutkan atas sebab-sebab seperti prestasi kerja yang kurang memuaskan, ingkar perintah dalam melaksanakan arahan - ini bukan orang Melayu buat ni, ini ketua Minnal.FM Encik Raja Sikaran. Kemudian, melanggar peraturan dan garis panduan yang ditetapkan dan masalah disiplin.

Menurut laporan tersebut kedua-dua artis berjadual tersebut telah didapati melakukan kesalahan-kesalahan seperti berikut semasa melaksanakan tugas. Encik Jamuna tidak membaca laporan pasaran saham pada 6 - 9 November 2007 jam 1.30 tengah hari. Surat bertarikh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagi?

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya habiskan ini sudah, tidak payah yang lain-lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah Yang Berhormat Menteri. Pasal apa, apa yang dihujahkan oleh Ipoh Timur itu bohong. Tidak payah lagi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya hendak beri keterangan ini. Saya hendak buktikan betapa ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, dalam keadaan benar Yang Berhormat Ipoh Timur bohong, habis kisah.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Ya, dari semasa ke semasa untuk membuktikan bahawa mereka membawa perkara-perkara karut dalam Parlimen. Kemudian tidak mengendalikan proses *editing* rancangan khas yang sepatutnya 48 jam sebelum siaran.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau kerja dengan saya pun, saya buanglah Yang Berhormat.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Kemudian menggunakan telefon 'konti' untuk panggilan peribadi ke luar negara. Hendak bil? *You want the bill also, I can give the bill. [Dewan gamat]*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Kemudian, ya ada, ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Maknanya Yang Berhormat Menteri, apa yang dikatakan oleh Ipoh Timur segala-galanya memesongkan Dewan dan bohong dengan itu tidak payahlah Yang Berhormat Menteri jawab semua sekali. Kita undi sajalah Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri Penerangan dalam keadaan yang betul dan benar, habis kisah. Yang Berhormat Ipoh Timur salah, kita undi saja Tuan Pengerusi tengok macam mana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Nanti saya gulung. Ini saja , tidak ada lain, selepas ini habis. Kemudian Encik Dayalan membuat *reporting* dan membuat di 'konti' pada 7 November 2007 sedangkan jadual bertugas ketika itu adalah jadual bertugas Cik Jamuna, tapi mereka ini *girlfriend, boyfriend.* Kita tukar. *[Dewan gamat]*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Kemudian ini bermakna Encik Dayalan telah melakukan tugas yang sepatutnya dilaksanakan oleh Cik Jamuna tapi oleh kerana "kekasih saya", tanpa kebenaran dan ini secara tidak langsung melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Malulah DAP. *[Dewan gamat]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, undilah, undilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Ipoh Timur, bungkus komputer itu, bungkus komputer.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini *one sided account, you have to verify*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Aiya, memesongkan Dewan ke?

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Saya tutup. Kemudian mereka berdua ini menjadikan hal mereka ini menjadikan peribadi, dihasut lima orang lagi. Maka telah dihantar satu SMS termasuk barangkali Ipoh Timur pun terima.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak terima, saya tidak terima SMS itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Barangkali, barangkali, *probably.* Mungkin terima. *[Dewan gamat]*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Ini saya baca...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima atau tidak terima itu satu kenyataan. *I have said no, means no.*

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Okey, tidak apa. Saya terima. SMS ini cukup bahaya Tuan Pengerusi. Dia bagi SMS ini, banyak SMS di tanah air kita ini, sebab itu kadang-kadang kita terpaksa sekat sikit. Susulan daripada itu SMS telah disebarkan yang mana puncanya masih dalam siasatan pihak polis. Raja Sekaran telah melaporkan kepada pihak polis bahawa dia telah diugut untuk dibunuh.

SMSnya berbunyi begini, "Ketua Minnal FM Raja Sekaran telah mengambil tindakan terhadap lima orang juruhebah yang menyokong bangsa kita melalui Hindraf. Dia juga beritahu kepada Menteri Penerangan bahawa masyarakat India tidak tahu berfikir secara logik. Kita perlu memberi ajaran kepada Raja Sekaran. Sila kumpul di Angkasapuri pada 3 Disember pada pukul lapan pagi". Semalam. Jadi pihak kita pun tengok dan adalah pihak keselamatan yang ramai di depan itu. Saya kata buat apa lima, enam orang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri ingin sambung ucapan besok?

Datuk Seri Zainuddin bin Maidin: Okey habis. Saya tamatkan. Saya tamatkan SMS ini yang berbunyi "Kita perlu menjaga maruah bangsa kita, tolong

sebarkan sekurang-kurang 10 orang, orang seperti ini adalah penderhaka bangsa kita, kita perlu tolong juruhebah itu". Inilah orang yang disokong oleh Ipoh Timur. Sekian, terima kasih. *[Dewan gamat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua dia. Yang Berhormat sila diam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada Butiran 10000 emolumen iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Penerangan sebanyak RM10 di bawah Maksud Bekalan B.47, Butiran 10000 emolumen hendaklah disetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apalah Ipoh Timur tuduh orang tidak betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, kita kena tangguhkan Mesyuarat jadi Dewan bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Buang masa sajalah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tolong orang, tipu orang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buang masa satu jamlah Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.35 malam.